



**DEWAN NEGARA
LAPORAN PENYATA RASMI
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 21

Khamis

12 Disember 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman 38)
USUL : Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 49)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang (Dilantik)
5. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
6. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
9. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
11. “ Dato' Chai Kim Sen (LS)
12. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
13. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
14. “ Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
15. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
16. “ Datuk Haji Husam bin Musa
17. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (LS)
18. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
19. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim (Dilantik)
20. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
21. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. “ Tuan Kamarudin bin Abdun [Perlis]
23. “ **Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)**
24. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
25. “ Datuk Lee Tian Sing (Lantikan baharu)
26. “ Tuan Liew Chin Tong- *Timbalan Menteri Pertahanan*
27. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
28. “ Datuk Lim Pay Hen (Lantikan baharu)
29. “ Tuan Manolan bin Mohamad (Dilantik)
30. “ Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya- *Timbalan Menteri Luar Negeri*
31. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim (Dilantik)
32. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
33. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
34. “ Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin- *Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi*
35. “ Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

36. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
37. “ Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
38. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
39. “ Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
40. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
41. “ Dr. Nuing Jeluing (Lantikan baharu)
42. “ Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh (Terengganu)
43. “ Datuk Paul Igai (Lantikan baharu)
44. “ Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
45. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
46. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. “ Puan Raj Munni binti Sabu (Dilantik)
48. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah-
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
49. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
51. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
52. “ Puan Sopiah binti Sharif (Dilantik)
53. “ Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
54. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
55. “ Datuk Theodore Douglas Lind (Dilantik)
56. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker (Pahang)
57. “ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy- *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*
58. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
59. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
60. “ Dato’ Zahari bin Sarip (Johor)
61. “ Dato’ Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Negara

Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Ahmad Syahril bin Haji Sikar @ Haji Sika'ri

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juaraah

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 12 Disember 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa. *Alhamdulillah* syukur. Ahli-ahli Yang Berhormat hadir pagi ini, dan saya selalu mendoakan agar kesejahteraan dan keselamatan keluarga saya di dalam Dewan Negara ini.

Pada hari ini 12 Disember 2019, hari Khamis, kita bersidang untuk hari keempat, minggu pertama kita. Seperti saya katakan tadi, kasihnya saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat orang perjuangan iaitu bak kata pantun orang Melayu.

*Tumbuk cili sampai lumat;
Ambil garam bercampur lokan;
Umpama Nabi kasihkan umat;
Begitulah hamba kasihkan tuan... [Tepuk]*

Banyak pengalaman kita dapat, jagalah. Pujuk rayu orang pun jaga ya- Ahli Yang Berhormat orang yang matang untuk menghadapi segala-galanya ini.

*Mari dimakan sayur bendi;
Hidang di dalam piring kaca;
Jangan dipujuk, jangan dipuji;
Di dalam pujuk kita terkena.*

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak mulakan kita punya sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan, pertama sekali saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

1. **Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan, apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam membendung pembalakan haram, pembakaran terbuka dan pembangunan tanah yang tidak terkawal melalui sistem penginderaan jauh- *remote sensing*.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator.

Perkara-perkara yang berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana peruntukan di bawah Perkara 74(2), Perlembagaan Persekutuan. Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah dalam memberi khidmat nasihat teknikal mengenai pengurusan dan pembangunan, menjalankan penyelidikan dan latihan berkaitan perhutanan kepada kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam membendung pembalakan haram. Dalam konteks ini, JPSM dengan kerjasama agensi Angkasa Malaysia telah membangunkan sebuah sistem pemantauan hutan dengan menggunakan teknologi *remote sensing* yang dikenali sebagai *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS). Sistem ini telah pun diguna pakai di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sejak tahun 2012.

Selain daripada itu, JPSM juga telah menggunakan Sistem *e-Geospatial* Perhutanan (EGP) yang menggunakan imej daripada sumber terbuka sebagai rujukan kedua bagi mengesan pembalakan haram.

Bagi aktiviti pembakaran pula, JPSM telah bekerjasama dengan Jabatan Metrologi Malaysia (MET) yang membekalkan sistem *Forest Fire Detector Risk System* (FDRS) bagi pemantauan pembakaran terbuka di dalam kawasan hutan simpan kekal. Dengan bantuan penggunaan sistem-sistem yang disediakan ini, penentuan lokasi kejadian pembalakan haram dan kebakaran hutan dapat dikenal pasti dengan lebih tepat dan berkesan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri. Terima kasih.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih atas jawapan tersebut yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sahabat saya. Saya ada beberapa soalan berkenaan dengan perkara ini. Oleh sebab jawapan yang diberikan lebih kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian juga akan dapat membantu Kerajaan Negeri Sabah dan juga Sarawak, khasnya untuk memberikan data-

data *geospatial* ini ataupun *remote sensing* untuk kegunaan pemantauan hutan-hutan di Sabah dan Sarawak. Oleh sebab baru-baru ini kebanyakan kebakaran hutan itu berlaku di Sarawak dan menyebabkan jerebu yang teruk. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah pihak kementerian juga akan membantu dalam aspek pemantauan ini untuk hutan di Sabah Sarawak.

■1010

Kemudian di Universiti Malaysia Sabah mempunyai satu unit *remote sensing*- GIS, di sana. Adakah kementerian boleh membantu unit GIS ataupun *remote sensing* di UMS ini untuk mendapatkan data-data ini, sebab data ini juga perlu dibeli dan perlu kos yang tinggi. Jadi, untuk membolehkan pemantauan hutan dan juga pembangunan tanah di Sabah itu dapat dijalankan dengan lebih baik saya rasa, UMS juga harus mempunyai akses terhadap data-data tersebut. Sekian, terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sememangnya kalau ikut di sini, sistem yang kita guna pakai adalah *online*. Bermakna maklumat yang ada di pihak Federal ia akan terus kepada setiap negeri. *Even* atau dengan kata lain, boleh menggunakan *handphone* tetapi kepada yang tertentu sahajalah- melalui akses. Jadi, sebenarnya tidak ada masalah maklumat itu boleh diterima secara *online* ataupun secara mudah, bukannya susah.

Soalan yang kedua, berkenaan dengan UMS. Pihak kementerian tidak ada masalah, boleh bekerjasama demi untuk mendapatkan maklumat-maklumat ataupun kerjasama untuk menaiktarafkan keadaan data-data, ataupun untuk membendung sama ada pembalakan haram ataupun *hotspot*- kawasan pembakaran di Sabah ataupun di Sarawak. Terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya berkaitan dengan catuan tebaran hutan simpan kekal. Setakat RMK-11 ini, mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan statistik had tebaran yang telah dilakukan oleh seluruh negeri, dan berapa negeri kah yang telah berjaya mengekalkan persijilan MS ISO 9001-2008? Sekian, terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Maklumat itu saya bagi dalam bentuk bertulis sebab tidak ada dengan saya sekarang.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya, apakah jaminan yang akan diberi oleh kementerian bahawa tidak akan berlaku lagi aktiviti pencerobohan hutan secara haram, selepas pindaan Akta Perhutanan

1984 dilaksanakan, serta adakah kementerian berhasrat untuk menambah lebih ramai lagi renjer Hutan supaya penguatkuasaan akta ini akan dapat dilaksanakan dengan baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti mana yang saya maklumkan tadi, saya baca semula ya. Perkara-peraka berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana peruntukan di bawah Perkara 74(2), Perlembagaan Persekutuan. Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) adalah memberi khidmat nasihat teknikal mengenai pengurusan dan pembangunan menjalankan penyelidikan dan latihan berkenaan perhutanan kepada kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian telah membuat RUU baharu- *insya-Allah* akan dibentangkan pada tahun hadapan bertujuan pindaan Akta Perhutanan Negara bagi mendapatkan sedikit kuasa ataupun kerjasama, di mana sekarang Kerajaan Pusat tidak ada kuasa untuk menangkap ataupun untuk menghalang pembalok-pembalok haram ini kerana bidang kuasa di bawah- ataupun *enforcement* di bawah Kerajaan Negeri.

Di sini saya ingin menyatakan sedikit maklumat-maklumat berkenaan dengan RUU Perhutanan yang akan dibawa ke tahun hadapan.

- (i) untuk memperketat proses pewartaan keluar dan penggantian hutan simpan kekal;
- (ii) memantapkan penguatkuasaan hutan bagi membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran;
- (iii) untuk meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan kegiatan di hutan yang merosakkan alam sekitar;
- (iv) untuk mengatasi isu kekaburan dan kuasa yang tidak jelas dan
- (v) untuk menambah baik jadual dan borang yang terdapat dalam akta bagi memantapkan pengurusan dan penguatkuasaan perhutanan.

Saya harap, mungkin kalau tahun hadapan kita harap semua Senator dapat mempersetujui cadangan pindaan ini. Terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya pergi ke Raub, dan saya dapati banyak kawasan hutan yang belakang itu telah dicerobohi untuk tanaman durian musang king yang nampak berleluasa yang jadi punca banjir di kawasan Raub. Minta pandangan Yang Berhormat.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Ya, saya bersetuju apa yang Yang Berhormat Senator beritahu itu, di kawasan saya [*Ketawa*]

Sebenarnya apa yang saya maklumkan tadi, ia sebenarnya adalah kerjasama antara semua pihak termasuk Kerajaan Pusat sendiri. Akan tetapi yang melibatkan penanaman durian di kawasan tersebut kebanyakannya adalah pertanian, dan juga mereka tidak menjaga sungai-sungai yang ada, di mana semua *buffer zone*, dengan izin, ataupun zon penampungan sungai habis di mana apabila berlaku hujan lebat, *heavy rains* semua lumpur-lumpur di tanah tersebut masuk ke dalam sungai. Jadi, ia menyebabkan air ataupun minuman air bersih di Parlimen Raub pun terganggu.

Jadi, sebenarnya ia adalah kerjasama- bukan hanya Kerajaan Negeri tetapi melibatkan beberapa agensi-agensi yang lain termasuk juga Jabatan Pertanian sebab ini adalah satu industri yang besar- kalau tidak silap saya, tidak kurang daripada 1,000 hektar yang telah ditebang. Jadi, jabatan lain juga perlu terlibat sama, bukan di bawah jabatan kami sahaja. Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, boleh satu? Sini, sini. Boleh ya. Terima kasih. Akhirnya [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat adalah Menteri sahabat saya, saya memang tertarik dengan soalan ini- membendung pembalakan haram ini. Memang kita tahu kuasa Kerajaan Negeri berkenaan hutan dan juga tanah. Akan tetapi baru-baru ini kalau kita tengok Pengarah SPRM- saya terbaca bahawa SPRM akan mengambil tindakan tegas terutama kepada pembalakan haram ini. Ada pembalakan ini sebenarnya ada *license*, dan yang haram ini apabila pembalakan ini membuat pembalakan di luar kawasan yang dibenarkan. Jadi, itu lah haram akhirnya.

Jadi, saya tengok di sini ada elemen rasuah sebenarnya. Kenapa pembalakan ini berani membalakan di luar kawasan yang dibenarkan. Apabila Pengarah SPRM nampaknya serius untuk mengambil tindakan ini, saya rasa kementerian boleh bekerjasama dengan SPRM, dan adakah ini langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Persekutuan di mana kita tidak ada kuasa di atas tanah dan juga hutan tersebut. Terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Saya bersetuju apa yang Yang Berhormat Senator sebutkan tadi. Cuma saya hendak sebutkan di sini semula ya. Pihak Kerajaan Pusat memang ada menyediakan *Forest Monitoring Using Remote Sensing* di mana sistem ini sebenarnya adalah sistem yang bagus. Dalam masa empat hari, satu kawasan yang diambil daripada satelit, ia boleh dapatkan yang terbaru. Kalau ada kerjasama daripada Kerajaan Negeri contohnya- katakan hari pertama untuk mereka masuk hutan untuk tebang kawasan balak, kita sudah ada satu gambar imej yang pertama, kawasan mana yang hendak ditebang. Sekiranya ada pembalakan haram, mungkin selepas empat hari kita boleh *detect* melalui sistem ini sebenarnya.

Jadi, tiada masalah daripada Kerajaan Pusat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Negeri lebih peka untuk mendapatkan maklumat, kita boleh salurkan maklumat ini. Akan tetapi tindakan buat masa ini memang hanya tindakan Kerajaan Negeri- segi *enforcement*, bukan Pusat. Kita harap sangat sekiranya RUU Perhutanan ini akan dibentangkan tahun hadapan, dan mendapat sokongan daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Terima kasih.

■1020

2. **Datuk John Ambrose** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, usaha-usaha kerajaan mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM2020) di peringkat antarabangsa dan bagaimana sektor swasta boleh menyumbang bagi menjayakan kempen TMM2020.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan lisan yang lain yang turut menyentuh isu yang sama berkenaan Tahun Melawat Malaysia 2020 iaitu pertama, pertanyaan nombor 36 oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop pada hari ini dan pada 18 Disember 2019.

Kedua, pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai pada 17 Disember 2019 serta pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu dan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung juga pada 19 Disember 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi di peringkat domestik mahupun antarabangsa dengan mengadakan kolaborasi bersama ejen pelancongan, syarikat penerbangan, pihak berkepentingan dan pengusaha industri berkaitan untuk menarik pelawat asing memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk percutian dan pelancongan bagi memastikan sasaran seramai 30 juta orang pelancong dan RM100 bilion jumlah pendapatan yang telah ditetapkan dapat dicapai. Di antara inisiatif yang telah dan sedang akan dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) menjalin hubungan yang baik dengan wakil-wakil media khususnya media antarabangsa yang telah dikenal pasti dengan memberikan maklumat terkini berkaitan produk dan program kemudahan dan perkhidmatan pelancongan ditawarkan oleh Malaysia;
- (ii) menyediakan kalendar acara ataupun *calendar of events*, dengan izin, yang merangkumi program pelancongan yang diadakan sepanjang tahun dengan memaksimumkan penggunaan teknologi digital, *Facebook*, *Instagram*, sosial media yang lain dan ia akan diedarkan ke agensi pelancongan, pengusaha

- hotel, syarikat penerbangan domestik dan antarabangsa, badan pelancongan negeri dan pejabat *Tourism Malaysia* dalam dan luar negeri;
- (iii) melalui penyertaan di pameran pelancongan utama di peringkat domestik dan antarabangsa seperti *MATTA Fair*, *MITA Tourism Fair*, *International Tourism Board*, *ITB Berlin* dan *World Travel Market London* (WTM London), *South Asia Travel and Tourism Exhibition* (SATTE) di New Delhi dan *Arabian Travel Market Dubai*, *China International Travel Mart* (CITM) di Shanghai, *Tourism EXPO Japan* (JATATokyo), *Thai International Travel Fair* (TITF), Uzbekistan dan lain-lain pameran pelancongan yang berkaitan;
 - (iv) pelaksanaan program *mega fam* ataupun lawatan suai kenal dengan mempelawa khususnya pengusaha pelancongan antarabangsa melawat dan merasai sendiri pengalaman produk pelancongan yang dikenal pasti di Malaysia;
 - (v) mengadakan misi jualan dan pemasaran dengan menyediakan landasan pertemuan di antara penggiat industri tempatan dan luar negara bagi menjalinkan hubungan dan kerjasama rapat dalam menjalankan usaha sama untuk mempertingkatkan industri pertumbuhan pelancongan negara;
 - (vi) bekerjasama dengan pihak pelancongan negeri dan penggiat industri pelancongan tempatan bagi membangunkan pakej-pakej pelancongan yang menarik untuk ditawarkan kepada pemain-pemain industri pelancongan antarabangsa khususnya; dan
 - (vii) peningkatan inisiatif program promosi dan pemasaran iaitu *Joint International Development Tourism Programme* (JIDTP) melalui perkongsian pintar dengan penggiat industri dalam membangunkan pakej pelancongan menarik dan menggalakkan lagi operasi penerbangan sewa khas iaitu *charter flight*, dengan izin, mempromosikan aktiviti membeli belah yang memberi tumpuan kepada pasaran pelancong mewah iaitu *high yield tourist* dan pelancongan minat khas iaitu *niche* seperti MICE, ekopelancongan, pelayaran, *building*, dengan izin, menyelam dan juga *wellness*.

Sumbangan sektor swasta dalam menjayakan kempen TMM2020, ini boleh dilakukan dalam pelbagai sudut seperti penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa dan unik untuk dipromosikan. Sehubungan itu, kerajaan telah pun memperkenalkan satu bentuk galakan baru

iaitu Geran Sempadan yang dikenali sebagai Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN) yang bertujuan untuk mempergiatkan program promosi dan pemasaran bagi meningkatkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia di samping merencanakan pelancongan domestik. Geran ini diselaraskan oleh *Tourism Malaysia* dan setakat ini sebanyak 310 permohonan kami terima dan jumlah RM1.5 juta telah pun diluluskan setakat ini.

Di samping itu, kementerian juga telah menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM60 juta di bawah program Geran Sempadan- *Matching Grant* yang dibuka untuk permohonan sebarang program ataupun acara pelancongan, kesenian dan kebudayaan bagi menarik lagi kehadiran pelancong antarabangsa dan pemberian Geran Sempadan ini adalah sebanyak RM100 ribu hingga RM3 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan Visit Malaysia 2020 ini, pelbagai acara pelancongan yang bersandarkan kepada perpaduan nasional pelbagai kaum dianjurkan dan dipromosikan melalui pelbagai medium dan telah pun dimasukkan dalam kalendar acara pelancongan negara seperti Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM), Citrawarna, Hari Kraf Kebangsaan, Festival Permainan Malaysia dan *Colours of Malaysia*.

Kementerian ini sememangnya menitikberatkan kerjasama dengan setiap negeri untuk bersama-sama menjayakan kempen VM2020 melalui mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan bersama dengan Exco-Exco pelancongan kerajaan negeri yang telah kita adakan dua kali iaitu 19 Mac dan 16 Oktober 2019 bagi membincangkan mengenai pelaksanaan dan strategi kerajaan dalam menjayakan misi nasional *Visit Malaysia 2020*.

Kerajaan negeri turut dilibatkan dalam beberapa siri *travel mart* antarabangsa. Bagi tujuan ini, kementerian juga telah pun mengerakkan jentera jaringan hubungan kerjasama bersama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensinya kerajaan dengan penglibatan kerajaan negeri terutamanya pihak berkuasa tempatan melalui penubuhan Jawatankuasa Kerja VM2020 dan enam jawatankuasa kecil yang beroperasi menggunakan platform sedia ada masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah yang telah diambil untuk mempromosikan Malaysia termasuk negeri Perak, khusus soalan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail di bawah skop *cultural tourism* dan *ecotourism* menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020 adalah seperti berikut:

- (i) menganjurkan acara-acara kebudayaan seperti Majlis Terbuka Malaysia Deepavali yang diadakan pada 16 November baru-baru ini di Dataran Bandaraya Ipoh dan Karnival Lenggong pada 12 hingga 13 Julai 2019 yang menentangakan persembahan kebudayaan dan permainan tradisional dan

lawatan media ke tapak-tapak sejarah warisan dunia UNESCO di Lenggong;
dan

- (ii) bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan negeri Perak seperti kerajaan negeri melalui agensi-agensi seperti *Tourism Perak*, Perbadanan Taman Negeri dan lain-lain dalam merancang aspek pembangunan fizikal dan bukan fizikal selaras dengan Dasar Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 dan Dasar Pelancongan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempromosikan kempen VM2020, kekangan utama yang dihadapi oleh kementerian ini ialah sumber peruntukan bagi tujuan promosi dan pengiklanan yang diterima adalah berkurangan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Kekurangan sumber peruntukan telah menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan aktiviti kempen pengiklanan global secara agresif dan berterusan.

Di samping itu, kos pengiklanan di platform digital dan media antarabangsa yang tinggi berbanding peruntukan yang tidak mencukupi serta faktor penyusutan nilai Ringgit Malaysia berbanding US Dollar telah pun mengehadkan lagi perancangan kementerian untuk mempelbagaikan medium pengiklanan global mahupun meningkatkan *visibility* kempen VM2020 di mata dunia.

Sempena kempen VM2020 yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 22 Julai 2019, kementerian menyeru penglibatan sepenuhnya daripada pemain-pemain industri pelancongan, syarikat-syarikat korporat dan seluruh rakyat Malaysia secara amnya dalam menjayakan VM2020 seperti mana saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menjadikan VM2020 sebagai agenda nasional. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang nampak banyak usaha dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Cuma satu sahaja lagilah, bolehkan nyatakan, apakah usaha pihak kementerian dalam mempertingkatkan imej atau landskap dalam usaha memperindah tempat-tempat yang digemari pelancong di negara ini terutamanya di Ibu Negara Kuala Lumpur sebaiknya.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator. Soalannya tentang bagaimana kita hendak mempromosikan tempat-tempat yang menarik di luar Kuala Lumpur ya, betul ya?

■1030

Datuk John Ambrose: *I mean, you upgrade your-* mempertingkatkan imej atau landskap.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Okey, mempertingkatkan imej atau landskap. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti yang saya maklumkan awal tadi bahawa fokus utama untuk kempen *Visit Malaysia 2020* ialah pelancongan budaya dan juga pelancongan *ecotourism*. Di mana kedua-dua fokus ini adalah kita dapat mengetengahkan beberapa produk pelancongan yang berasaskan komuniti ataupun *community based tourism or rural based tourism*. Kita bawa tempat-tempat yang tidak pernah dilawati sebelum ini.

Kalau orang kenal *diving* hanya cuma di Sipadan dan di Pulau Perhentian tetapi sebenarnya kita ada lebih daripada 10 tempat untuk *diving*, dengan izin, tempat untuk menyelam. Begitu juga dengan beberapa *caving*. Kita banyak *cave* yang boleh dilawati. Inilah apa yang kita bawa, kerajaan-kerajaan negeri, produk-produk pelancongan, ejen-ejen pelancongan. Apabila kita pergi ke luar negara seperti Program ITB, *World Travel Mart*- kita bawa kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi pelancongan untuk kita mengetengahkan produk-produk yang jarang diketemui atau jarang kita dengar di negara kita.

Saya rasa dari segi imej Malaysia di luar negara tentang pelancongan. Kita adalah antara negara yang selalu mendapat pengiktirafan beberapa agensi luar negara. Umpamanya *Mastercard* telah pun dalam 2019 telah mengatakan bahawa Kuala Lumpur merupakan bandar keenam tertinggi dari segi jumlah lawatan pelancong asing ke bandar-bandar, *of course* Bangkok adalah yang pertama. Ini menunjukkan bahawa kita walaupun- adalah beberapa imej yang cuba dinegatifkan oleh pihak luar tapi kita masih mendapat dari segi *visibility* negara, imej negara masih tinggi.

Baru-baru saya pun telah mendengar beberapa data daripada syarikat-syarikat OTA, *digital technology, digital marketing company* menyatakan bahawa- saya *check* jikalau ada apa-apa reaksi negatif terhadap kita apabila kita diturunkan taraf *aviation industry* kita diturunkan daripada kategori satu ke kategori dua. Saya dapati bahawa *search* untuk Malaysia ataupun apabila *Google search*- mana-mana daripada OTA ini sebenarnya meningkat daripada US. Itu menunjukkan bahawa kita rasa di sebalik tanggapan negatif terhadap negara tapi kita masih lagi menerima banyak lagi permintaan dan *inquiry* tentang negara kita Malaysia. Saya rasa itu sahaja jawapan saya.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Timbalan Menteri nampak panjang dan saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih. Cuma satu yang Timbalan Menteri masih lagi tidak menyebut tentang pasaran pelancongan Muslim, patuh syariah.

Kita lihat pada hari ini pasaran pelancongan Muslim menjadi salah satu industri yang pesat membangun dalam dunia pelancongan kini. Pada tahun 2015, dianggarkan lebih 117 juta pelancong Muslim antarabangsa dan dijangka meningkat sehingga 168 juta pada tahun 2020. Jadi soalan saya sejauh manakah kesediaan industri pelancongan Malaysia ke arah pelaksanaan pematuan syariah pelancong? Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya. Soalan yang baik tentang pelancongan Muslim. Sebenarnya pelancongan Muslim juga telah meningkat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Jadi negara-negara yang bukan Muslim seperti Taiwan, Korea dan Jepun, secara agresif mempromosikan negara mereka walaupun mereka itu negara bukan Islam. Ini kerana mereka melihat potensi pelancong dari negara-negara Islam.

Sebenarnya saya sebut, *I think* dalam soalan Dewan Rakyat baru-baru ini bahawa *Crescent International* bersama *Mastercard* mengatakan bahawa Malaysia merupakan *top country* untuk *Muslim friendly travel*. Malaysia merupakan satu negara yang *top*. Menunjukkan bahawa Malaysia ini dari segi untuk pelancong negara Islam merupakan destinasi pilihan dan kita lihat sendiri pada bulan enam dan bulan lapan apabila negara Timur Tengah cuaca panas-kebanyakan mereka datang ke negara kita untuk bercuti dan mereka bercuti dengan panjang. Mereka duduk *average length of stay* untuk negara seperti Saudi ialah seperti 10.7 malam mereka duduk. Mereka adalah yang tertinggi, Saudi ini.

Jadi kita lihat bahawa potensi daripada negara Islam memang tinggi dan kita juga bekerjasama dengan UIA dalam menentukan *tourist guide* yang *Syariah compliance*. Kita bekerjasama dengan UIA dengan agensi di bawah Kementerian Pelancongan iaitu *Islamic Tourism Center*- kita *come out* dalam memberi sijil kepada pelancong-pelancong *Muslim friendly*-pelancong, dan juga kita juga bekerjasama dengan mereka daripada segi menentukan standard untuk *Syariah compliance* hotel dan *resort*. INHARD yang diketuai oleh Profesor Hamzah di UIA, mereka juga agresif daripada segi menentukan standard-standard untuk produk-produk pelancongan yang lain.

Jadi kita memang melihat potensi pelancongan daripada negara-negara Islam dan kita merupakan destinasi pilihan dan kita akan terus bekerjasama dengan beberapa agensi untuk memastikan bahawa kita sentiasa berada di tangga teratas dari segi destinasi pilihan negara-negara Islam. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana seperti mana Yang Berhormat

katakan tadi bahawa Kuala Lumpur jatuh nombor enam daripada *Mastercard studies*. Saya tengok *Bangkok* teratas, *Paris, London, Dubai, Singapore*, dan Kuala Lumpur. Kita mengatasi *New York, Istanbul, Tokyo* dan *Antalya* di Turki. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Pelancongan.

Malaysia juga dikategorikan nombor tiga sekarang ini di antara negara-negara Asia yang diminati pelancong- China, Thailand dan Malaysia. Tahniah juga saya ucapkan. Akan tetapi Yang Berhormat, bila saya tengok statistik angka-angka pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia agak menurun Yang Berhormat. Ini membimbangkan kerana *target* 30 juta ini takut tidak tercapai kerana pelancong daripada Singapura daripada 13 juta turun 10 juta sekarang, susut tiga juta. Indonesia juga susut.

China ini kita- baru-baru ini saya ke negara China dan ramai rakan-rakan *business circle* ini *complain* sebab masalah visa. Ada rakan-rakan yang berniaga di Malaysia ini, jadi bila dia datang ke Malaysia, dia pulang, dia hendak datang balik tengok dia punya pejabat tidak dibenarkan. Jadi mereka ini bercakap di antara mereka khususnya dari segi pelancongan, *travel agency* dan sebagainya.

Kalau ini yang membimbangkan Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang diambil? Apakah Kementerian Pelancongan dan Kementerian Dalam Negeri sudah menyelesaikan masalah ini? Kenapakah pelancong-pelancong Singapura susut begitu banyak? Tiga juta daripada dua tahun lepas sahaja, tiga juta. Pelancong-pelancong dari negara China juga yang kita mengharapkan begitu banyak sudah mula gelisah dengan keadaan kedudukan visa. Apakah kementerian akan berbincang dengan Kementerian Dalam Negeri supaya *Visa on Arrival* dibenarkan dengan begitu banyak supaya kita capai angka 30 juta ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya dari segi jumlah yang Yang Berhormat Senator sebutkan tadi, saya tidak pasti datang daripada mana tentang jumlah pelancong Singapura, 13 juta ke 10 juta. Sebenarnya daripada tahun 2017, 12 juta lebih kalau tidak silap saya, kalau saya ingat dan 2019 – 10 juta lebih.

■1040

Untuk Januari hingga September, sebenarnya pelancong Singapura ialah 7.868 juta. Pada tahun 2018, *period* yang sama, jangka masa yang sama Januari hingga September 2018, ia cuma 7.830 juta. Ada peningkatan 0.5 peratus. Sebenarnya pelancong Singapura pada bulan September menurun adalah kerana kita pada masa tersebut mengalami jerebu. Jadi, kalau tidak-

tidak ada jerebu, saya rasa pelancong dari Singapura merupakan pelancong yang- *I think* teratas daripada jumlah pelancong yang datang.

Kita pada tahun ini juga *target* ataupun sasarkan kenaikan daripada pelancong-pelancong Singapura. Kita lihat sekarang bahawa di Tambak Johor dan juga di *Second Link*, Kementerian Dalam Negeri telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan daripada Tambak. Kita juga melihat pertambahan dari segi *air mobility* dari Singapura, *instead of* mereka melalui jalan raya, mereka datang melalui pesawat, melalui *air* atau melalui penerbangan.

Ini menunjukkan bahawa Singapura merupakan satu negara yang kita sentiasa memastikan bahawa mereka datang ke negara kita. Pelancong-pelancong Singapura bukan hanya Singapura sahaja yang kita *target* sebenarnya. Di Singapura ada 2.5 juta ekspatriat yang tinggal dan bekerja di Singapura. Mereka ini jugalah antara jumlah pelancong yang kita *target* ataupun sasarkan untuk ke sini.

Manakala dari negara China, kita sebenarnya meningkat. Untuk Januari hingga September, negara China merupakan ketiga terbesar daripada Singapura, Indonesia dan China. Negara China setakat ini Januari hingga September, jumlah 2.413 juta berbanding dengan tahun yang sama sebanyak 2.28 juta. Peningkatan 5.7peratus untuk Januari hingga September. Kita juga telah pun menambah, apabila kita bertemu dan berbincang dengan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri bersetuju untuk menambah beberapa *entry point*.

Sejumlah enam *entry point* baharu termasuklah Terminal Feri Labuan, Langkawi dan Bukit Kayu Hitam. Ada beberapa tempat saya lupa ya, tetapi enam lokasi terbaru yang ditambah untuk *Visa on Arrival*. Kita tambah juga negara ketiga untuk *Visa on Arrival* itu selain daripada Singapura, Thailand, Indonesia, Kita tambah Brunei. Jadi, orang datang- ekspatriat yang bekerja di telaga minyak di Brunei, juga boleh datang melalui *Visa on Arrival* .

Jadi, kita telah pun mengambil beberapa langkah inisiatif untuk menambah pelancong-pelancong daripada negara-negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Negara Korea dan India merupakan antara negara yang tinggi dari segi jumlah pelancongan sekarang. Saya rasa untuk tahun ini kita boleh dapat lebih kurang 10 peratus tambahan daripada tahun 2018 dari pelancong Korea. Kita lihat dari segi data yang mengatakan bahawa minat orang Korea terhadap Malaysia bertambah dari segi jumlah *search* tentang Malaysia ini.

Jadi kita memang- Korea dan India juga merupakan destinasi yang *prime market* untuk pelancong kita. Jadi saya harap tahun- memang *target* 30 juta untuk tahun hadapan, kita sedaya-upaya mengadakan beberapa inisiatif-inisiatif lagi untuk menarik dan memastikan bahawa kita mencapai sasaran untuk tahun hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan baik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Aknan Ehtook.

3. Tuan Aknan Ehtook minta Menteri Pendidikan menyatakan, berapakah bilangan keciciran selepas Tingkatan 3 bagi masyarakat Siam/Thai berbanding jumlah keseluruhan keciciran pelajar nasional. Apakah tindakan yang diambil kementerian untuk mengurangkan jumlah ini dan seterusnya meminimumkan impak keciciran ini ke atas diri murid dan keluarga.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 November 2019, direkodkan 15 orang murid Tingkatan 3 masyarakat Siam ataupun Thai yang tidak meneruskan persekolahan menengah atas di sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan. Antara sebab mereka berhenti sekolah ialah bekerja, melanjutkan pelajaran ke institusi lain dan tidak berminat ke sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk memastikan semua murid yang menamatkan persekolahan di peringkat menengah rendah supaya meneruskan persekolahan di peringkat menengah atas. KPM menerusi Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah menubuhkan Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Murid dan melaksanakan Program Sifar Murid Cicir. Program ini bertujuan untuk mengenal pasti murid yang tidak meneruskan persekolahan di sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan. Program ini melibatkan semua murid yang tidak meneruskan persekolahan dan tidak hanya tertumpu kepada satu-satu kaum sahaja.

Selain itu, KPM juga telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu murid-murid yang berisiko untuk cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat Tingkatan 5 iaitu Garis Panduan Murid Berisiko Cicir (GPMBC) di sekolah. GPMBC ini telah dikuatkuasakan di semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan mulai bulan Jun 2018. Objektif GPMBC ini adalah untuk membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik.

Selain itu, GPMBC ini juga mempunyai objektif untuk memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak JPN, PPD dan sekolah secara berterusan. Selain itu, Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) telah disediakan sebagai panduan melaksanakan intervensi dalam menangani keciciran murid.

Di samping itu, lawatan ke rumah murid juga merupakan kaedah yang dilaksanakan oleh guru bimbingan dan kaunseling bersama-sama guru lain bagi memastikan murid hadir ke sekolah

dan kekal dalam sistem persekolahan dalam usaha meningkatkan disiplin dan pembangunan diri murid. Bagi menangani keciciran murid, usaha ini digiatkan lagi bagi mengenal pasti punca keciciran murid. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi jawapan yang lengkap tentang isu keciciran. Kita diberitakan tentang kajian untuk mewajibkan murid-murid ke sekolah sehingga umur 17 tahun.

Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah hasil ataupun dapatan awal kajian tersebut? Adakah kajian tersebut mengambil kira aspek latihan kemahiran di pelbagai institusi sebagai sebahagian daripada tempoh wajib yang ditetapkan itu? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Kita telah sediakan draf Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) Pendidikan Wajib 11 tahun kepada murid-murid bermula di sekolah rendah sehingga tamat sekolah menengah di peringkat SPM. Walau bagaimanapun, draf rang undang-undang tersebut hanya akan dibentangkan di Parlimen setelah Laporan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan selesai diteliti dan diambil kira oleh KPM.

Setakat ini, kita memang juga telah mengambil kira bahawa selepas sekolah menengah rendah, juga untuklah peringkat 16 tahun dan 17 tahun, kita jugalah mengambil kira bahawa *vocational training* sebagai salah satu opsyen atau satu pilihan untuk murid-murid. Ini kerana kita faham bahawa memang bukan semua murid ataupun pelajar berminat dari segi akademik. Jadi, bagaimana kita membekalkan mereka dengan latihan-latihan vokasional sebagai salah satu pilihan, juga memang diambil kira.

Saya harap bahawa usaha kita untuk mewajibkan membuat pendidikan wajib sampailah sekolah menengah ataupun sampai umur 17 tahun ini akan diberi, akan menerima sokongan daripada semua Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan, adakah keciciran pelajar ini termasuk juga pelajar yang dibuang sekolah? Keduanya, adakah pihak kerajaan mempunyai atau bercadang untuk mengadakan modul khusus ataupun sistem pembelajaran bagi pelajar yang dibuang sekolah?

Oleh sebab saya mendapat banyak mendapat aduan daripada pihak PIBG, pelajar yang dibuang sekolah ini, sekolah tidak mahu terima balik sebab mereka tidak mahu tanggung risiko

disiplin dan sebagainya. Jadi, macam mana kita hendak buat dengan pelajar-pelajar yang sudah dibuang ini? Sekian, terima kasih.

■1050

Puan Teo Nie Ching: Data yang saya bekalkan tadi memang termasuk mereka yang dibuang sekolah. Akan tetapi, apabila kita buat pendidikan secara wajib maksudnya walaupun mereka dibuang sekolah mereka berhak untuk balik ke sekolah. Jadi, sebab itu kita hendak buat sekarang ini pendidikan wajib adalah sampai umur 12 tahun sahaja.

Jadi untuk sekolah rendah, budak-budak yang dibuang sekolah mereka berhak untuk balik ke sekolah dan untuk mereka yang datang dari sekolah menengah kalau mereka berhasrat untuk balik ke sekolah, mereka boleh buat rayuan kepada sekolah. Kalau sekolah tertentu itu sekolah asal mereka tidak berhasrat untuk ambil balik, tidak apa. Kita akan menghubungi pegawai-pegawai kita di PPD supaya boleh membantu untuk mengenal pasti sekolah-sekolah yang bersesuaian.

Akan tetapi, KPM hendak tegaskan di sini bahawa pendidikan adalah untuk semua. Jadi, untuk budak-budak yang walaupun telah dibuang sekolah oleh sebab isu disiplin kalau mereka berhasrat untuk balik ke sekolah, kami akan bantu untuk mengenal pasti sekolah yang sesuai dan pastikan bahawa hak mereka untuk menerima pendidikan tidak dinafikan. Itu adalah komitmen KPM dan juga satu peringatan kepada semua sekolah-sekolah dan juga Guru Besar dan juga Pengetua kita. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ya, saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelbagai faktor telah diberikan untuk menjelaskan punca masalah keciciran pelajar. Antaranya, masalah keluarga, kesihatan, bekerja untuk menyara hidup, masalah pengangkutan dan sebagainya. Akan tetapi, ada satu lagi masalah yang kita kurang peka ataupun mungkin tidak diberi perhatian yang seharusnya iaitu kebimbangan guru-guru terhadap pelajar-pelajar dari sekolah jenis kebangsaan yang tidak fasih bahasa pengantara Bahasa Malaysia yakni Bahasa Kebangsaan. Di mana apabila mereka pergi ke kelas, mereka seakan-akan pergi ke kelas untuk menunaikan masa yang terpaksa dilaksanakan oleh sebab kehendak ibu dan keluarga dan sebagainya.

Jadi soalan saya, apakah kerajaan mempunyai program-program untuk mengatasi masalah ini? Ini kerana masalah ini adalah besar, bilangannya besar dan mungkin memberi impak yang negatif kepada masyarakat. Sekiranya mereka cuma pergi ke sekolah tetapi tidak mengikuti kursus ataupun tidak memahami bahasa penghantaran, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan?

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya, angka kita telah menunjukkan bahawa penguasaan murid-murid penguasaan Bahasa Malaysia di dalam golongan murid-murid daripada sekolah jenis kebangsaan semakin meningkat. Jadi, saya harap bahawa Yang Berhormat Senator janganlah pandang rendah terhadap penguasaan tahap BM murid-murid dari SJK.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ini bukan pandang rendah. Ini satu kebimbangan yang telah disampaikan pada saya oleh guru-guru sekolah.

Puan Teo Nie Ching: Biar saya habis jawapan saya dahulu boleh tidak?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ini bukanlah atas angin sahaja.

Puan Teo Nie Ching: Saya harap bahawa...

Dato' Sri Ti Lian Ker: Yang Berhormat Menteri perlu berbahasa lebih halus sedikit.

Puan Teo Nie Ching: Saya harap bahawa, Yang Berhormat Senator bolehlah biarkan saya habiskan jawapan saya. Kalau kita cakap bahawa...

Tuan Nga Hock Cheh: *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Nga Hock Cheh: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Sila habiskan ya.

Puan Teo Nie Ching: Saya hendak cakap bahawa kalau kita cakap ada segelintir, ada satu golongan yang memang penguasaan BM mereka kurang memuaskan itu saya rasa satu kenyataan yang boleh kita terima. Akan tetapi, kalau kita cakap ada banyak atau ada ramai.

Jadi, saya rasa yakni saya sebagai seorang murid dari SJK saya hendak pertahankan tahap penguasaan BM murid-murid kita. Janganlah kita apabila sedikit-sedikit isu kita hendak menguar-uarkan sepertinya semua budak daripada SJK penguasaan BM mereka tidak bagus. Saya rasa itu tidak adil kepada kami. Jadi, saya hendak- itu yang saya hendak betulkan di sini.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah sedikit? Ya, saya...

Puan Teo Nie Ching: Biar saya habis jawapan saya dahulu boleh tidak?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching: Saya rasa soalan tambahan boleh saya memang mengalu-alukan. Usaha kita untuk membantu golongan ini, saya rasa itu kalau mereka untuk golongan yang tidak dapat keputusan BM mereka tidak dapat mencapai 'D' dalam UPSR. Jadi, golongan ini bolehlah pergi ke kelas peralihan semasa mereka pergi ke sekolah menengah.

Ini adalah salah satu cara untuk membantu golongan ini tetapi juga untuk mereka walaupun mereka tidak dapat keputusan D dalam mata pelajaran BM dalam UPSR, tetapi kalau keputusan BM mereka di tahap dua iaitu dari Darjah 4 hinggalah Darjah 6, memang menunjukkan bahawa penguasaan BM mereka tidak ada masalah jadi mereka boleh buat rayuan supaya terus masuk ke tingkatan satu.

Saya rasa budak-budak dari SK juga ada yang penguasaan BM mereka tidak dapat D ataupun yang gagal juga. Jadi, saya harap penguasaan BM adalah penting kerana ini adalah Bahasa Kebangsaan kita dan KPM sentiasa akan bekerja keras untuk memastikan semua budak-budak kita budak Malaysia akan mencapai tahap minimum dari segi penguasaan Bahasa Kebangsaan. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri sedia maklum, ramai mahasiswa-mahasiswa kita yang tidak dapat atau tertangguh graduasi oleh sebab tidak dapat capai tahap tiga MUET. Jadi, saya ingin tahu sama ada perkara ini melibatkan mahasiswa keturunan Siam atau tidak? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Saya pohon maaf. Saya tidak ada angka yang untuk menunjukkan bahawa MUET dengan pencapaian yang MUET ikut kaum. Jadi, mungkin soalan itu saya boleh memberi jawapan bertulis. Terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat dan saya sokonglah apa yang Yang Berhormat cakap. Saya pasti pihak kerajaan berusaha untuk memperbaiki penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan anak-anak kita. Terutama murid-murid di sekolah SJKC dan SJKT.

Akan tetapi, persoalannya prasangka kita. Cakap tidak serupa bikin. Saya tidak boleh membayangkan anak-anak kita di sekolah rendah. Yakni satu sekolah Cina contohnya. Tiba-tiba menyanyikan lagu Negaraku dalam bahasa Mandarin, dan *excuse* yang digunakan adalah supaya mereka faham. Ya Allah. *This is Malaysia! This is not China!* Kalau kita kata pendatang, marah. Akan tetapi, ya. Mereka pendatang tetapi jati diri pendatang. Bukan pendatang secara fizikal. Mereka rakyat Malaysia. *They are born here. They are pure 100 percent Malaysian.* Anak-anak kita yang suci dan bersih, *innocent* ini kita ajar mereka supaya menjiwai jati diri pendatang. *Is our fault.* Jangan salahkan anak-anak! Kalau kita orang politik, ibu bapa daripada kecil. Anak-anak- okey, baik. Nyanyi lagu Bahasa Kebangsaan Mandarin.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan tambahan kah ataupun apa? Ini bukan perbincangan saya kira.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *What I'm saying,* tidak mahu cakap. Jangan hendak kata, *this is* Malaysia kita sudah Merdeka 60 tahun.

Puan Raj Munnis binti Sabu: Ini bukan perbahasan saya kira ataupun soalan tambahan. Kuasa Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Kalau yang dah tua-tua ini tidak boleh cakap Bahasa Melayu, saya boleh faham lah.

Puan Raj Munnis binti Sabu: Sebab ini adalah ruang untuk soalan tambahan tetapi ini dikira macam perbahasan sudah.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ini sudah 60 tahun lebih, masih tidak boleh memahami lagu Negaraku. Minta maaf. *This is wrong.* Cakap mesti serupa bikin.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Baik. Okey. Mana soalnya?

Puan Teo Nie Ching: Jadi, soalan itu saya rasa bahawa kita juga ada video yang ditunjuk bahawa ada budak-budak yang menyanyi lagu Negaraku dalam bahasa Arab. Betul tidak? Saya tidak akan cakap bahawa mereka yang nyanyi lagu Negaraku dalam bahasa Arab tidak fasih Bahasa Malaysia. Saya rasa itu aktiviti dalam bilik darjah. Saya rasa kalau ada cadangan yang lebih bagus untuk guru-guru kita boleh berikan peringatan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Buktikan menggunakan bahasa Arab.

Puan Teo Nie Ching: Kita boleh memberi peringatan kepada budak-budak itu. Akan tetapi, saya hendak cakap di sini bahawa anak saya Darjah 1. Dia juga menyanyi lagu Negaraku dalam Bahasa Malaysia. Jadi, janganlah oleh sebab satu video yang pendek dan kita mempertikaikan bahawa mereka budak-budak yang dalam bilik darjah itu atau dalam kelas itu mereka tidak fasih BM kah ataupun mereka tidak cinta negara kita. Saya rasa itu kurang adil...

[Tepuk]

Saya harap kalau boleh kitalah dengar kenapa guru itu mengadakan aktiviti-aktiviti itu juga dalam bilik darjah. Janganlah kita ada apa-apa sangkaan buruk terhadap mereka. Biarlah kita sayangi guru-guru kita. Saya harap bahawa sayangilah guru-guru kita. Kalau kita ada peringatan kepada mereka, saya terima baik. Saya sambut baik dan saya rasa ini semua kita boleh bincang sama ada itu adalah satu PDP- pengajaran dan pembelajaran yang baik. Kita boleh bincang. Akan tetapi, saya rasa bahawa saya percaya warga KPM, guru-guru kita dan juga murid-murid kita di sekolah kita cintai negara kita. Sayangilah Malaysiaku. Terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Baik. Dari segi Islam... [Disampuk]

■1100

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah cukup, cukup. Duduk, duduk.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Ti Lian Ker: Cuma satu sahaja saya- oleh sebab soalan saya tadi tidak terjawab. Sebenarnya soalan saya... *[Dewan Riu]*

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Jadi, bak kata dalam Islam, "Tiap-tiap satu peristiwa yang Ku jadikan itu ada hikmahnya". Itulah tadi. Jadi ingat ya... *[Tepuk]*

Baik sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Silakan.

4. Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah impak Modul '*Live Life, Stay Safe*' berkaitan program kesedaran kesihatan seksual kepada kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. *Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh* dan salam sejahtera semua.

Modul dengan izin '*Live Life, Stay Safe*' atau kalau saya cuba terjemahkan '*Lalui Kehidupan, Kekal Selamat*' adalah satu *training manual* khusus untuk kesihatan seksual reproduktif bagi kanak-kanak dan remaja OKU. Ia dibangunkan kerana keperluan memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa kanak-kanak dan remaja OKU juga mengalami perubahan *characteristic* seksual secara sekunder yang sama dengan orang lain akan tetapi mungkin terkadang kali pada kadar yang berbeza.

Itu adalah dapatan perubatan dan kesihatan seumpama kalau kanak-kanak itu *down syndrome* contohnya yang akan mungkin mengalami proses seksual ataupun *characteristic secondary* yang kadangkala cepat daripada yang lain ya. Kadang kali kita sebagai *parents* merasakan apabila kanak-kanak itu punya lain keupayaan, merasakan bahawa mereka tidak terdedah kepada apa yang menjadi normal kepada kanak-kanak yang lain. Ini satu persepsi dan tanggapan yang salah lalu lebih-lebih lagi mustahaknya untuk menjaga akan segala perubahan-perubahan *characteristic* itu.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak dan remaja OKU amat terdedah kepada gangguan seksual di sebabkan kondisi mereka yang *vulnerable*, dengan izin, golongan yang terdedah kepada risiko dan gangguan-gangguan yang mungkin juga kerana sifat mereka yang punya

kelainan keupayaan ya. Manual ini pada asasnya membimbing ibu bapa, guru-guru, anggota kesihatan untuk mengajar kanak-kanak ini berkenaan kesihatan seksual reproduktif kanak-kanak dan remaja Orang Kelainan Upaya (OKU).

Apa itu sentuhan? Sentuhan apa yang diizinkan, apa yang tidak? Apa yang mesti ia dianggap satu yang merupakan *advancement*, dengan izin, yang salah? *What is no* dan sebagainya? Percakapan ya, apa yang boleh diizinkan dan juga penglihatan yang dibolehkan dan yang tidak dibolehkan? Aspek-aspek keselamatan diri, *safety* ya dan cara-cara mengenal pasti risiko berbahaya. Sejak dari usia kecil lagi mereka dididik untuk memahami apa sentuhan, apa percakapan, apa yang boleh diizinkan dan apa yang tidak dan seawal lagi, pada usia yang awal lagi mereka juga walaupun punya kelainan upaya didik untuk memahami *advancement* yang tidak boleh mereka izinkan.

Seterusnya, *authority* yang untuk mendapatkan pertolongan ya dan semua ini adalah terangkum dalam manual '*Live Life, Stay Safe*' ini. Jadi ia juga merupakan- *parent* juga mesti melibat langsung, pihak awam, pihak swasta, NGO, semua yang sama ada mereka itu *caregivers* terutama *care providers* dan semua yang terlibat dalam mengawal selia kanak-kanak kelainan upaya ini. Manual ini merupakan salah satu medium memberi kesedaran kepada masyarakat terutama ibu bapa seperti mana yang telah saya tegaskan, anggota kesihatan, guru dan penjaga di institusi-institusi tentang kaedah-kaedah menjaga kanak-kanak di bawah jagaan, seliaan mereka berkenaan keselamatan diri dan memupuk pengetahuan awal tentang hak mereka, memelihara tubuh badan mereka ya.

Itu adalah sangat penting dan saya kira kalau boleh saya sebutkan sedikit dari sudut apa yang merupakan manual ini yang telah pun- modul latihan '*Live Life, Stay Safe*' ini yang telah diwujudkan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada seawal 2009 sepertimana yang saya telah tegaskan untuk anggota kesihatan, guru-guru, individu dan semua yang terlibat dalam penjagaan kanak-kanak dan remaja yang berkeperluan khusus atau khas. Saya berkebetulan punya membawa sekali modul ini yang sangat baik saya kira. Saya pernah melihat modul-modul yang lain seumpama '*Sex Can Wait*' hampir 10 hingga 20 tahun yang lalu akan tetapi ini adalah modul yang dikeluarkan dan diterbitkan daripada penggemblengan tenaga-tenaga pakar.

Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada *the steering committee*, antara lain kalau boleh saya rakamkan Datuk Dr Narimah Awin sebagai Pengarah BPKK atau Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dan hari ini menjadi *Family Health Development Division* ya. Ini adalah modulnya dan begitu juga menggembleng seluruh tenaga pakar yang lain yang saya kira antara lain adalah *the clinical psychologist, psychiatrist, counselors*, semua daripada

golongan- dan *Family Medicine Specialist (FMS)* dan seluruh yang merupakan *the health team* yang menghasilkan ini, sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit mahu melanjutkan jawapan ini. Implementasi pelaksanaan program menggunakan modul ini telah dijalankan secara berterusan saban tahun melibatkan anggota kesihatan di kesihatan primer, *that is in our clinics*. Kita ada *the continuum of care* klinik-klinik kita, *that is our KK's* dan juga *in the hospital curative setting* dan sekarang ini itu adalah *the continuum of care* akan tetapi kita mengkhususkannya di peringkat *primary care* atau pun *primary health care* ataupun kesihatan primer.

Bermula tahun 2016 latihan mengguna pakai modul ini telah diperluaskan kepada guru-guru Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia, petugas-petugas di institusi jagaan sukarelawan dan pelajar universiti. *So, you have all those*, apa yang hari ini diistilahkan sebagai istilah *hold of governments approach* ya dan sekali gus *hold of society approach*. Ini caranya supaya tidak kita bertindak secara terpisah ataupun dalam bahasa yang selalunya disebut *in silo* jadi ini melibatkan pengemblengan seluruh tenaga untuk menghasilkan natijah yang lebih baik.

Impak daripada program yang dijalankan ini menunjukkan peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran peserta berkenaan kesihatan seksual, saya lebih senang dengan kesihatan seksualiti dan keselamatan diri kanak-kanak berkeperluan khas ya. Program ini telah meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap keperluan mengajarkan kanak-kanak berkeperluan khas tentang isu kesihatan seksualiti ini dan penjagaan keselamatan diri dengan bertambahnya permintaan untuk menjalankan kursus ini oleh kementerian yang lain, persatuan-persatuan OKU, universiti dan ibu bapa.

Kementerian ini berharap agar masyarakat dapat seterusnya di berdaya kan, di perkasa dalam membantu kanak-kanak-kanak ini dalam menangani isu kesihatan seksualiti ini. Tuan Yang di-Pertua, itu untuk jawapan saya awal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya seterusnya apakah perbezaan program ini dengan program yang dijalankan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat?

■1110

Kedua, sejauh manakah peranan kementerian dalam memperkasakan modul ini? Oleh sebabnya, kedapatan lagi ada anak-anak OKU ini yang dirogol antaranya disebabkan menerusi panggilan video dan sebagainya. Seterusnya, apakah kerajaan akan mempertimbangkan

pengetahuan berkenaan hukuman kepada sesiapa yang melakukan sebarang sentuhan ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum bahawa Akta OKU 2008 ini adalah Akta 685, mentakrifkan dari segi kategori orang kelainan upaya ini dari sudut beberapa dasar antara lainnya penglihatan, pendengaran, pembelajaran, mental dan fizikal seumpama *cerebral palsy* dan seumpamanya. Mereka juga dalam- dan juga fizikal dari segi terjerumus ataupun terlibat dalam kemalangan atau *motor vehicle accidents* (MVA) dan langsung mendapat ilat dan kecacatan kekal dan juga pelbagai lain sebabnya.

Begitu juga saya kira ia juga penting untuk kita memahami dari sudut kategori itu pun lebih susah untuk kita lihat kalau kita dapat kita kategorikan dengan lebih detil, dengan izin, *if we can get to more a nuance, you can have mild, moderate and severe a stage severity of the OKU's*. Akan tetapi menjawab soalan itu secara lebih khusus, ini adalah sebenarnya soalan yang ditujukan khusus kepada KPWK- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya dapati bahawa, saya difahamkan, tiada modul khusus menjerus kepada sasaran yang seperti mana program kami KKM, dalam program apa yang diistilahkan tadi *Live Life, Stay Safe* ini.

Secara perbandingan, saya mungkin silap tetapi saya diberi faham bahawa tiada modul yang khusus untuk OKU bagi- kerana ini adalah program *training* ya. *It is a training programme* dan menjerus bukan langsung kepada OKU itu sendiri tetapi dalam bentuknya apa yang diistilahkan sebagai, dengan izin, *a training of trainers* (ToT). Dalam tahun-tahun yang telah kita lalui *training* ini, saya memerhatikan dalam tahun 2010 kita telah melatih 200 orang, tahun 2011, 100 orang, tahun 2012, 80 orang, tahun 2013 sehingga tahun 2017, 320 orang, tahun 2018, 300 orang, dan tahun ini 150 *caregivers* dan orang-orang perorangan dan juga *NGO's* nya. Rangkuman semuanya hampir 1,000 sehingga kini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi itu adalah apa yang boleh saya berikan sedikit penerangan. Atas isu yang lebih khusus tentang hukuman, saya kira itu adalah dalam Akta Kanak-kanak 2001 dan saya kira bukan bidang kuasa saya untuk menjelaskan perkara itu. Kita boleh merujuk kepada kementerian yang lebih bertanggungjawab.

Apa pun kami bekerjasama dalam *whole of government approach* untuk menangani isu-isu yang penting seperti ini. Kita tahu anak-anak kita, OKU menjadi mangsa, *predators* yang memangsakan anak-anak ini kerana mereka seperti mana yang saya telah tegaskan lebih awal

merupakan golongan *vulnerable*, golongan yang terdedah kepada risiko-risiko ini, sementara mereka adalah punya kelainan keupayaan.

Jadi saya kira, saya telah cuba menjawab dengan ringkas mungkin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Nuing Jeluing: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. *Thank you very much.*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, kejam.

Puan Raj Murni binti Sabu: Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebutkan bahawa mungkin akan mempertimbangkan kerjasama antara kementerian untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan seperti ini. Soalan tambahan saya ialah adakah kemungkinan Kementerian Kesihatan akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama dan juga KPWKM tadi untuk memastikan bahawa- untuk menyelesaikan kemelut-kemelut yang berlaku inilah. Adakah mungkin?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini adalah pendekatannya kerajaan baharu, Kerajaan Pakatan Harapan. Apa pun episod, apa pun gejala, apa pun *outbreak* dengan izin, dengan peristiwa-peristiwa seperti ini ataupun *commotion* ataupun keadaan seperti ini yang pastinya memerlukan penggemblengan seluruh tenaga, kami di pihak Jemaah Menteri mengambil pendekatan yang saya telah katakan tadi sebagai *whole of government approach*. Dengan kata lain kita sememangnya, kalau kita perhatikan dalam semua episod seumpama sama ada yang bersangkutan dengan kejadian *measles* di komuniti Orang Asli, suku kaum Batek ataupun pencemaran kimia di Sungai Kim Kim.

Lazimnya memang ada *lead* ataupun *lead ministry* ataupun kementerian yang utama yang menerajui sesuatu kes itu. Namun kalau dalam pelaksanaannya kami melibatkan ya Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni, kita melibatkan keseluruhan penglibatan dan *engagement* semua. Jadi dalam hal OKU dan khususnya keselamatan dan penjagaan seksualiti dan keselamatan OKU ini pasti ia akan lebih menuntut supaya bukan sahaja Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja yang terlibat, kerana lebih utama adalah KPWKM.

Kita juga ada Majlis Kebangsaan OKU untuk isu-isu berhubungan dengan OKU, merupakan KPWKM yang pastinya dipengerusikan oleh Menteri dan juga sekali gus Timbalan Perdana Menteri selaku sifat beliau. Jadi di peringkat nasional, ada juga Majlis Sosial Negara ya.

Ini untuk pengetahuan saya juga adalah ahlinya untuk kita lakukan dan kita laksanakan *whole of government approach* dan kita tidak boleh izin bertindak secara isolasi, secara terpisah, secara *divorce* dan secara terpisah-pisah, jadi kita wujudkan satu Majlis Sosial Negara untuk membincangkan isu-isu sosial ini.

Pastinya ini adalah antara isu dan agenda penting untuk kita turuti dan halusi khususnya dari sudut pelaksanaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila.

Dr. Nuing Jeluing: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian pertanyaan saya sudah ditanya dengan saya punya *colleagues* di belakang sini. Namun saya mahu tanya adalah berkenaan dengan Modul Kesedaran Kesihatan Seksual. Adakah ada hasrat untuk kongsi modul ini dengan Kementerian Pendidikan? Sebab mana ertinya adakah modul ini akan diajar sebagai satu modul di Kementerian Pendidikan. Ini kerana mengikut statistik kebanyakan kehamilan di kalangan remaja iaitu budak-budak sekolah adalah meningkat sekarang. Oleh sebab itu saya merasa tepat masanya untuk modul ini dipakai oleh Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ya, saya pastinya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini rasa terpanggil untuk mencermati dan menekuni modul-modul yang sangat baik ini *as a life skill training* dan ini adalah kerjasama dengan *The United Nations Children's Fund (UNICEF)* organisasi itu. Saya memerhatikan dengan perkembangan dan apa yang kita perhatikan mutakhir ini dari sudut cabaran dari segi sosialnya dan khusus yang melibatkan *this vulnerable group, the more risk, high risk group of OKU's* ya.

■1120

Itu satu hal tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi saya kira adalah lebih menyeluruh keperluan bukan sahaja kanak-kanak sekolah di peringkat rendah, menengah rendah dan juga menengah tinggi, bahkan di institusi pengajian tinggi saya kira keseluruhannya dalam pendekatan kepada remaja- *adolescence*, dengan izin, adalah sangat penting. Modul seumpama ini yang bukan hanya mengajar tentang *reproductive skills* ataupun *reproductive knowledge* ataupun perkara yang disebutkan sebagai kesihatan seksual *reproductive* tetapi lebih penting daripada itu adalah mengajar generasi muda ini terutama bermula daripada peringkat kanak-kanak lagi memahami lima perkara antara lainnya.

Memahami yang utama adalah memahami *relationship*, memahami apa yang diistilahkan sebagai perhubungan. Memahami yang disebutkan sebagai *the five-* kalau boleh saya sebutkan

serba sedikit, ini adalah sangat penting untuk remaja membina jati diri, bermula dengan memahami tuntutan-tuntutan yang asas dan *basic* dalam perhubungan sesama manusia. Perhubungan dan mentakrifkan perkara-perkara ini dengan lebih baik lalu mendapat input yang penting dan di sini kita akan dapat lihat betapa sebuah negara dan berapa sebuah masyarakat akan dibina kekuatan asasnya.

Ini adalah juga antara menjadi dasar kepada kerajaan ini yang berteraskan dan bernuansakan dan berpijak dan berpaksi di atas tujuan besar syariah yakni menjaga hal keturunan. *Hizb mura'ah* ataupun *hizbul nasab* yang merupakan *to maintain and preserve the purity of the lineage* yang sangat merupakan satu yang dituntut oleh agama, saya yakin semua agama dan khususnya agama Islam.

Ini merupakan dasar baharu kerajaan di bawah pemerintahan Pakatan Harapan ini yang menekankan tentang aspek *preservation of the purity of the lineage and family and relationship*. Kemurnian, kesucian pertalian ayah dan ibu- *parents*, dan anak dan juga sekali gus ia mendidik anak memahami *relationship. How do we relate to one another*, dalam keluarga, *parents*, kawan, orang yang ajnabi dan yang tidak dengan izin.

Kesemua ini sebenarnya mengajar sekali gus dapat dirangkumkan dalam pendidikan sekualiti yang bukan hanya mengajar aspek seksual reproduktif begitu sahaja tetapi membina keupayaan memahami, sekali gus membangunkan jati diri. *So you will have-* kita akan mendapati sebuah masyarakat yang lebih bertamadun yang punya etika nilai diri yang tinggi dan hasil daripada didikan yang awal ini yang akan dapat kita mengelakkan kecelaruan dalam pelbagai kecelaruan yang ada yang dapat kita saksikan dalam dunia pasca-modern ini- *the post-modern society*.

Jadi dengan itu saya kira sangat penting kalau saya mengambil pandangan Yang Berhormat Senator tadi, bukan sahaja untuk modul *training of trainers* untuk OKU semata-mata, bahkan digarapkan sekali gus dalam input dan modul melatih kanak-kanak dan bukan sahaja melatih tetapi memberikan nilai pada tahap awal sejak dari sekolah rendah, menengah rendah sehinggalah ke institusi pengajian tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya yakin perkara ini akan dapat kita halusi dan susuli dan modul seumpama ini adalah sangat penting. Saya pernah saksikan- saya telah sebut tadi, satu agenda satu modul "*Sex Can Wait*" adalah juga satu daripada usaha global yang baik dan ini semua akan mengelakkan kita daripada pelbagai kecelaruan dalam sebuah masyarakat yang menjadi lebih *permissive* kalau tidak kita letakkan nilai-nilai besar daripada semua agama khususnya di bawah pemerintahan yang meletakkan *maqasid syariah*, tujuan besar syariah untuk memberikan kemurnian dan

kesejahteraan dalam membina semula negara yang dikasihi dan tercinta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kita atas kehadiran bersama. Sekarang saya minta Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

5. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah justifikasi kementerian terhadap proses memperhalusi pemakaian atlet supaya patuh syariah sama ada dalam aktiviti dan pertandingan sukan peringkat tempatan atau antarabangsa; dan
- (b) senarai aktiviti sukan yang memerlukan pemakaian atlet yang perlu memenuhi syarat patuh syariah.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen atas soalan kelima yang tersebut tadi. Saya minta izin untuk menjawab soalan bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat yang sama pada tarikh 17 Disember 2019 berkenaan sama ada aktiviti atau pertandingan sukan di bawah bidang kuasa MSN dipantau oleh Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Dewan yang terhormat ini, pemakaian setiap sukan bergantung kepada peraturan semasa pertandingan yang telah ditetapkan oleh Persatuan Sukan Antarabangsa. Justeru dasar pemakaian atlet Malaysia tertakluk kepada peraturan-peraturan tersebut. Jika seseorang atlet memilih untuk memakai pakaian sukan patuh syariah ataupun pakaian berkonsepkan agama yang lain, beliau perlu memenuhi peraturan persatuan sukan yang saya sebut di atas. KBS tidak akan mengenakan sebarang paksaan pemakaian sukan berunsurkan agama ke atas atlet Malaysia.

Akhir sekali untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Agama Islam negeri-negeri mahupun Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak terlibat dalam pemantauan aktiviti dan pertandingan sukan patuh syariah yang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Sekian terima kasih.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri KBS. Sebelum saya kemukakan soalan tambahan saya, ingin saya ucapkan syabas dan tahniah atas kontinjen pasukan kita ke Sukan SEA yang baru selesai pada semalam dengan pungutan sejumlah 184 pingat yang mana 55 emas, 58 perak dan 71 gangsa. Walaupun kita tak mencapai sasaran kita tetapi saya rasa ini satu usaha yang cukup menggalakkan sebab

kerana kemungkinan ada oleh sebab kekurangan wang untuk melatih. Jadi walaupun ini adalah satu usaha yang boleh dikatakan memuaskan.

Soalan tambahan saya; dengan merujuk kepada kes yang berlaku di Terengganu, aktiviti sukan di negeri tersebut disasarkan untuk mencapai 70 peratus kepada patuh syariah. Maka soalan tambahan saya kepada kementerian ialah memperjelaskan adakah di bawah peruntukan perundangan sedia ada, kerajaan negeri berhak untuk menentukan piawaian patuh syariah ke atas aktiviti sukan.

Yang kedua, adakah kementerian mempunyai hak atau kuasa sepenuhnya untuk *rule out* kepatuhan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri? Sekian terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Senator tadi dan juga atas ucapan tahniah kepada Kontinjen Malaysia itu. Mungkin sedikit pembetulan ialah jumlah emas yang diperoleh ialah 56 emas. Saya rasa kita tak patut *jump the gun* tentang faktor kegagalan mencapai sasaran.

Akan tetapi walau bagaimanapun saya sudah sebut sebelum ini, ini merupakan *wake-up call* untuk semua pihak yang terlibat dan kita tidak akan menuding jari. Kita galas tanggungjawab ini bersama-sama. Malah Dewan yang mulia ini patut berasa bangga kerana salah seorang daripada bekas Ahli Dewan yang mulia ini iaitu bekas Senator Datuk Megat Zulkarnain merupakan *chef-de-mission* untuk Kontinjen Malaysia pada kali ini... [Tepuk]

Jadi kita nampak usaha sama daripada pelbagai pihak daripada pihak kerajaan, daripada pihak perseorangan, daripada parti-parti politik yang berlainan termasuk kerjasama persatuan sukan kebangsaan dan sebagainya. Jadi kita menang; menang sama-sama, kalah; kalah sama-sama.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator tadi, soalan pertama ialah adakah negeri Terengganu ini mempunyai peruntukan untuk melaksanakan dasar pemakaian ke atas ahli sukan.

■1130

Seperti yang saya maklumkan tadi, pemakaian ahli sukan ini, atlet-atlet kita terutamanya apabila mereka mewakili negara perlu mengikut ataupun tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Bukan saja di Malaysia ini tetapi oleh badan-badan sukan antarabangsa. Itu satu.

Kedua, kita tidak menghalang mana-mana pihak yang ingin untuk melaksanakan dasar pemakaian yang sesuai dengan kepercayaan agama. Akan tetapi, apa yang kita yakni pendirian kerajaan ataupun pendirian Kementerian Belia dan Sukan ini ialah kita tidak akan dan kita tidak

bersetuju dengan sebarang paksaan ke atas dasar pemakaian sukan berasaskan konsep agama. Tidak kiralah agama Islam ataupun agama yang lain.

Ketiga, saya rasa kalau kepada semua peminat sukan negara, kita akan nampak bahawa memang ada *trend* atlet-atlet tertentu yang memilih secara sukarela untuk mengenakan pakaian berkonsepkan patuh pada kepada konsep agama masing-masing tertakluk kepada peraturan yang saya sebut tadi. Saya hendak bagi satu contoh di sini. Contohnya, pasukan bola jaring negara kita yang telah mengharumkan negara dalam Sukan SEA kali ini dengan memenangi pingat emas kepada negara. Ramai di antara atlet-atlet mereka wanita, perempuan yang beragama Islam. Mereka mengenakan *head scarf* yang sesuai dan telah pun dipersetujui dalam arena ataupun mengikut peraturan sukan dalam *netball* itu.

Jadi saya rasa dalam aspek ini, mungkin secara kesimpulannya ialah Kerajaan Pusat terutamanya Kementerian Belia dan Sukan, kita tidak mengenakan apa-apa paksaan dan kita tidak akan bersetuju dengan mana-mana pihak yang memaksa atlet kita untuk mengenakan pakaian yang mungkin tidak dikira sebagai *standard* kepada apa yang telah diperuntukkan dalam peraturan-peraturan sukan semasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Razali bin Idris: Okey. Saya secara peribadinya tidak nampak halangan besar mengenai pakaian patuh syariah kepada atlet. Akan tetapi, mesti mengikut kesesuaian acara. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab tadi Yang Berhormat Senator ada sebut fasal negeri Terengganu. Jadi, saya hendak cerita sedikit fasal negeri Terengganu. Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada seorang anak muda, wanita daripada Terengganu. Namanya Azreen Nabila Alias yang melakar satu kejayaan yang bersejarah apabila dinobatkan sebagai ratu pecut sukan negara, SUKMA dan SUKMA pada tahun 2018.

Beliau berpakaian menutup aurat dan beliau juga boleh mengalahkan atlet-atlet lain yang berpakaian tidak menutup aurat. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Patut kah SUKMA, kita melebar luaskan kepada atlet yang beragama Islam supaya mengikut contoh yang ditunjukkan oleh pelari wanita negeri Terengganu yang saya sebutkan tadi yang dianugerahkan sebagai ratu pecut berganda dalam SUKMA 2018? Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Sim Chee Keong: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris atas soalan dan juga pandangan beliau dan kita memang mengiktiraf dan

juga menghargai usaha saudari Azreen Nabila Alias yang merupakan antara atlet yang sedang kini membangun ataupun yang sedang mendapat nama dalam arena sukan negara.

Seperti yang saya sebutkan tadi, bukan saja satu contoh. Contoh yang saya sebutkan tadi ialah contoh pemain-pemain bola jaring kita, yang beraksi Sukan SEA Manila. Saya sendiri telah menyaksikan acara tersebut dan ramai di antara mereka yang beragama Islam, telah mengenakan pakaian yang mematuhi konsep syariah. Kita telah menyaksikan satu persembahan yang begitu hebat sekali sehinggakan pasukan bola jaring kita telah memenangi pingat emas buat negara kita.

Jadi, saya rasa tidak ada masalah untuk atlet-atlet yang secara sukarelanya memilih mengenakan pakaian yang bersesuaian dengan kepercayaan mereka selagi, satu, pakaian tersebut mematuhi peraturan-peraturan sukan yang sedia ada. Kedua, tidak ada paksaan ke atas diri mereka sendiri ataupun atlet-atlet lain untuk mengenakan pakaian yang sama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Sebelah sini?

Puan Hajah Sabani binti Mat: Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang saya kira cukup baik. Cuma saya ingin bertanya, apakah kementerian bercadang untuk menubuhkan satu panel penasihat syariah yang melibatkan tokoh-tokoh ilmuwan dan pakar bagi merangka garis panduan sukan Malaysia? Ini supaya benda ini kita nampak lebih kemas lagi. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Sabani atas soalan tersebut. Buat masa kini, tidak ada perancangan untuk panel sebegini dan saya percaya sukan ini tidak kira di Malaysia ataupun di peringkat antarabangsa, menjangkau satu-satunya agama.

Jadi, kita sebagai satu masyarakat yang majmuk, saya rasa di Malaysia ini tidak kiralah di peringkat mana. Di peringkat negeri ataupun di peringkat kebangsaan, acara-acara ataupun aktiviti sukan sentiasa menghormati sensitiviti rakyat Malaysia pelbagai kaum dan pelbagai agama. Jadi, setakat ini memang tidak ada rancangan untuk menubuhkan panel khas bagi mengkaji ataupun memantau perkara tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kita ucapkan syabas dan tahniah atas pasukan kita yang membuat kecemerlangan ini di dalam sukan

itu. Kita harap ia akan dapat lagi kepercayaan pada masa akan datang. Syabas dan tahniah. Sekarang saya jemput pula- terima kasih Yang Berhormat, ya.

Saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu.

6. Datuk Mohan A/L Thangarasu minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan, rasional di sebalik penurunan bajet bernilai RM30 juta dalam jumlah dana pembangunan usahawan kepada masyarakat India melalui TEKUN Nasional secara berturut-turut sejak Belanjawan 2019.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mohan atas soalan yang cukup penting bagi masyarakat India di Malaysia ini khususnya dalam bidang pembangunan usahawan.

Program Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) ini, merupakan satu program yang telah lama dilaksanakan oleh TEKUN Nasional sejak tahun 2008. Dalam tempoh pelaksanaan selama itu, kita telah berbelanja RM301 juta untuk sejumlah 20,000 orang usahawan-usahawan kaum India keseluruhannya.

Berdasarkan prestasi tiga tahun terkini sejak tahun 2017 hingga tahun 2019, TEKUN mendapati jumlah peruntukan sebanyak RM20 juta adalah mencukupi dalam usaha untuk mempertingkatkan penyertaan kaum India dalam bidang keusahawanan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penyaluran peruntukan SPUMI dari Januari hingga Oktober tahun ini, hanyalah sekitar sebanyak RM14 juta kepada seramai 706 orang usahawan masyarakat India berbanding dengan sasaran seramai 1,300 orang usahawan untuk sejumlah RM20 juta peruntukan.

Untuk makluman Dewan juga, ketika kita memperuntukkan sejumlah RM50 juta, kira-kira tiga tahun yang lepas, jumlah pembiayaan yang keluar daripada jumlah tersebut, hanya sebanyak RM17 juta. Jadi, oleh sebab yang sedemikian peruntukan itu dihadkan kepada sejumlah RM20 juta. Pada tahun ini masih ada lagi tetapi kita menjangkakan mengikut *projection*-nya, akhir tahun ini, keseluruhan sejumlah RM20 juta akan dapat dibekalkan kepada usahawan-usahawan kaum India. Akan selesailah sebanyak RM20 juta itu.

Seandainya ada keperluan lebih daripada itu, TEKUN mempunyai dana dalaman mereka untuk membiayai mana-mana peruntukan yang kurang supaya pemohon-pemohon tidak kecewa untuk mendapatkan bantuan. TEKUN juga telah mengambil inisiatif dan langkah proaktif bagi meningkatkan permohonan program SPUMI iaitu dengan menjalinkan kerjasama dengan Unit

Transformasi Masyarakat India (MITRA) di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri pun ada di depan ini ya. Beliau boleh perbetulkan kalau silap ya.

■1140

Beberapa badan bukan kerajaan yang lain juga seperti *Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry*, serta semua persatuan dan NGO masyarakat India bagi mengenal pasti usahawan masyarakat India yang layak dan memerlukan pembiayaan TEKUN.

Untuk memudah dan melancarkan urusan mengenal pasti calon-calon usahawan yang layak untuk diberikan pinjaman TEKUN ini, kita juga di TEKUN mempunyai pegawai-pegawai yang khusus berbahasa Tamil untuk memudahkan permohonan tersebut diluluskan. Kita berharap juga dalam konteks ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat juga turut sama bergiat aktif untuk mengesan mana-mana usahawan memerlukan bantuan ini.

Seperti saya sebutkan tadi, kalau seandainya RM20 juta ini tidak mencukupi, kita boleh sahaja menambah peruntukan daripada dana dalaman kita. Untuk makluman kita, tahun ini sahaja TEKUN diperuntukkan sebanyak RM105 juta dalam Bajet 2020. Dalam masa yang sama TEKUN menyediakan sebanyak RM250 juta dana dalaman untuk tujuan yang sama. Ertinya ada sebanyak RM350 juta yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan kita. Jadi, saya harapkan Senator-senator kita pun turut sama terlibat mencari usahawan-usahawan kita yang ingin memulakan atau meningkatkan perniagaan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Datuk Mohan A/L Thangarasu: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, menurut janji kelima belas dalam khusus untuk masyarakat India dalam Buku Harapan, Pakatan Harapan telah berjanji bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan menyediakan skim *credit micro* dan skim bantuan kewangan lain yang sesuai kepada perniagaan kecil komuniti India dengan tumpuan khas kepada wanita, anak muda dan perniagaan dari rumah.

Walaupun dasar ini boleh dikatakan selaras dengan apa yang dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu, namun dasar ini secara jelas telah menyatakan bahawa akan memberi tumpuan tambahan kepada kumpulan-kumpulan sasaran terpilih. Persoalan saya, bagaimanakah kerajaan akan menunaikan janji ini?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang kita sebutkan tadi, peruntukan ini khusus adalah peruntukan mikro melalui TEKUN ini dan ia menepati hasrat kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan daripada kalangan kaum India. Kita menyediakan bukan hanya sekadar kewangan tetapi kita juga menyediakan latihan. Kalau ada keperluan, TEKUN sendiri ada menyediakan latihan dan kalau ada keperluan

yang lain, kita juga mempunyai agensi-agensi latihan keusahawanan khususnya di Kementerian MED iaitu INSKEN.

Oleh yang demikian, yang menjadi kekurangan bagi kita hari ini ialah bagaimana kita hendak membuat program *outreach* nya. Oleh sebab itu saya sebut di awal, bahawa peruntukannya itu mencukupi tetapi *take-up* nya itu ataupun yang memohonnya berkurangan. Ertinya kita ada kekurangan dalam program *outreach* kita.

Jadi, kita harap dengan kerjasama MITRA tadi itu dan juga dengan agensi-agensi yang lain dan juga hari ini saya membuka ruang untuk kita di dalam Dewan ini juga terlibat sama di kawasan-kawasan kita, negeri kita untuk memastikan lebih ramai kaum India terlibat dalam keusahawanan ini, seperti mana kita buat dalam program dengan Orang Asli contohnya Dato' Isa ya. Kita meluaskan pencarian kita melalui gerak kerja yang agresif kepada kumpulan-kumpulan ini dengan menyediakan program-program *outreach* sampai kepada kumpulan sasaran. Jadi kalau itu berlaku, maka anak-anak muda, wanita ataupun kalangan B40 di kalangan kaum India juga akan dapat memanfaatkan peruntukan yang sedia ada ini.

Kerajaan meletakkan RM20 juta tetapi saya hendak sebut sekali lagi bahawa apa juga jumlah yang munasabah yang diperlukan tambahannya boleh disediakan melalui agensi yang sedia ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Tuan Yang di-Pertua. Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Adakah pihak Kementerian Kewangan ataupun pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama dengan Kementerian Kewangan mengambil kira kekuatan ekuiti masyarakat ini yang masih di bawah paras tiga peratus di mana semasa Barisan Nasional kita ada satu dikatakan untuk mencapai tiga peratus ekuiti dalam usaha untuk membantu usahawan masyarakat India dan sejauh manakah kementerian memberikan kerjasama untuk meningkatkan tahap ekonomi dan daya saing semua usahawan di negara ini khususnya untuk masyarakat India? Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dasar-dasar yang menguntungkan masyarakat ini adalah dasar yang menyeluruh pada semua kaum. Mungkin kita ada beberapa dasar yang memberikan tumpuan khusus kepada kaum-kaum tertentu seperti yang disebutkan oleh Senator.

Dalam konteks kita ialah konteks pelaksanaannya khususnya di Kementerian Pembangunan Usahawan iaitu meramaikan usahawan-usahawan kita supaya sumbangan semua peserta keusahawanan ini dapat meningkatkan ataupun sumbangannya kepada GDP ataupun KDNK kita meningkatkan kepada satu jumlah yang lebih besar. Dalam hal ini, kita menjangkakan kalau usahawan-usahawan kita semua kaum dapat berperanan, tentulah *share* nya itu, *percentage* nya akan *remain* kekal ya. Kaum India meningkat, kaum Melayu meningkat. Cuma keknya lebih besar.

Untuk kita menambah ekuiti, kita boleh menyertai program-program usahawan yang lebih besar ataupun menyertai bursa kita melalui program-program yang telah disediakan seperti LEAP dan ACE untuk usahawan-usahawan tidak kira kaum. Jadi ini juga membantu sedikit sebanyak tetapi dalam program yang lebih menyeluruh, dasar yang lebih menyeluruh, tentulah itu akan ditangani oleh contohnya Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ataupun Kementerian Kewangan.

Saya hanya bercakap dalam konteks penyediaan usahawan kita dapat menyumbang 50 peratus kepada KDNK kita menjelang tahun 2030. Sebanyak 50 peratus berbanding sekarang ini sebanyak 38 peratus. Itu juga merupakan satu hasrat dan objektif yang cukup penting bagi semua kaum di Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ringkas sahaja.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya ringkas. Soalan saya untuk hari ini. Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah Kementerian Pembangunan Usahawan akan bekerjasama dengan kementerian yang mengendalikan MITRA untuk membantu kaum India untuk memastikan mereka benar-benar menerima manfaat daripada TEKUN? Itu soalan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator Kesavadas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Di awal tadi kita sudah menyebutkan kaedahnya. Kerjasama dengan MITRA ini adalah kerana MITRA mempunyai tanggungjawab khusus untuk menggerakkan pembangunan sosioekonomi kaum India. Mereka boleh berperanan- Menteri pun ada. Kalau minta Menteri menjawab pun boleh ya. Mereka berperanan untuk menggerakkan *outreach*, mengenal pasti sasarannya. Kita di Kementerian Pembangunan Usahawan menyediakan dananya. Jadi kerjasama ini kena mantap, kena betul-betul efisien supaya setiap program sosioekonomi yang dibuat oleh MITRA akan disertai oleh pegawai-pegawai kita daripada TEKUN. Jadi setiap

persoalan-persoalan, pertanyaan mengenai hal ini dapat disediakan oleh pihak kementerian kami di samping latihan-latihan yang diperlukan.

Jadi, sinergi ini saya rasa sesuatu yang sangat mudah kita atur asalkan kita mempunyai kefahaman bahawa kerjasama pelbagai kementerian ini adalah satu *approach* yang terbaik bagi menghasilkan kesan yang terbaik. Jadi, tadi MITRA. Saya sebut juga NGO MAICCI ataupun badan-badan persatuan keusahawanan yang lain juga ataupun koperasi juga. Kita ada koperasi kaum India yang berjaya. Mungkin ini juga satu cara kita meningkatkan keupayaan kaum India di dalam pembangunan ekonomi khususnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta telah menjawab dengan baik dan padat tadi. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua.

*Disember ini musim tengkujuh;
Soalan saya nombor tujuh.*

■1150

7. **Puan Raj Munni binti Sabu** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, jumlah kemasukan pelaburan asing ke dalam negara sejak Mei 2018 sehingga sekarang serta perbandingan dengan tahun sebelumnya mengikut pecahan negara asal para pelabur.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak kira akan sampai ke giliran saya. Terima kasih kepada Senator Puan Raj Munni binti Sabu, Senator dari Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa menjadi antara destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing di rantau ini. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif menyebabkan Malaysia terus dilihat sebagai negara yang kompetitif dan berdaya saing. Bagi tempoh Mei 2018 hingga September 2019, yakni selepas kerajaan baharu mengambil alih, kerajaan telah meluluskan sejumlah RM102.4 bilion pelaburan asing di dalam sektor perkilangan dan juga perkhidmatan- *manufacturing and services*, dengan izin, di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu kementerian saya MITI dan juga Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia- *Malaysia Industrial Development Authority* (MIDA).

Daripada keseluruhan jumlah pelaburan asing tersebut, RM84.2 bilion ataupun 82.2 peratus adalah pelaburan asing yang diluluskan di dalam sektor perkilangan manakala pelaburan

asing yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pula telah mencatat sebanyak RM18.2 bilion ataupun 17.8 peratus. Jadi, lebih di sektor pembuatan ataupun *manufacturing*. Pecahan sumber pelabur asing utama iaitu *top five countries* dalam tempoh masa ini adalah:

- (i) Republik Rakyat China iaitu RM21 bilion;
- (ii) Amerika Syarikat – RM15.1 bilion;
- (iii) Belanda – RM9.2 bilion;
- (iv) Indonesia – RM8.5 bilion; dan
- (v) negara Jepun di tangga kelima dengan pelaburan sebanyak RM7 bilion.

Ini adalah untuk sektor perkilangan ataupun pembuatan. Untuk sektor perkhidmatan pula ialah:

- (i) Amerika Syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM11.8 bilion;
- (ii) Jerman – RM3 bilion;
- (iii) Singapura – RM2.2 bilion;
- (iv) *People Republic of China* – RM369.4 juta; dan
- (v) *British Virgin Island* dengan RM197 juta.

Jadi, kesemua lima negara utama ini menyumbang sebanyak 96.7 peratus ataupun RM17.6 bilion daripada jumlah pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan. Tadi untuk sektor pembuatan, lima negara utama ini menyumbang sebanyak 72.2 peratus ataupun RM60.8 bilion dalam tempoh masa yang disenaraikan tadi. Terima kasih.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan kalau diizinkan. Kepada Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan tahniah dan terima kasih. Kalau secara keseluruhan, kita boleh lihat bahawa selepas berlaku pertukaran kerajaan, pelaburan asing tetap masuk. Cuma soalan tambahan saya, pertama ialah sejauh mana disebutkan bahawa pertukaran kepimpinan di antara Dato' Seri Anwar dan juga Tun mempengaruhi kemasukan pelaburan asing itu telah merencatkan sedikit disebutkan begitu. Sejauh mana ianya berlaku? Itu yang pertama.

Kedua, bagaimana mekanisme yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam belanjawan baru-baru ini, disebutkan ada satu saluran khas untuk membawa masuk pelaburan asing daripada negara China di bawah Invest KL. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan.

Dr. Ong Kian Ming: Untuk menjawab soalan Senator, pertama ialah pada pandangan saya dan juga pihak MITI, isu peralihan kuasa ini sebenarnya tidak patut mengakibatkan penurunan dari segi FDI oleh kerana apa yang pelabur hendak dari Kerajaan Malaysia dan juga pihak MITI dan MIDA ialah kestabilan dari segi polisi. Saya memang yakin bahawa kestabilan

polisi di bawah Kerajaan Pakatan Harapan ini memang akan stabil, memang akan boleh dikatakan *business friendly*. Apabila pelabur asing ini datang ke Malaysia, jangka masa pelaburan itu adalah jangka masa yang sangat panjang, *time horizon* lebih daripada 10 ke 20 tahun. Jadi, pada pandangan saya, peralihan kuasa ini tidak akan ada kesan yang besar.

Untuk isu yang kedua, saluran khas ini dari segi butiran itu masih sedang diperhalusi di antara Invest KL dan MOF. Hari ini juga saya rasa apabila mereka adakan *National Committee on Investment*, mesyuarat ini bersama dengan Kementerian Kewangan dan juga pihak MITI, butiran-butiran ini akan dibincangkan. Kenapa kita rasa bahawa saluran khas ini perlu diadakan masa sekarang ialah oleh kerana kita hendak menarik lebih banyak lagi pelaburan dari segi *high-tech* dan *high value added* daripada negara China ke rantau yang sedang mencari destinasi di rantau Asia Tenggara.

Malaysia memang merupakan satu destinasi yang boleh dikatakan destinasi yang disukai oleh bukan sahaja pelabur dari negara China tetapi juga pelabur dari negara yang lain yang mungkin sebelum ini mereka memberi lebih tumpuan kepada negara China tetapi oleh kerana ada *US-China trade war*, dengan izin, maka mereka juga sedang mencari destinasi di rantau Asia Tenggara. Terima kasih.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut pakar-pakar ekonomi dan juga komen-komen analisis dan sebagainya, bahawa antara kekurangan ataupun ketidaksanggupan orang melabur di Malaysia adalah masalah pucuk kepimpinan ataupun peralihan kuasa. Bagaimanakah Timbalan Menteri boleh menafikan hakikat ini? Boleh tolong *elaborate*.

Dr. Ong Kian Ming: Saya hanya rujuk kepada komen-komen yang diberikan oleh pelabur yang memberikan komen mereka kepada pihak MITI dan pihak MIDA di mana apabila mereka memberikan permohonan kepada Malaysia, mereka memberi tumpuan kepada polisi seperti *tax incentive*, seperti *human resource* dan sebagainya. Jadi, ini semua adalah butiran yang menyentuh terhadap polisi. Untuk isu peralihan kuasa ini tidak masuk dalam perbincangan dan juga permohonan yang diberi oleh pelabur asing ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang telah memberi jawapan yang baik tadi iaitu Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kita. Sekarang saya berterima kasih kepada semua yang hadir dan kita hendak beralih kepada yang lain. Jadi, baru habis pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan. Sekarang kita pindah yang lain pula. Sila, Setiausaha.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020

Bacaan Kali yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[11 Disember 2019]**

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih dan diminta Yang Berhormat Tuan Aknan Ehtook untuk menyambung perbahasan.

11.58 pg.

Tuan Aknan Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya semalam yang dapat lebih kurang 10 minit, saya harap adalah masa sedikit hari ini tetapi perhatikan tempoh soalan dah sampai ke pukul 12 dan kita ada lagi 18 orang rakan-rakan yang sedang menunggu-nunggu untuk bercakap, saya rasa kita pakat-pakat pendekkanlah, celoteh itu kurangkan sedikit dan kita terus kepada *point*.

Okey, saya hendak bangkit satu isu tentang di JPM. Saya ada bertanyakan soalan pada hari pertama tentang adakah kerajaan bercadang untuk menambah portfolio tentang agama-agama lain dalam tugas-tugas Menteri di JPM. Ini kerana saya dapati bahawa di Malaysia, negara yang majmuk pelbagai kaum dan etnik, pelbagai agama dianuti oleh rakyat Malaysia dan semua agama itu mengajar ke arah kebaikan. Adalah wajar untuk mereka ini juga diterajui oleh seorang Menteri atau Timbalan Menteri untuk memastikan bahawa apa-apa isu yang mereka hadapi, ada tempat untuk mereka tuju. Jadi kalau tidak ada, jadi macam inilah, susah isu di sana sini, kita tidak tahu ke mana hendak ditujukan.

Macam saya katakan tadi, semua agama mengajar ke arah kebaikan. Apa salahnya mereka ini dipastikan bahawa mereka terus, pihak-pihak yang mengajar agama ini ataupun institusi agama ini terus berfungsi mengajar penganut-penganut mereka untuk melahirkan rakyat Malaysia yang terbaik mengikut agama masing-masing kerana di penghujungnya ialah kita hendak seluruh rakyat Malaysia adalah warganegara yang baik. Kalau kita biarkan, nanti lain pula jadinya.

■1200

Jadi secara keseluruhannya kalau kita tidak buat kesannya kepada negara kita juga. Jadi kita ada pelbagai agama di sini- Kristian, Hindu, Budhha, Sikh Bahai, Jainism dan juga ada Scientology. Semua itu adalah agama yang ada di dunia, ada lagi banyak lagi yang kecil dan yang besar sebagainya.

Jadi saya ingin memohon kepada kerajaan, mencadangkan kepada kerajaan untuk adakan portfolio ini sekiranya atas sebab-sebab tertentu mustahil untuk meletakkan portfolio ini di bawah Menteri yang sedia ada sekarang ini.

Mungkin kita boleh wujudkan satu jawatan Timbalan Menteri untuk menjaga agama lain di Jabatan Perdana Menteri. Jadi kalau orang kata *stock* Ahli Parlimen di Dewan Rakyat tidak ada, Dewan Negara pun ramai lagi yang mungkin bersedia untuk mengambil alih tugas tersebut demi kebaikan kita bersama. Jadi saya mohon mencadangkan, mohon meminta, mohon merayu kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk mengadakan portfolio tersebut ataupun jawatan tersebut untuk membantu rakyat Malaysia.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Senator boleh minta penjelasan sikit. Tuan Yang di-Pertua, sebab tajuk isu yang baik boleh saya minta penjelasan sikit? Sebab ini antara yang pertama kali saya dengar apabila dikaitkan peranan kefahaman agama terutama dalam aspek pembangunan negara dan ekonomi.

Hal ini sebab saya percaya perkara tersebut terutama sekali apabila kita dapat membangkitkan kefahaman dan anjuran-anjuran agama pun banyak dari aspek ekonomi, sebab baru ini diadakan Islam dan *Confucianism* dan sebagainya.

Jadi adakah Yang Berhormat Senator Akan bermaksud bahawa perkara itu perlu dibuat sehingga ke tahap satu kementerian dan perancangan khusus. Setakat ini saya ingat perkara itu ada tapi tidak seperti yang dicuba dibahaskan oleh rakan saya. Saya ingat ini satu perkara yang saya mohon penjelasan sikit.

Tuan Akan A/L Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat Senator Yusmadi. Peringkat awal ini saya tidak bercita-cita untuk mengadakan satu kementerian tersebut sebab sekarang ini macam seolah-olah masih lagi dari kosong. Jadi kita mula dengan satu, dua, tiga, empat dan lima. Kalau kita terus mulakan dengan 10 mungkin akan dicantas separuh jalan. *Let start small*, dengan izin. Jadi kalau katakanlah..

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya terpanggil untuk respons kepada cadangan untuk mewujudkan satu badan untuk agama-agama lain.

Sebenarnya Kerajaan Sarawak telah pun menubuhkan satu unit yang dipanggil sebagai UNIFOR, unit untuk agama-agama lain selain daripada kita ada Jabatan Agama Islam Sarawak.

Kita menubuhkan unit untuk agama-agama lain disebut *short form* nya UNIFOR dan ia telah berfungsi dengan baik dan diterima oleh boleh katakan semua agama bukan sahaja agama-agama lain bahkan orang Islam sendiri pun menerima penubuhan unit ini dan saya rasa kita boleh jugalah mengambilnya sebagai satu *reference* kepada penubuhan unit yang dicadangkan tadi. Terima kasih.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak macam kita dalam bahasa Inggeris nya kita *moving somewhere*. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat dalam bahasa Inggerisnya *pick-up* benda ini dan bawa ke depan untuk memastikan bahawa apa yang diperlukan oleh seluruh rakyat Malaysia menjadi kenyataan dan kita berjaya menjadi kerajaan yang orang kata mengamalkan konsep inklusiviti. Semua rakyat diambil kira, dibela dan kepentingan rakyat kita berikan yang terbaik kepada mereka.

Soalan terakhir saya tentang ini ialah sekiranya ada halangan-halangan tertentu mungkin Yang Berhormat Menteri boleh bawa balik ke sini dan kita bincang mengapakah benda ini mustahil untuk dilaksanakan dan kita sama-sama cari jalan untuk menjayakan apa yang kita hasratkan.

Seterusnya ini juga melibatkan Jabatan Perdana Menteri, ini melibatkan khusus masyarakat Siam. Pada tahun-tahun yang lepas, kita telah mendapat peruntukan sekian banyak untuk kelas-kelas bahasa Thai di wat-wat seluruh negara. Kita ada 65 wat yang mengadakan kelas-kelas bahasa Thai untuk mengajar anak-anak masyarakat Siam dan juga ada masyarakat lain yang juga yang datang mendapatkan perkhidmatan ini. Ada masyarakat Cina, ada masyarakat India- di mana berdekatan dengan penempatan mereka, anak-anak mereka juga dihantar ke tempat ini.

Mereka telah mendapat faedah daripada bahasa Thai ini tapi pada tahun ini walaupun kita dapat peruntukan yang kurang daripada dulu, saya tetap mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM325 ribu kepada sekolah-sekolah ataupun kelas-kelas bahasa Thai ini di seluruh negara. Jadi kami sedang dalam proses untuk mengagihkan kepada kelas-kelas ini kerana ia melibatkan bilangan yang besar.

Kos ini kalau dikira dengan jumlah yang diperlukan memanglah tidak cukup kerana kelas ini memerlukan macam-macam kos termasuklah bil air, bil api yang penting ialah bayaran ataupun sugu hati kepada tenaga pengajar. Saya tidak menggunakan istilah guru kerana itu tidak

betul kerana mereka bukan guru, tidak layak jadi guru tapi mereka ada kemampuan ada pengetahuan untuk mengajar.

Jadi saya namakan mereka sebagai tenaga pengajar. Mereka juga perlu diberi sedikit sugu hati kerana ada tempat menggunakan hujung minggu untuk mengajar, ada sesetengah tempat menggunakan petang selama dua, tiga jam setiap hari untuk mengajar. Mereka ini mengorbankan masa dan tenaga mereka untuk mengajar anak-anak. Jadi sedikit sugu hati kepada merekalah tetapi jumlah ini kita terpaksa orang kata 'berbeda-beda' apa yang adalah, itu saja yang dapat. Jadi saya ingin memohon kepada Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan, menyediakan peruntukan yang secukupnya dan menyediakan secara tahunan kerana selama ini kita terpaksa memohon setiap tahun.

Jadi setiap tahun kena mohon, tidak mohon tidak dapat, mohon tidak tentu dapat, dapat pun tidak tentu banyak dan dapat tak cukup. Jadi saya ingin memohon supaya diadakan peruntukan ini setiap tahun macam peruntukan di jabatan lain, di kementerian lain dan bolehlah diletakkan di mana-mana kementerian atau jabatan ataupun Menteri. Saya nampak sekarang ini yang paling sesuai ialah mungkin di bawah Menteri yang jaga perpaduan, ada Jabatan Perpaduannya mungkin boleh diletak di situ untuk diagihkan setiap tahun.

Seterusnya, untuk makluman Dewan yang mulia ini masyarakat Siam ada lebih kurang 100 wat *to be exact* 103 wat di seluruh negara. Jadi di dalam kawasan wat tersebut ada kawasan untuk upacara agama, ada kawasan lain yang luas lagi ialah kawasan umum. Mereka sesiapa sahaja boleh masuk, itu kawasan umum macam padang, macam kawasan umum. Tidak ada sensitiviti untuk orang yang bukan agama Buddha untuk masuk ke dalam wat tersebut. Di situ ada dewan, di situ ada tandas, di situ ada kawasan lapang, kawasan *parking* dan sebagainya. Di situlah tempat tumpuan masyarakat Siam, pelbagai aktiviti dilakukan. Oleh itu, infrastruktur asas seperti tandas, seperti dewan orang ramai dan sebagainya perlu disediakan.

Jadi saya harap dan saya mohon sekali lagi daripada JPM, kerana saya tidak tahu hendak bagi menumpang ke kementerian mana untuk menyediakan peruntukan ini, untuk membolehkan bangunan-bangunan ini yang belum ada diadakan, yang ada yang rosak dibaiki supaya faedah daripada ini dapat dinikmati oleh masyarakat setempat.

Saya yakin sekiranya siapa sahaja yang ingin menggunakan dewan orang ramai di kawasan wat tersebut dan berhubung dengan pihak wat, saya rasa tidak ada alasan untuk mereka menolak, hendak buat jamuan kah, hendak buat kenduri kah, hendak buat kursus ataupun sukan di dalam *in house*, sukan dalaman pun boleh.

Jadi satu perkara lagi yang diperlukan oleh masyarakat Siam di sini ialah krematorium. Saya menyebut krematorium ini ialah kerana kaedah untuk orang kata melengkapkan ataupun menyempurnakan kematian bagi masyarakat Siam atau yang beragama Buddha ialah melalui kaedah krematorium.

■1210

Jadi saya ingin, pertama sekali saya ingin memohon kepada Kementerian Pendidikan ataupun DBP untuk mengadakan istilah yang sesuai untuk kaedah ini kerana hendak kata pembakaran mayat dan pembakaran jenazah dia macam bunyi kurang sedap sikit. Kalau katakan orang yang menanam ataupun mengebumikan jenazah, kita ada istilah kebumi. Akan tetapi kalau yang lain itu kalau kita gunakan istilah mengudarkan kerana dibakar dan di biar ke udara. Itu ditanam dan dikebumikan. Jadi saya harap kalau ada DBP boleh datang dengan perkataan yang sesuai supaya kita gunakan dengan mudah tanpa rasa sensitif kerana apabila digunakan istilah itu macam ia- tidak rasa sedap di hati. Okey, jadi saya harap kita adakanlah istilah yang sesuai.

Apa yang penting adalah kita memerlukan peruntukan untuk menyediakan krematorium. Kalau di kampung-kampung masyarakat Siam masih banyak lagi tempat yang gunakan kaedah tradisional yang tidak sesuai kerana sesetengah tempat itu dah dekat dengan pembangunan, perumahan, bandar dan sebagainya. Ia menjadi macam seolah-olah macam *open burning*. Jadi saya harap peruntukan disediakan untuk krematorium ini.

Satu krematorium kosnya dalam sekitar RM300 ribu. Jadi sekiranya untuk membolehkan ramai pihak yang dapat, ramai tempat dapat, mungkin kita guna kaedah geran sempadan. Kerajaan keluar RM1, orang kampung dan masyarakat keluarkan RM1 untuk *matching grant*, geran sempadan. Jadi, dengan kaedah ini, ramai yang akan dapat faedah dengan peruntukan yang sama dan kerajaan dapat memastikan bahawa peruntukan yang digunakan itu digunakan dengan ROI dia tinggi. Saya harap pihak JPM dapat menyediakan peruntukan ini.

Sekali lagi saya memohon kepada Menteri di JPM yang menjaga perpaduan tolong *pickup* perkara ini. Ini kerana itulah tempat tumpangan kami kerana Menteri di JPM menjaga perpaduan, menjaga kumpulan minoriti. Kawan saya Yang Berhormat Dato' Isa, Orang Asli dan saya orang Siam. Itu di bawah Menteri di JPM.

Seterusnya saya hendak bangkitkan tentang elemen perpaduan juga. Sebelum ini Jabatan Perpaduan ada jawatan Pembantu Penggerak Perpaduan di pelbagai tempat termasuk untuk masyarakat Siam. Jadi kami ada satu di Kelantan dan di Kedah. Akan tetapi apabila berubah pentadbiran, semua jawatan tersebut - kerana itu jawatan yang *so-called* jawatan politik. Jadi telah dimansuhkan dan kita tidak ada pegawai tersebut. Pegawai tersebut berfungsi untuk

membantu kerajaan mendekatkan kerajaan dengan rakyat. Jadi, tanpa pegawai tersebut banyak program yang terpaksa menjadi masalah untuk diuruskan, dia punya penghubung telah terputus.

Jadi saya harap kerajaan dapat menimbangkan dan Jabatan Perpaduan dapat memohon dengan kerajaan untuk mewujudkan jawatan tersebut. Tidak pastilah sama ada dalam bentuk kontrak, dalam bentuk sementara ataupun jawatan tetap. Akan tetapi yang penting adalah ada jawatan tersebut untuk memberi faedah kepada kerajaan.

Satu lagi yang saya hendak sebutkan di sini adalah tentang bagi sesetengah orang agak sensitif bila kita sebut perkataan ketum itu sensitif sedikitlah tetapi sesetengah orang itu rasa seronok. Ketum ini telah dibangkitkan di Dewan Rakyat banyak kali dan macam-macam dalam berita kita baca. Pihak RISDA mohon supaya di-legalize-kan, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih. Jadi saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan, PDRM, Kementerian Dalam Negeri dan AADK ini. Saya tidak mahu melihat tentang isu penagihan dan sebagainya. Itu isu KDN dah sedia maklum. Akan tetapi saya hendak melihat dari segi aspek lain, aspek ekonomi. Semua orang terima laporan-laporan daripada kajian Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia tentang kebaikan ketum, macam-macam dinyatakan. Saya tidak mahu mempertikai, saya tidak mahu mengiakan sebab saya tidak ada kemahiran. Akan tetapi katanya, kalau katakanlah mereka yang orang kata ada ayam tidak berkokok, itik tidak menyudu itu, kalau minum ketum itu, dia berkokok balik. Saya tidak pastilah... *[Dewan ketawa]* Itu cubalah sendiri. Ada ayam di rumah dan ada itik di rumah.

Akan tetapi isu sekarang adalah, apabila sebut mengenai ketum kita kaitkan dengan penagihan, katanya ketagih daun ketum. Akan tetapi bila ditanya-tanyakan di lapangan sebenarnya bukannya ketum itu menjadi punca utama tetapi yang dicampurkan itu, macam-macam dicampurkan, dadah. Jadi, yang mendapat nama ketum. Jadi, itulah. Jadi saya hendak biarkan yang isu itu biarlah isu polis dan sebagainya tetapi...

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Boleh mencelah.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Ya, sila.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Ketum ini menjadi isu banyak kaum termasuk jugalah Orang Asli. Apabila kita cakap soal ketum ini, kita tidak nampak satu entiti badan yang betul-betul fokus

untuk mengawal selia ketum ini. Saya mencadangkan supaya ada satu Lembaga Ketum Negara bagi melihat perkara ini. Sekian, terima kasih... *[Dewan ketawa]*

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak sambung cerita Yang Berhormat itu tentang Lembaga Ketum Negara itu. Saya rasa dalam 10 tahun lepas apabila kerajaan berhenti untuk memberikan subsidi kepada penanam-penanam tembakau, jadi masa itu kita bising untuk cari alternatif yang sesuai untuk menggantikan tembakau. Tembakau masa itu paling tinggi harganya mungkin sampai RM14 sekilo, RM8 hingga RM14 sekilo.

Jadi, hendak cari apakah tanaman yang sesuai yang setanding dengan harga tembakau. Masa itulah timbul yang cerita lebih kurang Yang Berhormat kata tadi ketum adalah alternatif terbaik. Masa itu belum lagi diuar-uarkan sebelumnya. Jadi dengan lawaknya, masa itu dengan Menteri banyak kita tubuhkan satu lembaga baru, Lembaga Ketum macam Yang Berhormat kata. Silakan... *[Dewan ketawa]*

Dato' Zahari bin Sarip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon celahan. Saya ada pengalaman Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Pengalaman ketum?

Dato' Zahari bin Sarip: Bukan... *[Dewan ketawa]* Saya belum pernah minum ketum. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa individu yang bila saya tanya kenapa minum ketum, dia kata saya minum sebelum pergi ke hospital atau klinik untuk pemeriksaan kesihatan terutamanya kencing manis. Dia kata ada membawa kebaikan. Itu saya tidak pasti. Pertamanya saya tidak minum ketum. Kedua, saya tidak ada kencing manis.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada satu peristiwa di kawasan saya, apabila AADK menyerbu satu kebun yang menjadi lokasi orang kampung masak ketum. Masak ya? Dia panggil masak. Dia masak ketum. Jadi- rebus. Minta maaf, rebus. Jadi AADK rampas periuk itu bawa balik ke pusat AADK dan kemudian pulang balik. Dia kata tidak ada campuran. So, maksudnya pada pandangan saya AADK hanya mendapati ia salah jika ada campuran seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Kesan dadah.

Dato' Zahari bin Sarip: Jadi, ia seolah-olah sama seperti dadah. Penyalahgunaan dadah. Dadah ada di dalam ubat akan tetapi yang salah adalah penyalahgunaan. Jadi saya ingin pandangan Yang Berhormat, saya setuju tentang - bukan lembaga tetapi mesti ada satu unit yang mengkaji. Oleh sebab di Dewan Rakyat tidak silap saya, ada cadangan oleh salah seorang Ahli Dewan supaya ketum ini dijadikan satu yang sah untuk perubatan.

Jadi, apa salahnya pihak kementerian mengkaji supaya dapatkan satu keputusan yang mana ketum yang boleh diminum, yang mana tidak boleh. Ataupun dapat sesuatu keputusan bahawa ketum ini sesuai untuk kesihatan dan sebagainya sebab masyarakat *confused*, masyarakat keliru ketum ini baik atau tidak. Apa pandangan?

■1220

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat, tentang agensi yang perlu menjaga ketum ini saya rasa saya pulangkan kepada kerajaanlah sama ada Kementerian Kesihatan ataupun kementerian baharu hendak jaga dan sebagainya. Ini kerana sekarang ini isu yang utama adalah macam mana kita hendak memanfaatkan ketum ini. Ini kerana kita dapati bahawa itu hari dalam laporan surat khabar di Kedah rasa beratus ekar apabila kajian menggunakan dron untuk tengok ambil gambar itu memang nampaklah gambar dalam surat khabar berhektar-hektar tanaman ketum.

Jadi tetapi kita kata tanaman ketum tidak salah, yang salah apabila kita jual, minum dan sebagainya. Jadi bila orang kata bagi ibaratkan macam kahwin boleh, sentuh tak boleh. Lebih kurang macam itulah kan tanam boleh, jual tak boleh, minum tak boleh, eh tanam buat apa, habis kahwin buat apa. Jadi sekarang ini saya hendak minta kerajaan bagi perhatian kita ada bangkai dalam almari ini. Kita cuma tak ambil peduli sahaja memang busuk isu penagihan katakanlah dadah bersama ketum itu memang isu kita, tak boleh nafikanlah ada di merata tempat, daripada Utara sampai ke Selatan.

Akan tetapi kita macam seolah-olah menafikannya tutup sebelah mata. Jadi saya cadang kalau katakanlah kita tidak boleh lagi *why not* kita memanfaatkan. Tukar krisis kepada peluang, tukar masalah kepada keuntungan dan sebagainya. Ini kerana daripada ketum ini kita boleh buat satu pendapatan yang tinggi bukan untuk orang menagih tidak, tetapi ada kajian-kajian yang menyatakan bahawa di sebelah negara Barat mereka gunakan bahan dalaman daun ketum itu apabila di ekstrak ada dia punya kebaikannya.

Jadi kenapa tidak kita manfaatkannya bagi kebenaran kepada orang menanam secara berlesen. Kita lesenkan, kita bagi syarat contoh Yang Berhormat ada tanah tiga hektar, kita lesenkan kepada Yang Berhormat untuk menanam dengan syarat pagarnya tinggi 10 kaki macam penjara itu dengan dawai besi, duri dan sebagainya dan kita bagi kuota kepada Yang Berhormat untuk jual kepada kilang atau syarikat yang telah dillesenkan dan lesen- kilang itu pula kita boleh audit keluar masuk daun ketumnya.

Jadi sepanjang rangkaian pengeluaran dan juga pengeksportan kita ada kawalan tetapi pastinya adalah yang ter bocor atau tercicir itu tetapi itu sudah tugas pihak berkuasa untuk

memastikan bahawa keciciran atau ketirisan diminimumkan. Jadi kita dapat manfaat daripada ketum tersebut, orang kampung dapat menanam, hasil dapat, kerajaan dapat hasil dan semua sepanjang rantaiannya itu mendapat hasil. Kalau tidak kita akan macam ini kita dalam bentuk *denial*, dengan izin, tetapi tak ada siapa yang dapat faedah. Masalah masih berlaku di atas lapangan jadi saya harap...

Puan Asmak binti Husin: Mohon pencelahan.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Ya sila.

Puan Asmak binti Husin: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Asmak binti Husin: Saya ingat saya bersetuju jugalah dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Zahari tadi, kita perlu ada keputusan mana boleh minum, mana tak boleh minum. Cuma isu membuka ladang ini adalah isu yang mungkin kita perlu fikir panjanglah sebab kita takut jadi macam kenaf satu hari dulu sebab Kelantan kita pernah daripada tembakau berpindah ke kenaf. Akan tetapi rupanya apabila kita tanam kenaf kita ada isu dari sudut pasaran dan kita tak boleh berlawan dengan negara Thailand contohnya saya ada bincang dengan Yang Berhormat Dato' Isa. Jadi akhirnya ia membebankan juga para petani.

Kita bimbang kalau misalnya kata kita buka ladang ketum, tiba-tiba pasaran itu terpaksa bersaing dengan luar dan fasiliti untuk mengilangkan dijadikan *lab* farmasi dan sebagainya tidak ada akhirnya lebih itu pergi ke mana akan disalahgunakan. Daripada hari ini memang kita kata dadah sudah sintetik ini dibuat dalam lab. Jadi kita bimbang yang ada sekarang ini pun sebenarnya salur dekat mana yang banyak-banyak itu, itu pun kita kena ada kajian pasaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat, pastinya saya rasa kerajaan yang bertanggungjawab tidak akan esok bangun pagi-pagi terus pakai baju dan buka kilang tidak. Kajian perlu adakan dan segala risiko-risiko yang sepatutnya kita ambil kira, diambil kira sebelum kita buat keputusan tetapi apa pun keputusan mesti dibuat. Kalau tidak nanti kita orang kata tidak membuat keputusan adalah keputusan. Macam Bahasa Inggerisnya *I decide not to be side* itu pun keputusan juga. Saya harap kerajaan orang kata tangkaplah lembu itu dengan di tanduknya daripada kita tangkap ekor, tangkap ekor dia tanduk balik. Tangkap di tanduknya *take the bull by the horns* barulah kita dapat selesaikan masalah ini.

Kalau tidak nanti tidak akan selesai. Saya rasa itulah isu-isu yang saya hendak bangkitkan dan hari ini adalah peluang saya bercakap terakhir untuk *terms* sayalah. Saya ada lagi minggu depan saya akan habis pada 14 hari bulan *which is on the weekend*. Apa pun saya ingin

meninggalkan sesuatu untuk Dewan ini. Saya coretkan sesuatu semasa Merdeka hari itu, saya harap kita dapat berkongsi di sini kerana semangat sayangkan Malaysia, saya, dengan Yang Berhormat semua saya rasa tidak kurang okey cuma kita berbeza etnik, beza agama sahaja okey... [Tepuk]

*62 tahun Merdeka negaraku tercinta,
Tahniah kepada kita.*

*Sekian jauh diharungi bersama,
Masih panjang perjalanan kita,
Setiap kita tidak sama,
Berbeza etnik berlainan agama,
Tetapi negara ini tanah tumpah darah kita semua.*

*Hentikan prejudis hindari sengketa,
Untuk apa kita pertikai bangsamu bangsaku,
Mana satu yang lebih mulia,
Agama jua dari pesaka.*

*Lahir kita bukan kita yang tentu,
Siapa bapa siapa ibu,
Yang datang semuanya sudah pergi,
Yang tinggal semua lahir di sini.*

*Bumi Malaysia akan mereka punyai,
Tunjukkan kepada mereka cara menjaga,
Saling hormat saling percaya,
Budaya bahasa milik semua.*

*Usah menidakkan hak antara kita,
Hanya beralaskan datuk siapa datang dulu,
Nenek siapa tiba kemudian,
Muhasabahlah dulu sumbangan kita kepada bangsa, kepada negara.*

*Apa jua hujah tiada siapa boleh nafikan,
Hak dan sangsikan taat setia setiap warga,
Sesama kita tiada wajar untuk persoal,
Jauh sekali oleh orang asing tiada dikenali,*

*Kita mulai leka,
Menambah garam kepada luka,
Kita juga lupa,
Silaturahim antara kita masih baru mahu teguh.*

*Kita alpa.
Keluh akan menjadi kecoh,
Jika kita terus berkeras,
Itu hak aku, ini bukan hak kamu.*

*Sedang kita leka berkokok,
Ekor kita entah di mana duduk,
Kita bagaikan sesama kerbau bertandukkan.
Pastinya ada yang luka,
Lembu, kambing, ayam dan itik pasti tertanya,
Ke mana hilang cerdik kita atau akal sudah tiada.*

*Orang tua sering berpesan,
Muafakat membawa berkat.
Saling sepakat sebelum diaju,
Elak sekutu bertukar seteru,
Kita akan rugi kamu dan aku.
Jika seusia 62 semua masih celaru,
Ayuh kita ubah minda, sikap dan laku,
Demi Malaysiaku yang hanya satu... [Tepuk]*

Jadi saya akhiri dengan ucapan sini saya mohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, rakan-rakan senator semua yang telah memberi tunjuk ajar, memberi teguran, memberi pedoman kepada saya sepanjang tempoh saya berkhidmat di sini.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, mohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua sebab...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak kebenaran untuk apa?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Untuk saya hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan sesi saya...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Itulah minta kebenaran, saya rasa kita hendak mulakan budaya yang baik di Dewan Negara kepada ucapan yang sebaik ini kita boleh bangunlah bagi sokongan... [Tepuk] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya suka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini saya hendak ucapkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Tuan Aknan kerana dalam persidangan yang telah dilalui oleh Yang Berhormat semasa walaupun hari Sabtu adalah hari terakhir tetapi hari ini adalah hari terakhir bagi duduk dalam sidang Dewan.

■1230

Dengan rendah dirilah saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana segala perbincangan yang teratur dan budi bicara Yang Berhormat ini akan menjadi suatu tunjuk cara kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan datang dan berjuang dalam Dewan yang murni ini. Sekian dan diucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat kita ada usul.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua sebelum saya saya bacakan usul, saya juga minta kebenaranlah untuk menyatakan sepatah dua kata.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: ...Tentang Yang Berhormat Senator Tuan Akan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Pantun Yang Berhormat?

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Saya tidak berapa arif dalam pantun. Cuma saya ingin menyatakan pertama sekali saya amat berterima kasih pada Yang Berhormat yang telah sekian lama berkhidmat untuk negara di Dewan yang mulia ini dan saya ingin menyatakan bahawa saya amat terharu dengan apa Yang Berhormat bacakan tadi. Setiap kata-kata dalam apa Yang Berhormat nyatakan itu mempunyai makna yang amat dalam.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab terhadap perpaduan negara dan kesejahteraan sosial, saya berterima kasih kepada apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi dan sekiranya Yang Berhormat setuju, saya ingin *share* apa Yang Berhormat bacakan tadi dalam *Facebook* dan juga dihantar kepada semua rakan-rakan kita Jabatan Perpaduan dan juga KRT. Kita mempunyai 8,250 KRT di seluruh negara. Semoga mereka semua dapat membaca dan menghayati apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi. Boleh ya Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.32 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas ke atas DR. 32/2019, Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 16 Disember 2019.”

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong Yang Berhormat?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Sambung perbahasan. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh.

12.33 tgh.

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini saya ingin mengalu-alukan kedatangan Delegasi Persatuan Kebajikan Perkhidmatan Tamil Penang ke Dewan yang mulia ini. Diharapkan lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana berjaya membentangkan Belanjawan 2020 ini buat kali kedua selepas Pakatan Harapan menjadi kerajaan. Dalam pembentangan belanjawan kali ini kerajaan telah berjaya membuat peruntukan yang seimbang kepada semua aspek masyarakat dan memberikan kepentingan kepada pembangunan negara walaupun keadaan ekonomi global yang amat mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng di Parlimen baru-baru ini menyaksikan

penurunan sebanyak 5.57 peratus iaitu RM297.020 bilion berbanding dengan peruntukan sebanyak RM314.55 bilion pada Belanjawan 2019. Menurut Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, Kerajaan Pakatan Harapan telah membentangkan Belanjawan 2020 dengan menyediakan peruntukan tambahan meskipun kerajaan sedang menanggung bayaran hutang yang melebihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek pendidikan, sudah tentu kita mahu yang terbaik dan memerlukan dana besar. Keutamaan kepada kementerian ini adalah memastikan proses penyaluran peruntukan terbesar dalam belanjawan ini akan dipantau kerana tidak mahu berlaku ketirisan. Ingin saya cadangkan juga beberapa dasar yang boleh membantu kerana tidak mahu kerajaan walaupun di luar perbelanjaan ini iaitu pelepasan cukai kepada syarikat-syarikat atau individu yang memberi sumbangan kepada sekolah atau *endowment* kepada universiti.

Ini dapat menjimatkan juga bajet daripada kerajaan kita dan organisasi dan masyarakat ini dapat bersama untuk membangunkan pendidikan untuk masyarakat dan anak-anak kita ini. Saya juga melihat peruntukan tetap diberikan kepada semua jenis sekolah termasuk sekolah agama, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan berharap kemudahan pendidikan negara dapat lebih diperbaiki. Cuma apa yang saya ingin tekankan di sini ialah peruntukan yang disalurkan harus selaras dengan keperluan sekolah tersebut. Contohnya, terdapat sesetengah sekolah yang memerlukan kos yang lebih tinggi untuk memperbaiki atau baik pulih semua sekolah dan rakan-rakan mereka.

Saya juga berharap terdapat pemantauan yang berkala daripada pihak kementerian supaya projek-projek yang dilaksanakan itu dipantau oleh kerajaan. Saya ingin *share* satu, dua perkara yang berlaku di kawasan Selangor di mana banyak sekolah yang telah dibina dalam keadaan yang amat menyedihkan dan struktur-strukturanya pula reput dan retak. Ini akan membahayakan anak-anak kita yang belajar di sana, supaya kita dapat mengambil satu tindakan yang cepat dan segera supaya perkara-perkara ini diambil kira dan diperbaiki secara secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2020 ini meliputi semua bidang sebagaimana yang dimasukkan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama dan memberi ruang yang agak luas kepada semua kumpulan dan masyarakat kita sama ada di bandar, luar bandar, yang miskin, orang muda dan sebagainya. Ini bukti yang jelas bahawa pihak Kerajaan Pakatan Harapan prihatin tentang semua golongan dalam masyarakat kita dan kita harap dengan bajet yang akan dilaksanakan tahun depan akan memberikan banyak faedah-faedah kepada peringkat masyarakat di negara kita.

Contohnya ialah peruntukan kebajikan polis kerana sejak sekian lama mereka sudah menunggu, mereka pada waktu lepas tidak banyak yang diberikan perhatian. Akan tetapi kita berikan perhatian utama kepada soal kebajikan mereka supaya dengan ini mutu perkhidmatan dan semangat kerja itu lebih baik. Saya juga mohon jasa baik kementerian untuk membuat pemeriksaan di semua balai polis dan juga pejabat IPD di mana keadaan infra dan struktur mereka amat membahayakan dan merunsingkan, *actually*.

Dari aspek pertahanan dan kebajikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pula, berlaku peningkatan daripada RM120 juta kepada RM150 juta dan pertama kali bayaran *one-off* diumumkan dalam belanjawan kepada penerima Pingat Jasa Malaysia (PJM) dan juga yang tidak berpencen. Saya amat menghargai dan berharap tahun-tahun yang akan datang, peruntukan yang lebih besar diberi kepada warga-warga keselamatan yang menjaga keselamatan dan keamanan negara bagi pihak semua masyarakat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek kesihatan pula, saya berharap Kementerian Kesihatan akan menggunakan peruntukan berkenaan bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat khususnya kepada penduduk di kawasan luar bandar, golongan miskin, Orang Asli dan orang asal. Ia juga akan membawa penjagaan kesihatan primer kepada hospital kembali kepada komuniti, rumah pesakit dan individu khususnya kepada golongan B40.

Orang Asli, orang asal dan rakyat di kawasan pedalaman juga akan mendapatkan faedah-faedah yang berikut supaya mereka dapat menjaga dan menikmati sistem kesihatan yang lebih baik. Ia sekali gus menyatakan aspek kesihatan rakyat terutamanya golongan B40 menjadi keutamaan di bawah kerajaan Pakatan Harapan.

Namun, saya juga mahu Kementerian Kesihatan mengambil perhatian di sini iaitu kesihatan Ahli Parlimen. Dengan perasaan sedih kita telah kehilangan dua Ahli Dewan Negara dan seorang Ahli Dewan Rakyat pada tahun ini berikutan masalah kesihatan. Saya juga rasa tiba masanya Ahli-ahli Parlimen dan wakil rakyat menjalani ujian kesihatan bagi memastikan dirinya sihat supaya mereka menjalankan tugas-tugas dengan lebih baik dan aktif.

Saya juga mohon agar peruntukan ini dapat dirasai oleh pemegang-pemegang kad merah. Buat masa ini hanya pemegang kad biru dapat faedah-faedah di hospital kerajaan, supaya pemegang kad merah yang telah bermastautin di negara kita lebih daripada 10 tahun diberikan *benefit* yang sama kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat dari sektor perumahan pula, skim pembiayaan sewa untuk memiliki dan bertujuan membantu mereka yang tidak mampu membayar deposit 10 peratus dan sukar mendapatkan akses pembelian rumah, pembiayaan sebanyak RM10 bilion akan

disediakan oleh institusi kewangan dengan sokongan kerajaan melalui penyediaan jaminan sebanyak 30 peratus atau RM3 bilion. Di bawah program berkenaan kerajaan akan memberi pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas instrumen pindah milik antara pemaju, institusi kewangan dan pembeli.

Namun begitu saya ingin memberikan penekanan di sini bahawa kerajaan juga perlu memberikan tumpuan kepada golongan belia yang masih gagal memiliki rumah walaupun mereka sudah berkahwin. Pinjaman perumahan kepada golongan berkenaan perlu dilonggarkan kerana rumah adalah keperluan asas dalam kehidupan mereka. Kajian lebih mendalam diperlukan untuk memastikan pelaksanaan platform *crowdfunding* atau pendanaan awam dan hartanah yang diumumkan dalam Belanjawan 2019 mencapai matlamatnya.

■1240

Ketidakpadanan antara pendapatan dan harga rumah adalah masalah sebenar yang menyebabkan ramai rakyat tidak mampu memiliki rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek sukan pula, program Pembangunan Bola Sepak Negara-*National Football Development*, dengan izin, program ini menerima suntikan dana sebanyak RM45 juta untuk tahun 2020 berbanding RM15 juta pada tahun 2019. Ini membuktikan keseriusan kerajaan dalam keberlangsungan program ini dalam melahirkan lebih ramai pemain bola sepak berbakat di negara kita.

Saya rasa kita semua sudah tentu menantikan Skuad Harimau Malaya akan menjulang nama negara di peringkat antarabangsa. Kita berharap ia akan berlaku di bawah peruntukan ini. Lebih ramai individu yang berbakat akan mempunyai peluang yang lebih besar. Saya juga menyeru Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) supaya memperkenalkan aspek turun padang mencari bakat pemain-pemain di kawasan luar bandar. Saya juga syorkan kementerian supaya mencari bakat-bakat seawal daripada sekolah rendah yang lebih layak dan berkualiti.

Selain itu, saya juga ingin menyifatkan inisiatif berkaitan e-sukan yang diumumkan kerajaan pada Belanjawan 2020 ini akan memberikan pengiktirafan dan pemerksaan kepada belia untuk meneruskan minat mereka dalam permainan dan sukan e-sukan. Ini adalah permulaan yang baik dan akan menjadikan Malaysia dalam hab e-sukan di rantau ini dan akan menjadikan sebahagian daripada industri permainan teknologi tinggi secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) dengan peruntukan RM1 bilion akan terus menggalakkan perkembangan ekonomi digital. Pelan berkenaan juga akan membangunkan infrastruktur jalur lebar dalam usaha memastikan

pengagihan spektrum dilaksanakan dengan lebih efektif. Perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi disasarkan mencapai 30 Mbps di kawasan luar bandar serta kawasan terpencil dalam tempoh lima tahun bagi membolehkan Malaysia mencapai infrastruktur bertaraf dunia dengan harga yang berpatutan.

Penerusan Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) dengan penambahan peruntukan sebanyak RM30 juta akan terus menggalakkan penghasilan filem Malaysia bertaraf antarabangsa. Ia akan memberikan peluang kepada pengarah dan penerbit filem tempatan mencipta nama di arena global.

Pengecualian cukai kepada perkhidmatan khusus yang ditawarkan dalam kalangan perniagaan berdaftar akan diberikan bermula 1 Januari tahun hadapan adalah tindakan bijak kerajaan supaya ini dapat memberikan persaingan hebat untuk perkhidmatan khusus. Langkah ini bagi mendapatkan balik kecekapan dan keberkesanan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dilaksanakan semula.

Kaedah itu adalah akan menangani peningkatan kos akibat percukaian berganda dan mengekalkan daya saing industri perkhidmatan tempatan. Pengenalan sistem kredit untuk potongan Cukai Jualan mulai 1 Januari tahun hadapan juga untuk mengurangkan beban pengilang kecil berdaftar dan memberikan input perbuatan dari pengimport bukan pengilang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata dalam perbahasan saya ini, Belanjawan 2020 ini yang menyediakan peruntukan tambahan kepada pelbagai sektor membuktikan kedudukan kewangan Malaysia masih kukuh. Pembentangan Belanjawan 2020 bertema Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama. Itu menepis dakwaan ramai bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak boleh mentadbir negara dengan baik. Namun, masih terdapat penambahbaikan perlu dilakukan supaya pembangunan ekonomi dan masyarakat yang matang dan mapan boleh dilaksanakan. Sekian perbahasan saya pada hari ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Akin A/I Ehtook, kita ada majlis tamat tempoh. Pada 18 hari bulan malam, kita akan ada majlis makan malam. Ada seramai 18 orang yang akan datang. So, saya berharap semua Ahli Yang Berhormat ini akan hadir untuk majlis tersebut.

Okey, silakan Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh.

12.44 tgh.

Tuan Nga Hock Cheh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang mengambil bahagian berbahas Belanjawan 2020. Saya masih ingin memohon keizinan...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, silakan. Silakan.

Tuan Nga Hock Cheh: Bila perlu berbahas dalam bahawa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan berkata Wawasan 2020 akan berjaya jika tidak disebabkan oleh skandal kewangan, rasuah dan salah tadbir urus kerajaan lama. Menurut beliau, untuk meneruskan matlamat Wawasan 2020, satu *trajectory* penubuhan baharu berasaskan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, *it is say that the heart of a matter is the matter of the heart for from it flow the springs of life.* Ini kerana dari situlah terpancar kehidupan. Oleh itu, untuk SPV 2030 berjaya, kita perlu ambil berat prinsip kepercayaan kepada tuhan di dalam Rukun Negara dan juga ajaran Isa bahawa kita menyayangi tuhan dengan sepenuh hati dan menyayangi jiran semacam diri sendiri. Kerajaan harus cuba mempertingkatkan *at his empower all her citizens, irrespective of race, grid or culture. So that they can collectively and individually be empowered to help one another to made Malaysia great again as a roaring tiger in Asian.*

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan telah menerima peruntukan yang terbanyak sekali, lebih kurang RM59.2 bilion. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari bahawa pelajar-pelajar yang dapat *straight A's* terus diberi tempat dan biasiswa di IPTA. Tempat yang lain diberi kepada pelajar-pelajar yang lain yang ada keputusan yang baik.

On the issue of affirmative action and quota, I think we can learn the wisdom of Mandela. Bila this South Africa got independence from the Apartheid in 1990s, there were supporters that are seen for reservation education sector, government sector and private sector. Mandela jawab, dia tidak bersetuju sebab quota of reservation and product of reservation will destroy a whole nation. I quote his famous words displayed at the entrance of the University of South Africa, "Destroying any nation does not require the use of atomic bombs or the use of long-range missiles. It only requires lowering the quality of education and allowing cheating in the examinations by the students". Patients die at the hands of such great doctors. Buildings collapse at the hands of such dubious engineers. Money is lost at the hands of such bankers, economists and accountants. Humanity dies at the hands of such pseudo-religious scholars. Justice is lost at the hands of such corrupt judges. To collapse of education is the collapse of a nation.

■1250

Saya juga di sini hendak sentuh sedikit *the controversy surrounding the* peruntukan for *TAR UC*. Bila saya datang pada hari Isnin, saya menyedari bahawa Yang Berhormat Senator dari Pahang telah pindah tempat duduk. Mula-mula saya agak dia hendak cari kawan melalui jiran baharu dengan MOF. Akan tetapi selepas dengar ucapan atau perbahasan beliau, dia sememangnya hendak cari lawan dengan MOF. *The objection is over the RM40 million that was given to TAR UC through TARCian Alumni Association (TAA).*

So, Yang Berhormat dari Pahang pun mempersoalkan kredibiliti dan juga integriti TAA sebagai mekanisme di mana RM40 juta disalurkan. Saya merasa amat hairan ini TAA *is part of the overall set up of UTAR and here is a Senator questioning the credibility and the integrity of its own association.*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bapa, kalau kita hendak disiplin anak, kita tidak ambil dia kepada *public*, buka seluar dia dan pukul dia hadapan orang. Mana boleh buat demikian? Saya cadang Yang Berhormat tersebut harus menarik balik tuduhan tersebut atau mempersoalkan isu kredibiliti dan integriti TAA dan minta maaf dari alumni tersebut dan juga dari masyarakat Cina terutama penjaja- orang char kuey teow kerja kuat, derma kepada UTAR. Ini dia punya *appreciation of the students that graduated from its own university college. That is unacceptable.* Dia bukan seorang sahaja yang berbuat demikian.

Yang Berhormat Ayer Hitam juga membuat dakwaan yang berulang terhadap Yang Berhormat Menteri Kewangan. Di dalam akhbar *The Star papers online* pada 3 Disember, Yang Berhormat Ayer Hitam mendakwa Yang Berhormat Menteri Kewangan menindas *TAR University College* dan untuk menghentikan pendakwaan politik. *He also says as follows from The Star on the 1st, "An officer from the Finance Ministry has on November 26th, suddenly presented a letter at the TAR Board of Trustees meeting stating that the board is illegal because the trustees are all MCA members."*

Selepas itu dia bangkit satu persoalan penting tetapi memang keliru. *He says, "This is a shock to us. Since when there is a law or constitutional clause that prohibit a member of a political party from becoming a member of a foundation?"* Memang tiada undang-undang. Isu yang penting ialah Lembaga Pemegang Amanah ini mengikut memorandum sendiri menyatakan bahawa 50 peratus daripada ahlinya mesti *independent* punya *members*. Akan tetapi lembaga tidak mengikut peruntukan. Semua ahlinya dari MCA. Jadi macam mana MOF boleh bagi duit terus kepada satu lembaga yang telah melanggar undang-undang di negara?

Lagipun dia cakap- *he says he told the Minister of Finance not to prosecute TAR and then he will defend the college.* Kita semua tahu mulanya MCA ahli kongsi *alliance* bersama *equal partners*. Selepas itu, satu parti sudah jadi *dominant party*. *MCA was treated like an abuse partner. The PRU-14* hanya tinggal Yang Berhormat Ayer Hitam, nasib baik dengan bantuan PAS dan muafakat nasional tambah satu lagi 'Wee' di Dewan Rakyat. Jadi kedua-dua sekarang boleh *wee-wee, I mean we shared* lah, bukan *wee-wee*. Mungkin nanti salah faham.

So, how can MCA defend the people, this is just an empty bowls. It's better to be humble, the time has come bagi TAR UC berdikari dan berkembang. *In English, it is said time to cut the umbilical cord-* potong tali pusat... [Disampuk] Tali hayat? *Oh, sorry. I'm not so sure [Ketawa]* MCA sebenarnya dalam situasi orang Melayu cakap, telan mati emak, luah mati bapak. MCA sudah menggunakan kolej ini sebagai alat *political genetics*. Dia tidak peduli kebajikan dan apa-apa pelajar perlu di TAR UC tersebut.

Ada duit sebanyak RM634 juta. Saya hendak tahu...

Dato' Sri Ti Lian Ker: Minta laluan, minta laluan.

Tuan Nga Hock Cheh: *No, no.* Bagi habis dulu. Ini duit sini, berapa jumlah sudah diguna sebagai biasiswa untuk pelajar-pelajar. Berapa banyak jumlah duit telah diguna sebagai pinjaman dengan bunga yang rendah untuk pelajar-pelajar di TAR UC? Lembaga diam sahaja. Duit simpan di bank untuk dapat bunga. *Philanthropies* mahu derma duit untuk bina asrama. Tanah ada, sebab diberi oleh Kerajaan Negeri Perak. Banyak tanah ada. Kenapa tak mahu mendirikan asrama? Sekarang pelajar-pelajar hendak cari tempat duduk di merata-rata rumah.

Oleh sebab itu, tempat tak cukup, sewa naik. Ini kerja diakibatkan oleh siapa? Pihak politik yang kurang bertanggungjawab. Lebih suka duit *taruh* bank...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini kepada Kementerian Kewangan kah atau MCA?

Tuan Nga Hock Cheh: *No, no.* Sebab banyak serangan dibuat terhadap Menteri Kewangan...

Tuan Yang di-Pertua: Tak, tak. Saya faham Yang Berhormat, tetapi...

Tuan Nga Hock Cheh: So, kita nak...

Tuan Yang di-Pertua: Dengar Yang Berhormat. Secara munasabah, perbahasan ini bertujuan untuk bajet dan saya meminta Yang Berhormat supaya jangan pula gunakan masa yang diberi ini...

Tuan Nga Hock Cheh: *Okay, I will, I will...*

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana kalau Yang Berhormat ini hendak juga, saya kena beri masa kepada Yang Berhormat untuk menjawab fasal Yang Berhormat telah menamakan Yang Berhormat dari Pahang. Itu tidak munasabah lah. Saya tak nak kita ini bertengkar. So, kalau Yang Berhormat ini dah pukul 1. Lagi berapa minit, Yang Berhormat?

Tuan Nga Hock Cheh: Masa 10 minit, cukuplah [*Ketawa*]

Dato' Sri Ti Lian Ker: Salah fakta.

Tuan Nga Hock Cheh: Kita tanggung dulu, kemudian...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, nanti. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi pun nak mengatakan bahawa Yang Berhormat telah menyalahgunakan masa untuk menyerang parti walhal kita seharusnya tujukan kepada kerajaan.

Kedua, banyak salah fakta. Banyak *misrepresentation*...

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, tak apa Yang Berhormat. sekarang kita sambung balik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah pukul 1. Dewan ditempokkan sehingga 2.30 nanti.

[Mesyuarat ditempokkan pada 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi, saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat sudah makan ya. Terima kasih. Kita sambung semula.

Diminta Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh, silakan.

2.33 ptg.

Tuan Nga Hock Cheh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada satu peribahasa Melayu berbunyi, gendang gendut tali kecapi, kenyang perut seronok hati.

Timbalan Yang di-Pertua: Ha! Bagus. Baguslah [*Ketawa*] Saya pun senang hati.

Tuan Nga Hock Cheh: Saya hendak sambung di mana saya berhenti tadi. Bahasa Inggeris ada satu lain berbunyi, *a chain is only as strong at its weakest link*.

Tadi Yang Berhormat Senator dari Pahang ada keraguan sama ada TAA boleh menjalankan tugas dengan sempurna. Sepatutnya, saya ingat, Lembaga Pemegang Amanah

patut keluar RM40 juta juga *matching grants* untuk TAA menguruskan, membangunkan asrama untuk kebajikan dan lain-lain fasiliti untuk pelajar di TAR UC...

Dato' Sri Ti Lian Ker: Salah, salah- UTAR. Institusi berkenaan yang dirujuk ialah UTAR. Saya cuma hendak betulkan fakta. Tidak ada kena mengena dengan TAR UC. TAR UC banyak memberi lebih daripada RM40 juta, beratus-ratus juta.

Tuan Nga Hock Cheh: *Thank you.* Lagi pun, Yang Berhormat tersebut dari parti perkauman pun lupa rakan lamanya dari Barisan Nasional iaitu MIC juga ada *AIMST University*. Kenapa tidak buat permohonan supaya mereka juga diberi alokasi? DAP *multiracial* punya parti. Jadi, Yang Berhormat sudah lepas peluang untuk membuat rayuan kepada MoF memberi AIMST *the* peruntukan. Saya merayu kepada MoF menimbang untuk berilah sedikit geran juga kepada AIMST supaya mereka pun boleh menjalankan urusan universiti dengan licin.

So, having said that, Charles Dickens di dalam *A Tale of Two Cities* had this at the opening paragraph. "It was the best of times, it was the worst of times, it was the age of wisdom, it was the age of foolishness, it was the epoch of belief, it was the epoch of incredulity, it was the season of light, it was the season of darkness, it was the spring of hope, it was the winter of despair, we had everything before us, we had nothing before us, we were all going direct to heaven, we were all going direct the other way." Masa sudah tiba, MCA perlu *cut an umbilical cord and let the TAR UC* berdikari.

Saya juga hendak menarik perhatian mengenai penduduk B40 punya rumah *in respect of service chargers imposed on them*. Ini adalah sedikit teknikal. Saya mohon izin berbahas dalam bahasa Inggeris. *Although the Sewerage Services Act 1993 [Act 508] has been repealed in respect of its application to inter alia Peninsular Malaysia, several of the provisions are incorporated with the Water Services Industry Act 2006 [Act 655]. Under section 185 of the Water Services Industry Act, the subsidiary legislations enacted pursuant to the Sewerage Services Act are still retained.*

Under the Sewerage Services (Charges)(Amendment) Regulations 1994, the First Schedule was amended; the septic tank domestic house occupier has to pay a monthly basic charge of RM2 irrespective whether any sewerage services are rendered to the occupier. Ini bererti sama ada servis pembetulan diberi kepada tuan rumah, setiap bulan kena bayar sebanyak RM2. Ini B40 punya golongan.

Di dalam kes *SWI Realty Sdn Berhad v Jabatan Perkhidmatan Pembetulan and Others [2003]*, 8 CLJ muka surat 733, Yang Arif Suriyadi Halim Omar, *as his lordship then was, held that the Sewerage Services Act 1993 unlike the Sales Tax Act 1972, the Service Tax Act 1975 or the*

Income Tax Act 1967 which more promulgated to charge, levy, collect and impose specific types of taxes, there is nothing in the SSA that indicated that it was a tax, duty or levy imposing statute.

Jadi, ini pembetulan manusia punya *human waste*. Apabila *they leave the last point of this embarkation* to masuk *the sewerage system*, itu perjalanan tanpa apa-apa bayaran kerana diberi oleh Tuhan. Masuk sahaja *sewerage system*, IWK tersenyum. Kebetulan, dia diberi nama *Indah Water*. *Indah Water* sebab boleh kutip duit dari pengguna, tuan rumah. Orang miskin pun tidak guna dia punya servis, dia pun mahu kutip RM2 sebulan.

■1440

Saya harap kementerian yang berkenaan akan kaji semula. Ini tidak patut. Kita tidak guna telefon, kita tidak caj, tidak guna elektrik tidak ada caj. Ini tiap-tiap bulan guna atau tidak guna tidak kena caj. Ini mesti dikaji balik. Sepatah dua, berkenaan dengan...

Dato' Sri Ti Lian Ker: Yang Berhormat, minta laluan. Ini kerana tadi saya hendak membenarkan Yang Berhormat habiskan hujah. Cuma untuk rakaman fakta yang betul, kalau kita tengok *Wikipedia*, Yang Berhormat, sebenarnya saya minta Yang Berhormat untuk menjadi guru mendidik pemimpin-pemimpin DAP supaya kencing berdiri dan Yang Berhormat pula kencing berlari. Fakta semua salah.

Pertamanya, kalau kita tengok *Tunku Abdul Rahman University College* di *Wikipedia* sendiri, *not to be confused with* Universiti Tunku Abdul Rahman. Ahli Yang Berhormat yang lain tolong baca. Saya tidak mahu bacakan sebab saya tidak mahu ambil masa. Kedua, dari segi *board of directors* ataupun *independent*, ia tidak ada kaitan berkaitan dengan ahli. Cuma *related family members* atau *subsidiary*. Itu pun kita tidak faham. saya pun pelik macam mana lah Yang Berhormat menjadi *lawyer*.

Akhirnya RM40 bilion itu yang *philanthropist Koon Yew Yin* itu hendak bagi RM30 *million* kepada UTAR, bukan TAR UC. UTAR adalah perbadanan yang berbeza, *independent of MCA*. Dengan syarat hendak *detect* ahli lembaga *majority, that is a backdoor listing*. Sebanyak RM30 *million* you hendak *take over*, orang tidak terimalah. Sama juga kalau MOT hendak bagi RM40 *million* pada TAR UC dengan syarat pelantikan lebih daripada 51 peratus kenalah daripada MoF tidak kena juga. *This is not like-* Amerika Syarikat boleh buatlah, dia serang belakang, *backdoor listing* dan sebagainya.

Akan tetapi kita kena betul dan semangatnya kena betul. Jadi, saya minta akhir sekali fakta RM600 *million reserve* Yang Berhormat katakan kita simpan untuk dapat *interest*, memang, sebab RM600 juta itu *reserve* untuk pembangunan kampus-kampus. Sekarang kita ada bangunan di Kuantan dan satu lagi di Kota Kinabalu. Semestinya kita perlu simpan wang itu

kerana kerajaan tidak memberi wang pembangunan dan sebagainya. Jadi, fahamlah. Kita Yang Berhormat jangan cakap macam tidak belajar. Kita semua ini Dewan Negara, bukan Dewan Rakyat. Itulah yang saya hendak betulkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Nga Hock Cheh: Saya tidak bersetuju dengan apa yang dinyatakan. Di sini saya ada satu surat dari Koon Yew Yin. Dia telah...

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Tuan Nga Hock Cheh: Bagilah saya habis dahulu.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tidak, saya ingat ada Peraturan Mesyuarat tadi sepatutnya kita ini kan. Cuma saya lambat untuk ini. Saya ingin melihat Peraturan Mesyuarat dalam muka surat 45, perkara 5. "*Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada sesiapa ahli lain.*" Kata menyebutkan ahli kita, rakan-rakan kita tidak habis belajar dan tidak membaca, pada saya ini perkara yang tidak patut diungkapkan. Kalau kita ada maklumat yang lain mungkin kita hanya berikan maklumat itu. Tidak perlu melabel ahli-ahli kita sesama kita tidak cukup belajar ataupun tidak cukup membaca.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Nga Hock Cheh: Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Senator. Itu lah mentaliti MCA. Apa boleh buat?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa, teruskan.

Tuan Nga Hock Cheh: So, tidak apa. Biar saya sambung. Ada satu Hakim Mahkamah Rayuan, NH Chan, dia tulis seperti berikut, "*Koon categorically denied that he ever requested a seat on UTAR Council, clarifying instead that he had agreed to UTAR's counter-proposal for the task force to oversee construction of the hostel. He said his requests including for a seven-man-task force, four from UTAR and three to be nominated by him to oversee the construction of the hostel and for all construction contracts exceeding RM10,000 to be open to competitive tenders, were to ensure everything was done in the interest of the students. He said it was not meant to interfere with the management of the university.*" This is another paragraph that is relevant.

"But in Malaysia, UTAR and MCA vilified Koon for demanding accountability and transparency in how the university and its authorities from the political party would manage his RM30 million. Their action sinks my opinion of MCA to an even lower level." I share the same sentiment. On the issue of a perpaduan untuk...

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya minta penjelasan. Tadi, Yang Berhormat baca itu penghakiman kah atau komentari atau rencana sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Biar saya habis dahulu. Tidak bagi. / tidak bagi laluan. Sila duduk.

Dato' Sri Ti Lian Ker: *Distortion* lagi lah [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Berkenaan dengan isu perpaduan, tsunami *post* PRU14 nampaknya menyaksikan satu tindak balas polarisasi dan ekstremisme yang meningkat berkenaan isu perkauman dan agama. Saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Senator Laksamana Imran, beliau telah memberi contoh perpaduan di hospital di mana doktor, jururawat dan pesakit tidak kira apa bangsa pun atau agama, semua berharmoni dan bersepadu untuk menjalankan tugas masing-masing.

Barangkali Laksamana adalah seorang dari angkatan tentera- di situasi hidup mati- *in a life and death situation*, kita semua ketepikan bangsa, agama atau *racism*. Mustahak sekali bersama-sama kita jaga kepentingan satu sama lain. *We must take care of each other in that life and death situation*. Malangnya bila kita sihat sejahtera, kita lupa. Pihak tertentu suka timbulkan isu bangsa dan agama. Saya harap datang tahun 2020 kita boleh lebih berwawasan. Apa yang kita buat bawalah manfaat kepada semua pihak tanpa kira apa bangsa atau agama.

Darah di bawah kulit setiap manusia berwarna merah, sama sahaja. Saya masih ingat bila saya balik Setiawan, buka firma saya sendiri, ada seorang peminat burung di Kampung Tepi, nama Majidzan. Tiap-tiap tahun Hari Raya Aidilfitri dia jemput saya. Satu tahun saya lupa, / pun tidak maklum kepada beliau. Lepas raya saya balik pergi dia punya rumah, dia nampak saya dengan mata yang sedih, tanya "*Nga, you mana pergi? Kita tunggu sama you Raya.*" *I felt the love of this Malay friend of mine. The purity of his heart. How he treated me as part of his family waiting for me to celebrate Raya with him and I was so careless and did not tell him before I went for my family holiday.* Itulah punya *spirit of friendship*- perpaduan. *We must cultivate to build up this nation to be progressive. So that it can be a roaring harimau again in ASEAN.*

■1450

So I just want to end here, I say, saya sokong bajet yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Saya sekarang sedia mendengar apa isu Yang Berhormat Senator Pahang hendak timbulkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih [Ketawa] Okey, terima kasih. Jadi terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh, orang kita baik ya. Orang kita.

Sekarang saya menjemput pula kita punya sahabat iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Silakan Yang Berhormat.

3.00 ptg.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera... *[Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 yang bertema, 'Belanjawan 2020 Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama' berdasarkan empat teras dan 15 strategi utama.

Bersama kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang berjaya menyediakan dan membentangkan satu belanjawan yang holistik, realistik dan berprinsip. Belanjawan ini boleh dikira sebagai belanjawan untuk merealisasikan Wawasan Baru Negara bermula dari tahun 2020 hingga 2030 setelah Wawasan 2020 telah mengalami gerhana di tengah jalan.

Rakyat berharap semoga Wawasan Baru Negara yang bertemakan ke arah kemakmuran bersama ini tidak mengalami nasib yang sama seperti Wawasan 2020, Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain yang seumpama dengannya. Walau bagaimanapun, kejayaan atau kegagalan sesebuah wawasan sesebuah negara sangat bergantung kepada keupayaan dan sikap pemimpin dan rakyat negara itu sendiri. Kita doakan semoga Belanjawan 2020 ini tercapai matlamat dan sasarannya dan semoga Wawasan Baru Negara tidak gerhana lagi demi kepentingan rakyat dan negara yang tercinta ini. *Aamiin, aamiin ya Robbal alamin.*

Kita juga mengharapkan semoga definisi kemakmuran bersama dalam Wawasan Baru Negara Ini tidak hanya terhad dan berlegar dalam skop ekonomi kebendaan semata-mata. Malah kemakmuran ini mestilah bersifat holistik yang mencakupi kemakmuran jasmani dan rohani, kemakmuran hidup sebelum mati dan hidup selepas mati. Kemakmuran yang adil dan saksama di mana setiap yang berhak mendapat haknya dan yang tidak ada yang miskin yang mati kelaparan dan yang kaya mati kekenyangan. Kemakmuran di mana kekayaan negara tidak hanya berlegar di kalangan orang-orang kaya sahaja.

Peruntukan yang disediakan untuk semua kementerian dalam Belanjawan 2020 ini sudah cukup untuk dinikmati kemakmuran bersama jika ia dilaksanakan dengan penuh amanah, jujur dan ikhlas. Ingatlah amaran Allah yang berbunyi... *[Membaca ayat al-Quran]* Antaranya

bermaksud, wahai orang beriman, kenapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak buat, besarnya kebencian dan kemurkaan Allah bahawa kamu mengatakan sesuatu yang kamu tidak buat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama melalui Belanjawan 2020 ini, kerajaan mestilah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perkara-perkara yang berikut.

Pertama, mengekalkan dan mempertahankan segala kebaikan yang sedia ada di negara ini dari sebarang pencerobohan. Negara ini sebenarnya begitu kaya dengan kebaikan, bermula dengan Perlembagaan negara, institusi Raja-Raja, Rukun Negara, dasar-dasar yang baik seperti Dasar Patriotisme, Dasar Perpaduan Negara dan lain-lain, sehinggalah sampai ke semangat toleransi, saling hormat-menghormati dalam kepelbagaian budaya berbilang kaum dan agama. Sebarang pengkhianatan dan pencerobohan terhadap kebaikan yang sedia ada di negara ini adalah suatu jenayah yang merosakkan kemakmuran bersama yang tidak boleh dibiarkan begitu sahaja pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Kedua, kerajaan juga mestilah bertanggungjawab mengembangkan dan memajukan kebaikan itu sehingga ia menjadi cemerlang dan terbilang di mana kebaikan negara ini bukan sahaja dapat dinikmati oleh rakyat negara ini, malah ia boleh turut dinikmati oleh orang-orang asing yang tinggal di negara ini, pelancong asing, pelabur asing dan lain-lain.

Ketiga, kerajaan juga mesti bertanggungjawab sepenuhnya, bukan sahaja membuang sampah sarap dan apa sahaja yang mencemarkan negara ini, malah lebih besar dari itu ialah membersihkan negara ini dari sebarang anasir jahat, najis dadah, najis rasuah, jenayah dengan segala jenisnya, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan manusia, gejala sosial, gejala menghina Islam, menghina Nabi, menghina Raja, gejala hina menghina sesama sendiri, fitnah memfitnah, menyebarkan berita palsu dan lain-lain. Semua ini adalah merupakan perkara-perkara yang boleh merosakkan negara ini.

Allah SWT memberi amaran... [*Membaca ayat al-Quran*] Maksudnya, jika kami hendak menghancurkan sesebuah negara kami perintah orang-orang yang mewah dan berkuasa dalam negeri itu supaya taat dan patuh kepada ajaran Allah dan perintah Allah. Lalu mereka tidak dengar kata Allah dan mereka meneruskan kejahatannya sehingga sampailah ke satu tahap yang melayakkan mereka dihukum lalu Allah hancurkan negara itu sehancur-hancurnya. *Nauzubillahiminzalik*. Kita minta jauh, semoga negara kita terselamat daripada ancaman itu.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak berkuasa yang sentiasa bertungkus-lumus, bertugas dan mengambil tindakan yang tegas terhadap pelbagai jenis makhluk perosak negara di semua peringkat. Kita

harap semua rakyat bekerjasama dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa bagi menjaga keselamatan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ajaran Islam sebagai Agama Persekutuan sebenarnya sudah cukup untuk memimpin semua para pemimpin dan ahli politik serta rakyat negara ini ke arah mencapai kemakmuran bersama. Jika ia difahami dan dihayati sebagai agama dan Perlembagaan negara bagi rakyat yang beragama Islam dan ia juga perlu difahami dan dihayati sebagai Perlembagaan negara bagi rakyat yang tidak beragama Islam.

Bersama kesempatan ini, saya dengan segala hormatnya ingin bertanya kepada kerajaan sejauh manakah Dasar *Rahmatan lil alaminn*, *maqasid syariah* dan peranannya dimainkan dalam menjayakan Wawasan Baru Negara ini dan berapakah peruntukan khusus yang disediakan untuk tujuan ini?

Untuk merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama, kerajaan juga mestilah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mencetus dan menjana idea-idea baru serta mengembangkan dan memajukan idea-idea baru itu untuk kepentingan negara dan rakyat. Besarlah harapan rakyat semoga idea-idea baru dalam Belanjawan 2020 ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Rakyat juga ingin bertanya, apakah idea-idea baru yang akan dilaksanakan di peringkat negeri melalui Wawasan Baru Negara ini?

Di waktu yang sama, rakyat juga sentiasa bertanya bagaimana dengan nasib idea-idea baru serta janji-janji yang dikemukakan dalam Manifesto Pilihanraya Umum Ke-14 itu. Walaupun ia bukan kitab suci tetapi apa yang kita sedia maklum dalam undang-undang Islam, berjanji adalah harus, menunaikan janji adalah wajib, memungkir janji adalah suatu dosa dan kesalahan yang besar kerana ia adalah sangat berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merealisasikan Wawasan Baru Negara iaitu ke arah kemakmuran bersama melalui Belanjawan 2020 ini dalam konteks negeri Kelantan.

■1500

Saya ingin bertanya beberapa soalan. Pertama, apakah perancangan dan tindakan Kerajaan Pusat untuk membantu negeri Kelantan bagi memiliki sebuah pelabuhan di kawasan Tok Bali untuk menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di negeri Kelantan kerana pelabuhan adalah salah satu prasyarat pelabur asing.

Kedua, apakah perancangan dan tindakan Kerajaan Pusat untuk membantu negeri Kelantan bagi memajukan dan memperhebatkan lagi industri pelancongan negeri Kelantan memandangkan negeri Kelantan sangat kaya dengan produk pelancongan.

Ketiga, apakah perancangan dan tindakan kerajaan untuk membantu negeri Kelantan bagi meningkatkan lagi keupayaan perkhidmatan bekalan air bersih kepada semua rakyat negeri Kelantan terutama dalam menukar saliran dan paip-paip yang lama yang berkarat yang menjadikan air yang dibekalkan berkarat dan lain-lain masalah disebabkan oleh paip yang lama di mana penukaran ini memerlukan perbelanjaan yang besar.

Keempat, apakah perancangan dan tindakan Kerajaan Pusat untuk menyelamatkan negeri Kelantan dari dijadikan pusat transit pengedaran dadah dari negara jiran yang dilihat akhir-akhir ini semakin serius serta gejala rasuah yang terlibat dalam isu ini.

Kelima, saya juga ingin bertanya tentang perkembangan terkini projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa. Keenam, bagaimana dengan nasib projek-projek yang diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri ekonomi baru-baru ini untuk negeri Kelantan? Ketujuh, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi negeri Kelantan dalam Belanjawan 2019 yang lalu dan berapa peratus daripadanya dapat dilaksanakan dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi negeri Kelantan dalam Belanjawan 2020 ini dan projek-projek yang sedia untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dikejutkan oleh kenyataan yang dibuat oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi di Dewan Rakyat mengenai isu hak royalti bagi negeri Kelantan semasa menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 baru-baru ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi atas keikhlasannya mengeluarkan kenyataan tersebut di Dewan Rakyat.

Dimaklumkan Perdana Menteri juga telah bersetuju untuk menjelaskan bayaran royalti tersebut terus kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebagaimana kehendak perjanjian royalti 6 Mei 1975 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974 [*Akta 144*]. Ini juga boleh dikira sebagai perubahan besar yang dilakukan oleh Perdana Menteri ketujuh setelah dinodai oleh Perdana Menteri yang keempat dahulu.

Terima kasih Perdana Menteri dan semoga Allah SWT mengampunkan segala kesilapan Perdana Menteri yang keempat yang pernah menafikan hak rakyat negeri Kelantan sebelum ini dalam isu royalti minyak. Malangnya, alasan yang direka-reka pada zaman rejim dahulu di kitar semula. Tiga batu nautika terus dijadikan alasan utama kenapa Kelantan tidak dibayar royalti atau akan dibayar dalam jumlah yang sedikit sahaja. Istilah tiga batu nautika sebenarnya tidak pernah dinyatakan dalam perjanjian royalti di antara semua kerajaan negeri dan PETRONAS, Akta 144 juga dengan jelas tidak mengehendkan jarak kedudukan telaga minyak dalam ukuran

batu nautika atau kilometer. Istilah dalam kedua-dua dokumen perundangan tersebut ialah *offshore* daratan dan *offshore* lautan semata-mata.

Ironinya, rekaan dan alasan tiga batu nautika ini dipinjam daripada Ordinan Darurat, (Kuasa-kuasa Perlu) No. 7, 1965 yang secara spesifiknya merujuk kepada persoalan pentadbiran keselamatan sekiranya di dalam lingkungan tiga batu nautika maka soal keselamatan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan sekiranya melebihi had berkenaan, soal keselamatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Ia langsung tidak merujuk kepada soal had jarak telaga minyak.

Malahan pula ordinan kuasa darurat ini telah pun dihapuskan sewaktu pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada tahun 2011, bagaimana mungkin akta yang telah dimatikan boleh terus di kitar semula dan diguna sebagai hujah?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan kemudiannya telah memperkenalkan satu akta baru yang turut memasukkan peruntukan tiga batu nautika ini yang dikenali sebagai Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750]. Akta yang diluluskan pada April 2012 ini dengan jelas berhasrat untuk menghadkan sempadan laut atau perairan negeri-negeri kepada hanya tiga batu nautika, ini turut bermaksud milikan ke atas pelantar semua benua yang sebelum ini menjadi milikan negeri akan bertukar kepada Kerajaan Persekutuan.

Menurut Perlembagaan Malaysia, sekiranya mana-mana Akta Persekutuan yang melibatkan sempadan negeri dan pengurangan kuasa negeri, akta tersebut memerlukan persetujuan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan juga Majlis Raja-raja. Ini boleh dirujuk kepada Perkara 2, Perlembagaan Malaysia.

Penerimaan masuk wilayah-wilayah baharu dalam Persekutuan, Parlimen boleh melalui undang-undang. Menerima masuk negeri-negeri lain ke dalam Persekutuan, mengubah sempadan mana-mana negeri tetapi undang-undang yang mengubah sempadan negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri itu. Ia dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan negeri itu dan Majlis Raja-raja.

Dua perkara yang mungkin tidak dihebohkan sebelum ini ialah soal Akta 75 yang mana sekiranya dikuatkuasakan akan turut memindahkan hak negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan dari sudut milikan tanah. Tanah adalah termasuk tanah di bawah air seperti yang didefinisikan oleh Kanun Tanah Negara. Hak kuasa perlombongan termasuk permit, lesen cari gali, pajakan lombong, perakuan kelulusan perlombongan, kelulusan melombong dan lain-lain lagi adalah juga kuasa kerajaan negeri yang telah diberikan oleh Perlembagaan Malaysia di bawah Jadual Kesembilan, Perkara 2A dan C.

Akta Laut Wilayah 2012 ini telah merampas hak negeri-negeri seperti yang tertera di bawah seksyen 4, akta ini. Kedaulatan berkenaan dengan laut wilayah dan berkenaan dengan dasarnya dan tanah bawahnya terletak hak kepada dan dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai hak Malaysia. Kenapa Kerajaan Persekutuan memasukkan dasar laut dan tanah bawahnya? Jawapannya adalah jelas lagi bersuluh kerana mereka sedar minyak, gas dan pelbagai mineral bukan berada dalam air laut tetapi dalam tanah atau bumi di bawah laut seperti yang terkandung dalam Akta Pelantar Benua sebelum ini.

Pada 5 November 2015, DUN Kelantan telah meluluskan usul untuk menolak Akta Laut Wilayah 2012, DUN Sabah juga telah menolak Akta 750. Natijahnya Akta 750 tersebut tidak boleh dikuatkuasakan di Kelantan dan Sabah. Sehubungan dengan itu, alasan lapuk tiga batu nautika adalah tertolak dan amat memalukan sekiranya di kitar semula oleh kerajaan PH pada hari ini.

Pihak kami menyeru agar semua pimpinan dan rakyat di negeri-negeri lain membuka mata tentang kesan yang amat besar sekiranya Akta 750 yang telah diluluskan di Parlimen tersebut dikuatkuasakan di negeri-negeri masing-masing. Langkah menolak akta tersebut sebagaimana yang telah berjaya dilakukan oleh DUN Kelantan dan Sabah amat wajar diikuti. Ia bukan sahaja amat penting untuk negeri-negeri mengeluarkan minyak sekarang, mungkin suatu masa nanti telaga-telaga minyak akan turut dijumpai di perairan negeri-negeri lain, ketika itulah anda semua akan membuka mata namun ia telah terlambat dan akan berputih mata untuk selama-lamanya.

Sebenarnya tidak pernah wujud walau satu telaga minyak pun di perairan Semenanjung Malaysia dalam lingkungan tiga batu nautika atau lebih senang difahami jaraknya bersamaan dengan 5.556 kilometer.

■1510

Tidak pernah kedengaran nelayan pesisir pantai yang terlanggar pelantar minyak ataupun dihalang daripada menangkap ikan lantaran terlalu hampir yang hanya 5.556 kilometer dari daratan dengan kawasan pelantar minyak tersebut. Sungguhpun begitu, kenapa Terengganu, Sabah dan Sarawak tetapi dibayar royalti walaupun telaga minyak hanya berada di luar lingkungan tiga batu nautika? Kami ingin memberikan nasihat kepada Yang Berhormat Menteri atau sesiapa sahaja. Cukuplah merekayasa alasan kurang cerdik untuk mengaburi mata rakyat Kelantan dan tidak kurang di mana rakyat Kelantan juga celik dalam perkara ini.

Sudah semestinya alasan lapuk tiga batu nautika adalah tidak dijadikan hujah. Jumlah bayaran royalti akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Kelantan akan jauh bezanya umpama langit dan bumi

berbanding dengan apa yang telah diumumkan kerana berdasarkan kiraan dari dua telaga tersebut sahaja. Pihak kami amat yakin semakin hari semakin banyak fakta dikeluarkan dan diakui oleh pihak Kerajaan Persekutuan seterusnya mengesahkan bahawa Kelantan patut menerima bayaran tunai dalam jumlah yang amat tinggi. Buat masa ini, kami masih lagi menaruh harapan yang tinggi agar Kerajaan Pakatan Harapan akan melunaskan segala tuntutan rakyat Kelantan. *Insyah-Allah, biidznillah.*

Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa bayaran royalti petroleum kepada Kerajaan Kelantan setakat ini adalah daripada dua telaga, dua lapangan pengeluaran iaitu Bumi Selatan dan Suria Selatan yang berada dalam lingkungan tiga batu nautika dari pesisir pantai Kelantan. Sementara itu, 10 lagi lapangan pengeluaran masih tidak mempunyai persempadanan perairan antara negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Justeru, hasil daripada lapangan tersebut belum disalurkan kepada mana-mana negeri. Ini kerana tidak pernah wujud persempadanan laut antara negeri-negeri di Malaysia. Oleh kerana itu, bayaran tunai untuk 10 lapangan pengeluaran ini tidak dibayar kepada mana-mana negeri sehingga persempadanan perairan ditentukan tertakluk kepada perundangan yang sedia ada.

Itu adalah petikan ucapan Yang Berhormat Datuk Seri Mohamed Azmin bin Ali tempoh hari. Katanya lagi, bayaran tunai royalti minyak oleh PETRONAS terhadap 10 lapangan tersebut disalurkan ke Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) berjumlah hampir RM1.2 bilion untuk tempoh 2013 hingga 2019 sementara menunggu persempadanan ditentukan. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi telah mengesahkan bahawa wujudnya satu blok atau kawasan yang mempunyai telaga minyak dalam perairan Kelantan tetapi hanya terdapat dua lapangan kawasan tersebut iaitu Medan Bumi Selatan dan Suria Selatan. Jika dikaji pada peta lokasi kedua-dua medan tersebut terletak dalam kawasan blok PM 301.

Blok ini terletak di perairan Kelantan sepenuhnya. Medan pengeluaran minyak dalam kawasan tersebut adalah merangkumi sembilan medan kesemuanya. Persoalan yang wujud, kenapa hanya dua medan sahaja yang diumumkan? Bagaimana pula dengan tujuh medan lagi iaitu bunga Kamelia, bunga Zetung, bunga Anggerik, bunga Kesumba, bunga Melati, Ular dan Gajah. Rakyat Kelantan tetap menuntut hasil royalti dari kesemua medan tersebut. Pengeluaran minyak dari kawasan ini dilaksanakan secara berperingkat bermula dari tahun 2003, semua ini adalah berada dalam perairan Kelantan tanpa ragu dan tidak pernah dituntut oleh Terengganu lebih-lebih lagi Pahang.

Kesemua agensi Kerajaan Persekutuan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, PETRONAS, kastam dan lain-lain telah lama mengakui dan

maklum tentang kewujudan dan kedudukan telaga-telaga minyak dalam perairan negeri ini. Mereka telah menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi menjaga kepentingan negara termasuk negeri Kelantan. Hanya pihak pimpinan politik sahaja yang menyembunyikannya demi kepentingan tertentu. Fakta tetap fakta, bukti tetap bukti, suatu masa nanti tentunya akan terbongkar jua.

Sebelum ini pelbagai kenyataan dari pimpinan kerajaan terdahulu Barisan Nasional dan Kerajaan Pakatan Harapan menafikan wujudnya telaga-telaga minyak dalam perairan Kelantan. Soalnya, kenapa baharu sekarang terdapat dua telaga tersebut? Adakah ia baru sahaja dibina pada tahun 2019? Jawapannya mestilah tidak. Ke mana perginya royalti dari telaga-telaga tersebut? Di sini kami kongsi sebahagian sahaja maklumat berkaitan pengeluaran dari kawasan PM 301 yang dimiliki Kelantan.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, untuk melahirkan sebuah negara yang adil mestilah yang berhak diberi haknya. Jangan diputar belit ataupun dilakukan apa sahaja untuk menafikan hak masing-masing. Kalau tidak apabila hak dinafikan sudah pasti akan berlaku sesuatu yang tidak baik di dalam negara ini.

Saya rasa itulah sahaja apa yang saya hendak sampaikan dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Silakan.

3.17 ptg.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit pada petang ini, untuk membahaskan Belanjawan 2020 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Akan tetapi sebelum itu saya tertarik dengan *statement* yang dibuat oleh sahabat saya Yang Berhormat Nga. *It is quite interesting analogy.* Beliau mengatakan lebih kurang kalau kita ini- *we are human being.* Yang Berhormat, kalau silap tolong betulkan, kita manusia. Waima kalau kita potong tangan kita pun, darah kita sama. Tidak kira kita orang Melayu kah, orang India atau orang Cina darah kita tetap merah. Terutama dalam suasana- kalau tidak silap saya beliau

mengatakan dalam suasana *life and death*. Itu saya pegang lagi, *life and death*. *Yes, that is quite interesting*. Kita mesti bersatu. Kita kena ketepikan perasaan-perasaan negatif sesama kita sebagai manusia. Dengan perasan-perasan cauiniskah, rasiskah, bencikah atau dendamkah. Kalau tidak, negara ini tidak boleh berjaya. *It is a very good advice* Yang Berhormat Nga.

Oleh sebab saya pun Tuan Yang di-Pertua, sudah lima tahun saya di Dewan ini. Memang pengalaman yang cukup saya banggakan. Sahabat-sahabat saya berbilang kaum, semua kaum ada di sini. Baru-baru ini kita kehilangan dua orang sahabat. Saya rasa cukup sedih sebab saya sudah lama dengan mereka, bersembang sama, makan sama, ketawa sama, gurau sama. Saya pandang mereka sebagai adik-beradik saya sendirilah.

Tidak perlu saya hendak kata sayang semua, tidak payah. Ramai saya hendak sebut satu persatu. Saya hendak pilih setiap meja ini, yang bukan orang Melayu, sahabat saya, *my brother* Yang Berhormat Dato' Kesavadas. Saya memang sayang dia, bukan sebab dia pernah belajar atau dia pernah jadi pensyarah UiTM, tidak. *First day*, saya bersembang dengan dia tahu-tahu sudah *fall in love*. Eh, jangan salah faham *fall in love* pula [*Ketawa*] Memang sayang. Itu sahaja, *that's all*. Sampai sekarang selalu bersembang dengan dia ini. Tidak ada perasan dalam kepala otak saya kawan ini agama lain kah, parti lain kah atau bangsa lain kah. Langsung sikit-sikit tidak ada.

■1520

Yang Berhormat Senator Nga. Hari pertama pun saya sudah sayang dia, kita sudah bersembang sudah. Hari pertama. Saya pun sudah tunjukkan kasih sayang saya dekat dia. Hari pertama lagi. Tidak ada saya teringat dia DAP kah- *no*. Tidak ada hal pun pada saya. Alamak. *Next table* siapa lagi, Yang Berhormat Senator Lim. Memang saya sayang. Saya terus terang cakap sayang saya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, sayang pada Yang Berhormat Senator Nga berlainan dengan sayang saya pada Yang Berhormat Senator ini... [*Menunjuk kepada YB berkaitan*] [*Ketawa*] Sebab beliau orang perempuan. Kita ada sedikit, lain sedikit. Tidak ada sama.

Maksud saya katakan ya, dengan *statement* yang dibuat oleh sahabat saya tadi, saya harap sangatlah kerana apa yang saya bentangkan pada petang ini agak keras sedikit. Apa yang saya bentangkan pada petang ini semua orang sudah tahu. *Is not a hidden secret*, tidak. *It's an open secret*. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat baca buku yang ditulis oleh semua orang, video. Yang Berhormat dengar dan lihat. Saya hanya hendak mengulas, memperingati balik supaya dengan *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Nga tadi kita realisasikan. Supaya kita mencapai matlamat dan wawasan kita 2030 ini, sepatut Wawasan 2020.

Akan tetapi, Yang Berhormat Senator Haji tadi kata macam tidak berjaya. Siapa kata tidak berjaya 2020, kita *extend* 2030. Tidak apa. Tidak hal. Akan tetapi, saya tidak dapat bayangkan 2030 pun masih tidak berjaya. Ini kerana kalau kita melihat kebelakangan ini, kita meneliti dan melihat trend, senario, sosiopolitik, masyarakat Malaysia di negara kita pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua saya yang sebenarnya saya bimbang dan khuatir.

Dengan kebimbangan dan kekhuatiran itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri Kewangan, yang telah pun membentangkan Bajet 2020 ini. Saya ingin bertanya kepada beliau. Secara ikhlas menjawab soalan saya. *Simple* sahaja. Sejauh manakah Bajet 2020 ini benar-benar akan mencerminkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah dibentangkan baru-baru ini? Sejauh manakah. Sejauh manakah, betul-betul kah? Saya bertanya demikian kalau baca definisi wawasan ini. Kalau Tuan Yang di-Pertua perasan, saya baca 10 kali. Saya seronok baca. Seperti ini yang saya hendak tengok. Definisi itu, kita pecahkan kepada dua seksyen.

Seksyen yang pertama, mengikut definisi ini ataupun takrifan ini. Ini definisi rasmi. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah iltizam. Iltizam dalam bahasa Inggeris lebih kepada *commitment obligation*. Iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan. Seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil. Ekonomi yang adil. Tidak kira apa kaum, ikut ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan, pendapatan, etnik wilayah dan rangkaian bekalan. Itu seksyen yang pertama. Bercakap dari segi kemakmuran, kejayaan ekonomi, kesenangan hidup, kekayaan- itu ekonomi.

Seksyen yang kedua, menekankan balik kepada iltizam tadi. Bahawa iltizam ini akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka. Bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa, budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta baca balik dan betul-betul memahaminya. Dari segi penulisan ini, *statement* atau ayat yang dibuat pada saya cukup cantik. Ini yang saya hendak lihat. Akan tetapi, dari segi implementasi penyampaian 2030, apakah kita benar-benar yang saya tanya Yang Berhormat Menteri agak-agak dengan keadaan senario politik keadaan masyarakat pada hari ini, apakah kita rasa-rasa boleh capai kah? Apakah kita rasa-rasa kita boleh capai kepada konsep perpaduan yang diidam-idamkan? Ini kerana kepentingan juga yang dikatakan dalam iltizam ini tanpa prasangka. Tanpa prasangka ini, kita tidak mahu ada *suspicion*, ada perasaan *distrust* sesama sendiri sebab ini merbahaya.

Kupasan ini, saya rasa cukup bermakna pada saya. Saya mulakan tadi dengan satu soalan tersebut supaya dengan harapan Yang Berhormat Menteri balik fikir betul-betul, *adjust* balik. Walaupun kita berbelanja berbilion-bilion ringgit untuk pencapaian Wawasan 2030 ini. Walaupun negara kita menjadi sebuah negara yang kaya raya maju. Walaupun kita hebat tetapi, sekiranya perpaduan dan prasangka sentiasa timbul di kalangan kita, bajet yang disediakan oleh Yang Berhormat Menteri, oleh pihak kerajaan akan hangus. Akan sia-sia dan saya tidak terperanjat kalau sekiranya negara kita akan menjadi bankrap dan kita akan terletak dalam suasana kehancuran dan porak-peranda.

Yang Berhormat, perasaan prasangka yang telah menimbulkan perasaan ketidakpuasan hati, benci, marah, provokasi yang begitu teruk pada hari ini dan pada hari ini masalah perpaduan masih lagi menghantui rakyat kita. Kalau kita teliti senario pada hari ini, saya katakan tadi, saya pernah membuat *statement* di dalam Dewan yang mulia.

Saya *repeat statement* tersebut. Saya mengatakan kerajaan baharu PH, jika tidak berhati-hati menangani masalah-masalah ini iaitu dua masalah yang saya sebutkan dalam *statement* saya dahulu, satu dalam aspek ekonomi, satu dalam aspek politik dan perpaduan. Saya bagi tempoh, saya mungkin salah. Saya bagi tempoh dua tahun selepas pilihan raya yang lepas, negara kita akan menghadapi masalah yang besar. Kalau tidak boleh juga, mungkin sebelum 2030 berjaya tidak berjaya saya pun tidak tahu. Saya bukan memberi *warning*, tidak. Ini analisa saya melihat keadaan kita pada hari ini kerana...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Senator Tan Sri. Boleh ya?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, sila.

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Senator Tan Sri tadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tan Sri ada menyebut berkenaan dengan perpaduan. Amaran-amaran, nasihat telah diberikan. Saya bersetuju dan saya sebagai parti pemerintah saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Akan tetapi, soalan saya yang menjadikan celaru tentang perkauman pada hari ini. Saya nampak bukan di sebelah parti pemerintah. Akan tetapi, saya nampak di sebelah parti pembangkang yang cuba menghuru-harakan perpaduan negara apabila diberi peluang untuk menjadi pembangkang.

Jadi, kalau pihak pembangkang pada hari ini boleh membantu kerajaan supaya perpaduan kita dimantapkan. Saya rasa ia tidak akan berlaku seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri. Apakah benar ramalan saya? Maksudnya telahan saya yang mencelarukan perpaduan negara pada hari ini, saya katakan daripada pihak pembangkang. Apa pendapat Yang Berhormat Senator Tan Sri?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tidak benar sama sekali. Saya akan memberikan hujah-hujah. Poin memang ada dalam ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sedikit ya. Kalau dikata parti pembangkang, Yang Berhormat *refer* kepada orang UMNO lah selalunya.

■1530

Kalau UMNO menjadi punca kepada pergaduhan bagaimana mungkin negara kita 60 tahun Merdeka di mana 60 tahun sebelum itu sebelum kita Merdeka tidak kira orang Melayu kah, orang Cina kah, hidup amat susah, melainkan orang Cina di *town* lah ya...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Biar saya jawab dahulu.

Datuk Razali bin Idris: Maksud saya selepas menjadi pembangkang. Dahulu baik.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, okey.

Datuk Razali bin Idris: Selepas jadi pembangkang ini yang jadi bercelaru. Itu maksud saya.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey selepas pembangkang, saya pun- itu pun salah juga? Sebelum pembangkang pun salah, selepas pembangkang pun salah. Kalau tengok selepas jadi pembangkang, cuba buka WhatsApp ke video ke apa-apa benda. Cuba buka sosial media, yang membuat provokasi kurang ajar siapa?

Janganlah hendak cakap, hendak suruh saya *forward* saya boleh *forward* juga. Siapa yang mulakan? *We are defending ourselves*. Kita *defend* Perlembagaan kita dikatakan rasis. Kalau sesiapa sahaja melanggar Perlembagaan kami akan tetap mempertahankan. *Is it wrong for us to do that?* Perlembagaan dicerobohi dan dicabul sesuka hati dan tindakan undang-undang tidak diambil dengan betul. Kami tegur kami jahat? Orang yang salah, baik. Kami pula jadi orang jahat.

Cukup, sebelum saya naik angin [*Ketawa*] Apa yang saya hendak katakanlah ya, saya merayu kepada pihak kerajaan teliti dan selesaikan masalah dan saya pada hari ini- saya minta maaf hendak dengar pun boleh tidak dengar pun boleh. *At my age, I told my friend this morning ya. At my age I'm talking about myself, at my age. I'm talking about my nation, I'm talking about my children, your children.* Anak-anak Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya mahu lihat budak Melayu kah, budak Cina kah, budak India kah, penduduk-penduduk Orang Asli kah, Siam, kita dapat duduk bersama, di mana dalam kepala otak saya ini, *by 2030* budak-budak ini duduk sama. Tidak ada masalah. Itu yang saya hendak lihat.

So, saya bercakap pada hari ini dengan ikhlas tidak ada niat dan dalam proses saya bercakap saya akan tunjukkan bukti yang saya hendak bagi amaran mungkin ada yang kecil hati tetapi jangan marah. Apa yang saya cakap itu berdasarkan kepada fakta, *evidence, references* ya. Saya tegaskan saya orang akademik ya saya tidak akan bercakap kalau buku yang saya baca tidak ada rujukan, saya akan buang. Maksudnya saya hendak sebelum perkara ini berlaku, tolong kerajaan pada hari ini jagalah supaya perkara yang buruk tidak berlaku kepada negara kita.

Saya fikirkan terutama parti-parti politik, apabila kita memikirkan bagaimana untuk pencapaian Wawasan 2030 ini, boleh tak kita terutama parti politik khususnya dalam kerajaan untuk mencapai kemakmuran 2030, boleh tidak kita *adjust* di peringkat parti kita, moto kita, matlamat kita, objektif kita, tindakan kita, dan strategi kita supaya selari dengan wawasan itu.

Kalau kita balik parti A, buka balik dia punya matlamat apa benda *check* satu per satu a,b,c,d. Kalau ia bercanggah dengan Wawasan 2030, boleh tidak saya mohon muhasabah diri? Kita potong benda itu. Itu sahaja yang saya hendak. *Is it wrong for me to say that?* Kalau tidak, macam mana kita hendak sampai 2030? Itu yang saya kata kita ada cakap sahaja tidak serupa bikin. Cakap bergaya-gaya tetapi perbuatan tidak menunjukkan apa yang kita cakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semangat kenegaraan dan penyatuan negara bangsa perlu ditanam, dipupuk melalui simbol-simbol yang mewakili keutuhan negara seperti bendera Malaysia, Lagu Kebangsaan, Rukun Negara dan sebagainya. Itu apabila saya bercakap semangat kenegaraan, sudah pasti kita kena melihat menghormati simbol-simbol yang mewakili keutamaan negara seperti bendera Malaysia, lagu kebangsaan, Rukun Negara dan sebagainya.

Konsep- saya punya definisi mengikut *definition* wawasan tadi ya. Saya kupas- memberi kita dalam *academic words* sebelum kita ini, kita akan kupas dahulu. Konsep kewarganegaraan pula dapat dijelaskan dengan terang bahawa tidak kira orang Melayu, bumiputera, China, India, Orang Asli, Orang Siam dan yang lain-lain dapat disatukan melalui jiwa dan hati jati diri yang sama iaitu jati diri Malaysia. Jati diri Malaysia, bukan jati diri negara asal nenek moyang kita. *You are Malaysian. You are Chinese but you are not Chinese from China, or you're not Indian from India. You are 100 percent- no question Malaysian. Therefore,* jati diri mesti jati diri Malaysia bukan jati diri negara ibunda masing-masing.

Persetujuan bersama semasa kita mendapat kemerdekaan menjadi asas kepada konsep negara bangsa yang tulen diperkukuhkan dengan menghormati, mentaati Perlembagaan, Rukun Negara dan pelaksanaan undang-undang yang adil untuk menjaga keselamatan rakyat keseluruhannya dan untuk memastikan kemakmuran bersama 2030. Iltizam pengukuhan

kestabilan politik, rakyat bersatu padu tanpa prasangka, faktor keselamatan dan pelaksanaan undang-undang yang adil mengikut perlembagaan mesti dicerminkan.

Itu yang saya tanya apakah takrifan wawasan kita tadi mencerminkan apa yang kita hendak lihat pada tahun 2030 kerana saya bertanya demikian apa yang berlaku kebelakangan ini adalah di sebaliknya. Apa yang membuat rakyat mempunyai prasangka oleh sebab dalam takrifan tadi ada *word* prasangka- saya gunakan *word* itu balik. Dalam takrifan 2030 tadi sudah *warning* dia kata jangan ada prasangka saya pun tidak tahu siapa punya idea masuk perkataan prasangka itu. Saya pun tidak terfikir *it is a very good idea*. Saya gunakan perkataan prasangka di sini ya supaya yang berlaku kebelakangan ini yang terbaharu- saya tidak mahu cerita yang lama-lama.

Saya ambil contoh yang terbaharu yang dibuat oleh pihak kerajaan, kemudian saya buat saya ambil contoh ini dibuat oleh individu ataupun parti-parti politik tertentu tetapi saya *start* dengan kerajaan yang menyebabkan kita mempunyai perasaan prasangka terhadap kerajaan. Apa yang berlaku, pertama, contoh pada pandangan saya baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan bahawa SOSMA akan dipinda ataupun mungkin dihapuskan- kita tidak tahu. Secepat mungkin katanya. Dengan tergesa-gesa dan sebenarnya di luar itu majoriti rakyat menganggap ia bersifat *mala fide* untuk melindungi pemimpin-pemimpin tertentu dari kemungkinan ditahan di bawah SOSMA. Pemimpin-pemimpin yang kita anggap terlibat dalam kegiatan-kegiatan *terrorism*. Itu yang pertama. Ini *the latest*.

Saya ambil dua contoh sahaja. Okey SOSMA yang pertama. Walhal kita lihat, kebanyakan negara-negara di dunia mempunyai akta yang sama, tidak pergi jauhlah *Singapore* walaupun *Singapore* negara maju. UK dan US kita tahu memang ada. Ini kerana Tuan yang di-Pertua, apa yang berlaku, kalau kita tidak boleh- ini satu-satunya akta yang kita ada yang tinggal untuk membanteras gerakan pengganas-pengganas *terrorist* dan membanteras satu lagi konsep baharu membanteras *new terrorism* ataupun *new self deceive element*.

Ya, saya buka saya punya ini ya. Apa maksudnya *new terrorism*? *New terrorism according to this conceptualization, the new terrorism is characterized by religious motivation, networked organizational structures, tendency to launch mass casualty attacks and possible use of weapons of mass destruction.*

Bahaya ya, cukup-cukup menakutkan. *It's a structured ideological struggle which is religious-based and politically-inspired* dan mempunyai kapasiti terlibat dalam kegiatan-kegiatan senjata bahkan *mass destruction*.

Saya buka semua *definition* yang sama. Ini bukan perkara main-main. Itu sebab saya kata kita pada hari ini, kita fikir benda ini kecil. Kita fikir tidak apa, kita kecilkan hati kawan, kita *provoke* kawan, kita kata, "*Ah, ini apa benda, tidak ada apa hal*", kita buat strategi yang sulit apa benda ini, hendak jatuhkan itu, hendak jatuhkan ini dan ini. *Be careful because concept new terrorism is worse than the old terrorism because* dia juga berselindung di bawah agama. Saya akan tunjukkan ini. Ini mendalam ya. Saya akan tunjukkan lagi lebih mendalam. Itu yang pertama.

Kedua, Ahli-ahli Yang Berhormat, IPCMC. Cuba Ahli-ahli Yang Berhormat bayangkan kalau IPCMC ini berjaya ditubuhkan, ia boleh digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menghalang tugas-tugas yang dilakukan oleh pihak polis. Dua-dua benda ini penting. Yang kita hendak hapuskan SOSMA, hendak wujudkan ini, apa hal? IPCMC. Ahli-ahli Yang Berhormat, tanpa polis, negara kita ini hancur dan kita pula hendak mewujudkan IPCMC. Pada saya yang tersirat ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada saya sebagai penganalisis, saya melihat pada yang tersirat. Walaupun itu hari Menteri menjawab, oh kebajikan, tetapi pada saya, *no. I am sorry, I don't accept that*.

Yang tersiratnya- kerana belum apa benda pun berlaku, yang secara mudah Ahli-ahli Yang Berhormat tengok dalam videolah, saya tengok pun sedih bagaimana polis kita dicerca, dihina, diherdik dan dicabar. Polis hendak tangkap dekat *highway* kah, dekat apa benda tahan kah, apa benda, dicabar. Polis, saya kesian tengok polis jadi pondan, takut-takut.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau di US- saya duduk US lama ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau di US, Ahli-ahli Yang Berhormat buat macam itu, pistol meletup dekat kepala. Di US, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat polis panggil, Ahli-ahli Yang Berhormat masuk tangan dalam ini... *[Sambil memasukkan tangan ke dalam poket]* Memang kena tembak. *Because* polis itu kata *self defense*, takut kawan itu ada pistol. Di US, Ahli-ahli Yang Berhormat lawan polis memang kena gari, kena tolak, suruh meniarap di bawah. Cakap banyak, dia akan panggil SOS dan Ahli-ahli Yang Berhormat memang kena buru.

Di sini, polis hendak tahan sebab buat kesalahan, kesian polis. Bukalah video tengok. Sudahlah tidak ada kuasa, Ahli-ahli Yang Berhormat adakan pula IPCMC. Apa akan jadi kepada kita?

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pihak kerajaan, Menteri Dalam Negeri, sama ada kerajaan sedar tidak dengan menghapuskan SOSMA ini, dengan mewujudkan IPCMC

ini, sedar tidak kemungkinan ada mempunyai satu matlamat yang tersirat untuk melemahkan penguatkuasaan undang-undang dan memberi peluang untuk *new terrorism* ini, *new subversive element* ini bergerak bebas? Bahaya.

Tolong, jangan main-main. *For the sake of our children*, anak cucu cicit kita, fikirkan masak-masak. Sila.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Yang Berhormat, saya cuma ingin hendak mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat nampak tidak puas, bahang ketidakpuasan kemarahan. Apa sangat perubahan Yang Berhormat tidak puas?

Saya tengok- cuma sebelum Yang Berhormat jawab, saya cuma hendak *provoke*. Saya rasa apabila kita katakan Malaysia baharu, apakah Malaysia baharu? Sebab, kita tidak bersedia, sebab kita tidak mempunyai perbincangan yang mendalam, sebab kita tidak membuat kajian yang sepatutnya tetapi kita ikut rentak. Itulah banyak masa, tenaga jabatan kerajaan- Menteri buat *statement*, *test market*, pusing balik, *U-turn*.

Kalau kita tengok, banyak masalah bermula disebabkan oleh ketetapan kita, *foundation* kita tidak kuat dan pendekatan kita, maka semua orang berani ubah. LGBT lah, hendak ubah ini dan ada yang sanggup juga hendak mencabar institusi raja. Itu yang menyebabkan ramai orang tidak puas dan orang Melayu rasa menjadi mangsa, orang Cina rasa mereka jadi mangsa, orang India rasa mereka jadi mangsa. Jadi, ketidakpuasan ini menjadi satu bahang yang menyebabkan rakyat sekarang kalau kita tengok muka mereka, muka geram, muka hendak hentam. Jadi, apakah yang menyebabkan fenomena ini, Yang Berhormat Senator Profesor?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Inilah yang sebenarnya yang kena nanti, walaupun Yang Berhormat kata orang Melayu ya tapi yang kena nanti bukan Melayu sahaja, tahu? Fenomena ini akan terkena kepada semua kaum, tidak kira Melayu, tidak kira India, tidak kira Cina. Menang jadi abu, kalah jadi arang.

Saya sebutkan *again and again*, saya minta parti-parti politik yang meneliti pandangan saya pada hari ini secara ikhlas, saya bimbang kerana kerajaan pada hari ini, saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Sri Ti tadi, kita mesti fokus kepada mentadbir negara. Kita jangan buat benda-benda yang saya rasa remeh temeh. Fokus bagaimana hendak menyatupadukan rakyat, bagaimana hendak menjalankan undang-undang dengan seadil-adilnya supaya kita tidak dituduh menggunakan *the law of the jungle*, memilih bulu. Kawan ini boleh lepas, kawan itu tidak boleh lepas. Ada pula, Yang Berhormat, ada mengatakan kalau Melayu buat, kena, orang bukan Melayu buat, semua lepas. Ada, untuk pengetahuan.

Jadi, ini tidak bagus kerana bila tidak puas, dendam, tengok muka pun sakit hati, ini tidak bagus kepada negara dan kepada rakyat. Itu yang saya mohon pada hari ini. Saya bercakap ikhlas kepada parti pemerintah, saya mohon betulkan sebelum terlambat berdasarkan aspirasi kita, Wawasan 2030 supaya kita balik ke pangkal jalan bermuhasabah diri, tidak kira kita parti apa, tidak kira kita bangsa apa, fikir betul-betul. Bukan untuk kita. Macam saya kata, *at my age*, kita fikir kepada anak-anak kita, semua kaum, bukan fasal diri kita. Ya, sila.

Dato' Zahari bin Sarip: Yang Berhormat Tan Sri, saya tertarik apabila Yang Berhormat sebut tentang polis tadi. Di bawah ini, Yang Berhormat, sebelum ini masyarakat memuji Polis Diraja Malaysia. Semua perkara ataupun kes-kes berprofil tinggi boleh diselesaikan oleh Polis Diraja Malaysia. Mereka kata polis kita adalah bertaraf dunia. Akan tetapi, sejak kebelakangan ini apabila masyarakat melihat banyak perkara yang disiasat oleh polis dibawa ke muka pengadilan ditarik semula kerana tidak cukup fakta dan sebagainya, maka masyarakat mula melihat seolah-olah Polis Diraja Malaysia yang dulu bertaraf dunia seolah-olah sudah *downgrade*, sudah turun. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya setuju kalau kita buat satu tindakan untuk memperbaiki keadaan tetapi kita kena berlaku adil kepada polis. Polis ini pun dia kalau hendak buat sesuatu, ia berdasarkan kepada arahan dari atas. Dia sudah tangkap seseorang, arahan atas kata, "*Jangan buat hal. Lepaskan.*", dia lepaskan. Itu satu.

Kedua, IPCMC ini, kita konon-konon hendak menjadikan polis ini sebagai satu badan yang efisien, tidak rasuah kah, cekap, kenapa polis sahaja? Sepatutnya kita *impose* kepada semua yang menjalankan tugas *enforcement* termasuk Kastam kah, Imigresen kah, Pendaftaran kah. Kenapa polis sahaja?

Sebab, yang jaga kastam, yang jaga pendaftaran, yang jaga tanah, yang jaga balak, yang jaga *border* kemungkinan ada sebab-sebab tertentu jangan kacau. Supaya pendatang haram boleh masuk seramai-ramainya, maka jangan kacau Pendaftaran. Jangan kacau Imigresen supaya pendatang haram dapat masuk. Itu saya punya *suspicion*, prasangka. Itu saya itu. Itu saya punya- *I am maybe wrong*. Kalau betul-betul hendak buat IPCMC, buat semua, baru adil.

■1550

Jangan kenakan polis. Pada prasangka saya, kenakan polis sebab ini polis esok tangkap orang apa semua- *I don't want*. Bagi dia lemah. Itu yang lain itu lagi bahaya. Yang lain itu pengkhianat bangsa, pengkhianat negara. Yang lain itu yang saya cakap, saya tidak boleh- Ahli-ahli Yang Berhormat pun tahulah. Banyak insiden-insiden dalam bank akaun mereka berjuta

Ringgit. Gaji tidak berapa sen. *Check* betul-betul. Mereka sepatutnya dijaga dan dikawal, mengapa polis sahaja. Itu saya hendak jawab soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, belum lagi SOSMA dihapuskan mahupun dipinda, telah timbul pula bunga-bunga dan bibit-bibit *new terrorism* atau pertumbuhan *subversive* ini di negara kita yang tercinta ini. Satu persatu kes pada hari ini kita lihat, sungguh sedih. Kes bendera Malaysia diconteng, kes bendera Malaysia terbalik, kes bendera Malaysia bintang lima bucu, kes bendera Malaysia jalur hitam, kes lagu Negaraku dalam bahasa *Mandarin*, kes Republik Malaysia. yang lain pula, kes buku komik komunis, kes abu mayat Chin Peng, kes acara memperingati komunis. Seterusnya juga kes pengganas LTTE.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab apa Menteri cakap pagi tadi, seolah-olah perkara ini perkara kecil. Jalur Gemilang, lagu kebangsaan adalah antara simbol dan identiti kedaulatan tertinggi negara. Tuan Yang di-Pertua lihat Perlembagaan kita tertakluk di bawah seksyen 114, Akta 645, subseksyen 1. Tiada seorang pun boleh mengubahnya. Itu dalam Perlembagaan ada. Jangan hendak bagi *excuse*, jangan hendak bagi- tidak ada negara dalam dunia buat benda sedemikian. Memanglah, bila kita cakap ada sahaja *excuse*. Itulah, inilah, itu memanglah.

Dalam Perlembagaan cukup *clear* tidak boleh. Tidak seorang pun boleh mengubahnya dan di bawah seksyen 114, Akta 645, subseksyen 2, mana-mana orang yang melanggar atau melakukan suatu kesalahan tersebut boleh di penjara tidak melebihi lima tahun ataupun denda tidak lebih RM50 ribu. Eh serius lah, ini bukan main-main, serius lima tahun, RM50 ribu. Bukan ikut suka hati mari ramai-ramai kita nyanyi lagu Negaraku *in Mandarin*. *No such thing and I do not expect a Minister to answer like that*. Kita mesti berlandaskan kepada Perlembagaan.

Ini yang saya sebut- ini yang saya katakan bibit-bibit, bunga-bunga *new terrorism* kerana ini baru sedikit ya. Saya hendak masuk dalam lagi. Saya hendak masuk dalam lagi. Ini baru sedikit...

Puan Asmak binti Husin: Boleh mohon celahan sikit?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, sila.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Profesor Emeritus. Saya tertarik apabila Profesor mengaitkan isu perpaduan dengan *new terrorism*. Maksudnya perpaduan ini sebenarnya perspektifnya lebih luas. Bukan fokus kepada isu politik semata-mata ya.

Saya mengatakan demikian kerana pada hari ini, setuju atau tidak kalau Yang Berhormat Profesor dengan saya, apabila saya melihat kita sekarang suka menyempitkan isu perpaduan

dengan meletakkan *indicator* perpaduan antara parti-parti politik semata-mata. Contohnya lah, suatu ketika PAS mungkin bersama dengan DAP dan PKR. Maka ketika itu ditunjukkan bahawasanya PAS ini adalah majmuk dan ada unsur perpaduan yang bagus. Akan tetapi apabila PAS bersama pula dengan UMNO, dinampakkan seolah-olah ini rasis sebab Melayu sama Melayu sampai kita kena cerita "*Eh tak, ada juga MIC, MCA dan lain-lain*".

Jadi kita kena terangkan pula pada rakyat sebenarnya perpaduan bukan ini sahaja, lebih daripada itu. Contohnya lagi, perpaduan yang paling ketara ada isunya adalah bagi saya dalam isu politik adalah isu sosial. Contohnya sekarang kita lihat tanpa kita mengira isu politik, di kawasan kejiranan, di kawasan penempatan, masing-masing bersikap individualistik, bersikap materialistik tidak sempat hendak tengok jiran sebelah. Aku atau engkau, hendak tengok muka orang pun tidak sempat.

Jadi itu sebenarnya bibit-bibit yang lebih besar yang membawa kepada perpecahan. Bukan bermakna kita jadi pembangkang kita tidak membela perpaduan sebab kita sebagai pembangkang kita membela berdasarkan Perlembagaan dan apabila menjaga Perlembagaan, itulah tanda-tanda ke arah keharmonian. Setuju atau tidak dengan pendapat saya? Sekian, terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Setuju [*Ketawa*] Sebenarnya saya setujulah ya. Kita perpaduan ini, kita tidak mengira latar belakang parti politik. Bahkan saya pernah terfikir, pernah saya berbincang dengan kawan. Saya pun risau tengok keadaan negara kita ini. Saya mimpikan macam ini asyik bergaduh sahaja tidak boleh kancang. Boleh tidak kita ada *one party system*, tidak kisah DAP kah, tidak kisah parti apa kah, UMNO kah. *One party system...*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tan Sri, boleh tanya sedikit?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: ...Akan tetapi kita duduk sama-sama, pakat sama-sama- sampai begitu sekali. Dengan syarat parti-parti berkenaan mesti berundur kalau ada dia punya polisi ke, matlamat dia yang agak melanggar benda yang orang tidak suka. Itu kena berundur sedikitlah. Sila.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tan Sri. Sebagai pendidik yang banyak pengalaman Tan Sri, pada pandangan saya- orang muda [*Ketawa*] Pengalaman politik pun tidak banyak lagi. Saya rasa di Malaysia ini, kebanyakan parti politik kita- macam di Amerika dia ada Demokrat, dia ada Republikan. Perbezaannya itu sangat *ideological*, betul? Okey, di Malaysia ini saya tengok perbezaan ini tidak sangatlah *ideological*. Tidak ada lah sangat,

melainkan- saya tahulah rakan saya daripada PAS pun walaupun pegangan Islam dia itu- Islam yang sangat inklusif, yang kebanyakan semua parti boleh terima. Pada pandangan saya lah.

Rakan saya di PSM mungkin itulah, yang nampak ideologinya- sosialis dan sebagainya. So, kebanyakan kita di sini tidak sangatlah bersifat perbezaan ideologi. Jadi pada pandangan saya, mungkin Profesor boleh bagi tunjuk ajar. Saya rasa banyak titik-titik pertemuan. Contohnya untuk di kala ekonomi dunia sekarang ini yang sangat mencabar- bukan salah kita pun Amerika dengan China hendak bergaduh. Kita tidak ada apa pun.

Saya rasa isu yang paling penting contohnya isu sekuriti, isu keselamatan. Semua orang akan kena. Isu pertumbuhan ekonomi. Kalau ideologi berbeza Tan Sri, duit tidak ada hendak diagih, mati semua orang. So, saya nampak banyak isu-isu yang sebenarnya kalau kita ambil peluang Tuan Yang di-Pertua, dia akan berjaya membentuk Malaysia satu-satunya negara di dunia yang mana semua tamadun besar dunia- yang Islam, yang Cina, yang India, yang Eropah.

Apa yang menariknya kita berinteraksi di dalam arus perdana pembangunan negara, sosial. Bayangkan kalau ini yang digembleng oleh tokoh pendidik, pemimpin politik; kita akan membina, dengan izin, *the new Asian modern civilization* yang mana kita akan menyumbang lebih besar kepada *the global civilization*. Itu yang sebenarnya Dewan Negara hendak buat itu.

Saya rasa dan saya nampak pandangan adakah sejauh itu kita boleh pergi sekiranya kita semua memfokuskan kepada potensi-potensi kita yang sebenarnya. Bukan hendak cakap benda yang tadi- ini hendak bergaduh fasal lagu. Orang bergaduh- fasal dulu kalau cikgu tidak cukup, daripada Indonesia dia bawa cikgu matematik mengajar kita. Sekarang bergaduh fasal batik, bergaduh fasal lagu. Itu mohon tunjuk ajar sedikit- sebab saya nampak potensi sebenarnya Malaysia, bukan perkara yang kecil.

Tuan Nga Hock Cheh: Bolehkah saya minta laluan? Tan Sri Profesor, kalau parti UMNO ikut wawasan Onn Jaafar- *Malayan Union* di mana semua kaum boleh jadi ahli...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap ya.

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Dengan izin, mungkin saya boleh tanya lebih jelas dalam bahasa Inggeris. *If the vision of Onn Jaafar- Malayan Union where all races can join the party and UMNO has stood for United Malaysian National Organization, do you think that would have helped in the perpaduan for the country?*

Tuan Yang di-Pertua: Tan Sri, ini berkenaan dengan undang-undang perbelanjaan. Akan tetapi ini saya tengok perbahasan ini bertumpu kepada politik. Ini bukan rang undang-undang politik.

■1600

So, Yang Berhormat...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ini bukan politik. Soalan saya- saya banyak lari balik kepada kewangan, kewangan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya faham. Yang Berhormat Senator Prof....

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ini sebab kalau kita ada bajet berbilion pun...

Tuan Yang di-Pertua: Rumuskan, dalam tiga minit [*Ketawa*]

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tidak *aci* lah Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada lagi 15 orang hendak berbahas. Pandangan Yang Berhormat Senator Prof ini sudah terkeluar banyaklah. Saya tengok banyak orang cakap fasal politik keamanan. Saya menasihatkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat ini keluar dekat sana, minum teh dan *discuss about politics* [*Ketawa*]

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: So, bagi saya berapa minit?

Tuan Yang di-Pertua: Lima minitlah.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Come-on* lah. *We've been friend for a long time* [*Ketawa*] *Come-on* lah. *I* belanja *you* makan lepas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bertumpu kepada bajet, Yang Berhormat Prof. cakaplah. Kalau keluar, saya akan berhentikan [*Ketawa*] Silakan, Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okeylah, Tuan Yang di-Pertua. Saya faham. Ya, saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Kita ini sudah lagi ada 14 orang.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya lah. Saya, Tuan Yang di-Pertua, *is honest*. Sebelum Tuan Yang di-Pertua masuk, saya cakap ini, niat saya baik.

Tuan Yang di-Pertua: Niat Yang Berhormat saya tahu. Saya faham, Yang Berhormat ini betul-betul seorang yang, *you know*, betul-betul pandailah daripada semua aspek. Akan tetapi, hari ini, aspek bertumpu kepada dana negara [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey lah.

Dr. Yaakob bin Sapari: Sekejap saja...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, tidak boleh. Duduk Yang Berhormat. Saya tidak benarkan. Saya tidak benarkan. Yang Berhormat...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, saya habiskan sikit lagilah- eh, tidak boleh soalan sudah. *Stop, no more* soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya lima minit saja, matilah saya hendak cakap apa lagi. Okey, oleh sebab itu tadi saya bercakap pada segi...

Tuan Yang di-Pertua: Saya memang duduk dalam itu, saya tertarik [*Ketawa*] Akan tetapi, saya tengok masa pun, "Alamak, ini sudah pukul 4 petang ini. Pukul berapa kita hendak habis".

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Biar saya habiskan sikit...

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana Yang Berhormat, kalau saya benarkan Yang Berhormat Tan Sri cakap sejam, tidak akan yang lain saya tidak berikan masa. Tidak baik. Lagipun kita dua-dua pun pembangkang [*Ketawa*]

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya bukan pembangkang, saya bukan *government*. Saya ini Profesor- hendak betulkan negara inilah.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat Senator Tan Sri ini dari UMNO. So, pembangkang [*Ketawa*]

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *I'm not a politician. I'm not!* [*Ketawa*] Saya dilantik, bukan- saya tidak pernah bertanding macam Yang Berhormat kita sana itu, Yang Berhormat muda.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak tanya sikit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan Yang Berhormat- tidak boleh, tidak boleh. Duduk, duduk [*Ketawa*]

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Senator Tan Sri, UMNO kah tidak? Hendak tanya itu saja.

Tuan Yang di-Pertua: Kerajaan pun tidak boleh, pembangkang pun tidak boleh.

Datuk Razali bin Idris: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tidak bolehlah. *You* tanya soalan tadi. / lima minit Tuan Yang di-Pertua bagi saya. Tadi dari segi- saya kata dari segi

bendera. Cuma saya hendak jelaskan sikit Tuan Yang di-Pertua, ini fasal, sejam tadi ada *confusion* fasal PKM ini.

Saya hendak *quote*, apa ACP (Rtd) Jeremy Ting cakap, "*Chin Peng must be remembered as a terrorist*", ini a *Chinese* ya. "*Please don't revered as a hero. He was never one*". Then, Colonel (Rtd) Fabian Wong, "*To take arm against the government is causing untold miseries and many deaths to the people especially the Chinese*". Saya kena pendekkan disebabkan masa tidak ada.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua kena beza- macam saya cakap itu hari, bezakan Parti Komunis China dengan Parti Komunis Malaya. Parti Komunis Malaya adalah gerakan *terrorist*. Parti Komunis China adalah *government* yang *legitimate*. Saya kena pendekkan. *Last* sekali tadi, saya kata, *between* LTTE, saya rasa risau, apabila melihat seorang pemimpin DAP daripada Pulau Pinang, mencabar, "Lu, orang Melayu, kalau berani mahu perang, okey, boleh start perang". Apa perasaan saya? Beliau berani bercakap demikian, kerana saya syak beliau telah bersedia dengan senjata. Ini kerana, kalau mengikut kata buku-buku ini... [*Merujuk kepada beberapa naskhah buku*] Mereka mempunyai senjata.

Jadi, saya syak, itu hari, kita terjumpa senjata di *border*, apakah ini ada kaitan? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya punya *conclusion*, di negara kita ini ada tiga jenis kumpulan *terrorism*. Pertama, gerakan pengganas- *terrorist*, ya. Gerakan pengganas- *terrorist* yang dikatakan PKM. Saya tidak kata Komunis. Gerakan pengganas- *terrorist*, kedua, gerakan pengganas- *terrorist*, LTTE; dan ketiga, gerakan pengganas *Evangelical Christian Zionism*. Ada tiga buah buku. Okey.

Saya hendak ceritakan buku ini sikit saja. Saya hendak baca, iaitu dikatakan di dalam kesemua- tiga-tiga buku ini, gerakan ini adalah gerakan ekstremis, lebih merbahaya daripada gerakan ekstremis Islam. Lebih merbahaya daripada ISIS ataupun IS.

"*Malaysia has been targeted by Christian Zionist group and the effort has gained momentum in the past five years. The result can be seen not so much in discreet and readily identified Christian Zionist Movement rather than what has evolved. A comprehensive network, a pastor's congregations, evangelically infrastructure, for which Israel both ancient and modern is a divine trust and which is dedicated to moulding the country, Christian, especially the Chinese into an effective Trojan's horse*". Saya tidak perlu terangkan, ya. Cukup merbahaya.

Kedua, "*The problem of the evangelization of the Muslim is the high degree of deception involved. Muslim evangelization is a notoriously surreptitious enterprise involving of wide variety of proxies subdued and multiple camouflage. Which is extremely hard politically and then socially to counter a process which is so intrinsically dishonest*". Saya tidak boleh terangkan dalam

bahasa Melayu disebabkan tidak ada masa. Kalau tidak faham, boleh tanya, iaitu- ini hendak menjelaskan kegiatan ini dalam semua buku ada menerangkan.

Ketiga, *“What is of concern is however is that there are sources of conflict which are largely concealed little understood and potentially disastrous for Malaysia. Politically, ethnically, socially and economically, a number of this related to pressure of religious extremism. Indeed, a number of respects, the presence of evangelical Christianity may turn out to be the more decisive and destructive for Malaysia than the presence of extremist of Islam”*.

Dalam buku ini, *the last one, “ If effective manipulated, could decisively influence politic in Sabah, Sarawak, Penang and Selangor and affect the severity of the entire country if this were to happened. It would certainly be a tragedy for Malaysia but it will be a particular tragedy for the Christian community especially those Sabah and Sarawak whose many good souls where been betrayed by the extremist amongst them”*.

Tuan Yang di-Pertua, buku ini saya boleh pinjamkan, boleh baca dan yang lebih menyedihkan, nama-nama yang terlibat, adalah daripada satu parti politik yang sama. Ketiga-tiga golongan ekstremis tadi, ya, *LTTE*-kah, Komunis *terrorism*-kah dan yang ini kah, tiga-tiga adalah dipelopori oleh pemimpin-pemimpin DAP. Itu kalau *LTTE*, tidak payah tanyalah. Semua Tuan Yang di-Pertua pun sudah baca. Komunis yang merayakan semua, dia orang juga. *Then*, yang *evangelical* pun, Tuan Yang di-Pertua pun tengok video, bagaimanakah mereka merayakan dan dalam buku semua- ini saya *quote* daripada buku, bukan saya punya, ya...

Tuan Nga Hock Cheh: *[Bangun]*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Last* sekali, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Nga Hock Cheh: Yang Berhormat Tan Sri...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Nanti, boleh tidak, saya habiskan sedikit. Selepas itu, tanya, ya.

Daripada segi ekonomi, saya tidak mahu sebutlah, semua kawan-kawan saya, sudah sebut satu persatu. Cuma yang prasangka, sebab kerajaan lelong satu persatu aset-aset negara. Apa hendak jadi?

Di dalam- saya studi ekonomi, jangan jual aset. Jangan jual tanah. Anak cucu kita hendak duduk mana? Jual aset negara tetapi aset-aset negara dijual, hutang kita bertambah. Duit itu mana pergi? Aset satu- walaupun saya sudah *sound* dulu, saya masih ingat. Saya ingat, saya kata, sampai ditelanjangkan dan tersungkur dan diinjak. Masih berlaku satu persatu aset dijual.

Sime Darby-nya, PETRONAS-nya, IHH-nya, TH-nya ya, Royale Chulan Hotel, dan berbagai-bagai-bagai, ya.

Saya katakan, apakah kejayaan tahun 2030 ini akan tercapai? Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Ya, Menteri Kewangan dan Menteri Dalam Negeri. Tadi, bab politik, ini bab ekonomi, dengan penjualan aset, dengan hutang bertambah, dengan naiknya *by next year*, naik harga air pun naik, elektrik pun naik dan berbagai-bagai lagi, naik. Dengan kos sara hidup bertambah naik, pengangguran di kalangan mahasiswa dan berbagai-bagai. Apakah kita boleh mencapai? Kita boleh capai kalau betul-betul kita muhasabah diri dan balik ke pangkal jalan dalam masa 20 tahun, kita bersiap-sedia.

Lastly, berkenaan dengan Kampung Baru. Tuan Yang di-Pertua, *last*, Kampung Baru. Kampung Baru ini, kalau di KL kita ada Bukit Bintang, cantik. Kita juga ada Little India, saya selalu bawa orang rumah saya berurut dekat situ, Little India. Ya, Little India. Kita ada Chinatown. Tidak bolehkah Kampung Baru, kita *develop something like Malay-Muslim's hub* kah? *Rather than*, kita lelong dan kita jual. Ya, saya tahulah- kita beli daripada tuan empunya.

■1610

Boleh atau tidak, jangan kita hakiskan pemilikan tanah itu? Tanah masih dipegang oleh tuan empunya tetapi pihak tertentu sama ada melalui GLC kah, Tabung Haji kah, Petronas kah, kerajaan *inject dan develop the area*. Tanah tidak terlepas. Sebab selama ini kita banyak buat benda-benda yang kita rasa tidak terfikir. Misalnya rumah-rumah itu yang pada asalnya harga RM800 ribu, *one million*.

So hendak menggalakkan orang-orang Hong Kong beli kita turunkan RM400 ribu. Boleh pula. Boleh. ini boleh atau tidak kita fikir daripada segi positif. Sebab pada orang Melayu Tuan Yang di-Pertua, itulah kita harapkan janganlah kita hancurkan Kampong Bharu ini. Carilah jalan lain. Saya minta Menteri Wilayah boleh atau tidak jawab kepada saya, boleh atau tidak perkara itu dibuat? Jangan kita ambil tanah itu. Biarkan tuan yang punya tanah pegang tetapi kita cari cara lain supaya Kampong Bharu menjadi *a Malay Muslim hub*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas...

Tuan Nga Hock Cheh: Sebelum.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh? Kalau Tuan Yang di-Pertua kata boleh, saya boleh.

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mustahak. Saya hendak *clarification*, sejak kecil saya *worship in the Methodist Church in Malaysia*. I tidak pernah dengar

ini nama *Christian Zionism*. Basically, we believe in God as in the Rukun Negara and we are loyal to the country. Jangan lah sebab nila setitik susu sebelanga dicemarkan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab ya. Sedikit sahaja. Kasihan. Ini kawan lama saya ini.

Yang Berhormat, saya pun setuju. Sebenarnya kalau ikut buku ini, perkara ini berlaku semenjak lebih kurang tahun 2008. Perkara yang berlaku selepas *World Trade Centre*- itu. Dulu tidak ada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang terhormat...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak pernah dengar. Yang Berhormat, pinjam buku.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh. Saya ada *all the books*.

Tuan Yang di-Pertua: Rumus, rumuskan Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya. Termasuk Tuan Yang di-Pertua, termasuk yang saya rasa sedih, pemimpin-pemimpin kita pun ada buku ini buat *statements* sedemikian, menjadikan *Penang Christian country*, menjadikan *Malaysia Christian country*. Dulu pun Tan Sri *Chair* yang saya tanya Yang Berhormat Arifin. Dia kata, "Apa salah *Penang* jadi *Christian country*?" *Oh, my God*. Minta maaf. Hannah Yeoh pun cakap demikian. Lebih kurang sama *but these are* pemimpin dalam parti kerajaan. Pada saya satu gerakan *subversive*! Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira kena menetapkan masa lah kerana ...

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit? [Ketawa] Akan tetapi sebelum saya hendak menetapkan masa, saya berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan berbahas, jikalau ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang hendak dibahaskan ini, tidak payahlah sambung kepada perbahasan Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas. So bermakna bila Menteri jawab itu, boleh juga Ahli Yang Berhormat ini bangun dan bertanya dengan lebih jelas.

Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chung.

4.13 ptg.

Datuk Ir. Yong Wui Chung: Salam sejahtera dan selamat petang. Pertama sekali izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta di dalam perbincangan ini.

Dalam Bajet 2020 ini, terdapat dua kementerian yang mendapat peruntukan yang tinggi iaitu Kementerian Pendidikan mendapat sebanyak RM64.1 bilion manakala Kementerian Kesihatan sebanyak RM30.6 bilion daripada jumlah keseluruhan bajet. Oleh itu, kita sebenarnya melabur besar dalam kedua-dua kementerian ini dalam mengharapkan satu pembaharuan baharu akan dapat dicapai yang akhirnya akan memberikan kesan yang lebih baik kepada kehidupan masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai Program Sarapan Percuma (PSP). Semakan pada buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 B/P.63, Kementerian Pendidikan mendapati dia ada peruntukan khusus dalam Belanjawan 2020 untuk PSP yang dianggarkan mencecah RM1.67 bilion sebagaimana yang diumumkan Yang Berhormat Menteri sebelum ini. Sebaliknya, peruntukan berjumlah RM295 *million* di bawah Butiran 081200 iaitu Rancangan Makanan Tambahan tetap diteruskan yang mana kedua-dua ini merupakan program yang berbeza.

Begitu juga dengan status program Baucar Buku RM250. Adakah ia akan diteruskan pada tahun hadapan dan berapakah kos yang akan dikeluarkan bagi tujuan tersebut?

Saya juga ingin mendapatkan maklumat mengenai sekolah-sekolah daif di Sabah yang akan dibaiki dan ditambah baik pada tahun hadapan dengan peruntukan sejumlah RM783 juta dan peratusan sekolah daif di Sabah yang telah dibaiki pada tahun ini berbanding sasaran kementerian.

Didapati juga RM5.9 *million* bagi program TVET bagi tujuan pembangunan modal insan disediakan. Saya berharap kursus-kursus yang disediakan memenuhi keperluan pasaran dan juga tahap belajar seperti kecekapan untuk membaca dan menulis kerana ada ramai yang hanya ada pendidikan rendah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada Kementerian Kesihatan. saya meminta supaya satu kajian menyeluruh dilakukan mengenai masalah *long queue* di hospital-hospital awam di seluruh negara. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2018, hanya 58.7 hingga 74.5 peratus pesakit yang dirawat dalam tempoh kurang daripada empat hingga enam jam. Mereka perlu menunggu lama untuk berjumpa dengan doktor untuk menerima rawatan. Saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian yang serius.

Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan mengisytiharkan kes pertama polio wujud tahun yang telah dilaporkan yang melibatkan bayi berusia tiga bulan di Sabah. Ini isu yang sangat serius Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon kementerian menyatakan apakah status terkini tindakan yang diambil oleh kementerian? Apakah hasil dapatan yang diperolehi daripada rawatan ke atas bayi ini? Bagaimana dan mengapa penyakit ini boleh kembali semula? Saya mahukan laporan lengkap. Adakah kerajaan bersedia untuk mewajibkan semua warganegara Malaysia mengambil vaksin disediakan kerajaan bagi mengekang kes-kes menakutkan untuk kembali semula seperti kes polio ini?

Saya juga ingin tahu usaha-usaha kerajaan untuk menangani masalah kesihatan mental yang semakin membimbangkan khususnya di kalangan B40 dan M40? Adakah kajian telah dibuat mengenai faktor-faktor yang membawa kepada masalah mental tersebut mengikut pecahan umur dan jantina.

Tahun 2020 merupakan Tahun Melawat Malaysia 2020. Oleh itu, saya mohon penjelasan pihak *Malaysia Healthcare Tourism Council* (MHTC) berkenaan strategi pemerkasaan yang dilaksanakan dan kolaborasi yang dijalinan bersama *Tourism Malaysia* dan Kementerian Pelancongan bagi menyemarakkan lagi VM 2020 ini. Apakah pasaran yang menjadi *target* untuk MHTC pada tahun hadapan dan segmen apakah yang akan diketengahkan?

Beralih kepada isu rokok yang kita hadapi hari ini terutamanya rokok-rokok yang telah dibawa masuk secara haram. Saya ingin bertanya kerana negara kita kehilangan banyak pendapatan kerana ini. Dikatakan lebih daripada RM1 bilion. Ia seolah-olah tidak dapat dibendung. Justeru, saya mohon penjelasan daripada kerajaan, apakah tindakan yang lebih tegas akan diambil bagi mengekang penyeludupan dan penjualan rokok seludup ini?

Berkenaan isu *vape* pula. Sejauh manakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengekang penjualan *vape* di kalangan budak sekolah ketika ini dan tindakan yang telah diambil.

■1620

Apakah pula tindakan daripada Kementerian Pendidikan? Apakah reaksi kementerian dan tindakan yang diambil bagi memastikan perkara ini tidak berleluasa?

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2020, banyak insentif baru pakej galakan dan lanjutan pelepasan cukai diperkenalkan. Persoalannya, berapakah jangkakan hasil pendapatan daripada cukai baru tersebut? Adakah insentif dan galakan cukai yang telah diumumkan akan memenuhi secara optimum objektif kewangan kerajaan atau sebaliknya? Sebagai contoh, mengapa kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan cukai dosa atau *sin tax*? Hasil daripada cukai ini pada

tahun 2017 mencecah RM6 bilion, kira-kira 10 peratus daripada jumlah cukai yang tidak langsung iaitu sebanyak RM60.5 bilion. Sekiranya duti eksais ke atas minuman bergula boleh dikenakan untuk membolehkan tahap kesihatan rakyat, mengapa tidak dinaikkan cukai dosa atau *sin tax* ini?

Tuan Yang di-Pertua, dua strategi utama untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi seperti yang digariskan di dalam Bajet 2020 iaitu pembangunan ekonomi digital dan teknologi pembuatan tinggi telah diberikan peruntukan yang munasabah iaitu kira-kira sebanyak RM23 bilion bagi pembangunan digital ekonomi dalam tempoh lima tahun. Kira-kira sebanyak RM6.5 bilion bagi sektor pembuatan pada tahun 2020 dalam pelbagai bentuk geran pembangunan infrastruktur dan pinjaman.

Walau bagaimanapun, pelancongan yang juga dikenal pasti sebagai industri yang menyumbang kepada pertumbuhan negara khususnya Kementerian Pelancongan hanyalah menerima sejumlah kira-kira RM1.2 bilion. Tentunya peruntukan kecil ini tidak mencerminkan kepentingannya sebagai industri yang disasarkan untuk pertumbuhan. Dalam memenuhi janji Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan dalam mewujudkan satu juta peluang pekerjaan, industri pelancongan antara yang memberikan kesan yang cepat dalam mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan rakyat.

Saya tidak lihat bagaimana kerajaan memfokuskan peranan ini kerana ianya bukan sahaja dapat membantu penduduk luar bandar malahan dapat menghalang mereka daripada berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya kepada MoTAC, apakah insentif yang diambil bagi mewujudkan peluang pekerjaan dalam industri pelancongan ketika ini?

Seterusnya kepada Kementerian Kewangan, berapakah peratusan jumlah pendapatan negara hasil daripada industri pelancongan? Berapakah pula jumlah peruntukan yang diberi? Adakah kementerian akan mempertimbangkan untuk memberikan peruntukan tambahan kepada Kementerian Pelancongan khususnya bagi membina infrastruktur pelancongan di luar bandar dan di tempat-tempat baru yang dilihat berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan MOF mengenai justifikasi peruntukan sebanyak RM10 juta kepada anak syarikat Khazanah iaitu *Think City* bagi memelihara budaya dan warisan bandar. Saya mohon penjelasan dengan wang sebanyak RM10 juta ini, apakah pecahan perbelanjaannya? Bukankah kita sudah ada agensi yang menguruskan dan memelihara warisan negara iaitu Jabatan Warisan Negara? Mengapakah peruntukan ini tidak disalurkan terus kepada

jabatan ini? Tindakan ini seolah-olah memperkecilkan peranan jabatan ini. Kita juga tidak mahu berlaku *overlapping* kerja yang sememangnya membazirkan wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Sandakan di Sabah sememangnya memiliki pelbagai tarikan pelancongan yang boleh memikat pelancong untuk datang ke sana. Kekayaan dan keindahan marin, keindahan alam semula jadi dan tidak lupa juga tarikan gastronomi yang pelbagai dan sememangnya terkenal di seluruh Sabah. Malang sekali tarikan di Sandakan ini kurang diberi perhatian oleh pihak kerajaan sehingga daerah yang pernah digelar *Little Hong Kong* ini dilihat seolah-olah terbiar tanpa sebarang usaha untuk membangunkan Sandakan sebagai satu daripada tarikan utama pelancong ke Sabah.

Sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya kepada MoTAC, apakah perancangan dan strategi kementerian untuk membangunkan Sandakan sebagai sebuah daerah pelancongan yang terkemuka bagi tempoh jangka pendek dan panjang? Apakah bentuk latihan dan galakan yang diberi kepada pengusaha pelancong di sini untuk menyambut pelancong yang bakal tiba khususnya menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020? Adakah terdapat pakej yang baru dan menarik? Bagaimana ianya dipasarkan dan apakah medium pemasaran yang digunakan?

Saya juga ingin bertanya berkenaan industri pelancongan di Tawau dan Lahad Datu. Dua daerah ini dilihat seolah-olah tidak mendapat sepenuhnya kesan limpahan ekonomi daripada pelancongan berbanding daerah Semporna. Sering kali pelancong yang turun di Lapangan Terbang Tawau terus ke Semporna berbanding dua daerah yang kita tahu kaya dengan produk pelancongan yang bertaraf dunia seperti Maliau Basin, Danum Valley, Gua Madai dan banyak lagi. Sehubungan dengan ini, saya mohon kementerian merangka satu strategi yang lebih berkesan dalam menarik pelancong tempatan mahupun antarabangsa ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab menjamin pembangunan fiskal dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat Sabah terutama sekali dari segi ekonomi, keselamatan dan juga taraf kehidupan. Harus diingatkan bahawa salah satu daripada sebab kenapa rakyat Sabah ingin untuk bersama-sama membentuk Malaysia dahulu, adakah disebabkan janji yang dibuat oleh pemimpin terdahulu yang menjanjikan bahawa sekiranya Sabah bersama-sama membentuk Malaysia akan mendapat pembangunan yang sama dan selari dengan Malaya. Namun sehingga kini, ianya belum dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Memang tidak dinafikan bahawa secara dasarnya dilihat seolah-olah Belanjawan 2020 ini mengutamakan pembangunan Sabah dan Sarawak. Namun, adakah ia selaras dengan pendapatan Kerajaan Persekutuan melalui hasil pungutan cukai dan sumber asli daripada kedua-

dua negeri ini? Apakah yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum PRU dahulu dengan hanya lebih kurang 17.4 peratus sahaja daripada perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk negeri Sabah dan Sarawak. Sekiranya perbelanjaan Kerajaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak kekal pada kadar sebegini, maka rakyat Sabah dan Sarawak tidak mungkin merasai janji-janji yang telah ditaburkan oleh pemimpin Malaya di waktu dahulu.

Kita semua sedia maklum bahawa menurut MA63, Sabah berhak ke atas 40 peratus daripada hasil yang diperoleh Kerajaan Persekutuan di Sabah. Bagaimana pula dengan 10 peratus daripada hasil minyak dan gas seperti yang termaktub di dalam Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan ini? Ia juga tidak ditunaikan. Adakah kita tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian MA63?

Meskipun kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan jumlah lima peratus pada tahun 1976, jumlah ini sudah tidak adil pada zaman sekarang. Jika kita mengambil kira kadar inflasi dan kos harga barangan pada masa ini, bagaimanakah pembangunan fiskal dapat dilaksanakan dengan hanya lima peratus daripada hasil minyak sedangkan Sabah adalah pengeluar minyak yang terbesar di Malaysia.

Kita juga tahu bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengutip jumlah cukai yang tertinggi iaitu RM137 *over billion*, tidakkah Sabah dapat diberikan apa yang telah dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan? Jika selama ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan bercakap bahawa Kerajaan Persekutuan sememangnya hendak membayar apa yang tertunggak kepada kerajaan Sabah tetapi kewangan semasa tidak mengizinkan. Semestinya jumlah kutipan cukai yang tinggi baru-baru ini telah mengubah situasi kewangan Kerajaan Persekutuan seperti yang telah terbukti dalam Belanjawan 2020 yang telah pun dibentangkan oleh beliau.

■1630

Untuk itu, saya ingin sekali lagi mendapatkan kepastian dari Yang Berhormat Menteri Kewangan berapakah anggaran jumlah dan bilakah Kerajaan Persekutuan dapat memulangkan bayaran yang tertunggak pada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, belanjawan peralihan daripada Rancangan Malaysia Kesebelas ke Rancangan Malaysia Kedua Belas ini merupakan belanjawan yang pertama mendukung prinsip wawasan yang baharu iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Walaupun sekarang kita sedang giat membincangkan tentang kemakmuran bersama atau *shared prosperity*, rakyat di Sabah masih tertanya-tanya apakah yang tersedia untuk rakyat di Sabah dan adakah ia akan dilaksanakan mengikut apa yang telah akan dirancang. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Ekonomi berapa peratusan

projek di Sabah di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang disenaraikan dan telah dilaksanakan bagi tempoh tersebut. Begitu juga RMKe-11, saya mohon perincian tersebut. Saya juga ingin tahu apakah projek-projek di Sabah yang belum terlaksana di dalam Belanjawan 2019 dan adakah projek yang belum dilaksanakan tersebut akan diteruskan di dalam Belanjawan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 118 di dalam ucapan bajet yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan merupakan sebahagian daripada geran Persekutuan. Semenjak tahun 1969, kadar pembayaran khas tahunan iaitu sebanyak hanya RM26.7 juta untuk Sabah dan RM16 juta untuk Sarawak sebelum pernah disemak semula. Oleh itu, buat pertama kalinya bermula tahun 2020, Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk menggandakan kadar kepada RM53.4 juta bagi Sabah dan RM32 juta bagi Sarawak. Saya mengucapkan terima kasih. Walau bagaimanapun, ini merupakan kenyataan dalam bajet dan dikaitkan dengan Perkara 112D dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sebagai wakil dari Sabah, saya ingin menyatakan bahawa Perkara 112D tidak berhenti sekadar mengadakan peruntukan daripada RM26.7 juta kepada RM53.64 juta bagi Sabah sebagai satu pemberian khas di bawah peruntukan Perkara 112D dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana kalau kita lihat lanjutan kepada Perkara 112D di bawah *Tenth Schedule*, Perkara 2(1) dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *"In the case of Sabah, a grant of amount equal to each year to two-fifths of the amount by which the net revenue derived by the Federation..."*

Maknanya ada satu kuantum yang membawa kepada 40 peratus hasil yang dikutip dari Sabah, harus dipulangkan semula kepada Sabah. Pada tahun 2019, kerajaan negeri menganggarkan hasil kutipan di Sabah adalah sebanyak RM4.2 bilion. Jika kita kira sepatutnya bagi Belanjawan 2020 ini, Sabah sepatutnya menerima RM1.68 bilion daripada Kerajaan Persekutuan.

Maknanya apabila kita bercakap tentang kami telah menggandakan peruntukan di bawah Perkara 112D dengan memberikan sebanyak RM53.4 juta ini, ini tidak berapa tepat untuk menggambarkan Perkara 112D kerana ia harus melihat kepada Perkara 112D di bawah *Tenth Schedule*, Perkara 2(1) yang meletakkan suatu kuantum 40 peratus yang harus Kerajaan Persekutuan bagi kembalikan kepada Sabah apa sahaja hasil yang dikutip di Sabah.

Ini merupakan asas kepada penyertaan Sabah di bawah Perjanjian 1963 yang dirunding melalui *International Court of Justice* dan sebagainya yang meletakkan kedudukan Sabah ini sebagai sesuatu yang istimewa, yang ada kuantum yang harus dikembalikan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya harap perkara ini diberikan keutamaan oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang

sebelum ini berjanji akan mengembalikan hak-hak Sabah dan Sarawak di dalam manifesto PRU-14.

Di sini saya juga ingin membangkitkan isu mengenai lapangan terbang di Sabah. Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Pengangkutan mengenai cadangan kerajaan negeri untuk membina lapangan baharu di pantai barat. Mengikut data yang ada di kementerian, berapakah jumlah terkini, jumlah penumpang keluar masuk di Lapangan Terbang KKIA dan anggaran penumpang bagi tempoh lima tahun yang akan datang berbanding kapasiti sedia ada di sini. Apakah faktor yang diambil kira untuk mendapatkan anggaran tersebut? Hal ini penting kerana data anggaran tersebut perlu tepat bagi mengelakkan percanggahan di antara kerajaan negeri dan Kementerian Pengangkutan.

Kedua, saya ingin bertanya daripada kita membina lapangan terbang yang baharu yang mungkin memakan masa sekurang-kurangnya 10 tahun untuk disiapkan, mengapa tidak kita menaik taraf dan membesarkan Lapangan Antarabangsa Kota Kinabalu. Seterusnya saya ingin memohon penjelasan, apakah status terkini kajian bagi menaik taraf status Lapangan Terbang Tawau kepada lapangan terbang antarabangsa yang dibuat oleh Malaysia Airport Sdn. Berhad (MASB) dan anggaran masa kajian tersebut sebelum dibentangkan kepada umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kementerian memberikan tumpuan isu-isu yang dihadapi di Lapangan Terbang Sabah. Isu seterusnya adalah isu *aerobridge*. Semasa sidang Dewan Negara yang lalu, kementerian memberikan jawapan bahawa semua syarikat penerbangan termasuk *AirAsia* telah mengenakan caj perkhidmatan *aerobridge* di dalam tiket penerbangan mereka khususnya di lapangan terbang di Sabah seperti lapangan terbang di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Akan tetapi untuk makluman kementerian, *AirAsia* masih lagi tidak menggunakan *aerobridge* di lapangan tersebut di atas. Sekejap mereka guna perkhidmatan ini, sekejap tidak. Saya mohon penjelasan kementerian khususnya MAVCOM. Apakah tindakan tegas yang akan diambil kepada *AirAsia* bagi melindungi kepentingan pengguna? Adakah sebelum ini ada syarikat penerbangan yang dikenakan tindakan atas kesalahan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat?

Datuk Ir. Yong Wui Chung: Sikit lagi. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata kerajaan akan mempertimbangkan penjualan saham PETRONAS kepada Sabah dan Sarawak kerana ia tidak mampu memenuhi tuntutan menaikkan royalti yang dibayar syarikat minyak negara itu daripada lima peratus kepada 20 peratus seperti yang dinyatakan dalam manifesto Pilihanraya Umum Ke-14.

Pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini sememangnya tidak sesuai kerana kejayaan PETRONAS sendiri adalah hasil daripada sumber asli yang terdapat di Sabah dan Sarawak dan sememangnya kedua-dua wilayah ini sepatutnya memiliki dan diberikan saham besar di dalam PETRONAS dan tidak perlu membeli saham tersebut. Ini adalah hak kedua-dua wilayah ini. Cadangan saya sekiranya betul Kerajaan Persekutuan tidak mampu memenuhi pembayaran 20 peratus royalti kepada Sabah dan Sarawak kerajaan perlulah memberikan-bukan menjual. Perlu memberikan saham atau aset PETRONAS yang sama nilainya dengan jumlah royalti 20 peratus ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menutup perbahasan saya, saya mohon agar setiap soalan dan cadangan saya dijawab oleh kementerian tersebut sama ada melalui lisan ataupun bertulis. Saya minta agar jawapan bertulis tersebut diberikan sebelum tamat sidang Dewan Negara.

■1640

Ini kerana sebelum ini apabila dimaklumkan akan diberikan jawapan bertulis oleh Menteri dan juga Timbalan Menteri berkenaan, jawapan bertulis tersebut tidak sampai ke meja kami. Permohonan saya ini bukan untuk saya semata-mata tetapi juga untuk rakyat yang berhak tahu. Oleh itu saya mohon sangat agar perkara ini diberi pertimbangan serius oleh Parlimen dan juga kementerian-kementerian terlibat. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, bila seseorang Menteri itu memberitahu Dewan bahawa dia akan beri secara bertulis, tidak dapat? Tidak dapatkah Ahli-ahli Yang Berhormat? Ada dapat atau tidak? Ada, kan? Itulah. Yang Berhormat, kalau memberi- Menteri mana yang tidak beri, kita boleh pastikan bahawa jawapan itu diberikan kepada Yang Berhormat kerana setahu saya memang kementerian-kementerian tersebut itu memberi secara bertulis.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Terima kasih.

4.41 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Terima kasih juga kepada Menteri Kewangan yang sudah berjaya membenteng rang undang-undang di Dewan yang mulia ini pada Isnin lalu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terus menyentuh isu-isu di bawah kementerian-kementerian berikut. Kementerian Pertahanan, Beting Patinggi Ali. Ada banyak kapal pukut tunda

dan kapal pengawal pantai China sudah disahkan selalu berada di kawasan laut kita berdekatan Beting Patinggi Ali. Ini sudah disahkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kuasa ini juga kita tahu mungkin kaya dalam sumber laut dan kemungkinan kaya dalam minyak dan gas.

Soalan saya, apakah tindakan kementerian berkenaan untuk mengawal dan memantau kawasan itu? Adakah APMM sedia ada mencukupi dalam aspek pegawai dan aset-aset yang perlu mengikuti kehendak semasa memandangkan keadaan yang amat rumit dan agak serius di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, saya bukanlah berkata kita akan mencabar kuasa besar seperti China dan Amerika yang sedang memandang kemampuan mereka di kawasan Laut China Selatan dekat kita. Akan tetapi kita perlu bersiap siaga. Adakah peruntukan kepada APMM boleh dipertimbangkan semula untuk menambahkan dan meningkatkan aset yang lebih canggih setimpal dengan aset kuasa besar yang selalu berada di kawasan ini dalam Bajet 2020?

Keselamatan sempadan antara Malaysia dan Kalimantan. Keselamatan sempadan antara Malaysia kita tahulah seperti sudah di persoalan saya dalam Dewan mulia ini dua tahun lalu kerana kita ada aset negara yang sangat besar iaitu Empangan Bakun, Empangan Batang Air dan dua lagi di Baleh dan Murong. Kesemua aset negara ini letak dekat sempadan kita dengan negara jiran iaitu Indonesia. Kita tahu pihak Indonesia sudah ada beberapa pasukan menjaga sempadan dia. Adakah kita meletakkan pasukan tentera kita di sempadan didekati kawasan empangan tersebut? Berapakah pos keselamatan kita di sempadan ketika ini? Adakah kerajaan bercadang meletakkan banyak lagi pos-pos keselamatan?

Sekarang memang keperluan itu untuk meletakkan pos keselamatan atau wajar lagi kem-kem tentera kita di letak sepanjang itu memandangkan negara jiran akan memindah pentadbiran mereka di Kalimantan tidak lama lagi dan dekat lagi dari sempadan kita. Berkaitan dengan isu itu saya minta penjelasan dari kementerian, apakah proses mengukur setakat ini oleh JUPEM untuk menentukan sempadan negeri kita dengan negara jiran dan negara lain.

Kementerian Kesihatan yang ada peruntukan RM30.6 juta. Denggi, sejak tahun 2015 kes denggi mulai naik kepada 120 ribu orang kena jangkitan dan kematian adalah 336 orang. Ada turut dalam tahun 2016 kepada 80 ribu orang jangkitan dan 147 kematian. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan daripada pihak kesihatan baru-baru ini mengenai kenaikan kes kenaikan jangkitan denggi sekali lagi kepada hampir 120 ribu kes. Kes kematian sudah lebih 160 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada kementerian adakah trend kenaikan jangkitan denggi ini adalah dalam tahap yang membimbangkan. Apakah langkah yang

sudah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini? Adakah cabaran yang dihadapi Kementerian dalam membendung kes seperti denggi memandangkan kes kenaikan jangkitan berlaku lagi?

Mengenai mesin hemodialisis di seluruh negara. Saya juga mohon penjelasan daripada pihak Kementerian adakah mesin hemodialisis mencukupi di seluruh negara. Mungkin tidak cukup. Nyatakan bilangan yang perlu mengikuti negeri, hospital dan klinik. Mengenai subsidi kepada pesakit buah pinggang yang kurang kemampuan menjalani rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis badan-badan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Apakah syarat-syarat untuk memohon bantuan ini? Setakat tahun 2018 hingga sekarang, berapa ramai yang mendapat bantuan seperti itu? Adakah pusat hemodialisis di seluruh negara mencukupi? Untuk penjelasan, apakah cara penyakit di dalam B40 yang menerima perkhidmatan hemodialisis di pusat swasta itu memohon bantuan daripada kerajaan? Itu kerana kadangkang slot perkhidmatan hemodialisis di hospital umum sudah penuh.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Adakah bekalan tangki air secukupnya ditempatkan di kawasan rumah panjang khas untuk memadam api dan separuhnya dapat diguna untuk membersihkan kawasan bila perlu. Sedemikian, kita harapkan dapat melihat kerjasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan tempatan dalam mengatasi masalah kebakaran sering berlaku mencecah lebih 10 rumah panjang setiap tahun melibatkan sekurang-kurangnya 100 keluarga ataupun sedangkan banyak lagi.

Kementerian Pengangkutan, CCTV di lapangan terbang KLIA, *Kuching International Airport* dan Kota Kinabalu dan juga di kawasan-kawasan yang besar lagi. Maksud saya adalah demi keselamatan lapangan terbang antarabangsa untuk mengesan kedatangan dan keluar dan kemungkinan ada kejadian jenayah, berapa jumlah CCTV ada di pasang di lapangan terbang tersebut? Berapa yang berfungsi? Ada merakam- dan berapa hari di dalam rekodnya?

■1650

Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya mohon kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia menyatakan rancangan dalam kesediaan pelaksanaan teknologi jalur 5G bukan sahaja mengikut jumlah pengguna disasarkan, khasnya di kawasan pedalaman yang memang tidak ramai penduduknya. Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita akan menyediakan jalur digital yang tinggi demi untuk pengusaha ladang *smart* dengan teknologi tinggi di kawasan juga di pedalaman.

Kementerian Dalam Negeri, hal dadah. Terlebih dahulu, saya mengatakan syabas kepada pihak AADK yang tahun ini dapat *rehabilitated*, memulihkan 55 peratus penagih dadah dan mereka sasarkan pemulihan dapat mencapai 65 *percent* punya peratus tahun depan seluruhnya.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, mengikut data daripada AADK, penagih dadah dari kalangan orang asal di Sabah dan Sarawak meningkat kepada 1,087 pada tahun 2018 daripada 999 pada tahun 2017. Untuk Sarawak, meningkat kepada 223 orang pada tahun 2018 daripada 113 pada tahun 2017. Itu melihatkan kenaikan hampir 100 peratus. Kita juga kluatir kerana ada lebih 70 peratus dan kebanyakan penagih dadah adalah dalam kalangan umur 19 ke 37 tahun. Memang ini adalah hanya 0.5 peratus daripada seluruh penduduk Malaysia tetapi kita perlu memberi pandangan agak serius lagi pada masalah dadah ini.

Saya ingin bertanya, apakah cabaran yang dihadapi AADK dalam menyelesaikan masalah ini? Adakah peruntukan RM15 juta untuk AADK mencukupi? Mungkin kita perlu mengkaji semula strategi yang sedia ada.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, minuman keras dan arak. Isu yang saya akan sentuh ini ialah tentang pembekalan minuman keras dan arak yang tidak berlesen atau berlesen tetapi kemungkinan ada minimum itu perlu dianalisis oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama juga Jabatan Kimia. Tindakan seperti ini perlu untuk mengelak kejadian maut kerana minuman keras sangat berbahaya untuk kesihatan.

Peruntukan Kementerian Pendidikan, peruntukan sekolah mubaligh di Sarawak. Peruntukan sekolah mubaligh adalah diberi RM50 juta dalam tahun ini untuk tahun 2020. Minta Menteri nyatakan nama sekolah yang menerima dan jumlah masing-masing di Sarawak dan bagaimanakah pelaksanaan akan dilaksanakan dan syarat-syarat tertentu?

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kita dimaklumkan tahun 2030 nanti sisa plastik akan jadi lebih banyak dari jumlah ikan di laut masa tahun itu. Kita tahu banyak langkah yang akan dan sudah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah itu. Syabas saya ucapkan kepada kementerian atas langkah yang sudah diambil. Akan tetapi, bagaimanakah kita akan memastikan sisa plastik yang kita hantar balik ke negara yang mengeksport tadi?

Tuan Yang di-Pertua, cukuplah topik yang saya lontarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun ingat cukup.

Datuk Paul Igai: Jadi, saya akan bagi satu pantun.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Paul Igai: Ia wajar untuk kita juga di sini.

*Hendak belayar ke Teluk Betung;
Sambil mencuba labuhkan pukak;
Bulat air kena pembedung;
Bulat manusia kerana muafakat.*

Terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee.

4.55 ptg.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 di Dewan persidangan yang mulia ini.

Saya mengalu-alukan pembentangan Belanjawan 2020 buat kali kedua oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana selepas membentangkan Belanjawan 2020 yang pada keseluruhannya nampak agak bertanggungjawab dalam mengendalikan kewangan kerajaan dengan kekangan yang sedia ada.

Dapat diperhatikan bahawa belanjawan sosial ke atas pendidikan, kesihatan, perumahan, Program Bantuan Sara Hidup (BSH) dan juga program-program yang menyasarkan golongan pendapatan rendah telah dikekalkan. Saya juga menghargai usaha yang dilakukan untuk menyokong industri kecil dan sederhana (SME) di Malaysia dan mencegah ketidakseimbangan dan membina keupayaan dalam sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pembentangan Belanjawan 2020 yang menyentuh masalah kesesakan di Tambak Johor di mana kerajaan bersetuju untuk mengeluarkan RM85 juta untuk sementara menyelesaikan masalah kesesakan Tambak Johor. Dengan peruntukan RM85 juta ini, 50 kaunter tambahan untuk pengguna motosikal dan laluan pejalan kaki akan dibina. Saya yakin ia mungkin akan memberikan kelegaan kepada mereka di Johor Bahru yang bekerja di sebarang Tambak.

Akan tetapi, untuk menyelesaikan masalah kesesakan Tambak Johor dengan sempurna, peruntukan seperti ini adalah tidak mencukupi. Saya berharap pihak kerajaan dapat memperuntukkan lebih banyak peruntukan untuk mengatasi masalah kesesakan Tambak Johor.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin, Menteri Dalam Negeri, kerana beliau telah dengar suara

rakyat. Beliau telah bercadang membina jambatan ketiga antara Johor dengan *Singapore* bagi mengatasi masalah kesesakan Tambak Johor.

Kesesakan Tambak Johor semakin kritikal dengan 70 peratus pelancong serta warga Malaysia yang bekerja di *Singapore* menggunakannya bagi keluar masuk negara ini sehingga ia disenaraikan sebagai laluan darat paling sibuk di dunia.

■1700

Saya berpendapat masalah kesesakan di pintu masuk utama Malaysia yang makin kritikal ini hanya dapat diatasi dengan beberapa langkah penyelesaian yang dijalankan serentak. Selain daripada cadangan pembinaan jambatan ketiga, saya berharap pihak kerajaan dapat mempercepatkan pelaksanaan projek *Rapid Transit System- RTS* antara Johor dan *Singapore*. Sehingga kini projek tersebut masih ditangguhkan. Saya juga bercadang agar projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi antara Kuala Lumpur dan *Singapore* dapat mempertingkatkan- semula untuk mengatasi kesesakan pintu masuk utama Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa isu rumah untuk golongan berpendapatan rendah di negeri Johor. Terdapat bilangan rumah pangsa yang beribu-ribu khususnya di kawasan Johor Bharu sejak dulu. Masalah pengurusan rumah pangsa telah menjadi satu masalah yang menjejaskan kualiti hidup rakyat. Berpandu kepada atas harta hak milik strata, pertubuhan pengurusan atau *management corporation* akan ditubuhkan untuk menguruskan rumah pangsa.

Akan tetapi isu kutipan bayaran perkhidmatan telah menyebabkan perselisihan faham di antara penduduk dan pertubuhan pengurusan. Tambahan pula terdapat sesetengah pemaju rumah semasa menyerahkan rumah pangsa akan mengutip perkhidmatan sebanyak tiga tahun hingga lima tahun. Ini telah membebankan penduduk yang berasal daripada golongan yang miskin.

Masalah tangguhkan kutipan bayaran perkhidmatan telah menyebabkan kerja-kerja pembersihan rumah pangsa tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Rumah-rumah pangsa yang menghadapi masalah ini akan menjadi sangat teruk keadaannya yang tidak sesuai ditinggal orang.

Sehubungan ini, saya bercadang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menyalurkan peruntukan untuk membaik pulih rumah-rumah pangsa yang sangat teruk keadaan fizikal dari segi pembangunan rumah pangsa demi mempertingkatkan kualiti hidup rakyat. Selain itu, saya juga bercadang pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil alih tugas-tugas pengurusan rumah pangsa dengan mengutip bayaran pengurusan secara langsung

atau melalui kutipan cukai harta demi mengatasi masalah sosial yang makin serius di rumah pangsa.

Contoh yang diamalkan oleh Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) di *Singapore* patut dikaji dan dilaksanakan. Saya bercadang pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menyalurkan peruntukan Belanjawan 2020 untuk mengatasi masalah tersebut. Isu berkaitan dengan rumah golongan berpendapatan rendah yang seterusnya saya bangkit pada hari ini adalah tentang isu projek rumah terbengkalai atau projek sakit. Isu projek rumah terbengkalai bukan cerita baharu malah ini berlaku sejak bertahun-tahun lalu.

Projek rumah terbengkalai bukan saja berlaku pada projek rumah mahal, malah ia juga berlaku pada projek rumah kos rendah atau rumah mampu milik disampaikan oleh kerajaan perumahan. Saya telah beberapa kali membangkitkan masalah ini di Dewan tetapi dukacitanya kerana tiada penyelesaian yang diambil oleh pihak kerajaan, yang menjadi mangsa adalah rakyat yang berpendapatan rendah. Ini adalah tanggungjawab kerajaan. Kerajaan yang dipilih oleh rakyat patut membantu rakyat.

Saya berpendapat bahawa sebelum kerajaan melaksanakan sebarang projek-projek rumah mampu milik, sepatutnya kerja-kerja penyelamatan projek terbengkalai perlu diambil keutamaan terlebih dahulu. Pembeli-pembeli rumah ini telah diseksa lebih daripada 10 tahun hingga 15 tahun. Mereka dengan harapan yang besar agar kerajaan dapat membantu mereka. Jadi, kerajaan baharu dengan harapan baharu patut memberikan mereka satu harapan dan juga memberikan mereka- jangan biarkan mereka menunggu lagi khususnya daripada golongan yang miskin dan pendapatan rendah.

Akhir kata saya setuju dan sokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir ada dalam Dewan? Sebentar-sebentar, saya tanya sekejap.

Silakan Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad. Selepas dia Yang Berhormat Tuan Ir. Md. Nasir ya.

5.08 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Bajet 2020. Tema bajet pada tahun hadapan memacu pertumbuhan dan keberhasilan saksama ke arah kemakmuran bersama.

Bagi saya, ini adalah satu bajet yang baik, yang komprehensif, yang telah dibentangkan oleh kerajaan Pakatan Harapan ataupun bajet tahun yang kedua. Sebelum itu kita memang- saya memang sangat kagum dengan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di mana kalau kita tengok nampaknya di media sosial agak *offline* sedikit daripada pihak pembangkang kerana bajet ini nampaknya merangkumi semua pihak seluruh rakyat Malaysia di samping Sabah dan Sarawak juga.

Kita juga tidak lupa kepada rakan-rakan kita yang telah berhempas pulas memenangkan Pakatan Harapan pada PRU Ke-14 di mana ramai di antara kita di sini yang telah dilantik menjadi Yang Berhormat Senator dan ada di Dewan Rakyat ada yang jadi Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan sebagainya. Akan tetapi saya dua hari lepas Tuan Yang di-Pertua agak berduka sikit disebabkan ada kawan iaitu Saudara Rafizi Ramli yang mengatakan bahawa beliau akan bersara daripada politik. Bagi saya..

■1710

Bagi saya...

Tuan Yang di-Pertua: Lebih banyak peluang untuk Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Lebih peluang untuk Yang Berhormat [*Ketawa*]

Tuan Manolan bin Mohamad: Jadi bagi saya, termasuk saya. Termasuk saya jadi Senator. Kalau Pakatan Harapan tidak menang tempoh hari, saya pun tidak duduk di dalam Dewan yang mulia ini.

Maka itu, saya hendak merakamkan terima kasih juga kepada kawan-kawan, salah seorangnya adalah saudara Mohd Rafizi bin Ramli tadi yang bagi saya, beliau adalah antara orang yang kuat berusaha di mana apabila Pakatan Rakyat telah berpecah tempoh hari dan beliau telah berusaha sedaya upaya menubuhkan Pakatan Harapan kerana pada masa itu pilihan raya sudah dekat.

Beliau juga sebenarnya yang telah membuat *asset declaration* kepada semua calon-calon yang akan bertanding pada PRU Ke-14 dan sekarang ini kita di Dewan Negara ini pun, kita buat *asset declaration* juga. Jadi, saya haraplah supaya beliau menimbang kembali, memikirkan semula untuk bersara daripada politik ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, poin yang pertama saya adalah berkenaan pendidikan awal di kalangan masyarakat Orang Asli ini. Pendidikan awal ini maksudnya prasekolah di mana pelajar-pelajar- bukan pelajar sebenarnya, budak-budak yang berumur lima ke enam tahun, sebelum mereka masuk ke Tahun 1 atau Darjah 1.

Jadi, sebelum mereka masuk ke alam persekolahan yang sebenar, di kalangan anak-anak Orang Asli ini tidak tahu membaca. Apabila mereka terus masuk ke Darjah 1, bagaimana untuk mereka hendak belajar sebab mereka tidak pergi ke prasekolah dan tidak masuk ke sekolah tadika. Jadi apabila mereka masuk, mereka tidak mengenal huruf ABC dan sebagainya, malah jauh sekali untuk membaca.

Jadi, di sini saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memberikan dana kepada pendidikan awal iaitu prasekolah di kampung-kampung Orang Asli di pedalaman ini. Ini sebab banyak kampung Orang Asli di pedalaman ini yang mereka telah menubuhkan sekolah komuniti di mana tenaga pengajarnya adalah 100 peratus Orang Asli di penempatan tersebut. Bagi saya, guru-guru ini- bukan gurulah, tenaga pengajar ini, mereka lebih memahami dengan budaya dan cara budak-budak ini, kanak-kanak ini. Jadi, memudahkan mereka untuk belajar.

Pada masa sekarang ini, memang sekolah komuniti ini tidak dibiayai oleh kerajaan. Mereka bergerak hanya bergantung pada hasil sumbangan NGO-NGO ataupun individu dan juga kepada sesiapa yang mahu memberi sumbangan. Jadi, murid-murid ini adalah berumur di antara lima ke enam tahun sebab bila umur tujuh tahun, mereka sudah boleh masuk ke sekolah. Kadang-kadang, sekolah ataupun tempat pembelajaran mereka di pusat, sekolah komuniti ini daif. Maklumlah di kampung, kadang-kadang mereka buat daripada kayu, daripada bahan-bahan dalam hutan dan tenaga pengajarnya Orang Asli juga yang lepasan SPM. Ada juga yang lepasan universiti yang tidak bekerja dan mereka bekerja secara *part-time*.

Kita tahu untuk meningkatkan kadar kemasukan kanak-kanak Orang Asli ini ke sekolah yang formal, kita perlu mengambil langkah-langkah di peringkat awal supaya kita juga dapat mengurangkan kadar keciciran pelajar-pelajar ini. Ini sebab kalau kita tengok pada masa sekarang, kadar keciciran pelajar-pelajar Orang Asli ini sangat tinggi terutamanya di peringkat sekolah rendah di mana apabila mereka masuk ke sekolah, mereka tidak boleh belajar dan tidak boleh mengikuti pembelajaran di dalam kelas tersebut.

Maka itu, mereka berhenti sekolah. Mereka tidak tahu apa yang diajar oleh guru. Kalau mereka tinggal di asrama juga, mereka tidak boleh belajar kerana rindu kepada ibu bapa yang jauh di kampung sana. Mereka tinggal di asrama. Kita bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau umur tujuh tahun ini tinggal di asrama, sesetengahnya ada yang masih menghisap susu. Jadi, itulah.

Saya cadangkan kepada kerajaan dan kalau boleh- bukan kalau bolehlah, harap lah, harap sangat khususnya kepada Kementerian Pendidikan ataupun JAKOA supaya melihat perkara ini lebih serius. Kita tidak mahu pelajar-pelajar ini ketinggalan dalam pelajaran. Kalau kita

gunakan dana sebenarnya yang diperuntukkan kepada JAKOA ini, saya rasa kalau kita gunakan dengan baik, saya rasa boleh juga untuk menampung kos pembelajaran di sekolah-sekolah komuniti terutamanya di pedalaman seperti di pedalaman Gua Musang, di Gerik.

Ini sebab saya pergi dengan Yang Berhormat Menteri tadi ada, Yang Berhormat Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy, kami pernah masuk ke Gua Musang ke Pos Simpor dan banyak kampung di dalam. Mereka memang ada sekolah komuniti ini. Jadi, saya haraplah supaya kerajaan melihat perkara ini dengan lebih serius sebab kita tidak mahu anak-anak Orang Asli ini tercicir dalam pelajaran.

Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan kerajaan telah menyediakan tadika di perkampungan Orang Asli yang dikelola oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tetapi bukan di kawasan pedalaman. Kebanyakannya ada di kampung Orang Asli yang di pinggir-pinggir bandar, tetapi tidak di kawasan pedalaman. Itu pun saya mohon kepada KPLB supaya mempertingkatkan sistem pendidikan di sekolah-sekolah KEMAS ini sebab kita tahu sebelum ini, sekolah KEMAS dan guru-guru KEMAS ini digunakan banyak untuk politik pada masa dahulu. Akan tetapi saya harap pada kerajaan yang baharu ini supaya kita mengurangkan menggunakan guru-guru KEMAS ini untuk kegunaan politik tetapi mereka harus tumpukan untuk pembangunan memberi pendidikan kepada anak-anak kita ini supaya mereka boleh mengenal sekurang-kurangnya 3M.

Ini sebab ada ramai saya tahu, di Selangor pun ada walaupun bandar, kalau anak-anak yang dihantar ke tadika ini, mereka tidak boleh membaca dengan lancar. Masih mengeja satu persatu, tidak mengajar dengan lancar. Maka itu, saya minta KPLB supaya ada *syllabus* untuk pelajar-pelajar untuk belajar di dalam tadika ini seperti *syllabus* yang belajar *English*, Matematik dan Sains. Sebelum ini mereka lebih kepada sistem pembelajaran yang tidak ada *syllabus* yang lebih lengkap.

Jadi kita tahu hanya melalui pendidikan ini, Orang Asli boleh kita bangunkan, bukan sahaja pendidikan tetapi apabila mereka mendapat pendidikan yang baik, saya percaya mereka juga akan- ekonomi mereka akan meningkat dan kesihatan mereka juga akan meningkat. Ini kerana mereka lebih memahami bagaimana daripada segi pemakanan untuk anak-anak yang lahir, semasa mengandung. Ini sebenarnya dia punya proses dia.

Tuan Yang di-Pertua...

■1720

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Manolan bin Mohamad: Silakan.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih. Saya tertarik dengan dua isu sekolah tadika. Permohonan harapan Yang Berhormat Tuan Manolan supaya lebih banyak dibina tadika. Isu kita ialah kampung Orang Asli tak ada tadika, tak cukup tadika walaupun ramai anak murid.

Kedua, ada tadika belajar 2M sahaja. Kalau kita dengar dulu 3M; menulis, membaca..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tadika tetapi?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Hanya konsep 2M- makan dengan main [*Ketawa*] Itu yang saya katakan sepatutnya kita 5M- makan, main, menulis, membaca dan mengira. Kalau tambah lagi satu, 6M melukis sebab *angel learning* untuk pendidikan di sekolah. Makna, kita minta supaya pihak kerajaan prihatin. Tadika yang wujud ini mempunyai satu- guru-guru mempunyai satu komitmen yang tinggi untuk mengajar di pedalaman Orang Asli.

Kedua, sekolah komuniti. Apabila kita bercakap soal Kementerian Luar Bandar di bawah KEMAS tidak mampu untuk membuat banyak sekolah atau kelas tadika di perkampungan Orang Asli. Akan tetapi NGO-NGO ini dengan modalnya sendiri, dengan usahanya sendiri, kepakarannya sendiri telah mewujudkan beberapa sekolah komuniti. Antaranya tadi dimaklumkan di Pos Impo, dan kemudian di Kampung Tual, Lipis. Ini dibiayai oleh NGO. Kita berharap NGO ini menjadi *third delivery system*, pembantu kepada sistem-sistem kerajaan yang agak ketidakmampuan mengurus sekolah-sekolah yang tertentu, tadika-tadika yang tertentu supaya banyak kelas pembelajaran dapat diwujudkan di pedalaman kawasan Orang Asli.

Saya mohon supaya adakah Yang Berhormat bersetuju JAKOA mengiktiraf sekolah-sekolah komuniti ini supaya kita boleh memberi sumbangan, bantuan makanan, alat-alat tulis untuk anak-anak ini. Ini kerana pelajar-pelajar ini anak-anak Orang Asli dan tenaga luar membantu. Sepatutnya menjadi suatu kebanggaan dan kesyukuran kepada JAKOA untuk *support* sama supaya manfaatnya untuk komuniti Orang Asli. Silakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya setuju JAKOA dan juga KPLB ini kena bekerjasama untuk memajukan dan mempertingkatkan prestasi sekolah-sekolah komuniti ini, kita kena ambil serius.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran juga yang telah membentuk satu Jawatankuasa Kaunselor TVET Orang Asli iaitu seramai 10 orang di mana Kaunselor Orang Asli ini telah diambil 10 orang. Tugas mereka adalah mencari anak muda, belia Orang Asli khususnya yang tamat SPM yang tidak dapat masuk IPTA di mana mereka ini boleh

belajar dan juga masuk di dalam kursus TVET ini. Kita tahu bajet RM5.7 bilion pada tahun 2019 dan pada tahun 2020 sebanyak RM59 bilion.

Jadi ini kita boleh menggalakkan anak muda Orang Asli, pelajar-pelajar Orang Asli ini untuk belajar di kursus TVET ini terutamanya pelajar-pelajar yang memang mereka ini ada kemahiran. Mungkin akademik ini agak lemah, tetapi daripada segi kemahiran mereka ini memang baik sebenarnya. Jadi kalau mereka ini tidak belajar di TVET ini, mereka akan tinggal di kampung dan jadi tak bekerja dan jadi penganggur. Ini bagi saya memang tidak boleh meningkatkan ekonomi mereka pada masa hadapan yang mana mereka akan dewasa dan besar, mungkin berkahwin selepas itu tetapi mereka tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.

Tuan Yang di-Pertua, Pembangunan Sumber Manusia Berhad juga telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta dan juga telah- yang akan melatih 3,000 belia dari keluarga yang berpendapatan rendah. Jadi saya tengok sini, RM30 juta ini peruntukkan yang besar. Jadi saya harap Kementerian Sumber Manusia supaya mengambil lebih ramai lagi belia-belia Orang Asli ini untuk belajar di TVET ini khususnya yang berpendapatan rendah iaitu B40. Kursus-kursus yang ditawarkan ini saya harap boleh diberikan kepada belia-belia Orang Asli ini yang bersesuaian dengan mereka.

Ini kerana memang ada sebelum ini juga ramai belia Orang Asli yang telah menyertai TVET, tetapi akhirnya kursus yang mereka ambil itu tidak sesuai dan sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan di luar sana kerana pasarannya agak terhad. Ramai yang telah menyertai iaitu Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK). Program yang disediakan pada masa dahulu juga ia agak jangka masa pendek iaitu tiga bulan, empat bulan dan juga enam bulan. Akan tetapi dalam TVET ini mereka boleh belajar lagi lama dan saya yakin apabila mereka tamat nanti mereka akan dapat pekerjaan di dalam pasaran melalui kursus-kursus yang mereka telah ambil.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu juga memang JAKOA telah menganjurkan kursus-kursus tersebut dan kursusnya agak banyak pada masa itu, ada 51 jumlah kursus yang ditawarkan kepada belia-belia Orang Asli ini. Akan tetapi pada masa itu belia-belia yang menyertai kursus ini saya tengok kebanyakannya yang tamat sekolah rendah, ada yang tamat Darjah 4, Darjah 6. Akan tetapi pada kali ini, jadi saya mohon Kementerian Sumber Manusia supaya membuat saringan, supaya mereka dapat mengambil pelajar-pelajar Orang Asli yang tamat SPM dan tidak dapat masuk ke universiti dan 10 orang kaunselor Orang Asli ini harus bergerak ke seluruh negara khususnya di kawasan-kawasan pedalaman.

Kalau kita tengok dahulu, kursus yang ditawarkan adalah kursus yang tidak *marketable*, kurang mendapat permintaan di pasaran. Pasaran kerja itu agak terhad iaitu seperti mengemas bilik, kursus *kurier runner*. Jadi bagi saya kursus-kursus yang tidak memerlukan- kursus yang lama sebenarnya tidak perlu diperkenalkan seperti dahulu. Ini kerana kursus ini bagi saya, contohnya seperti mengemas bilik di hotel-hotel. Hotel-hotel tersebut sebenarnya mereka boleh menyediakan kursus yang mudah ini. Seperti *kurier runner*, ini bagi saya tak perlu kita mengambil kursus yang lama. Tak perlu pun diadakan kursus ini oleh JAKOA. Jadi dana yang digunakan itu boleh digunakan untuk kursus-kursus yang boleh memberi manfaat yang lebih baik kepada belia-belia Orang Asli ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkenaan dengan tanah adat. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana telah mengadakan sambutan Hari Orang Asal Peringkat Kebangsaan pada 14 September 2019 di Tapah, Perak di mana sebelum ini sambutan Hari Orang Asal ini memang tidak diiktiraf oleh kerajaan yang terdahulu.

■1730

Mereka hanya dianjurkan oleh NGO-NGO dan badan-badan tertentu sahaja. Akan tetapi pada kerajaan yang baharu, Pakatan Harapan ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak juga telah merasmikan sambutan Hari Orang Asal Peringkat Kebangsaan di Tapah. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka juga telah menganjurkan Sambutan Hari Orang Asal Peringkat Negeri Melaka, dan di Selangor juga Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Sambutan Hari Orang Asal Peringkat Negeri Selangor.

Sambutan Hari Orang Asal ini sebenarnya sangat bermakna bagi Orang Asli, bukan sahaja sambutan ini untuk meraikan ataupun hanya bersuka ria tetapi maksud yang tersirat dan maknanya adalah satu pengiktirafan kepada masyarakat Orang Asli di mana mereka telah diiktiraf berkenaan dengan Sambutan Hari Orang Asal ini. Sambutan Hari Orang Asal ini juga sebenarnya telah di tandatangani pada 13 September 2007 oleh kerajaan. Walaupun mereka tidak mengiktiraf sehingga tahun 2018 apabila Pakatan Harapan menang di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah Laporan Inkuiri Nasional mengenai hak tanah Orang Asli tahun 2019. Di mana Pakatan Harapan sebenarnya telah berjanji di dalam manifesto, mereka akan membawa inkuiri nasional mengenai tanah Orang Asli ini pada tahun pertama Pakatan Harapan memerintah. Akan tetapi, mungkin dengan beberapa perkara ataupun banyak RUU yang akan disegerakan, tidak dapat dibawa ke Parlimen.

Akan tetapi, saya berharap supaya Jabatan Perdana Menteri dan Menteri yang bertanggungjawab menjaga keharmonian, kebajikan dan kesentosaan Orang Asli untuk membawa Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM ini pada tahun hadapan untuk di bahas di Dewan Rakyat dan juga kita bahas di dalam Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Inkuiri Nasional ini telah bermula sebenarnya pada Disember 2010 sehingga tahun 2013. Laporan ini bukan dibuat oleh SUHAKAM di pejabat SUHAKAM tetapi SUHAKAM telah turun ke lapangan, jumpa dengan masyarakat Orang Asli dengan pihak-pihak yang terlibat, bukan sahaja Orang Asli di Semenanjung Malaysia tetapi orang asal di Sabah dan Sarawak. Mereka telah mengadakan sesi penerangan, konsultasi awam yang melibatkan seramai 6,500 orang masyarakat orang asal. Sebanyak 892 kes yang telah direkodkan.

Di mana kalau ada beberapa isu berkenaan dengan tanah Orang Asli dari segi pencerobohan, pengambilan tanah, pampasan dan sebagainya, pihak SUHAKAM akan memanggil pihak-pihak yang terlibat ini dan mereka akan mendengar. Mereka buat di setiap negeri dan bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi di Semenanjung juga. Di setiap negeri juga bukannya di satu tempat, ada di sesetengah tempat satu negeri ini buat sampai dua hingga tiga tempat. Itu bergantung kepada jumlah kes yang terlibat dan juga jumlah Orang Asli di negeri tersebut.

Mereka juga telah memanggil seramai 448 orang saksi untuk didengar dan semua aduan Orang Asli ini direkodkan dan laporan ini sebenarnya sangat komprehensif. SUHAKAM telah mengesyorkan kepada kerajaan iaitu ada sebanyak 18 syor yang di dalam laporan inkuiri tersebut yang melibatkan hal ehwal orang asal. Bukan sahaja isu tanah tetapi berkenaan isu kebajikan, ekonomi dan juga penstrukturan JAKOA dan 18 syor ini sebenarnya pada tempoh hari, kerajaan yang terdahulu, mereka telah menubuhkan *task force* berkenaan dengan Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM ini.

Walau bagaimanapun, saya mencadangkan kepada kerajaan, saya ada tanya dalam soalan lisan dan dijawab oleh Menteri dan mereka belum lagi bercadang untuk membawa inkuiri SUHAKAM ini ke Parlimen. Akan tetapi, dalam pada masa itu saya mencadangkan supaya syor nombor lapan ini disegerakan ataupun dilaksanakan sekurang-kurangnya. Syor nombor lapan ini adalah berbunyi, "Bagi memastikan pembangunan tanah tidak memberi kesan buruk kepada Orang Asli, kerajaan perlu menyediakan garis panduan yang lebih ketat untuk rancangan-rancangan membasmi kemiskinan dan membuat kaedah penilaian bagi memastikan setiap matlamat akan tercapai dan tidak melanggar hak mereka".

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum Orang Asli ini majoriti mereka adalah tinggal di kawasan pendalaman yang tinggal di pinggir bandar, yang di bandar ini sangat sedikit. Maka dengan itu hubungan mereka dengan hutan, dengan tanah itu sangat rapat. Apabila hutan itu di usik, di nodai oleh orang-orang yang rakus, maka akan mengancam kehidupan mereka. Punca pendapatan mereka, sumber ekonomi mereka dan kehidupan mereka.

Oleh sebab, kita tengok sekarang ini, saya bagi contoh baru-baru ini gajah telah masuk ke kampung Orang Asli dan juga memusnahkan tanaman mereka seperti di Gua Musang dan juga di Bera juga berlaku. Banyak kebun Orang Asli ini telah dimusnahkan oleh gajah-gajah ini. Orang Asli cuba menghalau gajah-gajah ini tetapi dia macam ayam jugalah. Kita halau, dia datang balik dia makan, halau kemudian datang balik dia makan.

Jadi, walaupun Orang Asli ini telah membuat aduan kepada Jabatan PERHILITAN untuk mengambil tindakan sekurang-kurangnya tangkap gajah ini dan pindahkan ke tempat-tempat lain, ke dalam hutan yang lebih dalam lagi. Supaya tidak mengganggu sumber pendapatan Orang Asli ini dan juga di kampung mereka, anak mereka masuk di kawasan kampung. Jadi, apabila mereka telah membunuh seekor gajah di Pasir ini, memang kita tahu membunuh gajah ini tidak boleh, tetapi mereka tidak ada pilihan.

Oleh sebab mengikut laporan yang saya dapat, mereka memang membuat aduan kepada Jabatan PERHILITAN tetapi Jabatan PERHILITAN tidak mengambil apa-apa tindakan. Apabila mereka tidak mengambil tindakan, jadi bagi mereka ini mungkin gajah liarlah, kan? Jadi, mereka bunuh gajah tersebut dan pembunuh gajah tersebut telah ditangkap. Akan tetapi saya harap Jabatan PERHILITAN janganlah dakwa, ini kampung mereka dengan gajah. Kenapa kita kena tahu isu dia? Kenapa gajah ini masuk ke kampung Orang Asli dan memusnahkan kebun mereka? Ini disebabkan oleh syor yang nombor lapan ini tadi Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana hutan ini telah ditebang, balak yang haram tadi, kita sebut pembalakan haram ini berleluasa. Maka itu, gajah ini pun tidak tahu hendak lari mana, akhirnya mereka masuk ke kampung Orang Asli dan memusnahkan tanaman mereka. Jadi, bagi saya ini sangat serius dan kerajaan perlu memberi garis panduan kepada kerajaan negeri. Walaupun Menteri sebut tadi, kuasa hutan kerajaan negeri, kuasa tanah kerajaan negeri. Kita faham yang itu tetapi ini kemanusiaan, kita hendak sayang gajah kah atau hendak sayang manusia ini? Itu bezanya.

■1740

Kita hendak sayang hutan ini kah hendak sayang manusia kah hendak sayang haiwan ini? Jadi, itu kita- bagi saya, saya haraplah kementerian yang terlibat untuk melihat perkara ini dengan serius sebab bukan sahaja di Gua Musang tetapi kampung-kampung Orang Asli di

pedalaman seperti di Gerik, di Endau Rompin dan di Bera memang banyak. Kadang-kadang apabila mereka hendak membuat *dam*, mereka pindahkan gajah ini berdekatan dengan kampung Orang Asli. Bagi saya ini satu yang tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkenaan dengan anak muda iaitu pengundi umur 18 tahun. Kita tahu PRU Ke-15 ini ramai yang akan mengundi, lebih kurang dalam 7.4 juta pengundi baharu apabila umur 18 tahun ini diperkenalkan. Pelajar-pelajar Tingkatan 3 sekarang ini sudah boleh mengundi nanti pada masa akan datang.

Ramai juga di kalangan Orang Asli ini yang akan menjadi pengundi. Pada masa sekarang ini ramai yang tidak mengundi kerana mereka tidak mendaftar sebagai pengundi. Akan tetapi apabila umur 18 tahun ini boleh mengundi secara automatik dan tidak memerlukan pendaftaran, jadi saya harapkan pihak kerajaan, JAKOA untuk memberi penerangan kepada masyarakat Orang Asli.

Di peringkat sekolah juga saya cadangkan kepada kerajaan untuk mengadakan silibus kenegaraan, warganegara, hak-hak sebagai warganegara, dan apa hak mereka sebagai pengundi. Ini kerana kita tidak mahu nanti ada orang yang mengambil kesempatan di atas ketidafahaman mereka ini tentang hak mengundi. Mereka boleh beli khususnya di kawasan pedalaman, masyarakat Orang Asli ini.

Pada masa sekarang ini pun ada parti-parti politik yang mempergunakan Orang Asli untuk kepentingan mereka. Jadi, kita tidak mahu perkara ini berlaku bukan sahaja di kalangan masyarakat Orang Asli tetapi semua rakyat Malaysia. Jadi, kita cadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya mengadakan silibus di dalam mata pelajaran sebab kita tengok pada masa sekarang ini belum ada apa-apa tindakan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet baru-baru ini juga kerajaan telah memperuntukkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berapa minit lagi?

Tuan Manolan bin Mohamad: Banyak lagi [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey, okey. Lima minit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat dalam masa satu setengah jam baru empat orang habis.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey, okey. Saya cuba cepatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Pengangkutan bas ke sekolah. Saya ringkaskan. Banyak bas yang telah menghantar anak-anak Orang Asli ini dan yang mengambil pada kampung ke

sekolah, kebanyakan banyak yang usang. Bas-bas ini usang, ada yang tercabut pintu, selepas itu van ini pun ada yang van yang selalu rosak. Jadi, ini menyebabkan ramai pelajar Orang Asli ini tidak boleh pergi sekolah kerana bas rosak. Orang pergi sekolah Isnin sampai Jumaat. Dia kadang-kadang seminggu dua atau tiga kali sahaja pergi sekolah disebabkan van atau bas ini rosak.

Jadi, saya mintalah kerajaan supaya kalau hendak pilih kontraktor-kontraktor ini pilih yang berkualiti dan yang betul-betul, keluarkan tender itu secara terbuka dan beri kepada yang memang mereka layak dan keutamaan beri kepada orang yang tinggal berdekatan dengan kampung mereka. Jangan bagi kontraktor yang jauh. Pagi-pagi mereka hendak masuk ke kampung Orang Asli dua hingga tiga jam, hantar pelajar pergi sekolah dan selepas itu balik, balik lagi ke rumah dia. Beri keutamaan kepada Orang Asli di situ atau penduduk yang berdekatan dengan kampung mereka.

Jadi, bagi saya ini dapat menghindarkan masalah pengangkutan ini, pengangkutan pelajar-pelajar sekolah ini. Ini kerana perkara ini sudah lama berlaku tetapi saya tidak tahu kenapa nampaknya tidak ada perubahan. Ini kerana bagi saya pendidikan ini sangat pentinglah Tuan Yang di-Pertua, sangat penting sebab ramai. Mana ibu bapa yang sanggup hantar anak ke sekolah, yang ada kemampuan mereka hantar tetapi yang tidak ada kemampuan dan tidak ada kenderaan, akhirnya mereka tidak bersekolah.

Seterusnya berkenaan dengan bantuan getah dan kelapa sawit, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini ramai yang mengeluh di kampung-kampung bantuan tanam semula TSV ini dah tidak ada, sukar untuk dapat. Kalau getah-getah tua dan kelapa sawit tua ini hendak tanam semula susah. Hendak tanam semula mereka tidak ada duit. Dahulu ada bantuan tetapi sekarang ini pun ada bantuan tetapi ada yang memerlukan geran. Tanah-tanah Orang Asli ini tidak ada geran. Mereka hanya tanam di tanah adat dan tanah warta Orang Asli. Jadi, kita untuk hendak *fulfill*-kan *requirement* itu, dengan izin, memang sukar, memang susah. Jadi, ini macam bagi saya satu diskriminasi sikit lah.

Seterusnya berkenaan pencawang komunikasi di sekolah-sekolah Orang Asli. Sekolah-sekolah ini kita memang perlukan internet, komunikasi yang baik dan telefon. Ini ada setengah sekolah tidak ada rangkaian Internet di sekolah tersebut. Mereka ada *Wi-Fi* tetapi maksud saya penduduk di sekitar sekolah-sekolah tersebut seperti di Pusat Kecemerlangan Pendidikan Orang Asli, Jalan Simpang Pulai, Perak. Jadi, saya harap Menteri Komunikasi dan Multimedia boleh *install tower* itu di pusat ini sebab pusat ini bukan sahaja Internet tidak ada, talian telefon pun tidak ada. Macam mana ini? Ini- macam mana hendak belajar. Talian Internet tidak ada dan

telefon pun tidak ada. sedangkan ini pusat kecemerlangan pendidikan Orang Asli di Simpang Pulai.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan kepada kementerian supaya pindah ibu pejabat JAKOA ini. Ibu pejabat JAKOA ini berada di *Golden Eagle Realty*, Jalan Ampang berhadapan dengan KLCC. Saya jangkakan ini sewa mahal ini, Selangor Dredging. Saya haraplah supaya pihak kerajaan pindah pejabat HQ JAKOA, ibu pejabat JAKOA ini ke Putrajaya iaitu banyak bangunan- saya percaya banyak bangunan kerajaan di Putrajaya ini yang boleh kita jimatkan kos sewa yang agak tinggi. Setahu saya ada RM1.5 *million* setahun untuk sewa pejabat sahaja di Selangor Dredging ini.

Banyak lagi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Okey, tidak apa [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi lah Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: *Point* yang kedua akhir, berkenaan dengan jalan-jalan di kampung Orang Asli, Tuan Yang di-Pertua.

Ini bagi saya sangat penting kerana jalan yang baik ini contohnya di kawasan Gua Musang di Gua Musang, di Pos Pasik, jumlah penduduk hampir 4,000 orang beberapa pos di situ tetapi jalan tidak ada. Sekarang ini *4x4* pun tidak boleh masuk ke kampung-kampung mereka ini sebab hujan. Ada juga *team 4x4* ini yang masuk ke kampung-kampung Orang Asli hinggan jalan rosak teruk disebabkan oleh *team 4x4* ini, mereka masuk kampung Orang Asli dan Orang Asli tidak boleh keluar hendak membeli barang makanan.

Baru-baru ini, saya juga berterima kasih kepada JPM kerana telah menghantar makanan sebanyak 5,100 kilogram ke beberapa pos, Pos Simpor, Pos Pasik dan Pos Gob di Gua Musang kerana mereka terputus hubungan dengan pihak luar.

Jadi, berkenaan dengan jalan di kawasan Orang Asli ini saya tengok peruntukan pun besar. Bajet untuk luar bandar RM10.9 bilion. Jadi, saya minta kerajaan, pihak KPLB kena *allocate* siap-siap sebelum tahun depan ini, jalan untuk ke perkampungan Orang Asli ini. Apabila jalan ini ada Tuan Yang di-Pertua, memudahkan mereka menjual barang-barang pertanian mereka ke luar dan memudahkan mereka untuk menghantar anak ke sekolah. Harga getah di Pos Simpor, Gua Musang ini kalau di bandar atau di kampung-kampung tradisional, RM2.30 atau RM2.50 sekarang ini. Akan tetapi kalau di kawasan pedalaman ini satu kilogram RM1.80 atau RM1.60.

■1750

Mereka menjual getah dengan harga murah tetapi mereka membeli barang dengan harga mahal. Tong gas RM50 satu tong. Bawang dan minyak mahal. Jadi ini bagi saya penyelesaiannya

untuk jangka masa panjang adalah dengan membaiki ataupun membina jalan hubungan mereka ini untuk memudahkan pergerakan mereka. Kita boleh selesaikan isu ekonomi. Kita boleh selesaikan isu kesihatan. Kita boleh selesaikan isu pendidikan. Sakit mereka boleh pergi klinik naik motor. Kalau jalan tidak elok, mereka susah hendak pergi klinik.

Akhir sekali adalah berkenaan dengan MPKKOA Tuan Yang di-Pertua. Ini pun sangat penting. MPKKP adalah di kampung-kampung tradisional Melayu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kalau MPKKOA ini adalah Majlis Pembangunan Komuniti Kampung Orang Asli di kampung Orang Asli iaitu di bawah JAKOA.

Akan tetapi MPKKOA ini mereka tidak ada peruntukan RM10 ribu seperti yang diterima oleh MPKKP ini. Saya tanya kepada Menteri, soalan saya kepada Menteri. Adakah MPKKOA ini diberi juga peruntukan seperti MPKKP tadi? Sebab mereka tidak boleh menjalankan aktiviti mereka sekiranya dana ini tidak diberikan.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya, sikit sahaja sebab MPKKP. Saya hendak tanya Yang Berhormat Senator, bila tarikh MPKKP ini diwujudkan. Sebab buat masa sekarang ini, saya tidak pernah dengar lagi yang MPKKP telah berjalan seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Itu yang pertama.

Kedua, apakah benar cerita MPKKP ini sebab yang ada sekarang ini MPKK sahaja, Tuan Yang di-Pertua? JKKK dulu masa zaman Barisan Nasional- apabila negeri-negeri diperintah oleh Pakatan Harapan, maka JKKK ditukar kepada MPKK. Sekarang ini timbul pula MPKKP dan dikhabarkan MPKKP akan dilaksanakan di negeri-negeri yang bukan Kerajaan Pakatan Harapan.

Jadi Yang Berhormat Senator sudah sebut MPKKP sudah mendapat peruntukan sebanyak RM10 ribu. Itu yang saya tidak faham. Saya keliru sikit, di Pahang sebab di Terengganu pun ada juga. Di Terengganu belum ada lagi MPKKP. Apa yang saya dengar MPKKP akan dilaksanakan pada tahun 1 Januari 2020. Jadi saya hendak minta kalau tidak boleh Yang Berhormat jelas pun, boleh masuk dalam ucapan supaya disampaikan kepada Menteri- soalan saya, apakah benar MPKKP akan dilaksanakan pada tahun 1 Januari 2020? Pertama.

Kedua, kalau sekiranya ada MPKKP, apakah MPKK akan dimansuhkan? Ataupun kedua-dua berjalan, ada MPKK, ada MPKKP. Itu maksud saya. Kalau boleh Yang Berhormat perelaskan, silakan. Kalau tidak saya minta. Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Menteri hendak jawab. Akan tetapi apa yang saya tahu setakat yang saya tahu MPKKP ini memang di Pahang bukan di Terengganu Yang Berhormat- kalau di Pahang memang kami telah mengutip nama-nama untuk menjadi jawatankuasa dalam MPKKP ini. Dalam *handout*- risalah yang diberikan itu memang ada

peruntukan RM10 ribu tetapi yang saya maksud yang- bila hendak mula itu nanti saya minta Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang bertanggungjawab...

Datuk Razali bin Idris: Sudah dapat- di Pahang ini, sudah dapat RM10 ribu- MPKKP?

Tuan Manolan bin Mohamad: Belum.

Datuk Razali bin Idris: Belum. Baru dalam kira-kira- macam mana?

Tuan Manolan bin Mohamad: Mungkin dalam kira-kira sebab...

Datuk Razali bin Idris: Itu maksud saya. MPKK memang *confirm* ia dapat RM10 ribu peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ia belum dapat lagi.

Datuk Razali bin Idris: MPKKP ini yang saya tidak faham. MPKKP sudah *start* kah belum di Pahang? Sebab di Terengganu belum, tidak tahu lagi.

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat, MPKKP di Pahang belum *start* dan mengikut yang saya tahu akan bermula Januari tahun hadapan. Peruntukan RM10 ribu itu pun belum dapat lagi. Sebab itu saya mohon masuk dalam ucapan saya supaya pihak kementerian, Menteri yang bertanggungjawab KPLB untuk menjawab betul tidak MPKKP ini akan bermula pada tahun depan. Betul tidak MPKKP ini akan dapat RM10 ribu? Benar tidak MPKKP ini menggantikan JKKK yang lama dulu? Jadi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Ini sudah lebih lima minit ini dari yang ditetapkan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Sudah lebih kah? *Last*, ini memang betul-betul yang terakhir Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudahlah.

Tuan Manolan bin Mohamad: Akan tetapi ini pendidikan Tuan Yang di-Pertua, satu minit.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Manolan bin Mohamad: Seminit ya. Di sekolah kebangsaan...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada pencilahan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tidak boleh celah. Baru-baru ini saya pergi ke Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini pengalaman ini, di Semenanjung Malaysia kita hendak pergi sekolah ini kena naik bot seberang sungai.

Tuan Yang di-Pertua: Kita semua bersimpati tetapi oleh kerana peruntukan masa dan kerana bila Menteri menjawab, Yang Berhormat boleh juga minta penerangan lanjut.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey, ini...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey. Terakhir ini adalah saya mohonlah kepada KPLB atau Kementerian Pendidikan untuk membina jalan di antara Kampung Kucing ini ke Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling ini kerana jaraknya lima kilometer sahaja, jalan darat. Akan tetapi, tidak ada jalan darat, hanya boleh jalan kaki sahaja. Motor pun tidak boleh. Kereta jauh sekali.

Jadi pelajar-pelajar ini daripada Kampung Kucing ini pergi ke Sekolah Ulu Tembeling ini naik bot...

Tuan Yang di-Pertua: Naik?

Tuan Manolan bin Mohamad: Naik bot. Menaiki bot selama satu jam. Sungai Ulu Tembeling ini kalau Tuan Yang di-Pertua, ia punya jeram, arus laju, sangat deras. Kadang-kadang bot pun bahaya dan kadang-kadang *driver* bot tidak mengambil pelajar-pelajar ini. Jadi kalau kerajaan membina jalan darat antara Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling dan Kampung Kucing ini- sekurang-kurang kita boleh meningkatkan kehadiran pelajar-pelajar ini.

Jadi sekian sahaja daripada saya, terima kasih juga Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim.

5.57 ptg.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan selamat petang, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 Bersemut saya tunggu Yang Berhormat Manolan hendak habis berbahas. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan iaitu Tuan Lim Guan Eng yang telah membentangkan perbelanjaan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, selalunya kita mahu menunjukkan kekuatan kita walaupun kita ketika bergurau bersama kawan. Akan tetapi ini berbeza dengan negara kita. Dalam pembentangan bajet tempoh hari, Kementerian Pertahanan hanya diperuntukkan dalam lingkungan RM15 bilion iaitu RM12 bilion untuk pengurusan dan RM3 bilion untuk pembangunan. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain, peruntukan untuk pertahanan ini untuk kita adalah amat rendah sekali. Kalau kita bandingkan dengan Thailand, *Philippines*, Indonesia dan Singapura, peruntukan perbelanjaan pertahanan negara kita adalah yang paling kecil sekali.

Dalam beberapa hari yang lepas ada dalam *report The Star*, kalau tidak silap saya. Ada menunjukkan laporan bajet antara negara-negara di kalangan negara-negara ASEAN yang mana pada tahun 2018 memang peruntukan kita lebih kecil dan terlalu kecil dan untuk Bajet 2020 juga ia semakin kecil.

■1800

Jadi, bagi saya, kita tidak seharusnya memperkecilkan keperluan pertahanan negara kita. Sebab apa, pada pandangan saya, kita tidak tahu pada masa akan datang apa yang akan jadi pada pemimpin-pemimpin dari negara-negara di sekeliling kita. Mungkin ada yang dengki pada kita atau sebagainya. Ini, bagi saya, amat bahaya untuk kita di masa hadapan. Adalah lebih baik untuk kita bersiap siaga daripada sekarang dan peruntukan untuk perbelanjaan Kementerian Pertahanan ini sepatutnya dinaikkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Johor Bahru adalah bandar yang terkeselatan di Semenanjung ini dan ia berhampiran sekali dengan Singapura. Ia hanya dipisahkan oleh Selat Tebrau atau kadangkala dikenali sebagai Selat Johor yang lebarnya tidak sampai satu kilometer. Akan tetapi, dari segi pertahanan negara di Johor Bahru ini amat kurang. Kalau dahulu, ada Kem Majidee. Sekarang sudah tidak ada lagi. Sudah jadi *Mid Valley* sudah atau lebih dikenali sebagai *Southkey*. Kem Tebrau pula masih lagi seperti dulu dan tanah-tanahnya tidak didirikan menjadi sebuah kem tentera. Begitu juga dengan tanah milik Kementerian Pertahanan di Skudai- ini belakang rumah saya sahaja, tanahnya terletak betul-betul belakang rumah saya- yang hingga sekarang masih lagi kosong macam sudah jadi macam hutan pula.

Soalan saya, bilakah Kementerian Pertahanan akan mendirikan kem-kem tentera di kedua-dua tanah milik kementerian berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, untuk sesuatu kawasan atau negeri menjadi maju, terlebih dahulu prasarana infrastrukturnya mestilah baik dan memuaskan. Johor mampu untuk menarik lebih ramai pelabur dan juga pelancong sekiranya sistem rangkaian jalan rayanya baik. Masalah utama yang mengurangkan kedatangan pelabur dan pelancong ke Johor yang saya nampak adalah kerana Lebuhraya Utara-Selatan selepas sahaja Ayer Keroh, Melaka hingga ke Johor Bahru, sistemnya adalah dua *lane dual carriageway*.

Pada kami di Johor, sepatutnya Lebuhraya Utara-Selatan itu sepatutnya sudah dinaikkan kepada tiga *lane dual carriageway*. Kami percaya sekiranya Lebuhraya Utara-Selatan dapat dinaiktarafkan, ia akan menjadikan bandar-bandar seperti Segamat, Tangkak, Muar, Yong Peng, Batu Pahat, Kluang, Simpang Renggam dan Kulai akan dapat berkembang dengan lebih cepat.

Bandar-bandar berkenaan mempunyai kawasan-kawasan perindustrian di mana pelabur-pelabur boleh membina kilang-kilang dan selanjutnya kawasan perumahan dapat dibina dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar. Tukar giliran.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Okey. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Soalan saya, bilakah kerajaan akan menambahkan *lane* untuk Lebuhraya Utara Selatan dari Ayer Keroh hingga Johor Bahru?

Begitu juga dengan pelancongan. Johor mampu menggamit pelancong dengan adanya Legoland, Air Terjun Kota Tinggi, Desaru, Mersing dan pulau-pulau seperti Pulau Perhentian, Pulau Aur, Pulau Rawa dan juga Pulau Sibul. Masing-masing mampu menarik pelancong ke pulau-pulau berkenaan termasuk ke Pulau Tioman sekiranya jalan raya di antara Kota Tinggi hingga ke Mersing dapat diperbaiki, diluruskan dan dilebarkan. Sekarang untuk perjalanan dari Johor Bahru ke Mersing mengambil masa dua jam. Ini amat meletihkan dengan jalan raya yang kurang baik dan bengkok-bengkok.

Tadi Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Suhaimi pada sesi soal jawab pagi tadi ada menyebut pelancong dari Singapura telah menyusut daripada 13 juta kepada 10 juta orang. Ini mungkin kerana jalan yang kurang baik.

Soalan saya, bilakah pihak kerajaan bercadang untuk meluruskan dan melebarkan jalan dari Kota Tinggi ke Mersing?

Sebenarnya orang-orang Singapura ini dia ada satu *group* yang memang dia suka melihat bintang melalui dia punya teleskop itu. Jadi, di Penyabong itu adalah tempat mereka berkumpul. Biasanya pada bila bulan-bulan ataupun pada cuaca yang agak baik, mereka akan berkumpul di Penyabong, Mersing. Saya rasa itu adalah salah satu tarikan untuk pelancong datang untuk meneropong bintang-bintang di langit.

Tuan Yang di-Pertua, Mersing adalah bandar pelancongan. Ia menjadi tempat persinggahan untuk ke pulau-pulau. Akan tetapi, masalahnya ialah muara Sungai Mersing terlalu cetek dan kapal-kapal hanya boleh masuk dan keluar pada waktu air pasang sahaja. Ini menyekat pelancong-pelancong untuk pergi ke Pulau Tioman dan lain-lain pulau yang berhampiran.

Saya difahamkan bahawa muara Sungai Mersing selalunya digali pada setiap dua tahun sekali. Akan tetapi, ini tidak menyelesaikan masalah kerana pasir-pasir ini akan masuk balik ke Sungai Mersing dan ia akan menjadikan Sungai Mersing itu cetek semula.

Jadi, soalan saya, adakah kerajaan ada bercadang untuk membina *breakwater* di muara Sungai Mersing yang mana ia boleh menghalang pasir-pasir daripada masuk ke muara Sungai Mersing?

Satu lagi masalah adalah jalan raya dari *flyover* Skudai hingga ke Kangkar Pulai. Jalan ini sering kali *jam* terutamanya di waktu puncak kerana jalan ini terlalu sempit dan banyak kenderaan. Begitu juga taman-taman yang sudah siap dibina menyebabkan kenderaan-kenderaan yang lalu-lalang di situ terlalu banyak.

Jadi, persoalan saya, adakah pihak JKR bercadang untuk membina *flyover* di persimpangan Taman Pulai Perdana dan juga Taman Teratai dan juga di persimpangan Taman Sri Pulai dan Taman Pulai Perdana? Persimpangan ini amat diperlukan bagi melancarkan perjalanan kenderaan pada bila-bila masa. Di samping itu, Jalan Pontian-Johor Bahru ini juga perlu dilebarkan untuk dijadikan tiga *lane dual carriageway*.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang akhir sekali bagi saya. Saya punya pendek sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Orang-orang Johor Bahru amat menunggu-nunggu kedatangan HSR ataupun *High Speed Rail* yang tadi ada disebut oleh Yang Berhormat Teo. Kami berharap dengan adanya HSR akan dapat mengembangkan lagi ekonomi di sebelah barat Johor. Dengan adanya HSR, kami berharap bandar-bandar seperti Muar, Batu Pahat, Pontian dan juga Iskandar Puteri akan berkembang lebih maju lagi dari segi ekonominya. Jadi, soalan saya, bilakah pihak kerajaan akan memulakan pembinaan HSR?

Akhir sekali, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim. Terima kasih banyak ya.

Sekarang saya mempersilakan pula Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. Minta kerjasama ya untuk buat dalam 15 minit atau lebih sedikit ya. Sila, Yang Berhormat.

6.09 ptg.

Datuk Lee Tian Sing: Salam sejahtera dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan

2020 pada hari ini. Perbahasan saya pada hari ini berkisarkan kepada beberapa perkara iaitu aspek pelancongan, pengangguran dan pelaksanaan *e-wallet* di Malaysia.

■1810

Pertamanya, seperti yang diumumkan menerusi Belanjawan 2020, Kementerian Kewangan telah pun memperuntukkan dana sebanyak RM100 juta bagi pembinaan sistem kereta kabel baharu di Bukit Bendera, Pulau Pinang yang mana penambahbaikan kereta api *funicular* tersebut pernah dilakukan pada tahun 2010. Seharusnya, reka bentuk sistem kereta kabel yang dibina ini mestilah bersifat tahan lama dan tidak perlu sehingga kita perlu mengeluarkan perbelanjaan lain bagi setiap 10 tahun semata-mata untuk memperbaikinya.

Pada pengamatan saya, adalah lebih murni sekiranya kerajaan memperuntukkan jumlah dana berkenaan bagi tujuan pembangunan semula infrastruktur bagi negeri Melaka. *Survey* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia baru-baru ini telah menunjukkan bahawa jumlah kemasukan pelancong ke negeri Melaka adalah lebih rendah pada tahun 2018 iaitu sebanyak 13.1 juta orang pelancong berbanding Pulau Pinang ialah sebanyak 14.5 juta orang pelancong.

Bagi sesebuah negeri yang telah mencapai taraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak lebih 10 tahun yang lalu, adalah sesuatu yang perlu difikirkan oleh kementerian bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri Melaka ini memandangkan negeri ini tidak pernah mencapai kedudukan lima tertinggi kadar ketibaan pelawat dalam kalangan negeri-negeri di Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu. Saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah kementerian telah mempertimbangkan untuk memperuntukkan sejumlah dana bagi meningkatkan sektor pelancongan di negeri Melaka? Seperti menaik taraf kemudahan awam dan sebagainya di tapak warisan yang memerlukan penambahbaikan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempertahankan status sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO dan sebagai persediaan menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020, kerajaan perlu berusaha memberikan perhatian yang adil dan saksama terhadap kedua-dua buah negeri berkenaan, bukan hanya salah satu sahaja. Usaha-usaha bagi meningkatkan serta menambah baik segala kemudahan awam di kedua-dua tempat yang kaya dengan nilai-nilai keunggulan sejagatnya itu perlu dilaksanakan tanpa prejudis.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi perkara berkaitan pengangguran. Saya menyambut baik pemberian insentif gaji di bawah inisiatif *Graduates@Work* kepada graduan sebanyak RM500 selama dua tahun sekiranya telah mendapat pekerjaan selepas menganggur lebih daripada setahun dan RM300 kepada majikan yang menggaji graduan-graduan tersebut. Walaupun inisiatif tersebut dijelaskan sebagai salah satu kaedah bagi mengurangkan

pengangguran di negara ini, namun saya melihat ia masih tidak menyelesaikan permasalahan pokok yang sebenarnya.

Inisiatif ini secara tidak langsung akan pembesaran- serta menggalakkan para graduan universiti untuk terus menganggur dalam satu tempoh yang lebih panjang dan ia bukanlah pendorong terbaik untuk mereka mendapatkan pekerjaan serta-merta selepas menamatkan pengajian. Inisiatif ini mungkin lebih berkesan jika disalurkan kepada para graduan yang berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh 12 tahun pertama mereka setelah bergraduasi atau mungkin juga boleh menawarkan insentif yang lebih baik kepada mana-mana majikan yang berjaya menawarkan peluang pekerjaan berkualiti kepada mana-mana graduan yang berkeelayakan.

Di sini persoalan saya, sejauh manakah jaminan kementerian bahawa pelaksanaan inisiatif *Graduates@Work* tersebut benar-benar dapat menyelesaikan isu pengangguran di negara ini? Apakah inisiatif ini bersifat adil kepada mereka yang sudah berjaya mendapatkan pekerjaan terlebih dahulu selepas bergraduasi?

Selain itu, salah satu masalah para graduan tidak dapat mencari pekerjaan yang sesuai juga mungkin terletak pada hakikat bahawa bidang yang dipelajari tidak sepadan dengan permintaan pasaran pekerjaan. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai keseriusan kementerian dalam memperkasakan pembangunan kemahiran dalam kalangan anak muda di negara ini. Apakah solusi terbaik untuk kementerian menggunakan tenaga muda ini dalam memenuhi pasaran pekerjaan sekarang agar tidak terbazir dihanyut arus masa.

Sejauh manakah kesiapsiagaan kementerian dalam memastikan kadar pengangguran tidak terus memuncak dalam negara kian gian menghadapi gelombang Revolusi Industri 4.0 yang mana kebanyakan pekerjaan pada masa akan datang lebih banyak akan dimonopoli oleh robot berbanding tenaga kerja manusia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan sistem *e-wallet* pula, saya ingin memetik ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober yang lalu iaitu sebanyak RM450 juta diperuntukkan kepada Khazanah Nasional untuk melaksanakan insentif rangsangan digital secara *one-off* bernilai RM30 kepada semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas dengan pendapatan tahunan kurang daripada RM100 juta. Apa yang diperlukan hanya akaun e-dompet dengan identiti yang disahkan melalui penyedia perkhidmatan yang terpilih, rangsangan dicipta secara *one-off* bagi setiap orang boleh ditebus dan digunakan untuk tempoh dua bulan bermula 1 Januari 2020 dan akan tamat pada 29 Februari 2020.

Pada pandangan saya, kerajaan seharusnya melipatgandakan usaha kepada pihak peniaga dalam usaha merencanakan industri *e-wallet* di Malaysia yang cuma menghiasi lapan *percent* sahaja dalam sektor pembayaran di Malaysia pada ketika ini. Dalam persediaan kita bagi membina sesebuah *cashless society*, kerajaan perlu meluaskan pelaksanaannya dengan lebih berkesan. Namun, sejauh manakah kebersediaan para peniaga terutamanya perusahaan perniagaan kecil dan runcit untuk menerima transformasi urus niaga secara digital ini?

Selain itu, perlu juga kita melihat bagaimana penggunaan *e-wallet* boleh memanipulasi tabiat pengguna pada hari ini. Negara China misalnya sistem e-dompet *Alipay* dan *WeChat Pay* telah berjaya mengubah tabiat perbelanjaan pengguna mereka apabila hampir kesemua urusan seharian mereka boleh diselesaikan menerusi penggunaan *e-wallet* tersebut. Contohnya, pada Tahun Baru Cina, Kerajaan China akan melancarkan permainan melibatkan ang pau melalui *WeChat Pay* atau *Alipay* bagi mempromosikan dan memastikan rakyat mereka kekal menggunakan *e-wallet* sebagai medium utama perbelanjaan mereka.

■1820

Pengguna secara meluas *WeChat Pay* dan *Alipay* dalam kalangan rakyat China telah paksikan oleh *WeChat* yang merupakan media sosial yang paling kerap digunakan di sana serta Alibaba milik Jack Ma yang merupakan syarikat e-dagang terbesar di negara China. Dengan menggunakan pangkalan data para pelanggan mereka, kedua-dua *e-wallet* ini telah mencapai pasaran yang sangat baik.

Pelbagai perkhidmatan dan bil-bil juga boleh dibiayai melalui *WeChat Pay* dan *Alipay* seperti bil bulanan, perkhidmatan *e-hailing* mereka seperti Didi dan juga pemeriksaan kesihatan atau perjumpaan bersama doktor. Semua ini memerlukan sejumlah pelaburan jumlah yang cukup besar untuk disalurkan kepada e-dompet bagi memastikan kelancaran dan tahap keselamatan wang pengguna turut terjamin.

Isu kedua adalah bilangan penyedia *e-wallet* di Malaysia. Perkhidmatan *e-wallet* telah berkembang pesat sejak beberapa tahun yang lepas dengan lebih daripada 40 lesen *e-wallet* telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Namun begitu, persoalan yang saya bangkitkan adalah kerajaan akan membangunkan sistem dan perisian *e-wallet* tersendiri milik kerajaan atau mengguna *e-wallet* dari pengendali sedia ada seperti *Boost*, *Touch n Go*, *Fave* dan sebagainya. Mengenai penawaran kredit RM30 ke akaun *e-wallet* menerusi rangsangan digital kepada rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas serta mempunyai pendapatan tahunan RM100 ribu dan ke bawah pula, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai bagaimanakah proses pemberian kredit ini akan

dilaksanakan? Adakah pengguna yang mempunyai lebih daripada satu akaun *e-wallet* akan berpeluang untuk menikmati lebih banyak kredit? Saya memohon kementerian untuk memberikan saya penjelasan mengenai perkara ini.

Kerajaan juga seharusnya mempertimbangkan perluasan ekosistem internet yang lebih baik sebelum betul benar meluaskan penggunaan *e-wallet* ini. Sesetengah tempat kadangkala begitu sukar untuk mendapatkan liputan 4G. Bagaimana mahu kita hendak memperkasa penggunaan *e-wallet* sekiranya liputan telekomunikasi kita pun masih tidak memuaskan. Apakah prioriti kementerian dalam perkara ini? Perluasan *e-wallet* atau pembangunan ekosistem 5G yang lebih penting?

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya masih terdapat banyak perkara dalam pembentangan Belanjawan 2020 yang memerlukan penjelasan dari pihak kerajaan. Rakyat di luar berhak untuk mendapatkan servis dan perkhidmatan yang terbaik dari sesebuah kerajaan yang mereka diamanahkan sejak 19 bulan yang lalu. Bukannya pergaduhan, persengketaan dan penipuan yang disajikan pada mereka. Saya meminta kerajaan agar kembali serius memberi fokus pada nasib rakyat. Jangan sehingga rakyat berasa dikhianati dan menghumban anda pada pilihan raya akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. Persiapan yang baik nampaknya perbincangan tadi.

Sekarang, saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh. Dipersilakan.

6.24 ptg.

Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh: Sini Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Oh, ada [*Ketawa*]

Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh: [*Ketawa*] *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 hari ini. Terlebih dahulu juga saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan bajet negara ini. Mudah-mudahan ia dapat direalisasikan sebagaimana yang dirancang.

Firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maksudnya, “Dan Tuhan kami berfirman lagi. sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa. tentulah kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan

bumi tetapi mereka mendustakan Rasul kami. Lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang telah mereka usahakan”.

Tuan Yang di-Pertua, usaha membawa pulang mayat abu Chin Peng dilihat sebagai salah satu propaganda beracun yang mungkin disusun secara senyap oleh segolongan pihak yang mendukung Chin Peng dan perjuangannya. Kumpulan tersebut adalah dipercayai bahawa perjuangan Komunis Chin Peng ini adalah suatu bentuk pengorbanan dan pemikiran begini telah mencabul kemerdekaan dan perpaduan negara kita yang telah kita kecapai selama 62 tahun. Keselamatan negara kita di tahap yang tidak menggembirakan atau sebenarnya membimbangkan.

Ini kerana selama lebih satu tahun ini, pelbagai isu berkait dengan asas negara kita berlaku. Misalnya penggunaan bendera Malaysia yang salah, dukungan untuk mewujudkan *Unified Examination Certificate*, kenyataan media yang ditulis dalam bahasa selain daripada bahasa rasmi Melayu, kerajaan yang tunduk kepada desakan Dong Zong, komplot penjualan kad pengenalan, penglibatan pemimpin dengan LTTE, integriti pemimpin yang terpalit dengan skandal dan implikasi kegagalan sistem Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), menyebut *Republic of Malaysia* di pertunjukan luar negara dan pameran *tattoo* yang memalukan. Ini menunjukkan adanya tangan-tangan yang mengambil kesempatan dalam kelompangan keselamatan negara kita untuk melakukan jenayah dan huru-hara.

Sehubungan dengan itu, demi mengukuhkan lagi perpaduan negara, saya ingin meminta pandangan dan pendirian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang apakah definisi perpaduan dan toleransi dalam masyarakat majmuk mengikut pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam inisiatif mengukuhkan perpaduan, bagaimanakah sebanyak 8,205 buah jawatankuasa rukun tetangga diperkasakan untuk sensitif dengan isu dan gerakan yang cuba mengancam dan memecahbelahkan perpaduan kaum serta apakah bentuk programnya. Saya juga ingin tahu, siapakah yang terpilih untuk menjadi *mediator* komuniti dan bagaimanakah ia dilaksanakan. Ini kerana *mediator* ini berperanan untuk mencari penyelesaian terhadap isu perkauman dan agama.

Daripada aspek pendidikan, di peringkat pelajar sekolah menengah hingga ke peringkat universiti, apakah kayu ukur untuk melihat keberkesanan pemahaman terhadap perlembagaan yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan dan peranannya di dalam mempertahankan maruah dan identiti rakyat Malaysia. Saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seterusnya, saya ingin menyentuh perkembangan ekonomi negara kita yang berada di tahap yang membimbangkan. Hutang negara yang semakin hari semakin meningkat dengan peratusan terkini sebanyak 52.65 peratus pada Jun 2019 berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak 50.8 peratus dan peratusan semasa ini menghampiri paras hutang langsung Kerajaan Persekutuan iaitu 55 peratus.

Selain itu, laporan pencegahan rasuah di Malaysia dari tahun 2005 hingga tahun 2014 mencatatkan kehilangan sebanyak RM1.8 trilion menerusi aliran kewangan tidak sah yang mana sebahagiannya berpunca dari rasuah. Sejumlah 63 peratus adalah melibatkan sektor awam. Saya memohon Kementerian Kewangan untuk memperincikan istilah ketirisan di sini. Berapakah jumlah yang rasuah dan merasuah? Berapakah jumlah kes yang melarikan diri dari membayar cukai?

■1100

Seterusnya, menyentuh unjuran untung rugi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di dalam Laporan Audit Negara 2018. Jumlah kerugian yang dicatatkan adalah semakin bertambah dengan anggaran kerugian tren komuter RM159.61 juta tahun 2019 hingga RM303.8 juta tahun 2025. Defisit yang berterusan setiap tahun ini dibimbangkan menambahkan risiko kegagalan KTMB memenuhi keperluan pengangkutan awam di negara kita malahan sebanyak 63 peratus penumpang yang bertukar kepada perkhidmatan lain.

Soalan saya apakah plan pemulihan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengembalikan KTMB di tahap yang sepatutnya dan mampu menjadi pilihan pengangkutan awam utama. Apakah faktor utama kos penyelenggaraan tren yang mahal? Dan tempoh penyelenggaraan tren yang lama serta apakah langkah susulan yang segera dalam isu ini? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tambahan, kemudian kenapa banyak sangat kementerian dan agensi yang terlibat? Adakah ini faktor yang menyebabkan kerugian KTMB?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara berkenaan negeri Terengganu. Menyentuh Kementerian Pengangkutan iaitu berkenaan permohonan menaik taraf Lapangan Terbang Domestik Sultan Mahmud kepada lapangan terbang antarabangsa. Kita ada fasiliti dan potensi pelancongan yang unik. Namun, kita berhadapan dengan masalah *accessibility* pengangkutan awam ke tempat-tempat pelancongan. Jadi saya memohon agar kerajaan dapat meneliti semula kepentingan ini tanpa mengikut jumlah pelancong atau pengguna akan tetapi lebih melihat kepada potensi besar Terengganu memandangkan tiada kriteria spesifik bagi melayakkan kenaikan taraf menjadi lapangan terbang antarabangsa.

Ini sebagai mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dalam soalan saya. Bagi orang Pantai Timur, bukan tidak ramai pelancong yang masuk akan tetapi banyak penerbangan yang dijadualkan perlu transit ke KLIA termasuk penerbangan antara negeri. Kita ada mendengar ura-ura bahawa kerajaan akan mewujudkan Lapangan Terbang Antarabangsa di Mersing sedangkan di Johor sudah wujud satu lapangan terbang antarabangsa sedangkan Melaka dan Langkawi yang saiz penduduknya yang sedikit pun ada lapangan terbang antarabangsa inikan pula Terengganu.

Selain itu, bagi menambah *accessibility* perjalanan dan menambah pekerjaan di Pantai Timur apakah usaha untuk memperuntukkan bas-bas percuma dari kawasan bandar ke bandar-bandar di seluruh Terengganu. Saya juga ingin bertanya, apakah senarai langkah bagi meningkatkan jaringan pengangkutan dan meningkatkan kawasan berdaya murni di Terengganu melalui pembangunan industri pengangkutan air, teksi air oleh kerana negeri ini mempunyai jaringan sungai yang bersambungan dan luas. Hal ini, dalam masa yang sama kita boleh yakin dapat membantu meningkatkan sumber pendapatan rakyat yang sesetengahnya bekerja di laut dan sungai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan Kementerian Pelancongan. Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu daripada tahun 1990 sehingga tahun 2017 menunjukkan jumlah kedatangan pelancong tempatan lebih ramai melancong ke Terengganu berbanding pelancong luar negara. Walau bagaimanapun, pelancong asing secara puratanya menginap lebih lama berbanding pelancong tempatan iaitu selama empat lima hari di Terengganu. Soalan saya adakah wujud satu kuota pengiklanan *online* ataupun *offline* bagi memastikan semua negeri dapat mengiklankan negeri mereka sebagai destinasi wajib negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan kemampuan sebuah institusi keluarga yang dipantau oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. saya mengucapkan tahniah di atas deklarasi keluarga Malaysia yang dilancarkan pada 25 November baru-baru ini. Realitinya statistik kes penderaan dan sumbang mahram dalam institusi keluarga semakin meningkat saban tahun. Cadangan saya supaya kementerian dapat mempertimbangkan untuk diwujudkan suatu model kesejahteraan keluarga yang diperkaya kan dengan elemen tauhid sebagai kerangka asas supaya masyarakat lebih dipandu zahir dan batinnya dengan mengenal Allah.

Soalan saya, siapakah yang akan terlibat sebagai jawatankuasa memartabatkan institusi keluarga ini? Kita maklum bahawa Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) menjadi kayu ukur keberkesanan institusi keluarga. Secara puratanya pada tahun 2018 Malaysia mencatat skor

indeks sebanyak 7.33 berbanding skor penuh 10 dalam senarai induktor IKK saya mendapati skor paling rendah adalah skor keluarga dan teknologi komunikasi iaitu 6.38 yang mana kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi di tahap yang paling rendah dengan skor 5.28.

Selain daripada itu amalan *reduce, reuse, recycle* (3R) juga rendah dengan skor 5.32. apakah langkah bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mengawal penggunaan teknologi komunikasi ini? Bagaimanakah usaha kementerian meningkatkan skor-skor ini ke tahap yang diinginkan iaitu skor lapan dalam era dunia tanpa sempadan.

Selain dari itu, di dalam laporan yang disediakan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara saya ingin bertanya apakah faktor skor IKK yang terendah di Pahang 6.72, Negeri Sembilan 6.78, Perlis 6.97 berbanding Sabah 7.10 dan Sarawak 7.09? Apakah faktor perbezaan jauh Semenanjung dan Borneo? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, saya ingin mencadangkan agar kementerian untuk fokus kepada operasi melibatkan pencegahan daripada terlibat dengan maksiat dan salah laku daripada hanya merawat. Kita perlu fokus kepada mengurangkan *inmates* kepada pusat-pusat perlindungan dan penjara dengan perancangan yang holistik tanpa meninggalkan asas negara kita iaitu berasaskan agama, bangsa dan budaya yang pelbagai.

Misalnya pencegahan daripada menjadi mangsa rogol atau perogol ataupun pencegahan daripada menjadi punca perceraian dan menjadi mangsa cerai memandangkan telah berleluasa jumlah perceraian sama ada Muslim dan *non-Muslim*. Saya ingin bertanya berkenaan modul pra perkahwinan di bawah inisiatif kementerian- wanita kita ramai yang sebenarnya tidak tahu bahawasanya Undang-undang Syariah bagi wanita Islam melindungi mereka. Apakah langkah kementerian bagi memastikan setiap modul pra perkahwinan dan pasca perkahwinan ini menerapkan elemen-elemen pemahaman Undang-undang Syariah Islam? Misalnya bagi sesetengah kes seseorang isteri boleh meminta upah daripada sang suami selepas bercerai.

Seterusnya, saya mengucapkan tahniah di atas usaha kementerian memperluaskan pelaksanaan i-Suri.

Soalan saya, apakah faktor berlakunya caruman suri rumah yang tidak konsisten? Mengapa masih ramai yang belum mendaftar yang membuat caruman i-Suri? Apakah langkah-langkah bagi memastikan setiap suri rumah mampu membuat caruman secara konsisten? Hal ini kerana kita boleh mengagak sekiranya mereka mampu membuat caruman secara konsisten, ini menunjukkan bahawa pendapatan bulanan mereka sudah meningkat daripada sebelumnya. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh keperluan Orang Kelainan Upaya (OKU) sehingga tahun 2017, Terengganu sahaja mempunyai seramai 20,467 orang OKU iaitu lima peratus daripada jumlah keseluruhan OKU. Daripada jumlah ini, OKU bermasalah pembelajaran dan kecacatan fizikal mendominasi sebanyak 28.88 peratus.

Soalan saya kepada kementerian, adakah kementerian mempunyai senarai jumlah sekolah biasa dan sekolah agama yang mesra OKU yang diwujudkan di Terengganu?

Apakah kekerapan pemantauan dilakukan bagi memastikan OKU ini terpelihara kebajikannya dari segi melakukan ibadah dan bekerja? Saya juga ingin kementerian untuk menyenaraikan usaha holistik sektor kerajaan dan swasta bagi meningkatkan kapasiti pekerjaan OKU? Misalnya kerusi roda OKU tidak sesuai untuk pelbagai jenis pekerjaan misalnya OKU tersebut kerja di ladang dan memukat ikan jadi mereka ini memerlukan kerusi roda dan pakaian keselamatan yang tahan lasak dan selamat.

Terakhir berkaitan OKU, apakah senarai langkah kementerian untuk meningkatkan kesedaran kasih dan ihsan kepada OKU supaya mereka ini selesa bekerja dan melakukan amal ibadah masing-masing dengan bantuan komuniti?

■1840

Selain itu, saya meminta penjelasan kementerian apakah mekanisme yang dilakukan bagi membantu anak-anak perempuan yang sudah terlanjur ini terpelihara dan mempunyai daya tahan daripada kembali berulang melakukan perkara maksiat? Sejauh mana penjaga di pusat perlindungan dilatih bagi memastikan mereka mampu mendidik mereka kembali bertaubat dan menjadi warga negara yang berguna.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, rata-rata masyarakat hari ini tidak mengendahkan prosedur yang diperuntukkan Mahkamah Syariah dan lebih cenderung untuk memilih menggunakan khidmat sindiket ataupun nikah ekspres. Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) menganggarkan kira-kira 70 peratus pernikahan menggunakan khidmat sindiket atau nikah ekspres tidak sah syariah.

Oleh itu saya ingin bertanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan hal ehwal agama, berkenaan berapakah jumlah pendaftaran pernikahan dan perceraian ekspres yang telah diterima mahkamah? Berapakah jumlah kes yang telah dan akan diselesaikan oleh Mahkamah Khas Hadhanah?

Selain itu minta Menteri dapat memberikan spesifikasi kes perceraian ini dengan senarai mengikut jenis cerai dan jumlah cerai di Malaysia. Paling utama banyak timbulnya isu masalah

syariah berkaitan cerai dan isu berkaitan keluarga ini mengambil tempoh yang lama untuk diselesaikan di mahkamah.

Justeru, soalan saya, apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada pemerksaan Mahkamah Syariah Negeri supaya kompetensi dan kapasiti mahkamah menyelesaikan pelbagai kes meningkat dengan kemudahan fasiliti yang mencukupi? Mohon penjelasan.

Selain itu saya ingin menimbulkan kebimbangan terhadap kemapanan atau *survival* institusi keluarga M40 dan B40 ketika negara berhadapan dengan kelemahan sektor ekonomi. Semalam 11 Disember 2019, akhbar melaporkan kerisauan Persatuan Pengguna Islam Malaysia bahawa terdapat peningkatan harga kelengkapan sekolah sebanyak 10 hingga 30 peratus berbanding tahun lepas dan perkara ini sangat membimbangkan kerana terpaksa mengeluarkan wang yang banyak hanya untuk kelengkapan sekolah sahaja.

Misalnya seluar prasekolah dilaporkan bernilai RM30 ke atas dan kain biru muda RM35 ke atas. Harga tersebut setanding dengan kelengkapan pakaian orang dewasa. Memandangkan populasi penduduk negara kita semakin menurun, saya mengharapkan agar kos untuk menjaga seorang anak yang semakin mahal ini dikurangkan bagi menggalakkan lebih ramai populasi rakyat Malaysia di masa hadapan. Ini belum masuk kos untuk mendapatkan kerusi keselamatan kanak-kanak yang berkualiti.

Saya minta penjelasan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkenaan ini dan meminta agar dapat dipertimbangkan skim subsidi kepada keluarga tersebut.

Seterusnya menyentuh berkaitan Kementerian Dalam Negeri. Bertitik tolak daripada perkembangan kes arwah Zulfarhan dan tindakan menangani gengsterisme di sekolah dan universiti, berapakah sekolah dan universiti yang mempunyai pegawai polis yang berperanan sebagai pegawai perhubungan sekolah yang menjadi ejen *deterrent* kepada sebarang kelakuan jenayah? Berapakah jumlah pegawai polis yang terlibat? Apakah mekanisme kayu ukur bagi menilai pengurangan atau peningkatan kegiatan gengsterisme di sekolah dan universiti?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya menyentuh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya ingin bertanya tentang kemudahan Program Pembiayaan Mikro Agro Nisaa'-i yang menawarkan pembiayaan sehingga RM30 ribu. Sejauh mana usaha dan kekerapan pemasaran dilakukan bagi menarik lebih ramai usahawan wanita mendapat manfaat ini tanpa mengira parti. Terakhirnya, saya ingin mencadangkan agar kebersihan landskap di lebuhraya seluruh negara diambil berat. Saya melihat seolah-olah rumput tidak diurus dengan baik.

Saya ingin tahu kekerapan pemantauan dilakukan bagi memastikan landskap lebuhraya diurus dengan baik dan ceria. Selain itu, saya ingin meminta maklumat sejauh mana pencapaian

Kempen Kitar Semula diadakan? Minta penjelasan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebagai penutup saya memetik kata-kata Sayidina Umar Al-Khattab iaitu, "Kejujuran masyarakat tergantung kepada kejujuran para pemimpinnya dan ketika pemimpin mereka itu rosak maka rosaklah masyarakatnya". Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Perbahasan yang *well prepare* nampaknya, lengkap, panjang lebar dan kemas. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahaya. Silakan.

6.46 ptg.

Puan Siti Fatimah binti Yahaya: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menduduki tangga ke-40 daripada 113 negara yang diukur dalam Indeks Keselamatan Makanan Global pada 2018. Pada tahun 2018, import makanan negara berjumlah RM52 bilion. Hampir RM20 bilion daripadanya adalah makanan yang telah diproses. Angka ini merupakan angka yang tinggi untuk sebuah negara dengan penduduk seramai 32 juta. Ketergantungan pada import makanan boleh menyebabkan kita terdedah kepada krisis makanan semasa kemerosotan ekonomi atau perubahan iklim yang melampau. Keperitan juga telah dapat kita rasai apabila nilai ringgit lemah dan ia akan menjadikan kos pengimport makanan menjadi lebih mahal.

Selain itu, kita juga harus ingat bahawa memiliki stok makanan yang mencukupi bukan sahaja penting di kala krisis ia juga penting dalam menstabilkan harga barang makanan di dalam negara. Oleh itu, saya mohon supaya kerajaan mengambil perhatian kepada beberapa perkara berikut.

Pertama, pecahkan monopoli di dalam rantai bekalan makanan asas seperti beras dan produk ternakan. Contoh yang paling mudah adalah seperti BERNAS yang sekarang ini menguasai industri beras dengan segera. Pemecahan monopoli mesti dilakukan secara adil dengan perkongsian hak lesen import atau AP kepada pengilang dan pemborong bumiputera dan bukan hanya kepada pemain industri besar milik bukan bumiputera. Apabila lebih ramai pemain

industri harga akan menjadi lebih murah dan masing-masing bersaing memberi produk yang berkualiti untuk pengguna.

Kedua, memberi fokus kepada membantu usahawan tani untuk menggandakan hasil tanaman dalam masa yang pantas melalui penggunaan teknologi pertanian yang terkini dalam menghasilkan baka pertanian yang berkualiti. Saya amat terperanjat apabila pihak kerajaan memperuntukkan sebanyak RM30 juta hanya untuk menyokong padi pulut di Langkawi. Peruntukan RM30 juta ini pula hanya akan memberi manfaat kepada 1,200 petani di Langkawi. Sepatutnya peruntukan ini boleh dimasukkan bersekali dengan inisiatif pembangunan Industri Pertanian 4.0 yang lebih bermanfaat. Bagi saya ini adalah bukti jelas bahawa Kerajaan PH memberi prioriti yang lebih kepada dividen politik berbanding kelangsungan ekonomi rakyat.

Ketiga, kerajaan perlu memberi perhatian yang lebih kepada aktiviti mengawal perairan. Menteri Dalam Negeri mendedahkan aktiviti dari pencerobohan nelayan asing, negara telah kerugian sebanyak RM6 bilion hasil laut.

Keempat, kerajaan perlu memudahkan pekebun-pekebun kecil untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang diberi oleh kerajaan. Saya mencontohkan apa yang berlaku di tempat saya di Kuala Lipis. Pekebun-pekebun kecil di Lipis terpaksa menempuh perjalanan sejauh 70 kilometer untuk mendapatkan kad Bantuan Musim Tengkujuh di Temerloh. Saya ingin mencadangkan pihak kementerian melalui agensi-agensi untuk membuka kaunter-kaunter di dalam setiap Parlimen bagi memudahkan pekebun kecil untuk menerima manfaat bantuan.

■1850

Kelima, kerajaan perlu memberi perhatian kepada usaha membanteras nelayan-nelayan yang menggunakan kaedah penangkapan hasil laut yang merosakkan ekosistem seperti pukut harimau. Selain itu, terdapat juga nelayan-nelayan yang menjarah hasil laut menggunakan pukut tunda di kawasan larangan iaitu kurang dua batu nautika dari pantai.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Forum Ekonomi Dunia (WEF), kira-kira 75 juta peluang pekerjaan akan luput kesan Revolusi Industri 4.0. Contoh bidang pekerjaan itu adalah seperti perakaunan, simpan kira dan kerani gaji, kerani penyimpanan data, setiausaha pentadbiran dan eksekutif, pekerja kilang dan pemasangan, perkhidmatan maklumat dan pelanggan di samping perkhidmatan dan perniagaan dan pengurusan pentadbiran. Kerajaan lebih menumpukan kajian dan ramalan berkaitan bidang-bidang pekerjaan yang dijangka mendapat permintaan yang tinggi pada masa yang akan datang atau pada era Revolusi Perindustrian 4.0 nanti.

Antaranya adalah memperkasakan pendidikan teknikal, latihan dan vokasional atau TVET. Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira RM5.9 bilion untuk program TVET, jumlah yang

kecil berbanding bajet untuk Malaysia Kerja. Namun satu perkara yang tidak kurang penting ialah kerajaan perlu memastikan asas program TVET yang kukuh terlebih dahulu untuk memastikan pelaksanaan TVET benar-benar berjaya. Ini termasuk menyediakan tenaga pekerja yang berkualiti tinggi dan juga perlu menyelesaikan masalah-masalah pengurusan yang tidak habis-habis membelenggu TVET seperti pertindihan sistem pendidikan.

Bajet 2020 juga tidak ada menyebut tentang insentif kerajaan berhubung PTPTN dan juga tidak menyatakan secara jelas mengenai biasiswa dan pinjaman pelajaran untuk anak-anak muda melanjutkan pengajian. Mengapa kita membentangi Bajet 2020 kerajaan agak sepi tentang PTPTN? Tidak seperti dalam kempen-kempen Pilihanraya Umum Ke-14, anak-anak muda dihidangkan dengan begitu banyak tentang formula-formula, video-video dan cadangan-cadangan berkaitan dengan PTPTN.

Saya juga tertanya-tanya status kini dan hasil dapatan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) dan bilakah kementerian akan membentangkannya di dalam Parlimen dan senarai badan bukan kerajaan (NGO), individu berprofil tinggi, syarikat swasta, badan antarabangsa, persatuan-persatuan belia dan lain-lain pihak yang terlibat dalam memberi cadangan kepada Kertas Konsultasi Rakyat (KKR). Kerajaan ada pernah menyatakan KKR akan dibentangi pada umum dalam bulan Ogos tetapi sekarang sudah bulan Disember.

Seperkara lagi, dahulu Kerajaan BN telah menyediakan pelan yang begitu sistematik dan sangat membantu anak-anak muda menyambung pengajian ke peringkat tinggi dengan menawarkan *MyBrain*, *MyMaster*, *MyPHD* yang menyasarkan 60 ribu graduan PHD pada tahun 2023. Berapakah sasaran graduan PHD yang disasarkan oleh Kerajaan PH dalam tempoh lima tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan berhubung dengan takwim kuliah baharu IPG yang melibatkan tiga semester. Adakah pihak Menteri Pendidikan sedar bahawa takwim tersebut terlalu padat sehingga membebankan pelajar dan tidak mengambil kira akan kebajikan para pensyarah. Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar bahawa tiga semester dalam setahun boleh membawa implikasi kepada pembinaan ikhtisas siswa pendidikan guru.

Ini kerana pendidik perlu didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran mengajar, mendidik, mengelola bukan 100 peratus akademik seperti di universiti. Di universiti pun, cuti semester adalah panjang dan memberi ruang untuk pelajar membuat persiapan pengajian seterusnya. Mengapa pihak Kementerian Pendidikan tidak menggunakan takwim yang sedia ada? Cuma pensyarah sahaja yang mengikuti cuti tahunan dan bertugas pada waktu cuti untuk

memberi kursus kepada guru-guru dalam perkhidmatan. Bahkan para pensyarah boleh merancang cuti bersama keluarga.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahaya. Satu perbahasan yang baik dan teratur.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

6.55 ptg.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya memanjatkan kesyukuran kerana Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan di bentang pula di Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada sesi ini untuk di perinci dan juga dibahaskan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator semua.

Dalam tinjauan ekonomi global 2020 ini, pertumbuhan ekonomi dunia dan risiko ketegangan perdagangan yang dijangkakan berterusan memandangkan tidak wujud tanda-tanda kompromi di antara Amerika Syarikat dan juga negara China dalam menentukan hala tuju pasaran bebas dan bersaing secara sihat di peringkat global. Justeru, tidak ketentuan ini akan memberi impak yang tinggi ke atas pengurusan fiskal negara kita menjelang 2020.

Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pertama; sejauh manakah peranan yang akan dimainkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi yang diwujudkan pada Februari 2019, membuat saranan dan ketetapan agar perubahan struktur ekonomi Malaysia perlu dilakukan segera bagi memenuhi pertumbuhan ekonomi global dan juga kekangan prestasi, harga komoditi sawit di pasaran antarabangsa.

Apakah langkah-langkah yang patut dan segera diambil dalam mengimbangi pertumbuhan perbelanjaan awam di sektor pembangunan infrastruktur dengan merangsang lebih banyak pelaburan swasta bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi menjelang tahun 2020.

Seterusnya, sejauh mana giat usaha dan libat urus sektor awam, swasta, kumpulan individu atau orang perseorangan dalam merangka rancangan pembangunan Malaysia dalam RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 agar struktur ekonomi negara dijajarkan seiring dengan trend ekonomi global.

Tuan Yang di-Pertua, isu cabaran dan penjajaran semula sektor pertanian dan industri asas tani perlu diberikan fokus dan perhatian yang lebih khusus bagi menjamin bekalan makanan asas domestik mencukupi. Mengikut kajian oleh *Khazanah Research Institute*, didapati kadar penghasilan beras domestik masih lagi kekal sejak tahun 1990, di mana tahap kecukupan diri hanya berada pada tahap 60 ke 70 peratus sahaja. Ini bermakna negara kita masih bergantung hampir 30 ke 40 peratus import beras dari negara asing untuk memenuhi keperluan kegunaan domestik.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pertamanya, berapakah jumlah import beras yang direkodkan pada tahun 2018 dan 2019 dan perincian sebenar jumlah import ini mengikut negara sumber import. Kedua, sejauh manakah prestasi pengeluaran beras dan padi tempatan direkodkan terutamanya di jelapang padi utama negara iaitu kawasan pertanian MADA, KADA di Kelantan dan juga *Integrated Agriculture Development Area (IADA)* di Barat Laut Selangor dan semua kawasan IADA di seluruh negara;

■1900

Ketiga, sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh MARDI dalam usaha transformasi teknologi pertanian dan juga kejenteraan pertanian bagi menyokong potensi usaha penanaman padi ini agar lebih berkesan seiring dengan perkembangan teknologi semasa?

Tuan Yang di-Pertua, prospek kesuraman ekonomi global dan prestasi kurang memberangsangkan pelaburan swasta serta nilai mata wang ringgit yang lemah semenjak PRU Ke-14, menyebabkan peluang pekerjaan setara dengan kelayakan akademik rakyat semakin berkurangan. Ini diteruskan lagi dengan perubahan kaedah perniagaan global dan perkembangan teknologi maklumat yang mana pengguna lebih menumpukan kepada dagangan di pasaran bebas digital.

Dalam Bajet 2020, kerajaan akan mula mengenakan cukai digital bermula Januari ini. Untuk tujuan ini, saya ingin mendapatkan makluman balas daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pertama, berapakah nilai unjuran janaan pendapatan dari cukai digital yang bakal diperoleh oleh pihak kerajaan apabila rejim percukaian ini mula dikuatkuasakan?

Kedua, sejauh manakah persediaan yang dilakukan kastam bagi menyemak dan memantau perkhidmatan digital seperti syarikat enjin carian, syarikat penyedia kandungan aplikasi digital dan *internet streaming*, syarikat-syarikat jualan barangan runcit di pasaran bebas digital serta kerangka kerja perundangan bagi memastikan kutipan cukai ini tidak tiris?

Ketiga, sejauh manakah gandingan Kementerian Kewangan, kastam, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan CyberSecurity Malaysia memantau platform percukaian digital

agar tahap integriti dan keselamatan transaksi ini benar-benar memanfaatkan janaan pendapatan baharu kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, pada Januari 2020, TNB telah pun menyemak semula tarif elektrik berkuat kuasa 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020. Dalam semakan ini, berlaku kenaikan tarif dari 38.53 sen per kilowatt kepada 39.45 sen per kilowatt. Rebat untuk pengguna domestik juga telah dimansuhkan mulai Januari 2020 dan bagi pengguna kategori bukan domestik, surcaj akan dikenakan sebanyak tambahan dua sen per kilowatt.

Walaupun penurunan berlaku dalam kadar surcaj, ia akan melibatkan implikasi terhadap kenaikan kos pengeluaran barangan pengguna. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, beberapa persoalan berikut.

Pertama, bagaimanakah Suruhanjaya Tenaga dapat memastikan mekanisme ICPT seimbang bagi suku kedua tahun 2020 dapat dikekalkan bagi membantu kenaikan kos sara hidup rakyat tidak meningkat?

Kedua, sejauh manakah impak cukai tambahan sebanyak RM3.98 bilion yang dikenakan oleh LHDN ke atas TNB bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2017, akan memberikan kesan tidak langsung ke atas perbelanjaan modal TNB dalam membekalkan tenaga elektrik dan ia akan menyebabkan kenaikan pada kos tarif elektrik pada suku ketiga tahun 2020?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan kesihatan tahun 2018, bilangan penduduk berbanding seorang doktor adalah sebanyak 530 orang dengan nisbah seorang doktor. Sasaran yang ditetapkan dalam RMKe-11 adalah 400 nisbah seorang doktor dan agihan katil akan dikecilkan kepada 2.3 katil bagi 100 pesakit menjelang tahun 2020. Justeru itu, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri Kesihatan berhubung dengan berapakah jumlah nisbah seorang doktor dengan bilangan penduduk menjelang tahun 2020 ini?

Sejauh manakah, isu kekangan kewangan bagi melantik Pegawai Perubatan baharu gred UD44 dapat diselesaikan dengan segera? Harapan saya, agar Pegawai Perubatan lepasan *housemanship*, akan menerima gred kenaikan pangkat ke UD44 bagi menghargai usaha dan penat jerih mereka berkhidmat bagi memberikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti.

Seterusnya, sejauh manakah perancangan sumber manusia sektor kesihatan menjelang pasca tahun 2020 dan apakah perancangan kerajaan menangani kekangan kewangan Kerajaan Pusat agar bilangan 2.3 katil bagi 1000 pesakit dapat dicapai dan perkhidmatan kesihatan berkualiti akan terus diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sekali lagi menganjurkan Kempen Melawat Malaysia pada tahun 2020. Pada tahun hadapan, kita bakal menerima puluhan juta pelancong asing atas dasar melawat Malaysia. Akan tetapi malang sekali, laporan audit menemukan bahawa hampir 95 peratus dari negara China dan India yang tiba ke Malaysia tidak mempunyai rekod tarikh keluar dalam sistem imigresen Malaysia

Kita tidak mahu Kempen Melawat Malaysia Tahun 2020, dijadikan kemuncak *venue* bagi sindiket pemerdagangan manusia dari negara China dan India khususnya yang bekerja dalam industri haram sebagaimana tanggapan 680 pelancong negara China pada November lepas di Cyberjaya. Oleh itu, saya ingin mendapatkan komitmen daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, pertama, bagaimanakah usaha PDRM dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengesan pelancong-pelancong yang ghaib yakni yang tidak ada rekod keluar dari negara kita dan segera membersihkan penularan kes ini.

Kedua, sejauh manakah kecekapan sistem rekod kemasukan dan keluar Jabatan Imigresen di seluruh CIQ disepadukan dengan pelbagai jabatan penguat kuasa agar kes-kes pemalsuan kad pengenalan dapat dikesan dan pendatang tanpa izin ini diusir dengan segera?

Ketiga, bagi menyokong kemasukan pelancong asing yang berganda pada tahun 2020, sejauh manakah kerangka kerja imigresen mengawal dan memantau kemasukan pelancong-pelancong asing agar mereka ini tidak ghaib apabila tinggal melalui masa di Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2020, kerajaan juga memberikan insentif sebanyak RM30 bagi setiap individu yang mula mengaktifkan akaun eWallet bermula Januari 2020 manakala harga jalur lebar akan dikurangkan sehingga 49 peratus dan RM21.6 bilion diperuntukkan untuk projek *National Fiberisation and Connectivity Plan*?

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia, pertama, sejauh manakah capaian Internet berkelajuan tinggi ini, telah dinikmati di seluruh daerah terpinggir dan termiskin di negeri-negeri di Malaysia?

Seterusnya kedua, peruntukan besar sebanyak RM21.6 bilion NFCP ini, bagaimanakah ia dibelanjakan dan diagihkan agar semua pemegang taruh sektor digital mendapat manfaat?

Ketiga, kerajaan memberikan geran RM25 juta untuk projek perintis teknologi 5G. Sejauh manakah projek ini dilaksanakan dan penyedia komunikasi mana yang mendapat manfaat melaksanakan projek ini?

Seterusnya, bagaimana cara paling optimum, geran RM50 juta dibelanjakan bagi pembangunan ekosistem 5G dan bagaimanakah SKMM menentukan hala tuju teknologi 5G ini untuk dinikmati oleh rakyat Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, cabaran utama membangunkan ekonomi bumiputera, bukanlah disebabkan majoriti usahawan bumiputera malas ataupun tidak berdaya saing. Malahan, yang kita hadapi adalah kurangnya sentuhan kerajaan dan dukungan kerajaan untuk membawa dan membuka pasaran halal di persada antarabangsa.

■1910

Sejak berdekad-dekad dahulu, Malaysia menganjurkan kempen Tahun Melawat Malaysia tetapi sumbangan pendapatan daripada hasil usahawan makanan dan juga minuman bumiputera amat mengecewakan. Kita mempunyai banyak kuih-muih tradisional makanan Melayu. Malah, di negeri seperti negeri saya Melaka yang terkenal dengan asam pedas, Kelantan dengan nasi kerabu dan ulam budu, nasi dagang di Terengganu dan ikan patin di Pahang. Malang sekali, kita masih lagi belum mampu mengantarabangsakan makanan halal ini di persada dunia.

Justeru, saya mohon Kementerian Pembangunan Usahawan dan MITI, MATRADE agar bergandingan tangan secara serius menyasarkan agar *Malay halal kitchen* diantarabangsakan segera pada tahun 2020.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Pertama, bagaimana Kementerian Pembangunan Usahawan meneroka pasaran *Malay halal kitchen* di luar negara agar produk-produk makanan usahawan Melayu diperkasa?

Kedua, apakah sasaran Halal Corps. bagi meneroka sumber pasaran halal baharu setelah hampir lebih 15 tahun pembangunan Halal Malaysia digiat usahakan di arena kebangsaan dan antarabangsa?

Seterusnya, sejauh mana MATRADE membantu usahawan bumiputera menyertai *showcase* keusahawanan antarabangsa bagi memasarkan produk-produk *Malay halal kitchen* ini?

Tuan Yang di-Pertua, boleh panjang lagi? *[Ketawa]* Keharmonian kesejahteraan perpaduan individu dan masyarakat Malaysia hanya akan benar-benar terbentuk apabila setiap individu mempunyai semangat cintakan negara dan sayangi negara Malaysia dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara Malaysia.

Saya ingin tegaskan, tidak ada kompromi kepada mana-mana individu atau kumpulan yang mempunyai sikap tidak patriotik dan mengganggu-gugat kedaulatan negara. PDRM perlu tegas untuk ambil tindakan bagi semua provokasi dan ancaman terhadap kedaulatan negara tanpa mengira status sosial atau kumpulan ini. Sayangilah Malaysia negaraku, cintailah bahasa Melayu, harmonilah Malaysia. Saya mohon menyokong. Terima kasih... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dengan baik dan teratur ya. Terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput nombor 15, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu. Selepas itu lagi dua orang ya. Ini nombor 15. Silakan, Yang Berhormat Senator.

7.13 mlm.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, alhamdulillah.* Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Saudara Lim Guan Eng di Dewan Rakyat pada 11 Oktober yang lepas. Kurang lebih ada sembilan perkara sebenarnya saya ingin sentuh pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, membicarakan hal berkaitan Belanjawan 2020 ini, terdapat enam isu utama yang menjadi fokus keutamaan rakyat pelbagai peringkat yang merupakan pelanggan kepada perkhidmatan kerajaan.

Pertama, ia adalah keperluan melonggarkan prosedur pinjaman supaya peniaga dan perniagaan boleh mendapat akses kepada peminjaman secara lebih meluas.

Kedua, hal-hal yang berkaitan dengan percukaian.

Ketiga ialah berkenaan dengan peluang pekerjaan, pengambilan pekerja dan juga termasuklah pekerja-pekerja asing.

Keempat ialah aset penyampaian kerana ada pandangan bahawa birokrasi boleh dikurangkan dan penyampaian oleh para anggota pentadbir boleh ditingkatkan supaya urusan rasmi dapat dipermudahkan dan diselesaikan dengan lebih efisien.

Kelima, kebimbangan tentang perang dagangan yang berlangsung sekarang antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China yang akan menjejaskan iklim ekonomi negara tetapi itu sebenarnya berada di luar kawalan negara-negara yang terlibat termasuklah Malaysia.

Keenam ialah keperluan kita menjalankan transformasi ke arah industri 4.0 supaya kita boleh menjadi sebahagian daripada ekonomi digital yang diharapkan oleh kerajaan yang amat diperlukan untuk membolehkan perniagaan terus wujud dan berkembang pada keadaan ekonomi digital pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, keenam-enam perkara ini telah pun disantuni dan saya kira diharapkan ia dapat diuruskan dengan baik bagi memastikan implikasi optimum belanjawan agar benar-benar berupaya menyejahterakan rakyat sekali gus membangunkan semula negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara tersebut, kita juga perlu memberikan penekanan kepada perkara-perkara sosial dan juga keselamatan yang merupakan prasyarat untuk pembangunan ekonomi yang kukuh. Sekiranya kita tidak ada suasana yang selamat, sukar untuk memastikan pembangunan negara kita dapat diteruskan dengan baik.

Oleh itu, pihak kerajaan diharapkan dapat terus memberikan penekanan kepada soal-soal berhubung keselamatan, keamanan, perpaduan dan semangat kekitaan di kalangan rakyat jelata. Tindakan tegas terhadap sebarang usaha memecahbelahkan dan merosakkan keharmonian rakyat pelbagai kaum perlu menjadi keutamaan kerajaan apabila bertembung di antara kepentingan kelompok dengan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat Dewan Negara kita telah menyebutkan daripada isu yang berkaitan dengan abu Chin Peng, komunis dan kemudian menyanyikan lagu Negaraku dalam bahasa Cina dan tidak terkecuali juga yang menyanyikan lagu Negaraku dalam bahasa Arab dan pelbagai lagi yang disebut-sebutkan daripada tadi termasuk *Republic of Malaysia* punya persembahan.

Saya kira itu adalah beberapa peristiwa sama ada didorong ataupun dimotivasi oleh kelompok-kelompok tertentu ataupun memang secara tidak sengaja berlaku begitu. Pada saya, kerajaan perlu mengambil tindakan yang tegas. Saya seiring dengan teman-teman yang ada di sini. Ini kerana jika kita tidak mengambil tindakan yang tegas, kemungkinan akan menimbulkan salah sangka ataupun persepsi-persepsi yang tidak baik seolah-olah kerajaan yang ada pada hari ini mengizinkan penggunaan bahasa bukan bahasa Malaysia untuk menyanyikan lagu Negaraku, contohnya. Sedangkan, hakikatnya kita semua mendongak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga yakin dan percaya kerajaan komited untuk menjalankan tugas secara berintegriti, cekap dan berhemah.

*Beli sukun jumlahnya lima;
Semua boleh saat dirasa;
Jika rukun kita sesama;
Hidup kita nyaman sentosa.*

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2020 juga saya boleh sifatkan sebagai sebuah belanjawan inklusif dan berkeadilan. Belanjawan ini mempunyai ciri inklusif serta berkeadilan

yang mengambil kira keperluan pelbagai golongan masyarakat yang menyediakan asas untuk pembangunan infrastruktur kesejahteraan sosial yang kukuh.

Belanjawan ini juga memperuntukkan RM5 bilion, contohnya, kepada Sabah yang diyakini berupaya mewujudkan kesan pengganda seterusnya keluaran dalam negara kasar Sabah pada tahun hadapan juga dijangka akan meningkat. Sekiranya wilayah-wilayah Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak itu juga meningkat, ini juga akan membawa implikasi impak positif kepada ekonomi negara keseluruhannya.

Belanjawan ini juga jelas tidak hanya ditujukan kepada masyarakat daripada latar belakang agama ataupun bangsa sesuatu kaum tertentu sahaja tetapi ia secara umum untuk seluruh rakyat Malaysia yang turut merangkumi pelbagai demografi dan merupakan satu perancangan perbelanjaan yang saya kira mampu menjana pertumbuhan ekonomi pada masa akan datang.

Dari hal program-program kebajikan, misalnya, kita menyambut baik pelbagai inisiatif kerajaan yang sedia ada pada kali ini dan juga yang pada Belanjawan 2020 ini turut diperkembangkan. Contohnya mySalam, PeKa B40 turut diperkembangkan.

Walau bagaimanapun, adalah amat penting untuk pihak kerajaan menyedari sekali gus menginsafi bahawa pelbagai program itu masih belum berjaya dikomunikasikan ke bawah secara berkesan. Bahkan, belum kelihatan mekanisme baharu yang lebih efektif untuk menjayakan pelan belanjawan ini.

Pengalaman saya turun ke bawah, Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh kurang lebih 18 bulan pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan ini, kedapatan tempat rakyat masih belum tahu tentang wujudnya pelbagai program dan inisiatif kerajaan sama ada dalam aspek kesihatan, kebajikan, peluang perniagaan, pendidikan dan pelbagai lagi.

Hal-hal seperti ini, pada saya, merupakan perkara yang sangat malang berlaku dan meskipun ia kerap ditegur sama ada oleh orang biasa, orang dalaman pemimpin parti itu sendiri ataupun pemimpin kerajaan itu sendiri, namun kelihatan seolah-olah tiada apa yang berubah. Komunikasi ke bawah kelihatannya masih gagal menemukan rentaknya. Sedangkan, pada masa yang sama, *fake news*, tulisan-tulisan dan komen-komen berunsur propaganda, berniat jahat dan seumpamanya semakin berleluasa.

Sekiranya komunikasi ke bawah dan merata ini gagal diuruskan secara berkesan, saya kira buatlah apa sahaja, rangkalah apa sahaja, sukar sekali untuk menjangkakan hasilnya.

■1920

Paling malang adalah ada rakyat yang sebenarnya berhak untuk diberikan bantuan, akhirnya masih gagal dibantu secepatnya.

Ini pengalaman saya sendiri ketika mana saya turun ke PRK Tanjong Piai Tuan Yang di-Pertua. Kita bertemu dengan rakyat yang susah, kita bertemu dengan ibu-ibu tunggal yang susah, yang layak untuk mendapatkan bantuan-bantuan. Contohnya bantuan sara hidup, bantuan-bantuan kebajikan yang lain tetapi bila kita tanya dalam keadaan rumahnya yang kita boleh katakan susah, miskin.

Bila kita tanya, sudah memohon bantuan? Mereka kata sudah pergi ke agensi-agensi kerajaan yang sepatutnya tetapi apa respons daripada agensi kerajaan, tunggu. Apabila mereka pergi *follow-up* pula, pergi semula bertanya apakah respons daripada pihak kerajaan terhadap permohonan mereka, lagi sekali tunggu.

Saya kira Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini kalau kerajaan yang baik macam mana sekalipun tetapi sekiranya sistem penyampaian ke bawah, sistem pelaksanaan ke bawah ini gagal, letaklah siapa pun tetap akan gagal. Rakyat sudah ada yang benar-benar sepatutnya dibantu tetapi tidak mendapat bantuan. Pada saya, ini sangat malang.

Kerajaan Pakatan Harapan perlu mengambil perkara ini dengan secara serius. Kita tidak mahu bertukar kerajaan hanya kemudian Menteri-menteri yang masuk *to fill in the blanks*. Akan tetapi dasar, sistem, mekanisme tidak ada yang berubah contohnya. Kalau itulah yang berlaku, saya kira Yang Amat Berhormat Tun perlu kembali melihat kepada setiap kementerian untuk memastikan setiap kementerian itu berjalan dengan baik.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini suka saya mencadangkan agar setiap kementerian tidak hanya bergantung pada komunikasi di kementerian masing-masing ataupun di Kementerian Komunikasi dan Multimedia tetapi perlu ada inisiatif ke hadapan bagi memastikan servis dan inisiatif setiap kementerian berjaya mengetuk pintu dan pengetahuan setiap rakyat. Setiap Menteri dan kementerian, pasukan itu sendiri mesti punya inisiatif bahawa apa sahaja yang mereka rangka di atas meja perbincangan kementerian, mesti sampai dan diketahui oleh rakyat di bawah.

Saya turut mencadangkan agar Unit Komunikasi Korporat yang ada di setiap kementerian dapat diupayakan dan memainkan fungsi komunikasi strategik yang upaya mengurus kerencaman cabaran alam maya dan langit terbuka media baharu.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa prestasi sektor awam dan pengurusan kewangan yang baik, kerajaan sudah tentu tidak akan dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti dan menghadapi tekanan dan permintaan yang meningkat terhadap perbelanjaan kewangan awam misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, kembali bangkit dan menyusun semula kekuatan ekonomi Malaysia mengikut prioriti adalah satu wajah yang selayaknya diberikan kepada Belanjawan 2020 ini. Saya amat tertarik dengan sikap positif Yang Berhormat Menteri Kewangan yang memandang bahawa perang perdagangan yang berlarutan khususnya di antara Amerika Syarikat dengan Republik Rakyat China telah mewujudkan peluang yang unik katanya untuk Malaysia kembali menjadi destinasi pilihan utama bagi FDI yakni pelaburan asing yang mempunyai nilai tambah yang tinggi.

Kita diberitahu bahawa peralihan pelaburan dalam rantaian bekalan dunia telah menyaksikan FDI yang diluluskan meningkat sebanyak 47 peratus kepada RM80.1 bilion pada tahun 2018 dan hanya RM54.4 bilion pada tahun 2017. Ini satu kejayaan.

Manakala bagi separuh pertama tahun ini, tahun 2019, FDI yang diluluskan disebutkan meningkat sebanyak 97 peratus kepada RM49.5 bilion daripada RM25.1 bilion dalam tempoh yang sama dalam tahun yang lepas. FDI dalam sektor pembuatan yang diluluskan daripada Amerika Syarikat pula mencatat nilai tertinggi pada RM11.7 bilion diikuti oleh Republik Rakyat China sebanyak RM4.8 bilion. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ini sangat positif sementelah usaha kerajaan membina semula negara dengan menyusun semula kekuatan ekonomi negara mengikut prioriti. Jelas di sana ada fokus khusus.

Ini telah dibuktikan oleh kerajaan melalui pelbagai usaha, saya kira melalui pelbagai usaha mengatasi kekangan birokrasi dan prosedur mengakibatkan kelewatan dalam meluluskan pelaburan asing dan juga tempatan misalnya. Satu saluran khas bagi menarik pelaburan dari China yang ditubuhkan di bawah InvestKL untuk projek berkaitan *high-tech* dan *high value-added* seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri MITI pada pagi tadi pada soalan jawab lisan saya.

Kedua, Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) yang dipengerusikan bersama Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, yang ini tidak pernah berlaku. Satu pembaharuan yang dimajukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga pasukan Kabinet saya percaya, yang perlu diberikan ucapan syabas daripada kita kepada mereka.

Ketiga, langkah untuk mengkaji secara menyeluruh dan merombak kerangka insentif sedia ada yang merangkumi Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Keempat, pakej galakan istimewa dan insentif di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang di kerangka baru itu akan dijangka siap pada 1 Januari 2021 akan datang.

Kelima, pakej galakan pelaburan istimewa bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun kepada syarikat tempatan yang layak.

Keenam, saya kira ini juga menarik. Peruntukan tambahan RM10 juta kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) khususnya untuk meningkatkan pemantauan dan memastikan pelaburan direalisasikan selepas diluluskan. Ini penting, bukan sahaja kita mahu menarik tetapi mesti ada pemantauan untuk memastikan usaha-usaha dan projek-projek ini dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk semua inisiatif ini saya ingin merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam kesempatan ini juga, saya mohon bertanya berapakah jangkaan kemasukan pelaburan asing ke Malaysia pada tahun 2020?

Sejauh manakah semua langkah di atas memungkinkan untuk Malaysia mencapai kecemerlangan semula bangkit sebagai harimau Asia?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan projek Bandar Malaysia dengan keluasan 486 ekar di Sungai Besi, Kuala Lumpur setelah berunding untuk mendapatkan terma yang lebih baik untuk kerajaan. Projek ini akan merangkumi taman rakyat dengan pertambahan 5,000 unit rumah mampu milik dan peningkatan penglibatan kontraktor bumiputera.

Apa yang menarik perhatian saya dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua ialah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa perolehan daripada projek ini akan dinilai dan diumumkan kelak dan akan digunakan untuk mengurangkan hutang 1MDB. Maknanya kerajaan ada usaha, ada inisiatif untuk menyelesaikan masalah walaupun itu memang menjadi masalah rumit kepada kerajaan sedia ada tetapi ada usaha. Ini satu perkara yang perlu kita berikan tabik hormat kepada kerajaan yang ada. Akan tetapi hakikatnya perkara itu memang akan menghalang ataupun mengekang keupayaan kerajaan yang ada untuk terus beraksi dengan lebih cemerlang. Walau bagaimanapun, saya doakan kerajaan ini diberikan hikmah, kebijaksanaan di sisi Allah Taala dan dimurahkan rezeki untuk negara ini supaya kita dapat memacu dengan jayanya, *insya-Allah*.

Kerajaan juga akan melupuskan, ini disebut. Kerajaan juga akan melupuskan aset yang telah pun diluluskan sebelum ini tetapi menerusi tender terbuka dan bukan rundingan terus seperti mana yang diamalkan sebelum ini. Maknanya penjualan aset ini telah pun diwartakan,

bukannya sedikit-sedikit kita kata dah jual sembunyi-sembunyi dijual, tidak, diwartakan tetapi disebut langkah ini dijangka akan menjana hasil kepada negara melebihi RM3 bilion pada tahun 2020.

Pada Jun yang lalu, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berkata kerajaan perlu menjual aset untuk meringankan beban hutang. Yang Amat Berhormat Tun juga berkata jualan beberapa aset itu juga bertujuan menambah pendapatan kerajaan.

Justeru pertanyaan saya, sebagai satu cara mendapatkan pencerahan yang adil, telus dan benar dan barangkali boleh digunakan untuk diberitahu, disampaikan kepada rakyat supaya isu penjualan aset ini tidak disalahtafsirkan ataupun tidak dibawa kepada maksud-maksud yang salah seolah-olah berlaku secara berwenang begitu.

Pertama, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, adakah ini satu perkara yang normal bagi sesebuah kerajaan sekali gus tidakkah tindakan ini akan membawa kerugian kepada negara? Ini soalan rakyat, kita bawa ke Dewan Negara.

Kedua, berapa banyakkah aset negara yang telah dijual oleh Kerajaan PH sejak mengambil alih pentadbiran sehingga sekarang serta perbandingannya dengan kerajaan sebelum ini dan apakah aset-aset yang telah dijual itu?

■1930

Ketiga, apakah dan berapakah pulangan yakni keuntungan yang diperolehi oleh kerajaan hasil daripada penjualan tersebut, sama ada berupa duit, duit yang segera ataupun barangkali pelepasan beban tanggungan yang tidak efisien yang barangkali juga jika kekal diteruskan, ia hanya akan membawa kepada kerugian berganda-ganda kepada negara.

Keempat, soalan saya selain daripada penjualan aset-aset negara tersebut, apakah usaha lain kerajaan untuk melaksanakan program transformasi ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, sumber pendapatan, pembaharuan fiskal dan langkah bagi memastikan sistem kewangan kembali kukuh dan stabil.

Terakhir soalan saya dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah ia akan dapat memberi sokongan ke arah pengukuhan mata wang Ringgit Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh hal berkaitan nilai mata wang Ringgit Malaysia ini, saya mohonkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan. Apakah sebab utama mata wang ringgit terus jatuh menjunam dan apakah langkah-langkah segera yang diambil bagi memastikan kejatuhan mata wang Ringgit ini dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, kita memahami bahawa penyusutan nilai mata wang ringgit Malaysia bukanlah unik berlaku ke atas negara ini sahaja. Kita faham bahawa keadaan ini juga telah turut berlaku ke atas mata wang negara-negara serantau. Maka pertanyaan saya adalah pertama, sejauh manakah usaha kerajaan memperkukuhkan semula peraturan sedia ada untuk menghalang penglibatan institusi kewangan berlesen tempatan dalam aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan telah membantu menstabilkan Ringgit Malaysia.

Kedua, apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan pasaran pertukaran mata wang asing, tidak terjejas dan kegiatan ekonomi negara ini kekal mampan.

Ketiga, bagi tempoh yang lebih panjang, Ringgit Malaysia perlu didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara.

Soalan saya, apakah usaha kerajaan untuk melaksanakan program transformasi ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal dan juga langkah-langkah bagi memastikan sistem kewangan kukuh dan stabil yang dapat memberi sokongan ke arah pengukuhan nilai mata wang Ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks strategi kedua, mempercepatkan ekonomi digital yang seterusnya menguruskan modal insan dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 ke arah kecemerlangan negara. Revolusi Perindustrian Keempat menjadi bualan hangat bagi majoriti individu pada masa ini. Dari warung kopi ke restoran mewah mahupun daripada wakaf di pinggir jalan hinggalah ke pusat pengajian tinggi, ia dibincangkan secara ilmiah atau sekadar sembang-sembang kosong. Ada yang cemas dan takut untuk menghadapinya. Hal ini menjadi lebih penting kepada mereka yang memegang jawatan, yang bertaraf sementara dan kontrak.

Soalan yang bermain di minda mereka, pertama, adakah keselamatan kerjaya mereka terjamin. Kedua, apakah khidmat mereka masih diperlukan oleh syarikat dan organisasi pada masa hadapan.

Ketiga, adakah kontrak kerajaan mereka akan disambung. Keempat, adakah kemahiran semasa mereka mencukupi untuk mendepani cabaran-cabaran di masa hadapan. Inilah antara seribu satu persoalan yang menerjah di minda rakyat masing-masing.

Kalau kita lihat banyak peruntukan-peruntukan yang diberikan oleh kerajaan untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri dan kemudian katanya mempercepatkan ekonomi digital, memacu pertumbuhan ekonomi digital dan juga mempersiapkan modal insan negara kita di TVET, di sekolah, supaya dapat menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Cuma soalan saya, bagaimanakah kerajaan ini dapat menguruskan rakyat kebanyakan di bawah untuk menghadapi apa sebenarnya Industri 4.0. Bagaimana kita mahu mempersiapkan

rakyat kebanyakan di bawah supaya mereka, ketika mana kita memasuki Industri 4.0, rakyat kebanyakan itu sudah siap fikiran, emosi mereka untuk menghadapi Industri 4.0?

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya tempias Industri 4.0 ini amat ketara dirasai oleh sumber manusia dan syarikat dan juga organisasi. Topik hangat ini bukan saja mampu memberi kesan kepada daya saing syarikat dan organisasi, malah boleh menyebabkan syarikat dan organisasi terpaksa berundur dari pasaran jika ia diabaikan.

Lalu, maknanya kerajaan mempunyai tanggungjawab yang begitu besar kepada rakyat seluruhnya. Bukan sahaja hanya di peringkat sistem pendidikan negara tetapi juga kepada sistem rakyat yang ada di bawah yang sudah sedia ada di pasaran pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya, pelbagai impak perubahan yang akan berlaku daripada Industri 4.0 adalah akan menghambat khususnya kepada semua tenaga sumber manusia yang ada di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan mengukuhkan kepelbagaian ekonomi. Kerajaan telah meningkatkan peruntukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani daripada RM4.4 bilion untuk tahun 2019 kepada RM4.9 bilion pada tahun 2020 dengan memberi fokus khusus kepada meningkatkan pendapatan bagi pengusaha pertanian. Sudah tentulah apabila kita kata meningkatkan pendapatan bagi usaha pertanian, yang boleh ditingkatkan di situ adalah dengan menggunakan teknologi yang lebih baik.

Saya yakin dan percaya, teknologi itu adalah teknologi yang selari bersesuaian dengan Industri 4.0 dan sejumlah RM43 juta ke arah pembangunan industri pertanian 4.0 bagi membangunkan baka yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, selain menumpu kepada hal berkaitan baka yang berkualiti Industri 4.0, tidak kah ada perkara lain yang juga seharusnya diberikan penumpuan termasuklah teknologi-teknologi baharu berkaitan jentera misalnya dan persediaan modal insan dari kalangan petani untuk menghadapi suasana pertanian dalam zaman Industri 4.0.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Belanjawan 2020 ini juga kerajaan akan memperuntukkan RM10 juta untuk dana padanan bersama Matlamat Pembangunan Mapan, *Sustainable Development Goals* (SDG) daripada *United Nations* antara kerajaan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi membiayai inisiatif SDG di Malaysia. Sebagai tambahan, kerajaan juga akan memperuntukkan- Ahli-ahli Dewan Negara mungkin kita pakat-pakat dengar yang ini- sebagai tambahan kerajaan juga akan memperuntukkan RM5 juta untuk Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan juga aktiviti-aktiviti berkaitan SDG di peringkat akar umbi yang melibatkan Ahli-ahli Parlimen dan masyarakat setempat.

Ini adalah satu usaha yang sangat bagus pada saya. Sementara kerajaan juga telah menetapkan sasaran yang holistik seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Agama Yang Berhormat Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa yang berhasil menggabungkan di antara 17 matlamat *Sustainable Development Goals, 23 United Nations*, dengan izin, Maqasid Syariah dan dasar pentadbiran Kerajaan PH iaitu *Rahmatan lil alamin*.

Sehubungan itu saya ingin mohonkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dari hal bagaimana kita yakni Ahli-ahli Dewan Negara untuk turut dapat memanfaatkan peruntukan bagi menjayakan objektif yang sangat murni ini. Adakah kita juga melibatkan sebab disebutkan Ahli-ahli Parlimen. Adakah kita juga terlibat, boleh mendapatkan bantuan-bantuan seperti ini supaya mungkin kita menjayakan penerangan-penerangan yang berkaitan dengan *Sustainable Development Goals, 17 matlamat SDGs* yang dicuba dicapai oleh *United Nations* kepada seluruh dunia di kalangan rakyat dan setempat kita.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Apakah pembaharuan pengurusan kewangan ataupun transformasi pengurusan kewangan sektor awam yang mungkin telah dilaksanakan, yang mungkin boleh diimplementasikan oleh pihak kementerian dan bagaimanakah kaedah pemantauan keberkesanan belanjawan ini yang saya yakin bukan saja perlu menunggu kepada laporan audit semata-mata tetapi mesti boleh dirangka, mesti boleh dijalankan pada masa ianya diturunkan sepanjang tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira cukup setakat itu dan saya ucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullah*, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu mengambil bahagian yang baik dan maaf saya tadi, tersilap sikit, saya lupa hendak selak satu lagi kertas. Ada lagi tiga, maaf. Orang Putih kata, *a assume* lah. Bumi mana yang tidak pernah kena hujan, ditimpa hujan dan sebenarnya lepas kita punya Yang Berhormat Tuan Yusmadi tinggal lagi tiga lagi.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff dipersilakan.

7.39 mIm.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, macam hendak bahasnya, seorang pun tidak ada Menteri [*Ketawa*] Bukan, saya faham kawan-kawan saya sibuk, tapi kadang-kadang adalah lebih baik...

Timbalan Yang di-Pertua: Ramai ini

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Kadang-kadang bagus juga terutama rakan-rakan, kadang-kadang kita boleh dengar.

■1940

Saya hanya ada satu poin sahaja untuk membahaskan belanjawan yang sebesar RM297 bilion. Poin yang ingin saya bahaskan adalah sejauh mana perancangan yang dibuat oleh Menteri Kewangan mengenai Belanjawan 2020 ini mampu membangkitkan keyakinan terhadap pelabur dan terhadap rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, isu keyakinan ini pada saya- saya ingin bahas mengikut pendekatan Menteri Kewangan kerana Menteri Kewangan pun menggunakan *hashtag*. Jadi saya hendak guna *hashtag* juga. *Hashtag* saya adalah Malaysia Adil. *Hashtag* yang kedua adalah Malaysia Digital. *Hashtag* yang ketiga adalah Malaysia Yakin. Apa yang saya maksudkan Malaysia adil ini Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana di bawah perancangan belanjawan yang dibentangkan, keyakinan pelabur dapat kembali kepada Malaysia dan seterusnya dapat menarik minat pelabur-pelabur melabur di dalam negara dan akhirnya membentuk pertumbuhan yang bakal menjadi dan memacu pertumbuhan yang keberhasilan saksama ke arah kemakmuran bersama.

Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri mungkin Menteri yang tertentu, mampukah keyakinan dapat dibangkitkan sekiranya kita tidak mentadbir negara mengikut pendekatan negara hukum yang jelas? Ini kerana mentadbir sesebuah negara dengan negara hukum yang jelas, dengan izin, *rule of law* ia akan memberi keyakinan kepada pelabur yang mana tahu bahawa wangnya yang akan dilabur di sini akan boleh dimanfaatkan secara perundangan.

Dari segi rakyat pula dia hendak lihat sejauh mana sebuah negara itu dapat ditadbir mengikut perundangan yang jelas dalam erti kata lain keterdugaan undang-undang itu dalam bahasa saya, mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh betulkan *predictability of law*, maksudnya undang-undang itu mesti *predictable*, boleh diagak bahawa apabila berlaku ketidakadilan ada pembelaan.

Akan tetapi kalau hari ini sekiranya, saya kata sekiranya apa yang berlaku di lapangan ada si polan A mengatakan bahawa beliau tidak mendapat ketidakadilan dan si polan B mengatakan beliau tidak mendapat keadilan, saya rasa ini bukan membentuk keyakinan malah ia boleh membentuk defisit keyakinan.

Jadi, pada pandangan saya contoh dikala saya berbahas ini, contohnya Ahli Parlimen Port Dickson yang baru ini dikenakan musibah, saya baru mendapat maklumat beliau pergi ke Bukit Aman sekarang memberi kerjasama malah bekerjasama terhadap siasatan walaupun kita tahu ini fitnah yang ketiga berlaku tetapi bagi saya perkara itu perlu ditonjolkan oleh kepimpinan

supaya ianya dapat diyakini. Oleh sebab apa yang berlaku rakyat marhaen di bawah akan melihat adakah undang-undang kita selepas Malaysia Baharu ini hanya untuk pihak tertentu sahaja. Jadi bagi saya itu penting. Itu poin saya yang pertama terhadap apa yang saya panggil Malaysia Adil.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan juga adalah adil itu bermaksud 'A' itu adil, 'D' itu demokratik. Apa maksud demokratik? Iaitu suara-suara yang kecil, yang besar pihak orang kurang upaya dapat juga didengar. Saya mengucapkan tahniah kepada kepimpinan hari ini terutamanya saya tengok kepada Menteri Pendidikan baru-baru ini membuat pengisytiharan dasar baru terutama satu dasar yang *inclusive*, pendidikan *inclusive* untuk pihak-pihak kurang kelainan upaya. Itu bagi saya satu pencapaian.

Kedua juga, saya melihat apa yang saya panggil sebagai demokratik itu ia memberi hak bukan sahaja yang menang itu menang semua, yang kalah itu tidak dapat apa. Kenapa saya bercakap begitu? Bagi saya Malaysia adalah sebuah negara yang kita panggil persekutuan. Ada negeri dipimpin oleh kerajaan yang lain dan ada yang lain. Rakan saya Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose saya faham baru-baru ini dia membuat kenyataan, dia kata apalah salahnya dia cakap parti dia diberi juga hak memimpin di Sabah. Itu ketua Menteri Sabah yang jawab. Tadi dia cakap tidak ada orang yang jawab. So, bagi saya rakyat hendak melihat perkara-perkara yang bersifat demokratik. Itu yang saya maksudkan.

Kedua, ia juga mesti sejauh mana bajet ini bersifat adil tadi, *inclusive* dan juga lestari, *sustainable*. Saya tengok dalam bajet ini ada sedikit yang disentuh mengenai hal ehwal kita panggil perubahan iklim untuk menangani alam sekitar. Itu bagi saya sangat baik. Oleh sebab bayangkan kalau kita tidak ada bajet untuk perkara sebegini, saya kawatir contohnya apabila berlaku bencana alam, hendak berniaga pun susah. Kalau berlaku banjir, kalau berlaku pasang surut yang tidak menentu, itu akan memberi impak langsung kepada petani, nelayan dan sebagainya.

Apa yang juga saya hendak ucapkan tahniah juga kepada pihak Menteri yang mana mengangkat agenda digital sebagai agenda teras utama. Bagi saya tambahan kepada *hashtag* graduan kerja, wanita kerja, watan kerja, perantis kerja saya hendak cadangkan *hashtag* Malaysia Digital. Apa yang menyebabkan Malaysia Digital?

Tuan Yang di-Pertua, saya faham kalau kita hendak bina infra Pan Borneo dan sebagainya itu saya tahu itu satu jumlah yang besar. Akan tetapi bayangkan kalau agenda digital ini kawan-kawan di balik pulau boleh dapat kelajuan digital yang laju, kawan-kawan di Semporna, Sabah, Sarawak dan Kudat dan kawan-kawan di desa, saya rasa ianya akan memberi dan

pemangkin kepada agenda ekonomi yang cuba dirancang oleh kerajaan. Bagi saya Malaysia Digital ini perlu diangkat dan perlu dijadikan satu perkara yang diraikan oleh semua rakyat.

Akhir sekali saya hendak bahaskan perkara ini mungkin agak sensitif tetapi saya rasa perlu untuk saya nyatakan yang saya panggil *hashtag* saya Malaysia Yakin. Suatu ketika kerajaan Barisan Nasional mengangkat agenda yang sangat baik iaitu 'Malaysia Boleh'. Tuan Yang di-Pertua, ketika itu Malaysia Boleh saya tengok baik dari segi sukan, belia dan segala segi dia bagi satu semangat yang hebat.

Akan tetapi saya hendak cadangkan Malaysia Yakin. Apa yang dimaksudkan dengan Malaysia yakin. Malaysia yakin ini Tuan Yang di-Pertua bagi saya warga luar punya keyakinan terhadap kepimpinan kita. Warga luar punya keyakinan terhadap sistem kita. Warga luar punya keyakinan terhadap sistem demokrasi kita. Isu yang saya maksudkan di sini yang saya hendak bahaskan sedikit adalah mengenai isu peralihan kuasa.

Saya tadi kebetulan apabila saya hendak mengangkat isu ini saya hendak buat sedikit kajian apabila mendengar jawapan Menteri tadi dicelah oleh rakan saya tadi sejauh mana isu peralihan kuasa ini sebenarnya memberi sedikit ketidaktentuan kepada pasaran sehinggakan ia membantut sedikit keyakinan pelabur luar untuk melabur di Malaysia. Adakah perkara tersebut satu perkara yang tidak punya asas?

Bloomberg telah melaporkan 18 November tajuknya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tajuknya adalah "*Malaysian Stock Gets Cheaper by The Day but few want to buy*". Maksudnya selepas peralihan kuasa, apa yang berlaku ketika ianya dilaporkan stok saham Malaysia ini jadi murah tetapi pembeli-pembeli tidak berasa ghairah hendak beli, dia takut hendak beli. Jadi di dalam berita tersebut, salah satu sebab yang dia kata kenapa tidak mahu dibeli kerana katanya, dengan izin, *the uncertainty on who will be the next Prime Minister and the little progress on the government policies side doesn't make Malaysia stand out among other countries*. Ini adalah salah seorang *chief investment officer* daripada *Phillips Capital Management*. Ini adalah pandangan pakar.

Jadi apa yang saya maksudkan di sini sebab itu saya hendak untuk rekod saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dua hari sudah apabila beliau mengatakan bahawa peralihan kuasa itu akan berlaku seperti yang dirancang. Malah saya boleh kata untuk tujuan rekod saya lihat kesungguhan Tun malah tadi saya *check* dengan kawan kita lepas Tun buat pengisytiharan tersebut pasaran telah memberi impak yang bagus malah naik banyak poin.

Poin yang saya ingin tegaskan di sini apa yang berlaku adalah potensinya adalah Malaysia di kala ini di bawah kerajaan Malaysia Baharu punya warna kepimpinan yang sangat hebat. Tun Dr. Mahathir Mohammad ialah seorang pemimpin yang punya *track record*, disiplin kerja yang sangat hebat, punya pengalaman yang diiktiraf di peringkat dunia, malah membangun Malaysia di kala yang saya isytiharkan sebagai Malaysia moden dengan sebagai agenda. Dalam masa Malaysia juga di kala ini dipunyai pemimpin-pemimpin yang punya pengalaman juga yang satu ketika mempunyai *track record* sebagai di antara Menteri kewangan yang terbaik.

■1950

Pada masa yang sama juga daripada pengalaman-pengalaman anak muda, saya tengok banyak senator-senator di sini yang hebat-hebat, punya latar belakang yang hebat, yang muda. Jadi saya fikir bayangkan kalau tenaga yang hebat ini dapat digemblengkan dengan sewajarnya apa yang saya tegaskan tadi ialah keyakinan akan dapat dibina.

Pun begitu saya akur apa yang dibahaskan, dibentangkan oleh Menteri Kewangan, perang ekonomi di antara China dan Amerika ini memang menghantui Malaysia. Akan tetapi apa yang saya ingin dengar daripada Menteri, saya memohon penjelasan di Dewan Negara yang mulia ini bagaimana Malaysia mahu mengambil kesempatan terhadap dua pertembungan ini?

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di rantau ini, ASEAN ini ialah satu rantau yang sangat stabil malah menjadi rebutan di antara kuasa-kuasa besar, China hendak melabur, Amerika pun hendak melabur. Akan tetapi yang saya hendak dengar perancangan daripada Menteri ialah apakah Menteri telah rencanakan untuk mengambil kesempatan ini kerana apa yang saya lihat, apa yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin ASEAN ini dengan kepelbagaiannya, dengan demokrasinya, dengan negara hukumnya, saya yakin ia akan mampu membawa Malaysia ke satu tahap pertemuan yang sangat baik.

Poin saya yang terakhir juga ialah Tuan Yang di-Pertua, kita punya pilihan untuk membangunkan negara ini dengan satu pendekatan yang lebih baik. Pilihan yang pertama kita akan menentukan satu perkara yang lebih mudah atau *certain*, adalah menjadi malang sekiranya kita mengambil pendekatan yang sangat *uncertain*. Apa maksud saya? Sekiranya perkara itu disepakati secara muafakat, secara *consensus* ianya perlu ditegaskan, untuk tujuan rekod adalah tidak wajar sekiranya pimpinan-pimpinan tertinggi tidak mengiakan peralihan kuasa yang sebenarnya memang ada.

Ada ataupun tidak perjanjian mengenai peralihan kuasa ada? Ada. Kemudian ada ataupun tidak sedikit mengenai isu garis masa? Ada. Akan tetapi untuk menafikan sekiranya Menteri Hal Ehwal Ekonomi mengatakan bahawa tidak ada perjanjian, bagi saya itu sesuatu yang

tidak tepat. Ada dan tidak ada, dua benda berbeza. Kalau ada katakan ada, kalau ada ruang dari segi masanya tidak jelas, itu boleh diperjelaskan. Akan tetapi adalah tidak bertanggungjawab sekiranya beliau mengatakan bahawa tidak ada kerana tugas beliau adalah untuk membangkitkan keyakinan pelabur. Dia tak boleh buat satu keputusan yang membangkitkan ketidakpercayaan.

Jadi saya memohon penjelasan daripada Menteri Kewangan, bagaimana kerajaan hari ini mahu menangani isu-isu ini kerana saya khawatir sekiranya ketidakpercayaan yang terbentuk maka agenda-agenda yang digariskan di sini yang saya rasa sangat baik, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, penciptaan peluang pekerjaan, liputan Internet jalur lebar pantas, rangsangan digital, subsidi petrol bersasar, pengambilalihan lebuhraya, peluasan perlindungan percuma, perumahan, pengangkutan awam. Ini saya fikir ia akan menjadi satu lagi angan-angan kita yang tidak akan tercapai sekiranya kita gagal membangkitkan keyakinan.

Jadi saya tutup saya punya perbincangan ini. Isu saya satu sahaja, saya ulang, mohon penjelasan Menteri bagaimana melalui pembentangan bajet ini, Belanjawan 2020 mampu membangkitkan keyakinan rakyat, keyakinan pelabur dan akhir sekali menguntungkan kita semua rakyat Malaysia 32 juta dari Perlis sampai Sabah? *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*, terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff yang telah ambil bahagian dalam perbincangan dengan baik dan teratur ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, dipersilakan.

7.54 mlm.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan peluang ini untuk saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan saya juga ingin mengucapkan selamat bertemu kembali dan selamat bersidang buat semua Ahli Jawatankuasa Dewan Negara. Sepatutnya hari ini, malam saya patut sudah terbang Tuan Yang di-Pertua, jam 8 *flight*, terpaksa saya *cancel* kerana saya belum membahas... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini merupakan belanjawan yang tepat dalam keadaan semasa walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran di peringkat antarabangsa di mana kita menghadapi banyak masalah. Umpamanya Pengarah Urusan IMF Kristalina Georgieva mengatakan bahawa tahun ini lebih 90 peratus dunia akan mengalami kelembapan dalam pertumbuhan dan hakikat daripada *trade war* ini akan mengurangkan *output* dunia sebanyak

USD700 bilion. Daripada segi geopolitik, kita melihat apa yang berlaku di Hong Kong, juga di Timur Tengah dan lain-lain dalam negara kita juga ada masalah kos sara hidup yang belum selesai.

Kita ada masalah peluang pekerjaan, kita ada masalah PKS yang mungkin terhimpit, kita ada kekangan kewangan dan ini antara isu-isu yang dihadapi. Akan tetapi, apa yang penting ialah fundamental masih kukuh lagi, sama ada kita bercakap tentang inflasi, kadar pengangguran, keseluruhannya 3.5 peratus, imbalan pembayaran rizab antarabangsa, rating kita di peringkat antarabangsa sama ada Fitch, Moody's ataupun Standard and Poor's. Ketiga-tiga rating agensi utama ini memperlihatkan bahawa kedudukan fundamental kita adalah baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada isu kalau kita turun ke bawah kawasan kita masing-masing satu perkara yang sering kali dibangkitkan ialah mereka menyatakan bahawa mereka kurang merasai. Kalau kita kata tahun ini kadar pertumbuhan pukol rata 4.7 peratus dan tahun depan 4.8 peratus umpamanya ataupun kalau kita cakap kepada orang muda kadar pengangguran rendah, mereka kata mereka kurang merasai ini semua.

Jadi ini merupakan cabaran bagi pihak kerajaan, apa yang penting dan perlu dibuat oleh kita ialah perlu menambahkan peluang pekerjaan- Malaysia@Kerja, kita perlu menambahkan pendapatan, perlu menangani masalah industri kecil dan sederhana. Saya hendak menyentuh sedikit mengenai apa yang dipanggil ekonomi akar umbi. Apabila kerajaan menerangkan perbelanjaan maka pembekal-pembekal makanan umpamanya *caterer* di peringkat bawah mungkin terkesan. Hotel-hotel tiga bintang mengalami isu, ini ditambah buruk lagi dengan harga getah dan kelapa sawit yang rendah.

Oleh itu kita memerlukan keputusan kerajaan untuk menyuntik RM1.3 bilion terus untuk kontraktor Kelas E1 dan ini akan menyuntik sedikit sebanyak semangat di peringkat akar umbi. Apabila perbelanjaan dilaksanakan RM1.3 bilion ini maka kedai-kedai *hardware* akan mengalami peningkatan di dalam penjualan, kedai-kedai nasi lemak, kedai-kedai makan dan kedai-kedai kopi juga mengalami peningkatan jualan. Jadi itu sebenarnya adalah penting kerajaan memberi perhatian kepada ekonomi akar umbi supaya kekal kedai-kedai di kampung ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maaf sekejap ya.

Datuk John Ambrose: Okey.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk John Ambrose: Oleh itu sebenarnya penting kerajaan memberikan perhatian lebih kepada ekonomi akar umbi supaya kedai-kedai di kampung, di separuh bandar dan juga di bandar-bandar dapat menikmati, dapat merasai kalau pertumbuhan tahun depan 4.8 *percent*. Maka kita berharap rakyat akan rasa kadar pertumbuhan tersebut.

■2000

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Belanjawan 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 11 Oktober yang lalu, saya menyambut baik usaha kerajaan dalam menangani khidmat anggota RELA dengan memberi kenaikan elaun sebanyak RM2 sejam. Saya pasti kerajaan juga turut prihatin bahawa agensi lain yang juga menggunakan anggota sukarelawan melaksanakan perkhidmatan kepada rakyat. Ini tidak terkecuali kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia atau APM yang cukup banyak berjasa kepada APM ini di seluruh negara dalam menyejahterakan kehidupan rakyat.

Justeru saya sangat menyokong supaya kerajaan dapat memastikan anggota sukarelawan APM ini juga turut mendapat berita gembira dengan diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM20 juta bagi tahun penampung pelaksanaan kenaikan elaun RM2 ini juga kepada anggota sukarelawan APM.

Mungkin ramai yang kurang mengambil tahu bahawa dalam APM ini melibatkan anggota sukarelawan menjadi tulang belakang utama dalam setiap pelaksanaan tugas dan fungsi APM di lapangan. Penghargaan sewajarnya harus diberikan kepada anggota sukarelawan yang dilatih oleh pegawai tetap APM sehingga berjaya menyempurnakan tugas dengan cemerlang dan berkesan.

Ini termasuklah fungsi APM yang di antaranya sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri atau daerah dan juga pengurusan pusat-pusat pembinaan mangsa bencana, perkhidmatan kecemasan harian, MERS 999, perkhidmatan penyelamat pantai, perkhidmatan latihan kesiapsiagaan awam atau kepada rakyat dan perkhidmatan penyelamat dan bantuan bencana.

Walau bagaimanapun, saya difahamkan sehingga kini, APM belum dapat kelulusan secara bertulis bagi tujuan pembayaran kenaikan elaun ini dari pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Kewangan. Diharapkan agar kerajaan dapat menyegerakan kelulusan bertulis ini berserta peruntukan tambahan sebanyak RM24 juta dalam Belanjawan 2020 agar APM dapat melaksanakan kenaikan elaun kepada anggota sukarelawan yang sentiasa bertugas tanpa mengira jemu atau panas iaitu dalam memastikan keselamatan rakyat terus terpelihara. Saya mohon maklum balas dari dan pertimbangan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan tentang isu teksi. Tuan Yang di-Pertua dasar penambah baik menunjukkan kesamarataan antara industri teksi dan *e-hailing*. Seperti yang kita sedia maklum, dengan kewujudan sistem *e-hailing* ini memberi cabaran buat pemandu-pemandu teksi tentang mencari rezeki pada setiap hari mereka mengambil penumpang. Apa lagi saya hendak sentuh di sini ialah hanya dua perkara sahaja iaitu berkenaan dari segi, dengan izin, *upgrade system* dari segi meter teksi atau iklan perjalanan dan tambang. Adakah masih digunakan walaupun ada pendaftar *e-hailing*. Mengapa tidak gunakan satu sistem saja untuk pengiraan jarak perjalanan dan komisen bagi mengambil penumpang.

Saya rasa ini juga memberi keyakinan penumpang yang memandu teksi ini tidak jauh beza dengan pemandu *e-hailing* seperti *GrabCar* dan sebagainya. Kedua-duanya kenderaan teksi yang kita sedia maklum menggunakan kereta nasional iaitu Proton. Saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan mengkaji semula dan mencari mekanisme bagaimana hendak membantu pemandu-pemandu teksi ini contoh mungkin dari segi bantuan menukar kenderaan kepada kenderaan lain yang lebih baik dari segi CC enjin dan juga corak warna teksi yang baru demi menarik minat orang ramai untuk menaiki teksi, menaikkan soal keselamatan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama atau *Share Prosperity Vision* dilancarkan oleh Yang Amat Perdana Menteri pada 5 Oktober. WKB ini adalah berkaitan dengan model terbaru ekonomi negara. Kita tahu bahawa 60 peratus rakyat Malaysia mendapat gaji atau pendapatan wang kurang daripada RM2,000 satu bulan. Satu angka yang kecil ini adalah berkaitan dengan satu sistem ekonomi sebahagiannya disebabkan kebergantungan kepada buruh asing. Kita hendaklah menunjukkan taraf hidup yang wajar untuk rakyat Malaysia. *Distance standard living* bagi semua rakyat Malaysia, satu modul yang inklusif, pembangunan untuk semua. Ini semua kita harap akan menunjukkan kestabilan politik dalam negara kita.

Ini juga akan menuntut perbelanjaan tambahan yang mungkin besar. RMKe-12 dan RMKe-13 bermula pada tahun 2021, maka kita yakin bahawa WKB ini akan menuntut pertambahan dan perbelanjaan. Sebagai satu contoh masalah kemiskinan. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan pandangan seorang tokoh daripada Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengatakan keadaan sebenar di Malaysia mungkin 15 peratus bukan 0.4 peratus.

Perdana Menteri sudah mengatakan bahawa kita akan lihat semua angka-angka ini. Sudah pasti ini menuntut supaya kita perlu tambah lagi perbelanjaan. Kekangan ini menuntut supaya kita perlu tambah keadaan rumah di kampung-kampung, peluang pekerjaan, infrastruktur,

jurang di antara kaum, jurang antara negeri, jurang antara kawasan-kawasan. Semua ini di bawah WKB ini kita hendaklah disempitkan jurangnya.

Maka ini menuntut perbelanjaan yang besar. Ini akan memberikan tekanan kepada kewangan negara. Oleh itu kita harus cari jalan bagaimana kita hendak tingkatkan hasil dan juga hendaklah pastikan perbelanjaan ini dapat ditangani. Sehubungan dengan ini kita gembira mendapat jaminan Perdana Menteri bahawa agenda bumiputera ataupun kaum bumiputera, walaupun mengatakan *race based* berdasarkan keperluan tapi jaminan Perdana Menteri bahawa agenda untuk memajukan bumiputera akan terus menjadi satu agenda yang besar.

Sehubungan dengan itu peruntukan sebanyak RM5 bilion yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memastikan syarikat-syarikat tempatan yang berjaya dapat pergi ke luar negara, RM5 bilion dalam tempoh lima tahun iaitu sebanyak RM1 bilion untuk setahun. Saya harap dan saya mencadangkan supaya ada agenda untuk memastikan bahawa sebanyak RM5 bilion diperuntukkan untuk membolehkan syarikat tempatan di luar negara ada agenda untuk memastikan bumiputera tidak terpinggir dan dalam keuntungan besar yang dicadangkan oleh kerajaan bermula pada tahun depan. RM5 bilion ini dalam tempoh lima tahun iaitu sebanyak RM1 bilion untuk setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa isu berkaitan dengan negeri Sabah melalui analisa yang tentang belanjawan berkenaan. Tentang subsidi minyak petrol dan juga tentang harga petrol yang diletakkan pada RM2.08 di bawah Kementerian KPDNKK.

■2010

Sabah tidak nikmati subsidi minyak, tetapi harga akan dikekalkan pada RM2.08 satu liter. Walaupun naik tetapi ini akan dikekalkan RM2.08, sementara rakyat Malaysia yang berada di Semenanjung akan diberikan subsidi tetapi masa yang sama harga diapungkan mengikut harga pasaran. *That is RON95*. Saya melihat bahawa kalau hasrat kementerian untuk membantu rakyat Sabah terutama yang berada di bawah B40, saya rasa bahawa dasar ini perlu dikaji secara mendalam. Ini kerana kalau kita lihat, sebahagian besar daripada kampung dan daerah di negeri Sabah tidak memiliki stesen-stesen petrol. Kalau harga dikekalkan dengan RM2.08 satu liter, hanya mereka yang duduk di kawasan yang mempunyai stesen petrol akan menikmati kebajikan daripada dasar ini. Sebahagian daripada rakyat Malaysia yang berada di Sabah yang berada di luar daerah yang tidak memiliki stesen petrol, tidak akan menikmati dasar yang dibuat oleh kementerian ini.

Walaupun saya melihat terdapat peruntukan RM150 juta tahun hadapan untuk program pengedaran barang perlu, LPG dan *Community Drumming* yang akan membantu masyarakat

luar bandar. Ini kerana melalui program ini, harga pengangkutan minyak akan ditanggung oleh kerajaan dan penduduk luar bandar akan menikmati harga minyak yang disubsidikan RM2.08 satu liter. Akan tetapi, masalah program ini tidak semua kampung di luar bandar akan dapat menikmati kerana adanya kekangan peruntukan sebanyak RM150 juta ini setahun bagi seluruh negeri di Malaysia.

Jadi, saya mohon agar kementerian melihat dan memperbaiki sasaran agar RM150 juta diperuntukkan bagi program ini tahun hadapan akan dapat dinikmati oleh ramai masyarakat luar bandar- menikmati harga minyak yang disubsidikan. Ini kerana harus ingat di luar bandar di Sabah tidak diberi subsidi minyak seperti penduduk-penduduk luar bandar yang berada di Semenanjung. Jadi, *you must think of RM150 million* ini dibagi sebaik-baiknya agar masyarakat luar bandar yang berada di luar bandar yang kawasan kampung mereka tidak memiliki stesen minyak untuk menikmati program bantuan subsidi yang diberikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa saya menyambut baik bajet ini, bajet yang terbaik. Banyak perkara dikhususkan bagi Sabah, peruntukan untuk elektrik, pengangkutan, bekalan air, jalan raya kampung dan sebagainya *especially* untuk Sabah dalam bajet kali ini. Ini merupakan perubahan-perubahan yang kita lihat akan membantu Sabah dalam tempoh masa tahun hadapan. Saya juga melihat satu peruntukan yang besar dibagi kepada pendidikan di Sabah untuk memperbaiki sekolah-sekolah daif.

Akan tetapi, saya ingin juga maklum kepada kementerian bahawa peruntukan sebanyak RM700 juta ini memang tidak cukup untuk di Sabah kerana terlalu banyak sekolah-sekolah daif di Sabah. Di kawasan saya sendiri pun Tuan Yang di-Pertua, ada enam sekolah di mana satu daripada sekolah itu yang Perdana Menteri dahulu ada pergi. Dahulu Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak ada pergi dan dia ada umum dahulu RM1 bilion untuk semua sekolah di Sabah, tetapi apa yang saya lihat ialah bila duit datang itu, datang lambat Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang bila ini bajet, dia cakap bajet begini, Sabah dapat RM5.2 bilion ini, tetapi dia akan datang bulan April atau bulan Mei. *By the time* dia open tender, bulan Oktober atau November dia sudah tarik balik. Jadi, Sabah tidak boleh menikmati yang betul-betul yang peruntukan kena umum. Ini patut sistem- saya tidak tahu di mana salah. Mungkin dari- fasal idea ini, yang *prepare* semua projek di Sabah ini dihantar pergi ICU sini. Ini yang saya takut ini ada *delivery system very bad*.

Bukan sahaja kerajaan baharu ini, dari dahulu lagi ini. Ini dari dahulu lagi. Ini penyakit dari dahulu kena ikut sampai sekarang. Jadi, janganlah nanti fasal kadang-kadang orang bercakap

kenapa ini *delivery system* kerajaan baharu ini lambat, yang betul ini sistem dari dahulu sudah lambat. Inilah orang-orang Sabah ini dia marah. Itulah, tetapi kadang-kadang kena *blame* ini yang *government of the day*. Jadi, kita janganlah sangka yang buruk. Saya cakap ini kerana pengalaman saya sebagai orang Sabah di mana idea itu kita dapat *briefing* di mana Ketua Menteri minta YDS *briefing* dan didapati bahawa lambat peruntukan datang. Bila lambat peruntukan datang, lambat dilaksanakan. Bila tempoh sudah habis, *when the year coming through end*, dia akan ambil balik duit...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat?

Datuk John Ambrose: Ada dua perkara sahaja. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pas Sementara Sabah (PSS) ini yang diumumkan baru-baru ini oleh Menteri Dalam Negeri di mana pelaksanaannya bermula pada 1 Jun 2020 bagi menggantikan tiga dokumen lama pernah dikeluarkan sebelum ini seperti Kad Burung-burung, Sijil Banci dan IM13.

Saya sama pendapat dengan Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin dan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang di mana saya mahu kalau boleh, saya mencadangkan agar pihak kerajaan mengkaji secara terperinci dalam melaksanakannya kerana saya ingin menyampaikan persoalan bagaimana pula jaminan kerajaan bahawa dengan pelaksanaan PSS ini, masalah pendatang tanpa izin dapat dikawal.

Kerajaan juga harus melihat juga kesan pelaksanaan ini kepada keselamatan penduduk tempat negeri. Kalau boleh kalau ada *town hall* ini, dia panggil ini mengikut Timbalan Menteri Dalam Negeri, kalau boleh bawalah wakil rakyat dari pembangkang, NGO-NGO atau sesiapa yang berkenaan supaya persepsi orang bahawa PSS ini kita kasi selepas tiga tahun kena kasi IC. Ini persepsi harus ditangani dahulu sebelum pelaksanaan PSS ini.

Akhir sekali, sesungguhnya kita sayang negara kita. Kita cinta negara kita Malaysia. Kita semua mahu negara kita berjaya. Kita mahu Malaysia lebih kompetitif. Kita mahu berada di tangga atas sama ada pelancongan atau pelabuhan, kita tidak mahu memusnahkan negara kita. Kita hendaklah bina negara, marilah kita bersama-sama dalam semangat baharu, harapan baharu untuk pastikan bahawa kita akan menjadi sebuah negara yang mengiktirafkan kepelbagaian, satu negara yang *moderate*, satu buah negara yang mempromosikan idea yang progresif dan kita tidak mahu menjadi *failed state*. Syukur, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah banyak melakukan pembaharuan menjadikan kita sebuah negara. Kita hendaklah menjadi *Asian tigers* sekali lagi.

Jadi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, kita cintakan negara ini. Kita sayang negara kita. Marilah kita sama-sama bekerja sebagai satu pasukan Ahli Dewan yang mulia ini demi memajukan rakyat negara kita, Malaysia.

■2020

Saya mengucapkan *Merry Christmas* kepada semua yang beragama Kristian dan *Happy New Year to every one of you*. Terima kasih. Saya dengan ini menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Okey, saya ingat itu sahaja- saya tengok Yang Berhormat Dato' Suhaimi tak terkejut pun. Silakan, Yang Berhormat Datuk Suhaimi. Saya tadi cakap "Itu sahaja" tapi *you* tidak bangun. Silakan, Yang Berhormat.

8.21 mlm.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Selamat petang, salam sejahtera kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk berbahas Belanjawan 2020.

Nampaknya Yang Berhormat, belanjawan kali ini belanjawan yang berhemah, belanjawan yang kita wajib mengucapkan tahniah, saya rasa belanjawan yang terbaik. Sebab, saya tengok pembangkang pun tak banyak *argue* fasal belanjawan tapi banyak main politik sehinggakan Tuan Yang di-Pertua sendiri terpaksa menjadi seorang *referee* pada petang tadi.

Ucapan tahniah saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas belanjawan yang saya rasa kena pada tempatnya dan pada waktunya di mana ringgit kita jatuh dan kedudukan kewangan negara yang tidak berapa stabil sekarang ini.

Dalam memuji Menteri Kewangan, saya juga merasa sedih Tuan Yang di-Pertua, kerana perjuangan saya nampaknya di endah tak endah oleh kerajaan iaitu dari segi peruntukan kepada pambanterasan dadah. Cuba bayangkan Yang Berhormat, sebanyak RM15 juta diberikan kepada AADK untuk mengadakan program perintis bersama dengan NGO. Kita ada banyak NGO dari segi pencegahan dadah, pemulihan dadah, *rehab* dan sebagainya. Seluruh Malaysia di tiap-tiap negeri mempunyai NGO sendiri yang membuat program-program berhubung dengan dadah.

Jika kita bandingkan dengan kedudukan kewangan yang diberikan kepada penjagaan harimau dan dalam bacaan saya, kita di Malaysia ini ada lebih kurang 200 ekor harimau, RM20 juta telah diberikan untuk menjaga harimau, RM15 juta untuk menjaga 11 ribu ekor orang utan dan RM20 juta diberikan untuk lantik renjer untuk menjaga flora dan fauna termasuk Orang Asli. Jika kita bandingkan kedudukan ini, peruntukan ini yang diberikan kepada menjaga harimau, menjaga flora dan fauna, menjaga orang utan, dengan RM15 juta yang diberikan untuk menjaga

anak-anak kita yang terlibat dengan dadah, saya merasa bukan sahaja saya yang terlibat *direct* dengan dadah ini merasa sedih tapi saya rasa seluruh Malaysia merasa sedih dengan kedudukan ini.

Belanjawan lepas saya menceritakan bagaimana seorang anak muda memotong tetek maknya ketika mengambil syabu. Kali ini saya hendak menceritakan apa yang berlaku di Flat Paya Nahu, Sungai Petani dua bulan lepas apabila seorang lelaki bersekedudukan dengan janda dua anak. Laki-laki ambil dadah, perempuan ambil dadah. Anak umur 4 tahun dan 2 tahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, lelaki ini telah membunuh anaknya. Marah kerana anak ini menangis dalam keadaan dia tengah tinggi dengan syabu. Dipotongnya anak ini. Potong, potong, potong, bungkus dengan plastik, masuk dalam tong ikan. Hari-hari dia beli ais, masukkan dalam tong ikan itu supaya tidak bau.

Dahulu saya bercerita bagaimana seorang anak minta rantai emak dia, emak tak bagi. Ambil pisau, potong tetek ini. Saya tengok sendiri dengan mata kepala saya. Di Paya Nahu, anak ini pula disimpan di dalam peti ikan. Bukannya peti ais, peti ikan.

Kalau kita melihat kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Perak yang paling tinggi dengan mempunyai 30 lokasi, Johor dengan 23 lokasi, Negeri Sembilan dengan 16 lokasi, Kelantan dengan 15 lokasi, Kedah dengan 13 lokasi, Pahang dengan 12 lokasi, Pulau Pinang dengan 11 lokasi, Terengganu dan Kuala Lumpur lebih banyak, tak ada *figure*. Sarawak dan Sabah ada tujuh, Perlis ada empat lokasi.

Kawasan-kawasan *hotspot* ini Yang Berhormat, memang kalau kita masuk memang kita akan berjumpa dengan mereka-mereka yang terlibat dengan dadah ini. Seramai dua juta pelajar-dua juta pelajar, bukan 200 ekor harimau. Seramai dua juta pelajar dikenal pasti berisiko kerana mereka di dalam kawasan ini. Sebanyak 2,024 sekolah rendah dan 996 sekolah menengah yang membawa kepada jumlah kedua-duanya sebanyak 3,020 sekolah berada dalam kawasan 178 *hotspot area* ini.

Bayangkan bila kita duduk dalam *hotspot area*. Bagaimana anak-anak kita Yang Berhormat, yang bukan *hotspot area*, Petaling *flat*? Bagaimana saya menceritakan pukul 8 hingga pukul 11 malam anak-anak diminta turun kerana bapa dan emak nak berasmara di atas, pukul 12 hendak kena pergi kerja sebagai sekuriti dan sebagainya dan anak-anak ini tidak dijaga di bawah. Ini yang mereka terlibat dengan dadah tersebut.

Statistik tahun 2017 menunjukkan 20,956 kes baharu yang melibatkan penagih dadah. Bayangkan, AADK terpaksa menghabiskan RM35 sehari untuk hendak menjaga anak-anak dadah ini ataupun RM1,050 sebulan ataupun RM27,750 setahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak bagi angka lagi. Angka yang saya tengok pada tahun 2016, telah ditangkap dadah-dadah ini yang harga pasarannya pada tahun 2016 sebanyak RM188 juta, tahun 2017 sebanyak RM198 juta, peningkatan sebanyak lima peratus. Tahun 2018 sebanyak RM394 juta, 99 peratus daripada tahun 2017.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tahun 2019, saya hendak ucap tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana dapat menangkap sebanyak RM2.6 bilion, loncatan sebanyak 583 peratus. Loncatan 583 peratus daripada tahun 2018, Tuan Yang di-Pertua. RM2.6 bilion ditangkap pada tahun ini sahaja. Jumlah lima tahun, kita dapat menangkap RM3.5 bilion nilai pasaran.

Apa salahnya dadah-dadah ini ambillah 10 *percent throw back* kepada agensi-agensi atau NGO yang bertindak dengan dadah ini?

■2030

Sebanyak RM15 juta hendak buat apa? Saya boleh bayang sebanyak RM20 juta untuk harimau, sebanyak RM15 juta untuk Orang Asli, tidak faham saya, tidak faham dengan bajet yang begini.

Jikalau kita melihat balik kepada penagih-penagih dadah di negeri-negeri, negeri Pahang mengatasi semua negeri. Rakan-rakan dari Pahang pada tahun 2018 menangkap sebanyak 15,886 (12 peratus) daripada penduduk-penduduk Pahang. Negeri Kelantan sebanyak 14 ribu, Johor sebanyak 12 ribu, Selangor sebanyak 14,000, Terengganu sebanyak RM9,000, Perlis yang kecil itu pun sebanyak 2,000, Pulau Pinang sebanyak 9,000 dan seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh *check* dalam statistik yang diberikan oleh AADK.

Lagi membimbangkan Tuan Yang di-Pertua, umur 10 tahun, anak-anak yang 10 tahun, sebanyak 1.6 peratus telah mencuba, di antara umur 11 tahun hingga 19 tahun, 30 *percent* sudah mencuba. Umur di antara 20 tahun hingga 29 tahun yang paling tinggi sebanyak 53.8 peratus. Ahli-ahli Yang Berhormat, angka ini amatlah membimbangkan. Jikalau di sekolah pula, yang berhenti sekolah ketika berumur 15 tahun hingga 18 tahun, sebanyak 62 peratus, berhenti sekolah ketika berumur 11 tahun hingga 14 tahun sebanyak 24 peratus.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jaga anak cucu kita. Jikalau beginilah nasib kita dengan keadaan yang sedemikian, dengan kita kata musuh nombor satu negara tetapi cara kita melawan, cara kita hendak mencegah ini dengan hanya memberi peruntukan yang sedikit dan saya mendapat makluman bahawa AADK sendiri terdapat sebanyak 774 orang kakitangan tidak dapat diisi kerana kekurangan kewangan. Jadi, kita minta supaya kerajaan dapat mempertimbangkan.

Saya hendak berucap dalam bentuk soalan Yang Berhormat. Saya tidak mahu menerangkan. Soalan saya yang pertama, berapakah kos rawatan yang sebenarnya pemulihan seorang penagih dadah termasuk pemberian *methadone* kepada mereka? Ini kerana anak-anak ini apabila mereka masuk ke pusat serenti dan sebagainya, *Cure & Care Center*, mereka diberi alternatif kepada *drugs* iaitu *methadone*. Siapakah *supplier methadone* ini? Siapa yang- dari mana kita dapat *methadone* ini, *the main supplier*? Kita hendak tahu berapa banyak yang syarikat ini mendapat kewangan.

Oleh sebab Yang Berhormat, kita bercakap, kita berkempen dan sebagainya, masih juga lagi hendak bagi *methadone*. Jadi, kita tidak faham. Sekarang ini sudah terbuka kepada klinik-klinik biasa, dahulu klinik-klinik yang dilantik sahaja, sekarang sudah terbuka.

Bilakah kerajaan akan membuat program, ini telah dibincangkan. Di Iceland bermula bagaimana Iceland menjadi negara pertama yang cukup hebat. Anak-anak mudanya yang dahulu di Portugal dan Iceland memang terdapat, memang anak-anak dadah membimbangkan dunia. Akan tetapi mereka pakai sistem *curfew*, pada pukul 10 malam sampai pukul 5 pagi anak-anak kecil, anak-anak yang di bawah umur 18 tahun balik ke rumah, tinggal bersama-sama ibu, *curfew, total curfew*. Jadi, kita hendak tanya kerajaan, bilakah hendak mula program yang sebegini ataupun yang boleh dicadangkan yang bersamaan dengan apa yang dijalankan oleh Portugal dan Iceland.

Kedua, berapa banyak wang yang akan diberikan oleh AADK kepada PEMADAM? Dengan peruntukan sebanyak RM15 juta kepada NGO itu, berapakah wang ini disalurkan melalui AADK? Kita hendak bertanya, berapa banyak AADK akan memberi kepada PEMADAM dan lain-lain NGO yang ada. Kita hendak melihat bagaimana cara pemberian ini akan diberi. Apakah *methadone, naltrexone, subutex* boleh dibeli dan diambil oleh penagih dadah atau pengguna di mana-mana klinik kerajaan atau swasta. Adakah kerajaan memberi subsidi kepada penjualan ubat-ubat ini kepada klinik swasta? Syarikat mana dan siapa yang menjadi pembekal kepada ubat-ubat ini? Maksud saya *methadone, naltrexone* dan *subutex* yang saya sebutkan tadi.

Adakah kerajaan ingin melaksanakan kajian terperinci mengenai diskriminasi para penagih yang diisytiharkan sebagai pesakit akan mendapat rawatan di mana? Adakah kerajaan membina institusi khas untuk merawat penagih ini? Bagaimana dengan barisan pegawai dan pakar psikologi dan penagihan dadah mencukupi dalam negara? Saya dimaklumkan, pakar psikologi ini ada enam orang sahaja di seluruh Malaysia, sama juga dengan anjing pengesanan dadah ada lebih kurang 32 ekor anjing sahaja untuk seluruh Malaysia.

Pertemuan pihak kerajaan dengan seramai 60 orang pengusaha tanaman ketum di negeri Kedah dan Perlis baru-baru ini, pada 19 November 2019, petani-petani ini minta supaya kerajaan kalau hendak tebang ketum boleh tebang, tetapi mesti ganti pokok yang nilainya sama dengan ketum. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah janji hendak bagi tanaman alternatif.

Soalan saya, kenapa kita hendak layan manusia-manusia ini yang tanam ketum, yang merosakkan anak-anak kita. Seperti mana orang yang tanam ganja, kita pergi bincang pula, ganja ini kalau jual sekilogram berapa banyak, kita akan bagi pokok yang kita boleh tanam yang hasilnya sama dengan itu. Jikalau tidak kita tambah. Pelik bin hairan saya, kenapa kita hendak menjaga penanam ketum sampai begitu sekali. Sedangkan kita tidak jaga anak-anak kita yang terlibat dengan dadah ini.

Dalam deklarasi ASEAN, *ASEAN declaration* pada 18 Oktober 2018, *clear*. Dalam itu dibincang dengan begitu *detailed*. Saya baca minitnya, cuma saya tertarik satu sahaja. ‘*The Ministers*’, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. “*The Ministers reaffirmed ASEAN's commitment in realizing the aspiration of a Drug-Free ASEAN, through a zero-tolerance approach towards illicit drugs. This will provide our people and communities with society free from the abuse and ill effects of drugs. This is important. ASEAN shall continue to be resolute in our position, despite the shift in drug policies seen in other parts of the world advocating decriminalization or legalization of drugs*”.

Walaupun di Amerika kanabis dihalalkan tetapi ASEAN mempunyai *stand-nya* sendiri. Dia kata walaupun negara-negara lain membenarkan kanabis dijual Tuan Yang di-Pertua, tetapi berprinsipkan kepada ASEAN, tetapi sudah ada ura-ura yang hendak buat kajian supaya kanabis ini dijual. Hendak ikut negara-negara lain. Saya semasa berucap di Vienna *United Nations on Drugs*. Saya katakan negara-negara maju dia hendak buat itu, dia punya hal. *We are still considered as underdeveloped country and* kita masih banyak lagi manusia-manusia yang miskin dalam kawasan kita. Kemiskinanlah salah satu punca yang membawa anak-anak kita ketagihan dadah.

■2040

Diskriminasi kepada anak-anak, dadah ini dibincangkan dengan detil, bagaimana anak-anak kita ini sekarang ini hendak dibenarkan membawa dadah, dibenarkan bawa ganja dalam poket. Ia ada sukatan dia. Dia boleh bawa, dia boleh *own use*. Tuan Yang di-Pertua bayangkan kalau dibenarkan anak-anak kita ini.

Di Amerika Syarikat saya yakin mereka ini *well educated people*. Bila jual, jual hanya di farmasi untuk mereka yang ada *parkinson* contohnya. Akan tetapi kita boleh kawal kah klinik kita?

MC kita datang kerja Tuan Yang di-Pertua pun boleh beli RM10, MC. Apatah lagi hendak beli ganja, hendak beli *methadone* di klinik-klinik. Saya kurang yakin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita minta supaya Menteri-menteri kita *respect* lah di ASEAN *stand* ini. Ini kerana ketum di Thailand, memang tidak boleh dijual. Ini adalah kerana ramai orang Perlis bawa ketum pergi ke Thailand, jual di sana. Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Hendak masuk soalan-soalan sahaja, Tuan Yang di-Pertua sebab masa pendek, saya pun hendak balik awal malam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya hendak bertanya berhubung dengan penyakit yang sekarang ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris hendak celah? Okey [Ketawa] Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Ya, masalah mental Tuan Yang di-Pertua. Tadi dadah dan sekarang mental. Mental ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada kaitan?

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Ada kaitan dan sekarang ini di Malaysia ini agak membimbangkan kerana kalau kita tengok yang mental sekarang, Melayu ramai *28.2 percent*, Cina *24.2 percent* dan India lebih kurang Melayu *28 percent* dan lain-lain *41 percent*. Sebanyak 4.2 juta ataupun 29.2 peratus penduduk Malaysia mempunyai masalah kesihatan mental Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak *27 percent* lelaki dan *32 percent* perempuan. Perempuan lebih banyak mental Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah kita mempunyai persiapan untuk menghadapi masalah mental ini yang lebih tinggi.

Kemudian kita akan masuk hospital. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan juga, Sekarang ini kita mendapat maklumat bahawa universiti-universiti yang mengadakan *private* hospital, pensyarah-pensyarah mereka yang pakar-pakar ini dia jaga dua, dia jaga universiti punya hospital dan juga dia bagi *lecture*. Ada masa-masa dia pergi *lecture* dan ada masa-masa dia pergi menjadi doktor di klinik *private* ini.

Saya hendak minta kepada kerajaan mengkaji sebab ada doktor-doktor yang di hospital-hospital kerajaan menyatakan bahawa doktor-doktor di hospital yang dibina oleh universiti, *they make tons of money*. Ini kerana dia mengajar dan juga menjadi doktor. Kadang-kadang dia tidak pergi mengajar sebab *patient* banyak dan *operation* adalah satu yang *very costly* dan mereka

mendapat wang yang begitu tinggi. Jadi, kita minta kerajaan samakan kalau boleh dengan doktor-doktor kerajaan termasuk dengan doktor-doktor yang dilantik oleh universiti.

Di hospital juga kalau kita pergi di hospital sekarang ini, kalau kita hendak *parking* kereta pun susah. Jadi, *parking* yang ada di hospital itu pun sekarang ini kalau pergi di depan – di sebelah *American Embassy* atau di depan Tabung Haji, ada satu bangunan yang warna merah putih. Itu adalah *pilot project* yang dibuat oleh DBKL mengikut Jepun di mana dibuat *parking* kereta bertingkat. Tanahnya kecil, keretanya bertingkat. Saya ingat naik tujuh tingkat tingginya. Saya melihat kepada *pilot project* tersebut, kalau dibuatlah di *car park* hospital, naik tujuh tingkat dengan *car park* hospital yang kadang-kadang kita tengok besar, tentu sekali akan dapat menyelesaikan masalah ini. Jadi, ini saya hendak bertanya kepada kerajaan, apakah pendekatan yang akan diambil terhadap *car park* hospital ini?

Teksi tadi telah disentuh oleh Yang Berhormat John Ambrose. Saya Cuma hendak menyatakan bahawa pertemuan kita dengan *drivers* teksi pada satu ketika dahulu mereka menyatakan mereka amat tersepit sekali. Mereka tidak pernah menentang *e-hailing* dan sebagainya, *Grab* dan sebagainya.

Akan tetapi mereka meminta supaya diperjuangkan kesamarataan. Teksi dia kata dia ambil insurans dan dia bayar premium tinggi, bila *accident*, dia *cover* hanya *passenger* dan *driver* tidak *cover*. Sedangkan *Grab* bayar *lower* premium, kalau *accident cover* sekali dengan *driver* dan juga *passenger*. Jadi, mereka tidak faham kerana kenapa perkara ini tidak boleh disamakan. Semasa pertemuan tersebut, pengerusi teksi di Pulau Pinang, dia kata di *airport* sahaja, mereka terpaksa bersaing dengan *Grab*, bersaing dengan bas kilang, bersaing dengan hotel punya limousin dan bersaing dengan teksi haram. Mereka kata memang mereka tidak boleh hidup. Kita minta supaya kerajaan mengambil sesuatu tindakan agar para teksi ini.

Mereka ini Tuan Yang di-Pertua, semasa kempen pilihan raya, mereka ini adalah *ambassadors* kepada parti. Pilihan raya yang lepas, mereka sendiri menyatakan bahawa memang mereka kempen habis-habisan untuk Pakatan Harapan. Ini yang mereka katakan mereka bagi bunga, Pakatan Harapan beri mereka tahi. Mereka marah. Saya minta kerajaan berbuat sesuatu. Saya tahu bahawa Yang Berhormat pembangkang, jadi dia suka lah benda ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya yang *introduce* Yang Berhormat kepada persatuan teksi.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih [*Ketawa*]

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Betul Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua lah yang membawa persatuan teksis ini untuk berjumpa kami. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jolok sikit saja... [*Dewan ketawa*]

Kampung Baru Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju dengan pandangan yang dibuat oleh Menteri kerana saya pun ada sekeping tanah di situ. Saya rasa eloklah kalau kerajaan membantu ataupun *investment* bersama-sama dengan tuan-tuan punya tanah di situ. Contoh kalau saya ada satu atau dua ekar tanah, berjumpa dengan saya, *so we do a joint venture with the government*.

Apa yang *government* hendak buat? *You want to do a hotel, yes we joint venture*. Apa salahnya, kalau kerajaan buat begitu *rather than* ambil tanah itu dan hendak *develop* secara tersendiri. Saya rasa saya kurang bersetuju tetapi tadi ada cadangan yang menyatakan supaya kita jadikan Kampung Melayu sebab macam mana *Chinatown, Indiantown* di Brickfields. Akan tetapi saya rasa nilainya akan kurang kalau dibuat *convert* jadi *Melayutown* ataupun *Chinatown*.

Soalan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit 5G. *The fifth generation communication* yang sekarang ini orang Islam cakap dan saya mendapat maklumat bahawa *pilot project* sedang dijalankan oleh Huawei. Saya hendak bertanya kepada kerajaan, apakah kerajaan akan mengambil bahagian di dalam 5G ini dan berapakah agaknya nilai frekuensi yang akan diberikan kepada syarikat ini? RM3 bilion, RM4 bilion dan RM5 bilion yang akan diberikan kepada syarikat ini nanti untuk menggunakan frekuensi ini.

Ini kerana 5G ini saya dimaklumkan bahawa setiap 80 meter akan ada satu *pole* untuk menyambung frekuensi-frekuensi ini. Jadi, maknanya, Malaysia ini akan penuh dengan *pole*. Kalau sekarang ini kita tengok Telekom *tower* lebih kurang enam atau tujuh kilometer satu, yang ini 80 meter, satu *pole*.

■2050

Tuan Yang di-Pertua, soalan seterusnya ialah berhubung dengan isu *scammer*. Jabatan Imigresen menumpaskan satu sindiket penipuan pelaburan dalam talian yang berpusat di China serta menahan 680 warga China yang menjalankan operasi aktiviti berkenaan di Cyberjaya baru-baru ini.

Tahniah Jabatan Imigresen kerana berjaya membuat tangkapan itu dan sewajarnya diharap dapat memberi hukuman setimpal dengan perbuatan mereka, agar isu ini tidak berleluasa disebabkan perkara ini adalah jenayah. Adakah operasi secara berkala perlu dilakukan dengan lebih keras, lebih kerap agar jenayah penipuan ini boleh dibanteras? Itu soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak tambah sedikit yang teksis tadi. Apakah tidak mungkin kerana kita mempunyai kereta kita sendiri Proton. Apakah tidak mungkin kita jadikan teksis ini seperti mana *black taxi* di London ataupun *yellow taxi* di New York. Kita ada identiti teksis kita sendiri. Ya, saya faham di London pun ada Grab tapi kalau kita ada identiti teksis yang sebegitu, saya rasa ramai *tourists* akan datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', tiga minit.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Ya, ada satu, dua lagi. Saya mendengar perbincangan belanjawan ini banyak yang menyentuh soal Parti Komunis Malaya ini. Saya tidak memikirkan abu Chin Peng ataupun lagi Negaraku dalam bahasa Cina, India dan sebagainya. Cuma saya hendak tengok kepada apakah jasa-jasa yang kita berikan kepada askar-askar ini, yang berjuang daripada merdeka sampai 1990, sampai komunis letak senjata.

Saya tahu mereka ini dapat Pingat Jasa Malaysia. setakat dapat pingat sahaja Tuan Yang di-Pertua, tidak bermakna kepada mereka. Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya mereka ini diberi elaun, sepertimana yang diberikan oleh Pingat Gagah Berani, mereka dapat RM3,000 sebulan. Pingat Gagah Berani dapat RM3,000. Pingat Setia Perkasa dapat juga RM3,000 sebulan. Jadi apa kata kalau kita minta kerajaan bagi Pingat Jasa Malaysia ini RM300, RM500 sebulan. Kalau mereka dapat Pingat Jasa Malaysia sekarang saya difahamkan *one-off* bagi RM500.

Kalau mereka inilah yang betul-betul melawan komunis sehingga komunis berhenti pada tahun 1990. Saya rasa elok kita *compensate* mereka ini. Apa kita hendak bincang bab abu Chin Peng dan sebagainya kerana mereka ini ada lebih kurang 70 ribu. Saya ingat bagi dua tahun, mati sudah Yang Berhormat. Umur mereka ini sudah larut sudah. Tidak banyak saya rasa kerajaan hendak menanggung, tidak banyak. Jadi, apa katalah kita minta supaya kerajaan memberikan elaun ini kepada mereka.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Tahun Melawat Malaysia 2020. Banyak rungutan di buat. Baru-baru ini Persatuan Artis Malaysia datang berjumpa dengan kita, artis-artis, penyanyi dan sebagainya. Mereka ini royaltinya tidak ada Yang Berhormat. Ada tapi sedikit. Tidak sama dengan Indonesia. Indonesia, *based on population*. Kalau *10 percent of Indonesian population*. Sebab itu artis-artis di Indonesia kalau yang perempuan yang cantik-cantik itu jangan *duk* tegur tidak tentu arah, kaya itu- kaya, Yang Berhormat. Datuk Razali lah yang saya bimbang- jangan...

Tuan Yang di-Pertua: Orangnya kacak.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: ...Sebab mereka ini kaya. Kaya betul. Di Malaysia kalau kita tengok, daif sekali Tuan Yang di-Pertua. Daif sekali. Baru-baru ini kita tengok

bagaimana minta kutip derma untuk pelakon-pelakon terbaik, penyanyi-penyanyi terbaik kerana tidak ada. P. Ramlee pun berapa banyak royaltinya? Tidak ada.

Sekarang ini pula ada *YouTube*. Hendak ambil royalti daripada kita. Saya pun duduk sini kadang-kadang bila *boring* dengar ucapan, saya dengar lagu dan lagu itu daripada *YouTube*. Macam mana kita hendak bayar royalti? *How they want to collect the* royalti Tuan Yang di-Pertua?

So, saya mintalah Tahun Melawat Malaysia ini, bagi peluang kepada mereka. Penyanyi-penyanyi yang ada ini baik-baik. Kalau menyanyi lagu orang putih, lagu Cina, lagu Korea dan sebagainya, memang baik, hebat. Kalau di China, kita ada Shila Amzah. Saya cerita saya pergi ke China Tuan Yang di-Pertua, di tempat nama Wuhan. Di hujung, saya pergi urut kaki. Dia tanya dari mana? Saya kata Malaysia. Dia pun tidak tahu Malaysia di mana. Saya sebut Shila Amzah terus dia tahu. Dia kenal Shila Amzah, daripada dia kenal Malaysia.

Sebab itu saya rasa Tuan Yang di-Pertua, apa salah nya lah peluang ini kita beri kepada mereka kerana mereka ini *among the best...*

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Boleh yang satu, *last* Yang Berhormat, ini orang kampung minta. Baru-baru ini dipanggil temu duga polis di kampung saya di Pendang, IPD Pendang dibuat pusat temu duga untuk pengambilan polis di seluruh negeri Kedah.

Di hantar surat untuk *physical test*. Pergilah budak-budak ini daripada Kulim. Bayangkan, daripada Kubang Pasu, daripada Yan, Sungai Limau dan semua ini ke Pendang. Yang Berhormat selalu ke Gurun dan Gurun ke situ pun makan belanja yang agak tinggi.

Bila sampai sana Yang Berhormat, dalam surat permohonan dikatakan anda hendaklah mempunyai SPM ataupun SPVM, sijil vokasional. Bila sampai di Pendang dan dipanggil untuk buat *physical test*. Dipecahkan SPM sebelah sini, vokasional sebelah sini dan yang vokasional ini lebih kurang 70 orang, dimaklumkan tidak layak.

Tuan Yang di-Pertua: Terus?

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terus suruh balik. Kalau hendak buat fizikal boleh juga, tapi tidak dapat kerja. Dalam borang ditulis dua kelayakan SPM, SPVM. Jadi kita hendak tanya kalau sudah tidak layak sijil SPVM ini, kenapa dimasukkan dalam borang itu? Dulu SPVM boleh. Bila mereka masuk pergi, 70 orang *frustrated* Tuan Yang di-Pertua. Balik begitu sahaja.

Bayangkan yang datang daripada jauh ke Pendang. Mereka ini bukan anak orang kaya Tuan Yang di-Pertua, anak guru KEMAS, anak tok bilal, anak tok imam. Bapa dia pun tinggal sembahyang bawa anak *mai* untuk hendak- Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan,

daripada siapa sahajalah yang berhubung dengan perkara ini supaya dipertimbangkan semula anak-anak yang ditemu duga di IPD Pendang. Saya tidak ingat tarikhnya yang diberikan kepada saya.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong perbincangan Belanjawan 2020.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun.

8.58 mlm

Tuan Kamarudin bin Abdun: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dekatkan *mike*. Tarik bawah sedikit.

Tuan Kamarudin bin Abdun: ...Kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 2020.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah dipuji dapat membentangkan Belanjawan pada tahun 2020 dengan hebat dan menyeluruh sebagai mana yang didakwa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap soal-soal nasional. Maka izinkan saya menyentuh beberapa perkara berkaitan peruntukan belanjawan bagi pembangunan di negeri saya, negeri Perlis.

■2100

Saya terlebih dahulu ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan. Dalam Bajet 2020, apakah terdapat peruntukan untuk pembangunan infrastruktur di Perlis terutamanya di Kawasan Perindustrian Lembah Chuping di Padang Besar. Sekiranya ada, berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk merencanakan lagi pembangunan di kawasan itu?

Antara tempat yang mempunyai potensi besar untuk terus dibangunkan adalah Padang Besar. Dahulu negeri Perlis merupakan negeri sempadan yang menjadi pintu utama ke wilayah utara Semenanjung Malaysia, menjadi tarikan utama pengunjung dan pusat kegiatan ekonomi utama rakyat Perlis. Namun secara fizikalnya, Padang Besar perlu dibangunkan semula secara lebih teratur dan sistematik.

Saya berpendapat Kerajaan Pusat perlu memberikan tumpuan yang lebih kepada negeri Perlis. Antara aspek yang perlu diberikan perhatian adalah khusus Kawasan Perindustrian Lembah Chuping di Padang Besar itu. Kawasan Perindustrian Lembah Chuping mampu menarik banyak pelaburan dalam pelbagai industri dan membuka peluang pekerjaan yang berkesan,

limpahan projek berkenaan secara tidak langsung akan merancakkan kegiatan ekonomi di negeri Perlis.

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk melanjutkan tempoh operasi pintu masuk sempadan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan keselamatan di Padang Besar seperti di Bukit Kayu Hitam, Kedah? Hal ini kerana dengan melanjutkan tempoh operasi di ICQS ini, Padang Besar mampu merancakkan aktiviti ekonomi di kawasan itu terutamanya dari segi bahan-bahan logistik dari Thailand yang di eksport ke negara luar melalui pelabuhan di Pulau Pinang, Port Klang dan Johor. Lebih-lebih lagi pada masa dahulu, perkhidmatan kereta api menjadi laluan utama untuk membawa penumpang dan barang-barangan daripada Thailand ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan di Langkawi berjaya menarik 3.6 juta pengunjung dan menjana pendapatan RM4.7 juta sepanjang tahun 2017-2018. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat setiap tahun dengan penganjuran pelbagai aktiviti besar seperti LIMA dan APEC 2020. Apa yang saya hendak tekankan ialah salah satu faktor penyumbang kejayaan Pulau Langkawi jasa negeri Perlis iaitu menyediakan kemudahan-kemudahan jeti dan kemudahan-kemudahan lain yang bersangkutan untuk para pelancong ke pulau tersebut.

Walaupun terdapat jeti daripada Kuala Kedah, namun kebanyakan orang ramai lebih suka menggunakan khidmat feri dari Kuala Perlis memandangkan jarak yang lebih dekat. Jadi, saya berharap Kerajaan Pusat tidak melupakan jasa negeri Perlis dalam menyumbang pembangunan kemajuan Pulau Langkawi tersebut.

Saya ingin bertanya kepada kementerian pelancongan, apakah program dan perancangan jangka panjang kementerian itu untuk membangunkan Kuala Perlis terutama dalam menaikkan taraf infrastruktur dan apakah perancangan kerajaan untuk merancakkan lagi kegiatan ekonomi di sini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan untuk makan dan minum untuk kanak-kanak tadika lebih tinggi daripada peruntukan untuk makanan anak-anak yatim yang berdaftar dengan jabatan kebajikan?

Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah keseluruhan bajet untuk pelaksanaan Koridor Utara dan daripada jumlah tersebut berapakah peruntukan untuk membangunkan sektor perusahaan kecil sederhana, dan apakah terdapat peruntukan untuk membangunkan sektor pasaran produk halal di Perlis? Perlis juga tidak mahu ketinggalan dalam industri halal kerana negeri yang berjiran dengan wilayah Thailand ini turut tidak melepaskan peluang promosi

usahawan khususnya dalam bidang berasaskan halal untuk memenuhi tuntutan pasaran yang semakin berkembang dari semasa ke semasa.

Selain itu, Kawasan Perindustrian Lembah Chuping dan Perlis Inland Port juga kelak akan dapat melonjakkan jalinan kerjasama antara usahawan dua buah negara iaitu Malaysia, Thailand dan turut sama menyokong potensi pembangunan sektor halal di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh isu bantuan kerajaan kepada golongan M40. Golongan M40 boleh ditakrifkan kepada kumpulan isi rumah pertengahan yang berpendapatan purata bulanan antara RM3,860 sehingga RM8,319. Manakala golongan B40 adalah mereka yang berpendapatan isi rumah di bawah RM3,860.

Namun begitu, kadangkala golongan berpendapatan pertengahan M40 mempunyai bilangan tanggungan yang besar dan tidak hanya kepada golongan berpendapatan rendah B40. Kerajaan pada hari ini terlalu menumpukan golongan B40 walhal golongan M40 juga merupakan golongan pertengahan yang ada kalanya lebih tersepit berbanding dengan B40. Malah golongan M40 merupakan golongan yang terbesar menjana ekonomi negara termasuk sebagai pembayar cukai terbesar.

Apa yang menarik perhatian saya ialah golongan M40 ini tidak layak memohon Projek-projek Perumahan Rakyat (PPR), Bantuan Sara Hidup juga tidak layak memohon Rumah Mesra Rakyat. Kebanyakan program-program subsidi dan inisiatif kerajaan seperti rebat bil elektrik RM40, penawaran Skim Perlindungan Nasional B40 yang memberi perlindungan insurans takaful, kesihatan secara percuma dan banyak lagi hanya diberikan kepada golongan B40 sahaja. Saya rasa tiada dinyatakan apa-apa senarai program khusus untuk golongan M40.

Saya merayu agar kerajaan tidak meminggirkan golongan ini kerana walaupun mereka ditakrifkan sebagai golongan pertengahan namun dalam banyak kes, mereka juga mengalami kesukaran hidup dan merasa lebih tertekan terutamanya M40 yang tinggal di bandar-bandar. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya.

Tuan Kamarudin bin Abdun: ...Di akhir membahaskan usul ini, saya ingin juga merakamkan perasaan dukacita kerana didapati tiada kelihatan anggota-anggota Kabinet kerajaan di Dewan Negara pada waktu ini. Saya merasakan perkara sebegini adalah sangat mendukacitakan. Saya juga berasa dukacita lebih-lebih lagi kepada anggota-anggota parti semua yang tidak hadir secara berterusan di dalam Dewan ini semasa persidangan ini mengadakan perbahasan. Ini adalah satu petanda yang tidak baik.

■2110

Saya rasa apa yang kita usahakan pelbagai pembaharuan untuk Dewan ini nampaknya kita masih jauh lagi. Oleh itu, saya- di samping itu, sebelum saya lupa saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada tidak adakah lebih peruntukan untuk disediakan kepada anggota-anggota Dewan Negara? Supaya Ahli Dewan Negara juga terlibat dalam membantu masyarakat setempat.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong- saya juga ingin menyokong Rang Undang-undang Belanjawan 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, yang ketidakhadiran Menteri Kabinet—Dewan Rakyat baru selesai. Kalau semua Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri kena duduk di sini, habis yang hendak buat kerja itu siapa? Akan tetapi, kadang-kadang pegawai ada, pegawai sekarang pun mereka ambil *Hansard* dan sebagainya. Mereka akan menyediakan jawapan. So, kalau apa yang diperbahaskan itu tidak keluar, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri pada masa tersebut.

Okey, perbahasan terakhir Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip.

9.11 mlm.

Dato' Zahari bin Sarip: *Alhamdulillah, sampai ke penghujung. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat keluar tidak hendak bahas sebab itu balik hendak bahas [*Ketawa*]

Dato' Zahari bin Sarip: Salam sejahtera, salam muafakat nasional. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang untuk saya bersama-sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut helaian yang saya sudah rangka ini, saya ambil masa lebih kurang 55 minit. Akan tetapi atas nasihat Tuan Yang di-Pertua pagi tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Masa 5 minit [*Ketawa*]

Dato' Zahari bin Sarip: Tidak sampai 20 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Zahari bin Sarip: Ini kerana saya sudah potong mana-mana yang Tuan Yang di-Pertua kata sudah sebut oleh orang lain, tidak perlu sebut.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya minta maaf. Semalam sepatutnya saya berbahas tetapi saya ke balai polis membuat laporan polis ada kaitan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi tadi. Nama dan gambar saya digunakan oleh individu tertentu untuk membuat *collection* ataupun menuntut wang daripada beberapa pihak. Jadi, selepas saya mendapat maklumat tengah hari semalam, saya membuat laporan polis di Balai Polis Dang Wangi. Kemudian saya dirujuk ke Balai Polis Sentul, Bahagian Jenayah. Jadi, itu yang tidak sempat untuk bahas semalam dan terima kasih diberikan ruang pada hari ini walaupun yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan perbahasan saya pada hari ini dengan merakamkan ucapan tahniah kepada kontinjen negara kita yang berjuang dalam acara masing-masing di Sukan SEA Ke-30 di Filipina. Hari ini- dan daripada 529 acara daripada 56 jenis sukan, kontinjen Malaysia hanya mampu mengutip 56 emas. Ini bermakna Malaysia bukan sahaja gagal mempertahankan kedudukan sebagai juara keseluruhan tetapi juga gagal mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu 70 pingat emas. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pasti ada jawapan dan alasan kepada keputusan ini.

Namun pada hari ini, saya rasa sebagai Ahli Dewan saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua kontinjen negara ke Sukan SEA Filipina kerana telah berjuang dan bersaing atas nama Malaysia negara tercinta. Tuan Yang di-Pertua, sama ada mereka membawa pulang pingat emas, perak, gangsa mahupun tanpa sebarang pingat, saya fikir kita wajar memberi penghargaan atas perjuangan dan pengorbanan mereka di Sukan SEA Filipina ini. Kepada yang berjaya, tahniah dan yang tidak berjaya, kita cuba lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang perkara yang telah dibangkitkan oleh banyak pihak iaitu tentang kebajikan polis. Terima kasih kepada Ahli Senator yang menyebutkan tentang perlunya pihak KDN atau kementerian mengambil kira untuk menambah baik ataupun naik taraf balai-balai polis yang agak uzur. Saya setuju dan saya hendak tambah. Pertama, jangan lupa lihat Balai Polis Segamat, ia juga sudah uzur dan ia sudah lama.

Kedua, saya juga minta supaya pihak polis KDN lihat juga tentang keadaan pondok-pondok polis yang saya fikir sudah sangat uzur. Ada pondok polis daripada papan, daripada atap yang sudah uzur, yang saya fikir sangat perlu diperbaiki dan di naik taraf. Pondok polis ini biasanya anggotanya satu, dua atau tiga orang. Jadi, ia jarang dilihat oleh kementerian mungkin. Maka saya harap kementerian dalam melihat tentang keperluan menambah baik atau baik pulih balai-balai polis ini perlu juga melihat kepada keadaan pondok-pondok polis.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga kita menyebut tentang pengganas dan Parti Komunis Malaya. Saya tidak hendak panjangkan isu ini kerana banyak pihak sudah membahaskannya. Cuma saya hendak mengimbuai keadaan yang berlaku tahun 70-an, 80-an dan awal 90-an. Ketika itu ada satu pertubuhan yang bergerak aktif di negara kita iaitu Pertubuhan Al-Arqam. Al-Arqam ini dia tidak membawa senjata tetapi mendoktrinkan ahlinya untuk mempunyai semangat kepada persatuan dan pemimpin. Kita melihat pada suatu ketika kerajaan telah mengharamkan pertubuhan Al-Arqam. Banyak pihak yang terlibat dengan Al-Arqam ditangkap, dibicarakan dan sebagainya.

Sehingga hari ini, saya difahamkan kalau ada unsur-unsur menghidupkan semula Al-Arqam pun akan ditahan dan mereka akan di pantau. Persoalan yang saya hendak tanya kepada pihak kementerian, adakah pertubuhan Al-Arqam ini masih lagi dikategorikan sebagai pertubuhan haram? Saya hendak pendirian kerajaan tentang pertubuhan Al-Arqam ini.

Berkait dengan pertubuhan Parti Komunis Malaya ini, kita dikejutkan dengan perjumpaan oleh bekas ahli-ahli PKM ini. Saya juga hendak pendirian kerajaan, adakah pihak kerajaan masih lagi beranggapan bahawa PKM ini adalah pertubuhan haram? Jika ya, maka saya fikir ia juga perlu diambil tindakan sebagaimana tindakan diambil kepada pertubuhan Al-Arqam. Maksudnya, kepimpinannya ataupun sesiapa sahaja yang cuba untuk menghidupkan, dipantau dan ditangkap. Sebarang tindakan yang cuba untuk menggerakkan Al-Arqam begitu juga gerakan-gerakan untuk menghidupkan semula PKM ini seharusnya dipantau dan dihentikan oleh pihak kerajaan. Jadi saya minta pihak kerajaan memberi pendirian kerajaan tentang Al-Arqam dan PKM ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada kementerian lain, Kementerian Pengangkutan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir. Md Nasir yang telah membangkitkan tentang keadaan Lebuhraya Utara-Selatan. Saya sudah bangkitkan di Dewan ini, saya fikir sudah dua kali pembentangan bajet. Akan tetapi setiap kali dibentangkan ataupun dijelaskan oleh Kementerian Kewangan, tidak ada keperluan untuk pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu pembentangan bajet oleh kerajaan lama, Perdana Menteri ketika itu yang merangkap Menteri Kewangan sudah menyatakan persetujuan untuk membina jalan, melebarkan atau naik taraf Lebuhraya Utara-Selatan daripada sempadan negeri Melaka ke Johor Bahru.

■2120

Sudah pasti ketika itu, ia mengambil kira kajian yang dibuat oleh JKR, oleh pihak yang berkenaan. Akan tetapi pada bajet yang lepas, jawapan oleh pihak Kementerian Pengangkutan,

tidak ada keperluan. Jadi, saya minta supaya lihat semula bagaimana kesibukan Lebuhraya Utara-Selatan daripada Melaka ke Johor Bahru dengan hanya dua lorong pergi dan dua lorong balik. Bayangkan waktu hujung minggu dan cuti umum terlalu sesak.

Kalau ada kereta yang mungkin tersadai ataupun rosak menyebabkan kesesakan yang begitu panjang. Maka, saya fikir kerajaan perlu mengambil kira tentang cadangan untuk melebarkan Lebuhraya Utara-Selatan ini. Saya juga hendak sambung apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir tadi mungkin dia sebut banyak sangat jalan-jalan di kawasan Johor itu. Dia tertinggal satu jalan iaitu Jalan Desaru ke Mersing. Ini juga perlu dan boleh dilihat oleh pihak JKR atau Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dalam Lebuhraya Utara-Selatan ini hendak minta supaya pihak kementerian pantau kehadiran anjing-anjing liar di hentian-hentian di lebuhraya. Saya mendapat daripada rakan-rakan dan saya sendiri pernah terserempak di beberapa hentian. Kita lihat ada banyak anjing-anjing liar yang berkeliaran di kawasan hentian ini. Dia bukan sahaja mengganggu pemandu yang hendak berehat tetapi juga mencacatkan mata kita. Kadang-kadang dia buat perkara tidak senonoh depan kita. Kadang-kadang buang air merata-rata. Jadi, saya harap pihak kementerian lihat semula atau pantau keadaan anjing-anjing liar di kawasan R&R ini.

Di Kementerian Pengangkutan ini juga saya menyentuh tentang *inland port* ataupun pelabuhan darat di Segamat. Pelabuhan darat ini operasinya agak terhad ataupun lembap. Pada sekitar tahun 2015 atau 2016 Kementerian Kewangan hantar wakil dan saya sendiri hadir berdialog dengan pihak pengurusan antara faktor yang dikatakan menyebabkan pelabuhan darat ini tidak begitu berfungsi ataupun tidak aktif kerana jajaran lebuhraya ataupun jalan yang menghubungkan antara pelabuhan darat ini dengan pelabuhan utama seperti Port Klang, Pasir Gudang dan juga di Kuantan. Jalan itu tidak sesuai. Kecil dan sempit.

Oleh sebab itu, kerajaan sudah luluskan pembinaan ataupun pelebaran jalan antara Segamat-Tangkak, Segamat ke Gambang. Akan tetapi saya melihat kerja-kerja pelebaran jalan ini agak lambat. Jadi, selagi ia tidak selesai, selagi itu saya fikir *inland port* di Segamat ini tidak boleh berfungsi ataupun tidak boleh menjalankan aktivitinya dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pada Kementerian Industri Utama. Soalan saya kepada kementerian ini adalah berkenaan dengan jumlah eksport minyak sawit kita ke negara luar. Jawapan yang saya terima, pada tahun 2017 jumlah jualan kita ialah sebanyak RM46.09 bilion. Pada tahun 2018, sebanyak RM38.66 bilion iaitu ada pengurangan. Pada tahun 2019 sehingga September, sebanyak RM28.02 bilion. Semakin kurang. Akan tetapi kementerian mensasarkan

jumlah jualan pada tahun 2020 ialah RM41 bilion. Maksudnya, meningkat bukan sahaja melebihi pada tahun 2019 tetapi lebih daripada tahun 2018 dan lebih daripada tahun 2017.

Jadi, saya minta jawapan daripada pihak kementerian apakah agaknya langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kementerian sehingga pihak kementerian boleh menasaskan jumlah eksport daripada yang terbanyak dahulu ialah daripada tahun 2018 iaitu sebanyak RM38 bilion, pada tahun 2019 sebanyak RM28 bilion. Boleh pada tahun 2020, kepada sejumlah RM41 bilion. Apakah langkah-langkah yang kementerian boleh lakukan atau peningkatan? Ini yang pertama.

Kedua, negara manakah selain daripada negara-negara yang disebutkan iaitu negara India, China, Kesatuan Eropah dan Pakistan. Negara mana pula yang disasarkan oleh kementerian ini untuk mengeksport sawit kita?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Kesihatan. Pada 1 Januari 2020, Kementerian Kesihatan akan melaksanakan larangan merokok di kawasan tiga meter daripada premis makanan. Sebagai orang yang tidak merokok, saya setuju. Akan tetapi bagi mereka yang merokok dia tanya apa pula tindakan kepada mereka yang tidak menghisap rokok tetapi menghisap *vape*? Jadi, adakah hisap *vape* ini termasuk dalam kumpulan larangan menghisap rokok? Sebab dalam gambar larangan itu pun tidak ada tunjuk *vape*. Kemudian dalam kenyataan pun tidak sebut *vape*. Jadi, adakah tidak boleh merokok tetapi boleh hisap *vape* dalam kawasan tiga meter?

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang isu kereta terbang. Sebab saya sudah tanya dalam soalan saya dalam mesyuarat yang lepas. Oleh sebab itu, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Pertama, semasa pameran di LIMA 2019. Model yang dipamerkan di LIMA itu lain daripada yang kita digambarkan akan diterbangkan. Jadi, adakah benar ia lain? Bukan- yakni tidak sama. Maksudnya, yang di pameran lain yang terbang lain. Kalau tidak sama, dia bukan hanya bohong satu Malaysia, satu dunia dia bohong. Malah, dia bohong juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang datang melihat model itu. Pertama.

Kedua, hendak tanya berapa kos sebenar kereta terbang ini? Sebab pada peringkat awal kita dimaklumkan tidak ada kos. Hendak tanya Yang Berhormat Menteri berapa kos sebenar. Adakah masih tidak ada kos atau ada kos? Ketiga, hendak tanya semasa mempamerkan atau membentangkan cadangan untuk membina kereta terbang ini, kita difahamkan ia direka oleh saintis tempatan. Anak tempatan. Akan tetapi, kita dengar macam ada pula melibatkan pihak luar.

Hendak tanya Yang Berhormat Menteri soalan ketiga, adakah masih menggunakan kepakaran tempatan atau telah menggunakan teknologi luar?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali. Lagi dua minit [*Ketawa*] Kita janji 20 minit.

Isu Sungai Kim Kim dan pencemaran udara di Pasir Gudang. Ia nampak reda. *Alhamdulillah*, tidak dibangkitkan lagi oleh banyak pihak. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masih ada berlaku beberapa insiden pelajar ataupun warga sekitar itu yang dibawa ke hospital. Tidak banyak tetapi masih ada.

Jadi, persoalan yang diminta saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah adakah kementerian boleh memberi jaminan bahawa pencemaran Sungai Kim Kim dan pencemaran udara di Pasir Gudang itu sudah selesai, sudah tamat atau masih ada lagi? Ini kerana yang menjadi mangsanya ialah warga sekolah. Ada penduduk yang sudah pindah daripada kawasan Pasir Gudang. Dia melihat tidak selamat, dia pindah tempat lain. Sewa rumah tempat lain dan sebagainya. Akan tetapi warga sekolah tidak boleh lari. Kesian cikgu yang terpaksa mengajar hari-hari berhadapan dengan keadaan ini.

Jadi, kita minta kementerian nyatakan sebenarnya adakah pencemaran Sungai Kim Kim dan pencemaran udara di sekitar Pasir Gudang ini telah selesai sepenuhnya?

Oh, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, lupa. Ada satu lagi. Terselit. Hendak tanya kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pula. Baru-baru ini, di Johor yakni kerajaan Johor membentangkan Bajet Negeri Johor 2020 ada meletakkan cukai katil kepada pelancong yang menginap di hotel-hotel dalam Johor. Saya hendak tanya pendirian Kementerian Pelancongan, adakah ia wajar untuk dilaksanakan atau bagaimana.

■2130

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja sebelum tamatkan perbahasan ini saya hendak pantun. Dua pantun, ngam-ngam dua pantun. Penutup ada pantun Tuan Yang di-Pertua. Pantun, saya tidak pandai nyanyi macam orang lain. Saya cuma baca sahaja.

*A, B, C, D, GST;
Dah tukar ke SST;
Harga barang masih tinggi;
Rakyat tanya apa sudah jadi.*

*A, B, C, D, GST;
Dah tukar ke SST;
Apa hendak tipu lagi;
Rakyat kata tunggu lah nanti.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dalam perbahasan. Ini menunjukkan

prestasi yang baik kerana hampir kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat ini telah berbahas. Ini prestasi yang mengagumkan Dewan Negara yang mulia ini.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sebelum tangguh saya hendak tanya pandangan Tuan Yang di-Pertua sedikit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, tidak boleh.

Datuk Razali bin Idris: Tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Datuk Razali bin Idris: Tidak, luar sedikit. Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Atas apa?

Datuk Razali bin Idris: Atas persoalan...

Tuan Yang di-Pertua: Kita boleh dekat luar Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Tidak ada, sini boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Yang Berhormat duduk... [*Dewan ketawa*] Ini ada kebaikan dan juga keburukan. Keburukan itu dia kena tunggu lama, kebaikan itu dia dapatlah sedikit [*Ketawa*] Hendak buat pantun. Tidak apalah Yang Berhormat, kalau ada persoalan itu-okeylah, sila tanya.

Datuk Razali bin Idris: Macam ini Tuan Yang di-Pertua, kita berbincang dengan sahabat-sahabat Senator berkenaan dengan soalan lisan ya. Macam hari ini kita dapat berapa soalan lisan, lima? Lima soalan lisan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tujuh.

Datuk Razali bin Idris: Paling banyak pun 10. Jadi kita hendak minta macam mana cara kita lanjutkan sedikit daripada pukul 11.30 sampai pukul 12 untuk soalan lisan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Razali bin Idris: Apakah kita kena...

Tuan Yang di-Pertua: Biar saya buat penjelasan. Saya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Tuan Liew Chin Tong telah berjumpa dengan saya. Dia hendak buat kalau boleh macam Dewan Rakyat. Kita bagi lima minit soalan dan sebagainya dan berkemungkinan besar bahawa oleh kerana kita ini tidak ramai Ahli Yang Berhormat yang masa sidang so kalau kita hendak panjangkan masa ini kita kena buat perubahan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dahulu kita sepatutnya habis pukul 11 akan tetapi selepas kerajaan baharu ini kita dapat kelulusan untuk membuat pindaan jadi 11.30. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ini setuju dan kita boleh buat. Kemukakan pindaan ini untuk mendapat persetujuan supaya kita boleh untuk Dewan Negara ini kita panjangkan sampai pukul 12 kerana kadang-

kadang saya pun tidak tahu apa hendak jawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertungkus-lumus fikir panjang lebar, kemukakan soalan akan tetapi pada sidang, hanya dua soalan. Kadang-kadang itu pun tidak naik.

So, kalau Yang Berhormat ini hendak kemukakan suatu permintaan supaya kita panjangkan tempoh masa Jawab Lisan ini kepada pukul 12, dahulu kita ada akan tetapi sekarang kita pun tidak berani banyak pun hendak bagi. Kadang-kadang Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri ingat 11.30 sudah habis. Dia telefon baharu nombor lima ke macam itu, tiba-tiba- so, kita tidak hendak buat sesuka hati. Kena fikir kalau mereka tidak ada dekat sini akan tetapi kalau kita sudah jelaskan dan sudah buat pindaan tersebut, mereka pun faham dan tahu bahawa Dewan Negara ini sampai pukul 12. Itu satu.

Kedua, kita kena mengehadkan masa, macam Dewan Rakyat mereka buat kerana soalan banyak. Kalau kita ini 70 orang, tidak sampai 70 sekarang ini. Akan tetapi dengan ini pun sudah 1,000 lebih soalan dan yang naik 60 soalan, dalam lapan hari lagi lah kurang. Dekat sana cuba bayangkan berapa ribu soalan? So, dia kena bagikan 222 Ahli Parlimen ini, dia kena hadkan masa dan sebagainya. Saya sebab ini saya fikir kita tidak payah hadkan masa so kita bagi mereka. Akan tetapi kalau kita tidak boleh buat lima belas soalan dan kita ada masalah, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat setuju kemukakan permintaan.

Seorang Ahli: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Maka semua setuju. Baiklah oleh kerana banyak- kita tidak ada *question time*, kita tidak ada masa untuk soalan macam di Dewan Rakyat untuk Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, *Minister's Question Time*. Akan tetapi kita pun tidak bolehlah, yang kita dekat sini ini kita munasabah daripada segi- kita faham Yang Berhormat Menteri baharu habis Dewan Rakyat, so takkan dia orang hendak datang sini untuk buat kerja, dekat kementerian siapa buat? Akan tetapi ini pun mustahak, kalau kita panjangkan masa untuk soalan itu saya ingat itu paling baiklah dan kita mulakan secara berperingkat.

Mana tahu dalam satu, dua tahun yang akan datang ini mudah-mudahan Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan sudah buat Dewan yang mulia ini sebagai satu tempat di mana kita sama dengan Dewan Rakyat, berkenaan dengan cara Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri harus datang menjawab dan sebagainya.

Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 9.36. Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 16 Disember 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.37 malam]